

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 43

Selasa

8 November 2016

K A N D U N G A N

| | |
|---|--------------|
| JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN | (Halaman 1) |
| JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN | (Halaman 9) |
| RANG UNDANG-UNDANG: | |
| Rang Undang-undang Perbekalan 2017 | |
| <u>Jawatankuasa:</u> | |
| <u>Jadual:</u> | |
| Maksud B.1 hingga B.9 dan B.40 | (Halaman 40) |
| USUL-USUL: | |
| Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat | (Halaman 39) |
| Usul Anggaran Pembangunan 2017 | |
| <u>Jawatankuasa:</u> | |
| Maksud P.6 dan P.7 | (Halaman 40) |

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA

Selasa, 8 November 2016

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Raime bin Unggi [Tenom]** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah kepentingan pembelian Kapal Misi Littoral (LMS) berikutan memorandum persefahaman Malaysia-China, di mana Perdana Menteri mengumumkan pembelian sebanyak 4 buah kapal LMS bagi kegunaan TLDM yang mana dua buah LMS dibina di China dan dua buah lagi di Malaysia serta akan ditambah secara berperingkat jika ia memenuhi piawaian ketenteraan Malaysia bagi pertahanan negara dan mengapakah kementerian memilih LMS dari China. Apakah yang akan dilakukan kepada kapal lama milik TLDM.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, pembelian *Littoral Mission Ships* (LMS) adalah sejarah penting buat negara memandangkan ini merupakan kali pertama Malaysia membuat perolehan aset pertahanan dari negara China dan ia berdasarkan kepada faktor-faktor berikut iaitu sebagai menggantikan aset-aset TLDM yang telah berusia dan berdepan dengan masalah keusangan serta memerlukan kos operasi yang semakin meningkat. Armada TLDM pada masa kini terdiri daripada 15 kelas kapal. Purata umur kapal-kapal TLDM kini melangkaui tempoh 30 tahun. Justeru itu, kos operasi Armada TLDM terus meningkat setiap tahun akibat daripada kos selenggaraan yang semakin tinggi.

Perolehan ini amat penting bagi membolehkan TLDM menyediakan aset yang berkemampuan melaksanakan tugas operasi secara berterusan. Penggunaan LMS juga berupaya memenuhi keperluan semasa TLDM berdasarkan konsep dengan izin, *fit for purpose* memandangkan kapal-kapal ini direka khas untuk menjalankan misi-misi yang mencabar serta memenuhi standard piawaian antarabangsa.

Perolehan kapal LMS ini merupakan satu bentuk pemindahan teknologi atau *Transfer of Technology* (TOT) kerana pembinaan ini akan diusahakan di antara syarikat

Boustead dari Malaysia dengan *China Shipbuilding and Offshore International Corporation Limited (CSOC)* dari negara China. Ia akan meningkatkan keupayaan firma tempatan untuk menggerakkan, menjadi lebih kompetitif dan berdaya saing. Kerjasama ini juga akan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan yang berterusan.

Kebanyakan ancaman semasa adalah berpunca daripada *non-state actor* termasuklah ancaman militan Daish atau IS. Armada TLDM kini yang majoritinya berusia lebih 30 tahun tidak lagi *cost effective* untuk menampung tugas tersebut. Ini menjadikan perolehan projek LMS ini sebagai satu keutamaan TLDM.

Apakah yang akan dilakukan kepada kapal-kapal lama milik TLDM? Kapal lama yang tidak lagi *cost effective* untuk dioperasi akan dilucutkan tauliah dan seterusnya dilupuskan. Ia akan dilupuskan secara berperingkat berdasarkan polisi semasa kerajaan. Kerajaan mempunyai beberapa pilihan sama ada kapal yang dilupuskan dijual melalui tender terbuka pada pihak atau negara yang dibenarkan atau diserahkan sebagai sumbangan, dijual sebagai skrap ataupun dijadikan sasaran penembakan di laut. Keputusan pilihan akan dibuat setelah kajian dijalankan bagi mendapatkan pulangan serta nilai terbaik pada kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tenom.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, TLDM telah meluluskan iaitu seperti mana Yang Berhormat Menteri nyatakan tadi iaitu transformasi 15 ke 5, yang mana ia mengurangkan pengelasan kapal daripada 15 kepada 5. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah rasional pengurangan pengelasan kapal ini dan kesannya kepada pertahanan negara kita? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya sudah nyatakan sebelum ini bahawa kekangan bajet atau kelembapan ekonomi atau ekonomi global yang tidak menentu, tidak boleh dibenarkan menjejaskan perancangan atau hala tuju MinDef dan ATM. Oleh sebab itu saya tengok bahawa inisiatif yang dilakukan oleh TLDM di sini merupakan satu inisiatif yang kreatif, *transformative* dan *cost effective* yang mana perolehan LMS ini merupakan sebahagian daripada usaha penjimatan TLDM ke arah merealisasikan konsep Program Transformasi 15 ke 5.

Melalui program ini, TLDM telah merangka untuk mengurangkan perbelanjaan operasi secara sistematik dan inisiatif menjimatkan tersebut akan memberikan keyakinan kepada kerajaan dan juga inisiatif penjimatan daripada perkhidmatan-perkhidmatan supaya walaupun dalam ekonomi yang tidak menentu dan kekangan yang ada, pemikiran di luar kotak, rancangan secara inklusif merupakan sesuatu yang perlu

kita hargai. Kecekapan penjimatan, penjimatan *efficiency* Program Transformasi 15 kepada 5 kelas ini merupakan satu tindakan yang saya mengalu-alukan dan saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada TLDM kerana ini mengizinkan kita memperoleh aset-aset yang baru walaupun bajet ada kekangannya. Ini kerana ia mengambil masa dan masa akan membenarkan kita memikirkan kaedah yang terbaik secara terbuka, secara telus supaya *cost efficiency* dan juga *fit for purpose* yang saya sebutkan tadi dengan izin, memberi keupayaan, pemerksaan kepada TLDM sendiri untuk menentukan masa depan Armada mereka.

■1010

Jadi, itulah saya tengok bahawa pendekatan TLDM walaupun dalam keadaan tekanan daripada segi kewangan, cara yang dibawa oleh TLDM ini perlu dicontohi oleh pihak-pihak yang lain. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lumut.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan soalan yang dikemukakan, difahamkan dua buah akan dibuat di China, dua buah lagi di Malaysia. Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian ataupun kerajaan, limbungan manakah yang akan ditawarkan untuk membuat kapal ini? Kalau ditawarkan kepada Boustead Shipyard, kita lihat Boustead sudah kurang tangan. Mungkin kita boleh timbangkan untuk ditawarkan pada limbungan 'Grid One Marine'.

Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa habis Yang Berhormat.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Masa ini kita tumpukan kepada pembinaan dua di China dahulu kerana kosnya lebih murah daripada hendak membinanya di Malaysia. Sekarang ini kalau sekiranya Boustead boleh meningkatkan keupayaan mereka dengan pembinaan di China, saya tengok tidak ada sebabnya bila kita buat keputusan nanti untuk bina dua lagi di Malaysia ini, mereka dipertimbangkan. Akan tetapi ini tidak bermakna bahawa yang lain pun tidak boleh terlibat secara inklusif. Oleh kerana seperti saya sebutkan tadi, *off set*-nya, daripada program sebesar ini mesti memastikan bahawa industri pertahanan negara dapat manfaat daripadanya. Ia tidak boleh berkisar kepada hanya satu syarikat dan ini merupakan tanggungjawab Boustead dan MINDEF atau pihak dasar kita dan juga perolehan di bawah hala tuju industri pertahanan supaya semua dapat manfaat daripadanya. Itu satu.

Keduanya, perjalanan kita untuk LMS ini jauh lagi kerana apa yang ditandatangani baru-baru ini ialah perjanjian untuk bekerjasama mengenal pasti cara bagaimana untuk memantaunya sampai ke peringkat tertinggi, Menteri Pertahanan China dengan saya sendiri. Ketiga ialah untuk memastikan, dengan izin, *design, construct, equipped, install, commission, integrate, test, trial* dan *delivery*. Bermakna, kesemua proses ini mesti difikirkan secara *detail* sebab itu desas-desus kononnya harga melambung dan sebagainya itu yang di-*viral*-kan dalam *social media* tidak benar. Oleh kerana apa yang kita lakukan ini merupakan kemampuan TLDM. Duit yang kita gunakan ialah penjimatan daripada TLDM. Jadi, setiap sen yang kita gunakan ini mesti dapat manfaat untuk membina kapal yang betul-betul diperlukan oleh TLDM yang tepat dan boleh memberikan pengupayaan dan semangat kepada anggota kita supaya jelas di MINDEF kita berada di atas landasan dan hala tuju yang jelas.

2. Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang sedang dan akan diambil untuk membantu pemandu teksi yang kehilangan tambang akibat daripada penutupan semua stesen Petronas Natural Gas Vehicle (NGV) di seluruh Lembah Klang, Negeri Sembilan dan Johor. Apakah Petronas Dagangan akan memberi pampasan kepada pemandu teksi yang kehilangan tambang sejak 31 Oktober.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Abdul Rahman Dahlan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar Petronas telah menutup semua stesen NGV yang dinyatakan. Petronas Dagangan Berhad (PDB) telah membuat keputusan untuk menutup 67 stesen yang terletak di Lembah Klang, Negeri Sembilan dan Johor bagi proses penambahbaikan prosedur keselamatan di stesen Petronas yang mempunyai fasiliti NGV.

Ini berikutan insiden kebakaran yang melibatkan seorang kontraktor Petronas di Johor ketika menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan baru-baru ini. Langkah penambahbaikan ini merupakan inisiatif berjaga-jaga yang diambil sebagai tanda komitmen dan keprihatinan Petronas Dagangan Berhad terhadap keselamatan pengguna NGV, khususnya pemandu teksi yang merupakan pengguna utama produk NGV. Stesen-stesen ini akan memulakan operasi secara berperingkat setelah langkah-langkah keselamatan dipatuhi sepenuhnya. Penambahbaikan ini dianggarkan akan mengambil masa di antara satu hingga dua bulan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebanyak 61 daripada 128 stesen NGV di seluruh negara masih lagi beroperasi. Penutupan sementara fasiliti NGV ini tidak melibatkan bahan api alternatif lain seperti petrol dan juga diesel. Pemandu kenderaan

ataupun teksi juga masih boleh mendapatkan bekalan NGV di 61 stesen-stesen Petronas yang masih lagi beroperasi. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, di Lembah Klang termasuk Selangor dan Kuala Lumpur, ada 22 stesen NGV Petronas yang masih lagi beroperasi. Ia tidak ditutup seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Di Negeri Sembilan ada 5 lagi NGV Petronas stesen yang masih lagi beroperasi. Buat masa ini pihak Petronas Dagangan Berhad tidak bercadang untuk memberikan pampasan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Serdang.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Yang Berhormat, saya telah mengunjungi salah sebuah daripada stesen yang terlibat iaitu di Bangsar dan seorang pemandu teksi beritahu saya sekarang dia pun terpaksa mengisi minyak, kos naik daripada RM40 kepada RM100. Jadi, memandangkan bahawa Petronas Dagangan ada *profit* sebanyak RM794 juta selepas membayar cukai pada tahun 2015, adakah Menteri berniat untuk memohon Petronas Dagangan memberi pampasan kepada teksi yang ada kos yang meningkat? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu, saya tidak dapat mengesahkan penceritaan *taxi driver* kepada Yang Berhormat. Akan tetapi buat makluman, buat masa ini Petronas Dagangan dalam pemberian produk NGV masih lagi kerugian di antara RM100 juta hingga RM200 juta setahun. Ini adalah bahan yang masih lagi *highly subsidize* oleh Petronas. Jadi, dalam bentuk itu kita merasakan bahawa subsidi yang Petronas bagi sebanyak RM100 juta hingga RM200 juta bagi pengguna NGV ini, begitu besar sekali. Jadi, saya berharap pemandu teksi akan bersabar kerana ini untuk keselamatan mereka. Ini berlaku setelah penambahbaikan yang dibuat setelah berlaku letupan di Johor itu. Seperti mana yang saya katakan tadi, oleh sebab kos subsidi lebih kurang RM100 juta atau RM200 juta setahun bagi produk ini, kerajaan ataupun Petronas masih belum lagi mencadangkan untuk memberikan pampasan. Ini kerana stesen-stesen NGV yang telah diperbaiki ini akan mula beroperasi dalam masa satu bulan atau dua bulan setelah diperbaiki.

Keduanya, *alternative energy petrol* seperti petrol dan diesel masih lagi boleh digunakan oleh pemandu teksi ini buat sementara waktu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Labuan.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar tadi bahan bakar NGV ini adalah *fully subsidize*. Jadi, negara kita sebagai pengeluar NGV ataupun gas, adakah ia akan lebih *cost effective* ataupun *viable*

sekiranya kita kembangkan ke seluruh negara? Terutamanya di negeri-negeri yang mengeluarkan gas seperti Sabah dan Sarawak dan Labuan yang akan memberikan adanya *economies of scale* dan akan memberikan ia *cost effective* dan ia *viable* untuk diadakan di negara kita. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Satu cadangan yang baik tetapi kita kena tengok. Saya pasti kalau ada *economies of scale* untuk dikembangkan ke negeri Sabah dan juga Sarawak, saya pasti ini akan dilakukan oleh Petronas. Seperti mana yang saya katakan tadi, penggunaan NGV masih diberi subsidi sebanyak RM100 juta hingga RM200 juta setahun oleh Petronas. Seperti mana yang saya katakan tadi walaupun ada *expansion* kepada negeri seperti Sabah dan Sarawak, ia banyak bergantung kepada *demand*, kepada permintaan dan juga kepada faktor ekonomi dan juga teknikal. Saya berharap supaya pemandu teksi dapat bersabar. Penambahbaikan ini akan dibuat dalam masa yang secepat ini. Saya pasti dalam masa satu atau dua bulan sementara kita memperbaiki faktor-faktor keselamatan dalam stesen-stesen NGV ini, pemandu teksi boleh menggunakan bahan bakar yang lain, yang masih boleh digunakan oleh mereka selain daripada NGV tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan.

■1020

3. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta Perdana Menteri menyatakan semasa penggulungan baru-baru ini Yang Berhormat Menteri telah pun mengumumkan penubuhan sukarelawan Maritim Malaysia di kawasan ESSZONE. Saya ingin mengetahui bilakah cadangan penubuhan sukarelawan tersebut akan dilaksanakan memandangkan kes penculikan dan pencerobohan di kawasan ESSZONE semakin membimbangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Disebabkan penculikan dijadikan perniagaan dan ini memberikan pulangan yang lumayan, maka telah muncul pelbagai kumpulan *kidnap-for-ransom group* (KFRG). Kita harus sedar bahawa sebahagian daripada penduduk tempatan mempunyai hubungan kekeluargaan dengan rakyat Filipina di kawasan sempadan dan mereka lebih menumpukan kepada hubungan kekeluargaan yang wujud sesama mereka. Komuniti nelayan pula belum begitu memberikan kerjasama dalam membanteras jenayah rentas sempadan seperti tidak memberikan maklumat yang terperinci kepada pihak berkuasa, dan tidak banyak yang memasang *Automatic Identification System* (AIS). Justeru, kita mendapati keadaan keselamatan ESSZONE harus dipertingkatkan dan lebih banyak

tindakan pencegahan perlu dilaksanakan sebelum sesuatu kejadian yang tidak diingini berlaku.

Oleh itu, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju, dengan penubuhan Pasukan Sukarelawan Simpanan Maritim Malaysia dan Pasukan Kadet Maritim Malaysia, dengan pendekatan 'Rakyat bersama kerajaan menjaga keselamatan, rakyat dan kerajaan berpisah tiada'. Maritim Malaysia telah menubuhkan *team* Perintis ataupun *team* Nuklear yang berpangkalan di ibu pejabat di mana mereka ini bertanggungjawab menguruskan hal ehwal Pasukan Sukarelawan Simpanan Maritim Malaysia, dan pasukan Kadet Maritim Malaysia supaya penubuhan ini dapat dilaksanakan dengan terancang dan teratur.

Pemakluman kepada wilayah dan daerah maritim di seluruh negara juga telah dibuat bagi membantu mengenal pasti golongan sasaran. Terutama komuniti maritim untuk diserapkan sebagai anggota Pasukan Sukarelawan Simpanan Maritim Malaysia. Komuniti maritim ini boleh terdiri daripada nelayan, petani dan penduduk yang tinggal ESSZONE.

Selain itu, Maritim Malaysia juga sedang mengenal pasti institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan sekolah-sekolah menengah untuk menubuhkan Pasukan Kadet Maritim (PASKAM) di seluruh Malaysia. Mereka ini akan diserapkan terus dalam Pasukan Sukarelawan Simpanan Maritim Malaysia setelah tamat pengajian. Maritim Malaysia juga telah menetapkan sasaran untuk melatih seramai 5,000 orang anggota PSSMM dan PASKAM dan mereka akan dilatih dan diletakkan di bawah tanggungjawab semua wilayah maritim dan daerah maritim. Buat masa ini, Maritim Malaysia mempunyai 18 buah daerah maritim. Terima kasih.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri, pada Khamis yang lalu Misuari telah pun berucap di depan Kabinet Kerajaan Filipina, dengan izin dia mengatakan '*Malaysian is involved in this kidnapping for ransom. Probably one day...*'

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, '*Malaysian leaders*' dia sebut.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Okey, '*Malaysian leaders to the ICC. I have all the evidence in my hand.*' Apa pendirian kerajaan terhadap ucapan Misuari ini Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, benda ini sedang disiasat dan tindakan yang sewajarnya akan diambil nanti. *Less than 10 seconds.*

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri tentang penjelasan yang dihuraikan. Saya ada mendengar saban kali

sidang Dewan ini dan juga dikaitkan dengan ada hubungan *blood ties* kekeluargaan dan juga penyebabnya ialah *ransom*. Dan ada *ransom* yang ditokok tambah oleh Yang Berhormat Putatan tadi katakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Cuma saya nak tanya, selama ini janji banyak sangat, jaminan banyak sangat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa habis Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Boleh tidak Yang Berhormat nyatakan daripada segi langkah-langkah yang efektif berkesan memastikan supaya keadaan ini tidak berulang balik?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah memaklumkan tentang tindakan yang sewajarnya dalam jawapan-jawapan sepanjang masa yang dibuat. Ini adalah pendekatan baru. Di mana rakyat dan kerajaan bersama untuk menjaga keselamatan. Sekarang ini mereka seolah-olahnya berasingan dengan kita. Sekarang ini kita hendak komuniti maritim di kawasan ESSZONE ini bersama dengan kita. Itu sebab kita telah— *round* pertama ini kelmarin kita telah melantik sebahagian daripada Ahli-ahli Parlimen kawasan ESSZONE sebagai Leftenan Komander Maritim di daerah-daerah, supaya mereka juga akan bersama dengan komuniti maritim lain nanti untuk menjadi mata dan telinga kerajaan.

Pendekatan sekarang ini ialah pencegahan. Supaya kita matikan di peringkat pencegahan dan sebelum kejadian itu berlaku. Oleh sebab ini boleh dibuat kalau sekiranya ada penyertaan rakyat. Itu sebab kita serta-merta menubuhkan Pasukan Sukarelawan APMM, yang tidak pernah dibuat ini sejarah Yang Berhormat. Dan pasukan sukarelawan ini ia sama seperti sukarelawan agensi keselamatan yang lain. Akan tetapi mereka lebih khusus kepada laut dan mereka akan bekerjasama dengan pasukan tetap untuk bersama-sama membanteras jenayah rentas sempadan termasuklah, aktiviti perniagaan *kidnap-for-ransom*. Oleh sebab sekarang ini kalau mereka melakukan perkara tersebut, mereka dapati mendapat keuntungan.

Jadi, sekarang ini timbul kumpulan bukan kumpulan yang sama, kumpulan-kumpulan yang kecil yang diberi perlindungan oleh kumpulan yang besar. Kita akan cuba sedaya upaya dengan penyertaan semua pihak untuk membanteras perkara ini. Itu sebab keselamatan tanggungjawab bersama Yang Berhormat dan bukan tanggungjawab kepada pasukan keselamatan dengan menuding jari tetapi lebih

meletakkan bahawa kita bekerjasama dengan pasukan keselamatan. Nelayan dengan maritim akan terus bergerak seiring untuk sama-sama menjaga keselamatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, tamat sesi MQT untuk pagi ini.

[Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah usaha kerajaan untuk memasang CCTV di kawasan perumahan dan sejak 2013 sekarang berapakah jumlah CCTV dipasang bagi PBT di Sarawak dan adakah terdapat peruntukan bagi memasang CCTV bagi Parlimen Sibuti.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Yang Berhormat, secara amnya Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dgn kerjasama Polis Diraja Malaysia dan pihak berkuasa tempatan melalui inisiatif *National Key Result Area* (NKRA) mengurangkan jenayah di bawah program Bandar Selamat telah melaksanakan projek pemasangan kamera litar tertutup atau CCTV Fasa I dan Fasa II dengan bilangan sebanyak 992 buah CCTV di 42 PBT di seluruh negara.

Projek pemasangan CCTV ini dilaksanakan di kawasan *hotspot* jenayah yang telah kenal pasti oleh PDRM di seluruh negara untuk mengurangkan jenayah jalanan. Namun begitu, lokasi pemasangan CCTV ini tidak termasuk kawasan perumahan. Bagi kawasan perumahan, pihak PDRM mengesyorkan penglibatan penghuni dalam program seperti rondaan penduduk tempatan dan perkongsian rakaman CCTV yang dikenali sebagai *self-cam* yang diterajui oleh pihak PDRM.

Untuk makluman Yang Berhormat Sibuti, jumlah CCTV yang telah siap dipasang oleh pihak KPKT bagi negeri Sarawak pada tahun 2014, adalah sebanyak 84 unit CCTV yang melibatkan pecahan seperti berikut:

| Pihak Berkuasa Tempatan | Jumlah (unit) |
|----------------------------------|----------------------|
| Dewan Bandaraya Kuching Utara | 24 |
| Majlis Bandaraya Kuching Selatan | 20 |
| Majlis Perbandaran Sibiu | 20 |

| | |
|-------------------------|----|
| Majlis Bandar Raya Miri | 20 |
| Jumlah | 84 |

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih banyak kepada beberapa PBT di negeri Sarawak yang telah mengambil inisiatif dengan menggunakan peruntukan sendiri untuk memasang sebanyak 195 lagi CCTV sendiri seperti berikut:

| Pihak Berkuasa Tempatan | Jumlah (unit) |
|----------------------------------|----------------------|
| Majlis Bandaraya Kuching Selatan | 89 |
| Majlis Perbandaran Sibu | 54 |
| Lembaga Kemajuan Bintulu | 22 |

Dengan ini jumlah keseluruhan bilangan CCTV yang dipasang di PBT Sarawak adalah sebanyak 249 CCTV. Pada masa ini, pihak Kementerian tidak mempunyai perancangan untuk pemasangan CCTV bagi kawasan di Parlimen Sibuti. Pemilihan PBT untuk pemasangan CCTV ditentukan bersama dengan pihak KDN dan PDRM berdasarkan PBT yang mempunyai bilangan jenayah yang lebih tinggi. Terima kasih.

■1030

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita berterima kasih kepada pihak PBT kerana banyak memasang CCTV untuk menghalang jenayah-jenayah hendak membuat apa juga masalah di kawasan-kawasan. Apa yang kita lihat Tuan Yang di-Pertua, peringkat kes jenayah di Sarawak amat merisaukan rakyat di kawasan itu. Ini kerana berlakunya baru-baru ini di kawasan Miri. Di tempat lampu isyarat, seorang yang dinamakan Bill Kayong telah ditembak tetapi tidak dapat dirakam dalam CCTV. Dari itu saya nak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah keberkesanan pemasangan CCTV ini di kawasan-kawasan yang tertentu di antara pihak polis dan pihak kementerian Yang Berhormat. Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Sebagaimana yang saya jelaskan tadi bahawa program ini adalah program di bawah NKRA iaitu mengurangkan jenayah, yang mana ia ditentukan oleh PDRM dan juga PBT untuk di kawasan-kawasan yang didapati kejadian jenayah begitu tinggi. Oleh kerana itu kita lihat bahawa beberapa lokasi yang telah dikenal pasti oleh PDRM seperti di kawasan persekitaran pusat kewangan seperti di kawasan bank, kawasan persekitaran tumpuan awam seperti perhentian pengangkutan awam, tempat permainan, pasar dan juga

kawasan perniagaan seperti pusat membeli-belah. Mengenai spesifik kes yang Yang Berhormat bangkitkan tadi, saya tidak dapat memberikan jawapan kerana ini mungkin dalam siasatan polis.

Namun demikian, saya ingin tegaskan bahawa mengikut laporan program Transformasi Kerajaan Tahun 2015, jenayah dilaporkan telah menurun sehingga 45 peratus dari tahun 2010 hingga tahun 2015, hasil daripada projek pemasangan CCTV ini. Terima kasih.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya mengalu-alukan pemasangan CCTV. Saya hanya hendak minta Yang Berhormat Menteri beritahu di Dewan yang Mulia ini bagaimana dengan pemantauan operasi atau fungsi CCTV ini. Saya pernah buat aduan di Bandar raya Melaka, iaitu sebahagian besar CCTV di Bandar raya Melaka tidak berfungsi sampai sehingga enam bulan. Dikatakan kerana kontraktor yang jalankan *maintenance service* telah tamat kontrak dan belum dapat satu kontraktor yang baru. Enam bulan dan satu kemalangan di bawah satu CCTV itu dan polis tidak dapat menggunakan rakaman CCTV untuk membantu mereka menyiasat kes itu. Minta kalau dapat Yang Berhormat Menteri memberitahu tentang pemantauan memastikan operasi CCTV.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah ini kalau ikut laporan kita, sebanyak 24 CCTV telah pun kita pasang. Mengenai kenyataan Yang Berhormat mengatakan CCTV ini tidak berfungsi dan kontrak telah tamat, saya kena siasat. Akan tetapi saya berani menyatakan bahawa CCTV yang kita pasang ini memang kita berdasarkan kepada kontrak dan kontrak ini masih berjalan. Mengenai kerosakan CCTV, saya tidak boleh memberikan jawapan kerana saya kena mendapatkan maklumat mengenai apabila Yang Berhormat membangkitkan spesifik kes di tempat-tempat tertentu. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya ucap terima kasih kepada kementerian membantu kita, Bintulu sudah pasang CCTV melalui Bintulu Development Authority. Akan tetapi *the issue* dan masalah ini, kita CCTV sudah pasang. Saya terima maklumat daripada polis, dia kata masalah dia bila ada jenayah berlaku, dia orang mahu tengok CCTV, dia orang tak boleh nampak, tak terang. Berkemungkinan dia punya teknologi bukan *latest* punya teknologi. Terutama sekali kalau malam, ada kejadian itu semua langsung tak nampak. Hitam semua. So, adakah kementerian bercadang menaik taraf CCTV dipasang di Bintulu dan juga membaik pulih CCTV. Pasal Bintulu punya CCTV banyak sudah *breakdown*. Pada masa yang sama, bolehkah kementerian memasang lagi lebih CCTV di Bintulu? Sekian.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya dari Bintulu dan termasuklah Melaka tadi yang memberikan maklumat mengenai penggunaan CCTV yang didakwa kurang berkesan, rosak dan tidak tepat. Ini kerana daripada *presentation* yang dibuat kepada kami sewaktu kita hendak melantik syarikat mengendalikan setiap CCTV ini, kita telah dimaklumkan bahawa CCTV ini dapat memfokuskan atau *zoom* sehingga dapat mengenal pasti nombor plat kenderaan bermotor pada jarak 100 meter dari kamera, saya bagi contoh. Akan tetapi kalau Yang Berhormat kata tidak jelas dan sebagainya, saya terpaksa memanggil balik syarikat yang ditawarkan menjalankan kontrak CCTV kerana CCTV ini kita bayar kepada syarikat untuk menguruskannya. Dalam kontrak tak silap saya lima tahun.

Jadi, saya juga minta mengalu-alukan dalam Dewan yang Mulia ini kalau mana-mana Ahli Yang Berhormat mendapati CCTV yang diuruskan oleh KPKT, sebab dia ada dua, satu polis sendiri dan juga KPKT. Jadi yang mana KPKT, saya akan siasat dan penyelenggaraan mengenai CCTV ini sepatutnya akan dilaksanakan bersama dengan PBT dan pemantauan CCTV ini dilaksanakan di bilik kawalan CCTV di PBT dan juga di PDRM. Dia ada dua-dua kena kerjasama PBT dengan PDRM. Terima kasih.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menyinggung soalan Nombor 2, pembetulan hendak saya buat dalam Akta Perhubungan Perusahaan 1967, bukan 1969. Terima kasih.

2. **Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan langkah penambahbaikan terhadap Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Kuala Langat, saya hendak ucapkan selamat datang kepada Kepimpinan UMNO Cawangan Kedua dan juga KRT Taman Maran Damai, Maran Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, semua atas galeri ini Maran? Kiri dan kanan?

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: Terima kasih, setia kepada kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia sedang dalam proses untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan

1967, bukan 1969 Yang Berhormat. APP 1967 berdasarkan kepada keperluan *Labour Consistency Plan* dengan izin, di dalam *Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA)* dengan izin. Di antara langkah-langkah yang diambil terhadap pindaan yang dilakukan ialah penghapusan sekatan terhadap perkara-perkara yang boleh dimasukkan ke dalam cadangan perjanjian kolektif. Ini merujuk kepada seksyen 13(3) Akta Perhubungan Perusahaan yang akan dipinda dengan memadam atau memansuhkan semua sekatan ke atas kesatuan sekerja semasa '*perundingan*' *collective*.

Langkah seterusnya adalah berkenaan liberalisasi ke atas syarat-syarat perwakilan termasuk proses rundingan damai di Jabatan Perhubungan Perusahaan dan Prosiding di Mahkamah Perusahaan.

■1040

Pihak-pihak yang mempertikai dibenarkan untuk memilih perwakilan yang mereka kehendaki semasa proses rundingan damai dan pendengaran kes ataupun *hearing*, dengan izin di Mahkamah Perusahaan tetapi tertakluk kepada kelayakan minimum yang akan ditentukan kelak.

Ketiga ialah penghapusan hukuman penjara bagi kesalahan mogok haram *illegal strike*, dengan izin yang dijalankan secara aman, *peaceful strike*. Dengan merujuk kepada seksyen 46, seksyen 47 dan seksyen 48 juga akan dimansuhkan namun hukuman denda boleh dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah seterusnya ialah pindaan Akta Perhubungan Perusahaan 1997. Ini adalah dengan menyemak semula senarai Perkhidmatan Perlu *Essential Services* di mana Jadual Pertama APP 1967, kita ada beberapa senarai Perkhidmatan Perlu ini, disemak semula agar selari dengan standard antarabangsa seperti Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Selanjutnya ialah kuasa budi bicara *administrative discretion* dengan izin dalam penyelesaian pertikaian kepada Menteri Sumber Manusia dan Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan akan dimansuhkan.

Buat masa sekarang, Menteri mempunyai kuasa budi bicara untuk merujuk sesuatu pertikaian perusahaan ke Mahkamah Perusahaan atas usul sendiri di bawah subseksyen 26(2). Manakala Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan diberi kuasa untuk memaksa pihak-pihak yang mempertikai untuk hadir ke Mesyuarat Rundingan Damai di bawah seksyen 19(2). Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Merenung dan mendengar penjelasan Timbalan Menteri beberapa perkara yang disinggung untuk dibuat pindaan. Namun yang saya lihat 20.3 di bawah Akta Perusahaan seksyen kuasa Menteri itu dengan Ketua Pengarah itu dimansuhkan. Untuk yang lain saya tidak nampak pun di antaranya ialah seksyen 30,

tempoh ataupun 24 bulan yang diberikan atas pampasan. Seksyen 20 yang memberikan 60 hari atas kelayakan untuk mereka memfailkan kes dan juga di bawah kelayakan seksyen 9 pengiktirafan. Ini memberikan satu syarat bahawa beberapa seksyen dalam Akta Perusahaan itu perlu diadakan anjakan paradigma untuk kita melihat ke depan untuk memastikan bila mana berlakunya satu perubahan itu akan bersekali dengan kedudukan ataupun hak pekerja itu dipelihara.

Soalan saya, apakah rancangan kerajaan diambil untuk memastikan pindaan itu berlaku? Dalam masa yang sama berlaku kemungkinan TPPA itu tidak dapat terlaksana. Bagaimana dengan cadangan pindaan-pindaan itu, kedudukan pindaan itu? Jadi mohon penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Sebenarnya kita serius, kementerian serius dalam melihat cadangan untuk meminda perkara-perkara yang perlu dalam Akta Perubahan Perusahaan ini. Bagi kita memastikan supaya faedah kepada kesatuan-kesatuan sekerja dan pekerja-pekerja dapat kita tentukan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kepada TPPA, TPPA ini telah pun ditandatangani oleh Malaysia bersama 11 lagi buah negara yang lain pada 14 Februari yang lepas tahun 2016. TPPA akan dikuatkuasakan mulai 4 Februari 2018.

Antara isu-isu perburuhan yang perlu ditangani oleh Malaysia ialah yang pertama, meminda lapan undang-undang buruh iaitu Akta Perhubungan Perusahaan 1967 seperti mana sebahagian yang saya sebutkan tadi. Yang Berhormat kena berikan kepercayaan kepada kerajaan, kepada kita. Yang Berhormat adalah salah seorang daripada *stakeholders* yang ada dalam *committee* ini. Jadi Yang Berhormat juga berperanan sebagai wakil MTC tetapi belum jadi Presiden lagi makna belum tahu.

Jadi saya yakin penuh dengan adanya *stakeholders* yang terlibat dalam jawatankuasa yang membincangkan hal ini saya kira akta-akta ini, pindaan-pindaan ini akan kita lakukan. Antara lain ialah Akta Kesatuan Sekerja 1999, Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh Sabah, Ordinan Buruh Sarawak, Akta Pekerjaan Kanak-kanak dan Orang Muda, Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1960, Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981. Jika TPPA tidak jadi dilaksanakan beberapa pindaan yang berkaitan TPPA masih akan diteruskan berserta pindaan-pindaan lain secara holistik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih beri saya ruang. Saya juga ingin bersetuju dengan rakan saya Yang Berhormat Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid, Yang Berhormat Kuala Langat tahniah, baru dapat Dato' itu. Tahniah Yang Berhormat Kuala Langat. Saya

ingin bertanya kepada pihak kementerian tentang seksyen 20 di mana kalau mengikut seksyen sekarang tentang pampasan pekerjaan yang berbunyi, "*Pekerja yang tidak dilindungi di bawah Akta Kerja 1955 atau Ordinan Buruh Sabah atau Ordinan Buruh Sarawak atau perjanjian bersama. Mereka tertakluk kepada terma dan syarat di bawah kontrak perkhidmatan atau budi bicara majikan berhubung jumlah pampasan yang akan diterima.*"

Persoalannya bila dikatakan budi bicara majikan untuk membayar kepada pekerja biasanya budi bicara itu tidak menjadi budi yang akan memuaskan hati pekerja. Ini kerana tidak dilindungi sama sekali, mereka tidak akan mendapat bayaran budi bicara itu. Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah sekatan 24 bulan ini yang boleh dibudi bicarakan sendiri oleh pihak Menteri halangannya akan dilihat secara teliti? Ini kerana apabila pekerja ini telah dibuang kerja jumlah masa dia tidak bekerja lebih lama daripada 24 bulan. Adakah perintah akan diberikan supaya diambil kira mereka mendapat pampasan lebih pada 24 bulan? Sekian terima kasih.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Gudang dan juga Yang Berhormat Kuala Langat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita ada konsep *tripartite* dalam pekerjaan kita iaitu majikan, pekerja dan juga kerajaan. Jadi sebab itulah kita menetapkan supaya majikan dan pekerja, majikan mestilah mengambil hati ataupun menggunakan budi bicara kepada pekerja mereka. Majikan harus ingat tanpa pekerja mereka kita tidak boleh kita panggil majikan.

Segala keuntungan dan faedah yang diperoleh oleh majikan adalah hasil daripada kerjasama ataupun sokongan daripada pekerja. Oleh sebab itu andai kata pertikaian berlaku antara kedua jadi kita akan tampil ke depan. Kerajaan atau kementerian melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan akan tampil ke depan untuk membantu. Oleh sebab itulah tentang-tentang bayaran-bayaran lain sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Gudang mengetahui dan kita ada peraturan-peraturan yang perlu kita selesaikan.

Berhubung dengan had gaji ke belakang. Kementerian berpendapat had gaji ke belakang yang diletakkan di dalam Jadual Kedua Akta Perhubungan Perusahaan 1960 iaitu 24 bulan gaji bagi pekerja yang telah disahkan dalam jawatan dan 12 bulan gaji bagi pekerja dalam tempoh percubaan. Masih lagi relevan dan perlu dilaksanakan. Sebenarnya negara lain lebih kecil daripada kita dan kita adalah negara yang memberikan faedah yang cukup besar kepada pekerja. Yang Berhormat berikan kepercayaan kepada kita dan *insya-Allah* kita akan perjuangkan nasib pekerja pada masa akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

3. **Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan apakah kementerian bercadang untuk menubuhkan rangkaian pengedaran barangan makanan halal secara menyeluruh untuk memenuhi kehendak pengguna.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat kawasan Pendang di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada masa ini tidak bercadang untuk menubuhkan rangkaian pengedaran khusus untuk barangan halal di negara ini.

■1050

Produk makanan halal khususnya yang dihasilkan oleh industri kecil dan sederhana (IKS) dipasarkan melalui rangkaian pengedaran sedia ada. Sekian, terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah apakah sebab pihak kementerian tidak bercadang untuk membenarkan koperasi sebab bagi saya soal halal dan bersih ini ialah soal yang penting untuk masyarakat lebih-lebih lagi untuk Islam. Jadi kalau sekiranya kementerian membenarkan ataupun memberikan galakan kepada koperasi untuk menjalankan pemasaran, bermakna koperasi itu sendiri akan mendapat keuntungan hasil daripada jualan yang dibuat atas bahan-bahan makanan halal dan bersih ini.

Dato' Henry Sum Agong: Yang Berhormat, terima kasih di atas soalan tambahan. Pihak kementerian akan mengambil maklum mengenai cadangan oleh Yang Berhormat tetapi seperti mana yang saya katakan tadi, setakat ini pihak kementerian belum bercadang untuk menubuhkan rangkaian pengedaran khusus untuk barangan halal di lain-lain tempat kecuali seperti mana yang saya katakan tadi di tempat-tempat yang sedia ada sekarang ini. Sekian, terima kasih.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, saya ingin mendapat penjelasan apakah status '1Daerah 1Produk' yang telah dilancarkan oleh kerajaan suatu masa dulu dan adakah usaha kerajaan untuk membantu usahawan kecil ini dalam menempatkan produk mereka di *supermarket–supermarket* tempatan. Terima kasih.

Dato' Henry Sum Agong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan ini agak keluar daripada soalan asal jadi akan diberi jawapan secara bertulis dan sebenarnya

pihak kementerian tiada kaitan dengan perkara yang dibangkitkan tadi. Sekian, terima kasih.

4. Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan berhasrat melaksanakan cadangan sistem waktu bekerja enam jam sehari dan waktu bekerja anjal khususnya bagi kakitangan awam wanita yang sudah berkeluarga.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab secara bersekali soalan ini bersama dengan soalan daripada Yang Berhormat Pasir Gudang bernombor 39 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan mengambil maklum berhubung cadangan sistem waktu bekerja enam jam sehari dan waktu bekerja anjal. Walau bagaimanapun, kerajaan belum bercadang untuk melaksanakan waktu bekerja enam jam sehari mengambil kira tahap produktiviti negara perlu dipertingkatkan ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Pada masa ini, kerajaan telah pun melaksanakan waktu bekerja berperingkat bagi memberi fleksibiliti di mana pegawai boleh memilih waktu bekerja yang sesuai iaitu pada pukul 7.30 sehingga 4.30 petang, 8.00 pagi sehingga 5.00 petang dan 8.30 pagi sehingga 5.30 petang. Terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kebajikan para pekerja adalah sangat penting dan kita ingin melahirkan warga kerja yang bukan sahaja berproduktiviti tetapi mampu memberi perhatian yang baik kepada keluarga. Jadi saya ingin tahu sejauh mana usaha kerajaan untuk memastikan kalau kita tak laksanakan kerja enam jam sehari, sekurang-kurangnya kita laksanakan jadual waktu kerja anjal. Ini sangat penting untuk memberi ruang kepada pekerja-pekerja yang mungkin menghadapi permasalahan dalam keluarga dan sebagainya.

Saya juga ingin tahu apakah program untuk kesedaran terutama kepada majikan-majikan di sektor swasta khususnya dan adakah kerajaan bercadang untuk menyelaraskan cuti rehat mingguan kepada hari Jumaat sebab banyak aduan yang diterima terutama apabila pekerja-pekerja Islam yang akan menunaikan solat Jumaat, mereka tidak mampu untuk menepati masa untuk datang semula ke pejabat pukul 2.30 kerana masalah kesesakan jalan raya dan sebagainya dan ini sudah tentu memberi

permasalahan kepada kerja. Jadi sebaiknya jadikan hari Jumaat diselaraskan sebagai hari cuti mingguan. Apa pandangan Menteri? Minta penjelasan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali ialah untuk membolehkan kita melihat sama ada kita ini bekerja lebih ataupun tidak, kita ambil sebagai perbandingan Yang Berhormat ya supaya kita mesti meletakkan negara kita untuk menjadi negara maju dengan tidak mengurangkan produktiviti. Kalau sekiranya produktiviti kurang, tidak mungkin kita boleh menjadi negara maju Yang Berhormat. Switzerland lapan jam, Australia lapan jam, Sweden lapan jam, Singapura 9.25 jam, Amerika lapan jam, New Zealand lapan jam, Britain lapan jam, Jepun lapan jam. Jadi Yang Berhormat, kita berada bersama tahap negara maju di mana kita bekerja seperti yang telah disebutkan.

Kemudian yang keduanya, sektor swasta. Saya rasa hendaklah mengambil sektor awam ini sebagai panduan daripada masa ke semasa dan kita tahu bahawa kita sering berinteraksi dengan mereka melalui perundingan-perundingan yang dibuat daripada masa ke semasa. Mengenai hari Jumaat, Yang Berhormat. Hari Jumaat ini ialah terpulang kepada negeri. Saya dulu di Perlis cuti pada hari Jumaat tetapi ditukarkan kepada hari Ahad kemudian yang keduanya Yang Berhormat sebut pasal solat Jumaat. Solat Jumaat sekarang ini Yang Berhormat telah dibenarkan yang berdekatan.

Contohnya macam PWTC, kita tidak ada masjid tetapi surau itu dijadikan solat Jumaat di mana pegawai-pegawai yang berdekatan boleh bersolat di sana malah mereka bersolat di sana lebih besar daripada sebuah masjid. Jadi soal solat Jumaat tidak boleh menjadikan penyebab untuk kita mengadakan cuti pada hari Jumaat. Ini terpulang kepada negeri-negeri untuk menentukannya. Jadi Kelantan mengadakan cuti pada hari Jumaat, Terengganu cuti pada hari Jumaat, Kedah cuti pada hari Jumaat. Jadi, Perlis cuti pada hari Ahad, Perak cuti pada hari Ahad dengan justifikasi masing-masing. Terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, bila jawapan yang diberikan menggambarkan tetap juga bekerja lapan jam, apa usaha kerajaan dengan cabaran yang semakin hebat dewasa ini menangani masalah stres di kalangan pekerja-pekerja dan juga pegawai yang bekerja sama ada di jabatan kerajaan mahupun di pihak swasta. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, berhubung dengan stres ini kita kena ambil pendekatan lebih khususlah Yang Berhormat. Kalau secara umum itu saya tak dapat menjawab secara lisan, saya akan jawab secara bertulis. Akan

tetapi saya hendak beritahu kalau ada berlaku stres di kalangan keluarga terutamanya mereka yang bersalin sebab mereka yang bersalin itu sudah pasti tertekan untuk menjaga anak dan suami, kena bagi perhatian. Kita hendak beritahu sekarang ini Kerajaan Malaysia memberi cuti bersalin sepanjang 300 hari Yang Berhormat, bererti dia boleh kalau cuti itu enam bulan, dia boleh beranak lima oranglah. Lima kali enam sama dengan 30, 300 hari ya.

Zaman saya jadi pegawai, saya pun bekas pegawai kerajaan. Sebahagian besar daripada Menteri yang pernah jadi pegawai kerajaan. Zaman saya 40 hari tetapi sekarang dinaikkan walaupun zaman itu teknologi tak berapa tinggi, orang beranak pun bukan teknologi seperti sekarang. Sekarang ini dengan teknologi hebat pun diberi cuti selama 300 hari tetapi kalau sekiranya wanita tersebut memerlukan penjagaan anak, tidak perlu lima orang anak tetapi dia juga boleh mengambil cuti menjaga anak tanpa gaji maksimum 1,825 hari sepanjang perkhidmatannya. Jadi lihat bagaimana kerajaan berusaha untuk menyelesaikan perkara stres tentang wanita yang bekerja dan bersalin sebagai contoh.

■1100

Hal lain-lain mungkin tentang stres ini kalau Yang Berhormat tanya secara khusus, mungkin kita boleh jawab. Mungkin juga media sosial sekarang ini di mana kita terdedah kepada pelbagai maklumat yang kita tidak tahu hujung pangkal dan faktanya, mungkin juga merupakan stres. Akan tetapi walau bagaimanapun pegawai kerajaan ini sentiasa mendapat latihan dari semasa ke semasa. Mereka tidak stres, mereka masih pegang prinsip bahawa mereka berkhidmat dengan kerajaan pada hari ini. Jadi mereka menyokong Barisan Nasional, terima kasih.

5. Dr. Mansor bin Haji Abd Rahman [Sik] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan melalui indeks KPI belia yang dilancarkan apakah rangsangan dan cadangan dari pihak kementerian bagi belia-belia di luar kawasan bandar untuk memajukan komuniti mereka di setiap kawasan.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) yang merupakan sebuah agensi penyelidikan belia berstatus badan berkanun di bawah Kementerian Belia dan Sukan telah melaksanakan kajian Indeks Belia Malaysia 2015 ataupun dikenali sebagai IBM'15. Indeks Belia Malaysia merupakan satu ukuran komposit mengenai kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia secara menyeluruh.

IBM yang dibangunkan pada tahun 2015 mengandungi 12 dominan dan 58 indikator sosial bagi melihat perubahan dalam gaya hidup belia pada masa kini dan masa akan datang. IBM juga merupakan *bench marking*, dengan izin dalam mengukur kesejahteraan hidup belia Malaysia serta menjadi rujukan pembuat dasar pembangunan program-program belia pada masa akan datang.

Berdasarkan laporan Indeks Belia Malaysia 2015, skor tahap kesejahteraan belia di kawasan luar bandar berada pada tahap sederhana dengan jumlah skor 70.23. Hasil dapatan kajian menunjukkan dua daripada 12 dominan yang digunakan untuk mengukur tahap kesejahteraan belia iaitu Dominan Kesejahteraan Ekonomi Belia Luar Bandar berada pada tahap kurang memuaskan 53.83. Dominan Sosialisasi Politik Belia di luar bandar berada pada tahap tidak memuaskan iaitu 45.54.

Selaras dengan dapatan IBM 2015, maka IYRES telah melaksanakan inisiatif mewujudkan *technical working group*, My Index Belia yang melibatkan 32 kementerian, agensi dan NGO. TWG, My Index Belia menyediakan platform untuk menyelaras dan melaksanakan pendekatan *government wide approach* dalam merencana program dan aktiviti pembangunan belia sehingga ke peringkat komuniti. Sasaran inisiatif TWG My Index Belia adalah untuk melonjakkan skor kesejahteraan hidup belia pada tahap sederhana iaitu 70.22 pada tahun 2015 kepada skor sangat memuaskan iaitu 90.0 peratus pada tahun 2035. Sekian, terima kasih.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan tadi. Saya melihat bahawa domain-domain KPI yang Timbalan Menteri beritahu tadi nampaknya tidak begitu memuaskan. Kita lihat di sana terdapat pelbagai cabaran dan kekangan dalam melahirkan komuniti usahawan yang berdaya saing dan mampu mentransformasikan perniagaan mereka menjadi perusahaan yang besar sehingga ke peringkat antarabangsa.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan tambahan saya ialah apakah mekanisme dan jaminan kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan, contohnya Kumpulan Wang Amanah Ekonomi Belia dan sebagainya bagi memastikan belia-belia di luar bandar berjaya dalam bidang yang diceburi dan ianya menjadi realistik. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan tadi. Hari ini kita lihat hampir 50 peratus merupakan sebagai golongan belia di negara ini di mana golongan belia ini akan menentukan hala tuju negara kita pada masa akan datang. Akan tetapi masalah hari ini bukan sahaja bersaing antara bandar dan luar bandar tetapi hari ini kita lihat 600 juta populasi Asian di mana golongan belia pada hari ini harus bersaing dengan golongan belia di rantau ini.

Maka pelbagai program telah pun dirancang oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk memastikan kita melahirkan ciri-ciri kepimpinan, bukan sahaja memperkasakan ekonomi tetapi lebih melahirkan ciri-ciri kepimpinan di kalangan belia dan program-program seperti Parlimen Belia Malaysia, Felo Perdana dan sebagainya adalah untuk melahirkan ciri-ciri kepimpinan belia.

Kedua, program-program keusahawanan untuk memastikan kita memperkasakan ekonomi belia. Pelbagai program-program keusahawanan di bawah Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera ataupun di bawah KBS telah dan sedang dilaksanakan. Terima kasih.

6. Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan langkah-langkah yang dicadangkan akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah pengabaian bayi (*baby dumping*). Nyatakan langkah-langkah tersebut dan rancangan-rancangan terkini untuk mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa melaksanakan pelbagai usaha untuk mengatasi masalah pengabaian atau pembuangan bayi (*baby dumping*) yang berlaku pada hari ini. Antara usaha-usaha yang dijalankan oleh kementerian adalah; pertama, menyediakan rumah perlindungan kepada kanak-kanak dan wanita yang hamil luar nikah. Institusi di bawah JKM yang menyediakan perlindungan untuk golongan tersebut adalah di Taman Seri Puteri sebanyak empat buah untuk kanak-kanak perempuan yang hamil luar nikah berusia di bawah 18 tahun. Manakala Pusat Jagaan Sinar Kasih sebanyak dua buah disediakan untuk perlindungan kepada wanita hamil luar nikah yang berusia 18 tahun ke atas. Mana-mana wanita yang hamil luar nikah dan memerlukan perlindungan, boleh mendapatkan perlindungan melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat daerah di seluruh negara.

Kedua, kementerian turut menyediakan 65 buah institusi kebajikan, 104 buah pejabat kebajikan masyarakat daerah, 57 buah klinik Nur Sejahtera dan 149 buah pusat aktiviti kanak-kanak yang bersedia memberi perkhidmatan berkaitan dengan bayi dan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan.

Ketiga, pelaksanaan dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Produktif dan Sosial Kebangsaan telah diluluskan pada 6 November 2009. Dasar ini bertujuan

untuk melahirkan individu yang berpengetahuan dan mempunyai sikap positif dalam bidang kesihatan, produktif dan sosial. Melalui pengenalan dasar dan pelan tindakan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menggarap pelbagai agensi dalam melaksanakan program pencegahan dan perlindungan.

Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) PEKERTI@PLKN;
- (ii) PEKERTI@Sekolah;
- (iii) PEKERTI@IPGM;
- (iv) PEKERTI@Komuniti;
- (v) Pusat Remaja Kafe@TEEN;
- (vi) Modul Cakna Diri;
- (vii) Program Pencegahan Jenayah Sekata iaitu Keselamatan Keluarga Tanggungjawab Kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini usaha dan rancangan terkini yang dilakukan oleh kementerian untuk menangani masalah pengabaian atau pembuangan bayi adalah meneruskan kerjasama dengan pertubuhan NGO iaitu Pertubuhan Kebajikan dan Pengurusan Anak-anak Yatim Kuala Lumpur ataupun *Orphan Care*. Pertubuhan ini menyediakan perkhidmatan perlindungan kepada bayi yang dilahirkan oleh ibu-ibu yang terdesak yang tidak menginginkan bayi mereka yang dikenali sebagai pelindung bayi ataupun *baby hatch*.

Baby hatch yang pertama di negara ini telah diwujudkan pada 13 Ogos 2009. Melalui kerjasama *Orphan Care*, sehingga kini terdapat sebanyak lapan buah hospital dalam menubuhkan *baby hatch* iaitu KPJ Johor Specialist Hospital, KPJ Damansara Specialist Hospital, KPJ Tawakal Specialist Hospital, KPJ Seremban Specialist, KPJ Penang Specialist Hospital, KPJ Ipoh Specialist, KPJ Perdana Specialist Hospital Kelantan, KPJ Kuantan Specialist Hospital.

Kementerian kini sedang mengadakan perbincangan lanjut mengenai jalinan kerjasama dengan syarikat korporat, hospital serta badan bukan kerajaan bagi menambah bilangan *baby hatch* terutama di kawasan luar bandar agar bayi yang diabaikan atau dibuang dapat diselamatkan. Terima kasih.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Terima kasih kerana jawapan yang diberikan tersebut tetapi nampaknya jawapan tersebut tidak menangani masalah berkenaan dengan *the root cause*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua berkenaan masalah ini, mengikut statistik yang saya dapat.

■1110

Saya difahamkan bahawa terdapat purata ataupun *average baby dumping cases* sebanyak lebih kurang 100 kes setahun yang mana lebih daripada setengah daripada jumlah tersebut adalah mengakibatkan bayi-bayi yang diabaikan tersebut meninggal dunia. *A lot of these baby dumping cases have resulted in death of the infants. Most of them, in fact. So* soalan saya adalah lebih dari sudut pencegahan. Kalau kita lihat dari tahun 2013, bilangannya adalah sama. *That means this problem has not been contained. In fact, it is still the same, if not getting worse.*

Jadi daripada segi pendidikan, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada langkah-langkah *sex education* telah pun diambil di peringkat sekolah? Sekiranya ya, bilakah program-program *sex education* akan bermula dan daripada peringkat bila— daripada tingkatan mana dan sebagainya? Kami memerlukan butir-butir terperinci oleh sebab ini adalah merupakan satu masalah, Tuan Yang di-Pertua, yang dicerminkan melalui bilangan-bilangan dan statistik-statistik yang menunjukkan masalah ini tidak dipulihkan. Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih atas soalan tambahan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Sebenarnya saya telah sebutkan tadi beberapa program yang kita telah laksanakan yang merupakan program pencegahan. Saya sebutkan PEKERTI tadi adalah program pencegahan yang telah pun dilaksanakan oleh kementerian melalui LPPKN dengan kerjasama dengan pelbagai pihak. Antaranya PLKN. Itu PEKERTI@PLKN. Setakat ini, 81 buah kem PLKN di seluruh negara terlibat yang melibatkan 267,121 orang pelatih daripada kalangan orang muda. Kita tahu ya.

Selain daripada itu, kita juga ada PEKERTI@Sekolah iaitu melibatkan sekolah-sekolah. Ini adalah untuk murid-murid Tahun 6 iaitu selepas mereka mengikuti peperiksaan UPSR dan juga untuk pelajar Tingkatan 3 iaitu selepas mereka menduduki peperiksaan PT3 atau Penilaian Tahap 3, dan juga pelajar Pendidikan Khas di sekolah-sekolah yang terpilih di seluruh Malaysia yang telah kita mulakan pada tahun 2012.

Sejak tahun 2012 sehingga tahun 2015, kita telah dapat memberikan pendidikan tersebut kepada 8,198 orang pelajar yang mana yang terlibat. Ini adalah merupakan program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial yang kita namakan PEKERTI yang mana modul yang kita gunakan salah satunya adalah Modul Cakna Diri iaitu bagaimana untuk menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang ada kaitan dengan seksualiti. Ini kita terus jalankan, Yang Berhormat. *Please, reassure that* ini adalah satu program yang akan kita teruskan. Macam mana pun kita akan teruskan.

Kita juga ada Program PEKERTI@IPGM yang mana kita melatih para pensyarah IPGM di seluruh negara kita supaya mereka dapat melaksanakan pula program PEKERTI ini kerana ini adalah untuk bakal guru-guru kita yang sedang berlatih sebagai guru. Apabila mereka nanti menjadi guru, mereka boleh menjadi pelatih kita di peringkat sekolah-sekolah di mana mereka akan dihantar. Setakat ini, program ini telah pun kita laksanakan sejak tahun 2014 dan seramai 84 orang pensyarah telah kita latih dan seramai 2,348 orang guru telah juga mengikuti Program PEKERTI ini. Program ini juga akan kita teruskan.

Di peringkat komuniti juga kita melaksanakan program PEKERTI@Komuniti di mana kita jalankan di sekolah-sekolah, institusi kita sendiri dan juga di sekolah yang berasrama penuh. Juga kita ada di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi seperti di kawasan-kawasan PPR di mana bukan sahaja remaja tetapi ibu bapa juga sama-sama kita libatkan dalam komuniti.

Sekarang ini kita pula ada program apa yang kita namakan program FACE ataupun *Family and Community Enforcement* yang baru sahaja saya lancarkan di peringkat negeri Perak pada hari Ahad yang lalu, di mana kita akan masukkan pelbagai program kita untuk komuniti-komuniti yang terpilih. *Insyah-Allah*, di seluruh negara, 15 komuniti akan terpilih sebagai permulaannya. Ini juga akan memasukkan ciri-ciri membantu remaja dan kanak-kanak kita dalam komuniti tersebut dalam perkara yang berkaitan dengan kesihatan reproduktif ini, *insyah-Allah*.

Seperti mana juga Program Remaja Kafe@TEEN ini, memang berjalan di seluruh negara kita seperti di UTC dan di tempat-tempat yang tertentu di mana antara lainnya juga ada rakan kaunseling dan akan ada juga ceramah berkaitan dengan kesihatan reproduktif yang mana kita laksanakan setiap minggu untuk para remaja kita, Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan Yang Berhormat Bukit Gelugor bahawa anak-anak ini tidak berdosa dan kita wajib mempertahankan mereka. Jadi saya hendak tanya tadi mengenai program Pusat Perlindungan Bayi atau *Baby Hatch* ini.

Setakat ini, sejauh manakah *Baby Hatch* ini dapat mengurangkan kes pembuangan bayi di Malaysia? Apakah kerangka yang kerajaan cadang untuk penglibatan swasta secara menyeluruh untuk menjayakan program *Baby Hatch* ini? Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Tinggi. Jiran saya ini. Program *Baby Hatch* yang telah kita

laksanakan, kita hendak ucap terima kasihlah kepada KPJ kerana bekerjasama untuk melaksanakan *Baby Hatch* ini.

Akan tetapi nampaknya, kalau mengikut statistik yang ada pada saya, walaupun kita sudah ada lapan *specialist hospital* yang dibuka sebagai *Baby Hatch* ini tetapi pada tahun 2015 kita cuma ada tiga sahaja kes yang dibawa kepada *baby hatch* di hospital ini. Akan tetapi untuk *open care*, setakat ini kita memang ada 22 kes *open care* ini.

Jadi kita akan luaskan lagi seperti yang tadi saya sebutkan supaya kita dapat melibatkan lagi hospital-hospital khususnya di luar bandar dan juga mahu bekerjasama dengan badan-badan swasta dan korporat untuk bagaimana kita dapat sama-sama membantu supaya dapat dikurangkan pembuangan bayi atau *baby dumping* ini.

Akan tetapi agaknya mungkin dalam pandangan kitalah, mungkin kerana mereka malu untuk menampakkan wajah mereka itu, maka mereka tidak hadir ke *Baby Hatch* yang telah disediakan ini. Mereka lebih rela untuk meninggalkan bayi-bayi ini di tandas, di tempat pembuangan sampah, di surau, di masjid, mungkin juga di gereja, di tepi jalan dan sebagainya.

Akan tetapi sebenarnya kerajaan memang dengan kerjasama pelbagai pihak menyediakan tempat-tempat ini. Kita ada Klinik Sejahtera kita. Sekiranya ada yang tidak berkahwin ini dia rasa dia perlu untuk penjagaan kesihatan, dia boleh datang ke Klinik Sejahtera LPPKN. Walaupun di situ tidak ada pusat perlindungan tetapi Klinik Sejahtera akan menghantar mereka pula ke Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mana kita mempunyai rumah-rumah perlindungan, seperti mana yang saya sebutkan tadi, untuk wanita muda kita ini. Jadi, kita sediakan sebenarnya.

Akan tetapi sekali lagilah, mungkin kerana stigma itu, mereka malu dan tidak mahu kelihatan muka mereka. Jadi kita haraplah kalau ada kes-kes seperti ini, kalau mereka dengar kita bercakap ini, mereka akan tahu bahawa ada tempat untuk mereka mengadu. Terima kasih.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi soalan memandangkan ini isu yang sangat mustahak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak perlu buat justifikasi. Kalau saya panggil, saya panggil. Saya panggil Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih atas jawapan yang telah Yang Berhormat Timbalan Menteri berikan tadi. Saya nampak banyak inisiatif telah dijalankan oleh pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Akan tetapi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor, isu pencegahan itu masih pada tahap yang sangat rendah. Dua tahun lepas saya bertanya dalam Dewan yang mulia, bilakah *syllabus sex education* atau pendidikan seks akan dibawa ke bangku sekolah dan bermula pada umur yang lebih muda lagi, contohnya Tingkatan Satu. Sebab, berdasarkan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri, ia akan bermula kira-kira umur 16 tahun, 17 tahun. Akan tetapi dengan izin, *the curiosity of teenagers start when they are 13*. Jadi kita lihat di sini, walaupun ada pelbagai inisiatif yang saya rasa positif tetapi isunya adalah anak-anak muda ini...

■1120

Seorang Ahli: Soalan, soalan.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *Coming to it. Coming to it.* Anak-anak muda ini *they have nowhere to go* bila mereka ada soalan. *Just one last thing.* Saya ingin membawa perhatian Dewan kepada satu artikel dalam *The Star* bertajuk dengan izin, *“Don’t get pregnant at 17. Girl wish her parents had talk about pre-marital sex”*. Jadi ini menunjukkan anak-anak muda tidak tahu tanggungjawab. Jadi saya ingin cadangkan di sini supaya silibus pendidikan seks dibawa pada umur 13 tahun dan adakah kementerian wujudkan satu *task force* dengan semua pihak-pihak terlibat aspek *sexual grooming*, dari aspek *child act*, dari aspek *Penal Code* dalam isu pembuangan bayi ini? Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Kita semua memang prihatin tentang isu ini. Ingin saya katakan di sini bahawa program yang telah dilaksanakan oleh LPPKN sejak tahun 2012 iaitu PEKERTI@Sekolah, antara mereka yang terlibat ialah pelajar-pelajar selepas peperiksaan UPSR iaitu Darjah Enam. Sebelum dia naik Tingkatan Satu kita sudah mulakan program itu dan kita ada di peringkat Tingkatan Tiga selepas PT3. Berertinya kita sudah mula seawal agaknya 12 tahun. Agaknya 12 tahun kita sudah mula.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Dalam silibus kah, Yang Berhormat Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Program PEKERTI ini...

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Maaf, Tuan Yang di-Pertua. *Just* hendak dapatkan penjelasan. *It is in the syllabus of the education?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *No, no.* Q&A tidak boleh buat begitu ya.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Program PEKERTI ini ialah program yang kita laksanakan melalui LPPKN, bekerjasama dengan sekolah-sekolah yang terpilih yang mana kita nampak program ini adalah mempunyai impak yang baik kepada para pelajar kita yang terlibat. Ia bertujuan untuk memberikan panduan kepada para pelajar untuk memahami perkembangan remaja dan meningkatkan kemahiran mereka untuk menangani tingkah laku yang berisiko khususnya berkaitan dengan seksualiti. *Of course* dengan perkembangan-perkembangan semasa, kita punya Modul Cakna Diri tentunya akan diperingkatkan lagi, ditambah baik lagi, melihat kepada keadaan-keadaan semasa seperti *sexual grooming and all that*.

Tentunya kementerian kita sentiasa mengguna pakai pendekatan *multisector collaboration*. Bererti, kita akan melibatkan pelbagai agensi dan kementerian supaya apa juga yang kita lakukan untuk masyarakat ini akan membawa kebaikan yang *wholesome* dan *holistic*. Terima kasih Yang Berhormat.

7. Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta Menteri Kewangan menyatakan adakah pihak kerajaan bercadang untuk melanjutkan lagi Program Tawaran Pengurangan Penalti dan Penghapusan Kenaikan Cukai yang bakal berakhir pada 15 Disember 2016. Berapakah hasil kutipan dan jumlah pembayar cukai yang tampil melaporkan pendapatan tahunan dan menyelesaikan tunggakan cukai mereka melalui program ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Othman bin Aziz]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh*. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tasek Gelugor dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Untuk makluman Yang Berhormat, Program Tawaran Pengurangan Penalti dan Penghapusan Kenaikan Cukai dibuat sebagai susulan terhadap pertimbangan khas dalam pengumuman penyesuaian Bajet 2016 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 28 Januari 2016. Tujuannya adalah untuk melonggarkan pengenaan penalti kepada pembayar cukai bagi menggalakkan pembayar cukai tampil secara sukarela melaporkan pendapatan mereka dan program ini berkuat kuasa mulai 1 Mac 2016 sehingga 15 Disember 2016.

Selanjutnya, melalui program yang dijalankan, sehingga 31 Ogos 2016, jumlah hasil kutipan daripada program yang dijalankan adalah seperti berikut. Untuk cukai pendapatan, jumlah kutipan adalah sebanyak RM1.407 bilion melibatkan sebanyak 20,092 kes dan bagi penalti, jumlah kutipan adalah sebanyak RM304 juta melibatkan 32,207 kes. Kerajaan tidak bercadang untuk melanjutkan tempoh tawaran program ini iaitu dikekalkan sehingga 15 Disember 2016. Terima kasih.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan selanjutnya daripada saya ialah apakah inisiatif dan insentif kepada pembayar cukai yang mengikuti program ini dan apakah tindakan kerajaan ke atas pembayar cukai yang masih enggan mengikuti program ini? Terima kasih.

Dato' Othman bin Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan melalui program ini telah memperkenalkan beberapa insentif iaitu yang berkaitan dengan cukai pendapatan di mana ada pengurangan kenaikan cukai dan juga pengurangan penalti dan juga dalam insentif ini termasuk hal berkaitan dengan duti setem dan juga cukai keuntungan harta tanah. Berbagai-bagai tawaran diberikan iaitu insentif-insentif untuk menyelesaikan tunggakan dalam tempoh yang ditetapkan. Pengurangan atau penganan ataupun penalti adalah berasaskan peratusan mengikut masa dengan tujuan untuk menggalakkan mereka membuat taksiran akhir dan bayaran segera bagi menyelesaikan amaun kena cukai yang tertunggak dapat dijelaskan. Terima kasih.

8. Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan:

- (a) mengapakah kerajaan gagal dalam membanteras MLM dan '*money game*' yang menyebabkan kerugian besar rakyat Malaysia; dan
- (b) berapakah syarikat dan individu yang terlibat telah diambil tindakan oleh kerajaan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Rasah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak gagal dalam membanteras segala MLM dan *money game*. Hal ini kerana pihak kerajaan sentiasa memantau dan mengawal selia aktiviti syarikat yang mempunyai lesen jualan langsung dan memastikan tiada unsur-unsur penipuan berlaku di dalam industri jualan langsung sebelum sesuatu lesen diluluskan oleh kementerian. Antara kriteria yang telah ditetapkan dan diteliti adalah seperti berikut:

- (i) pelan pemasaran syarikat tidak menjurus ke arah skim piramid;
- (ii) tidak ada aduan diterima oleh kementerian berkaitan salah laku syarikat;
- (iii) memastikan semua produk yang dipasarkan oleh syarikat telah mendapat kelulusan agensi berkaitan seperti Kementerian Kesihatan Malaysia bagi produk kesihatan, makanan dan

kosmetik, SIRIM dan Suruhanjaya Tenaga bagi produk elektrik atau kelengkapan rumah dan lain-lain agensi mengikut jenis produk yang dipasarkan; dan

- (iv) dokumen yang dikemukakan mestilah lengkap dan sah.

Bagi meningkatkan amalan perniagaan beretika di dalam industri jualan langsung, kementerian telah melancarkan kod etika dan tatacara jualan langsung yang menjadi garis panduan kepada pemain industri ini dalam meningkatkan amalan perniagaan beretika dalam urusan perniagaan.

Selain itu, kementerian juga sentiasa mengemas kini garis panduan jualan langsung dari semasa ke semasa mengikut perkembangan industri dengan kerjasama daripada Persatuan Jualan Langsung iaitu *Malaysian Direct Distribution Association* (MDDA) dan *Direct Selling Association of Malaysia* (DSAM). Sebanyak 37 syarikat jualan langsung telah dibatalkan lesen kerana terbabit dengan aktiviti yang menyalahi Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 dan sebanyak 130 syarikat tidak berdaftar secara sah telah diambil tindakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa kebanyakan daripada mereka yang membuat pelaburan di dalam MLM, apa yang saya maksudkan itu adalah penduduk ataupun warga emas, kebanyakan daripada mereka menghadapi masalah beban hidup. Sebab itu kebanyakan daripada mereka, mereka harap menggunakan simpanan mereka untuk melabur supaya dapat pulangan yang tinggi. Pada masa yang sama, ada sindiket '*money game*' ataupun MLM ini, mereka menggunakan peluang ini untuk mendorong dan menarik mereka membuat pelaburan.

■1130

Baru-baru ini saya lihat ada beberapa syarikat cuba membawa rakyat kita ke Kemboja, ke Thailand dan juga ke China. Seolah-olahnya pelaburan tersebut boleh membawa pulangan yang lumayan kepada mereka. Saya rasa dalam perkara ini mungkin pihak kementerian ataupun kerajaan harus mengambil serius terhadap perkara ini kerana buat masa kini saya lihat ada pulangan daripada pelaburan. Akan tetapi ketika pelaburan tersebut gagal ataupun tidak berjaya, saya rasa sampai masa itu ia akan menjadi satu masalah kepada kita semua.

Saya rasa sampai masa itu, pejabat-pejabat kita akan menerima aduan mereka, berapakah duit mereka yang telah pun rugi di dalam pelaburan tersebut. Soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri, bolehkah pihak kementerian mengemukakan senarai syarikat yang telah pun disenaraihitamkan supaya ia boleh diketahui oleh orang

umum. Pada masa yang sama, jikalau ada siasatan yang dijalankan terhadap syarikat yang sedia ada, saya bercadang supaya pihak kementerian juga boleh mengumumkan senarai tersebut supaya rakyat jelata...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: ...Boleh berwaspada dalam perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan juga Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Henry Sum Agong: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat-syarikat yang terlibat dengan urusan urus niaga *money game*, bersifat pelaburan terselindung di bawah modus operandi MLM dan akan berjanji pulangan yang lumayan dalam tempoh yang singkat, syarikat-syarikat berkenaan sentiasa mempergunakan kelemahan sifat manusia yang ingin jadi kaya tanpa apa-apa usaha. Syarikat-syarikat berkenaan bertindak secara haram untuk menipu orang ramai. Urus niaga syarikat-syarikat tersebut bukan di bawah kawalan kementerian tetapi lebih kepada PDRM atau Bank Rakyat.

Seterusnya, pelaburan haram atau *illegal deposit taking* adalah di bawah bidang Bank Negara seperti mana yang saya katakan tadi. Walau bagaimanapun, KPDKK akan memantau aktiviti syarikat jualan langsung yang berdaftar supaya tidak membuat sebarang aktiviti sebegini. Sekian, terima kasih.

Dato' Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, MLM ini sudah ada sekian lama di Malaysia dan dapat banyak *bad labeling*, dengan izin. Orang kata berniaga larut malamlah, berniaga kampung, *door-to-door* dan macam-macam *labeling* yang diberikan. Jadi, malah ada yang terkejutlah dan ketawa kalau ada profesional yang terlibat dalam MLM. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri Tuan Yang di-Pertua, kalau adalah MLM yang baik seperti Amway, yang datang ke Malaysia tahun 1976, pada tahun 1996 *listed* dekat Papan Utama, Bursa Saham Kuala Lumpur dan pada tahun 2010 KPDKK telah berikan lesen *direct selling* selama 10 tahun berturut-turut. Kalau ada MLM yang begini, yang dapat memberikan kebebasan kewangan dan masa dan peningkatan sahsiah diri dan mengeluarkan rakyat daripada garis kemiskinan dan membebaskan rakyat daripada BR1M dan menolong meringankan beban kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Apakah kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tak ada kepentingan dalam...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tak ada, tak ada.
[Dewan ketawa]

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Orang kuat Amway ini.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Sungai Petani ada. Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan bersedia untuk lebih bersungguh-sungguh menggalakkan dan membantu golongan yang muda khususnya, untuk mengambil bahagian dan berjaya dalam MLM, khususnya Amway. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Henry Sum Agong: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Ya, memang pun ada syarikat MLM ini yang agak berjaya seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Bagi yang sepertimana Yang Berhormat katakan tadi, yang berjalan-jalan ke kampung-kampung, ke rumah-rumah, yang tidak mematuhi peraturan yang disediakan dan saya ada di sini iaitu senarai tempat-tempat di mana kita boleh mengadu iaitu portal eAduan KPDKK. Boleh sampaikan dan talian *hotline* 1-800-88-6800, SMS kepada 15888. Ini di antara tempat-tempat di mana pihak awam boleh mengadu jika terdapat sesuatu yang tidak betul ataupun didapati melanggar undang-undang di bawah akta tertentu yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

9. Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau] minta Menteri Pendidikan menyatakan kepada Dewan pencapaian setakat ini nisbah guru-guru yang ditempatkan di sekolah-sekolah negeri Sarawak.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]: Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Julau. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga November 2016, jumlah guru kelahiran Sarawak yang berkhidmat di Sarawak ialah sebanyak 82 peratus daripada jumlah keseluruhan guru di Sarawak. Kadar peratusan ini selaras dengan dasar 90:10 iaitu 90 peratus guru di Sarawak adalah dalam kalangan anak kelahiran Sarawak menjelang tahun 2018. Tempoh pelaksanaan dasar tersebut adalah antara tahun 2016 hingga tahun 2018. Terima kasih.

Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menyebut nisbah hanya 82 peratus dari angka ataupun sasaran 90 peratus yang telah dijanjikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, pada masa kini kita telah mendengar dari Yang Berhormat Menteri Pelajaran Malaysia semalam bahawa pengambilan penuntut kepada IPG adalah berkurangan dan tambah pula dengan ura-ura di mana beberapa dari empat IPG di Sarawak mungkin ditukar wajahnya dan ditukar silibusnya.

Bagaimanakah kita akan dapat menunaikan janji kita untuk memenuhi 90 peratus dari tempat guru-guru di Sarawak diisi oleh anak tempatan? Terima kasih.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, dasar pelaksanaan 90:10 itu menjangkau masa tiga tahun dari tahun 2016 hingga tahun 2018. Maka, hingga akhir tahun ini, kita berjaya mencapai 82 peratus dan usaha ini akan diteruskan melalui tiga pelaksanaan dasarnya:

- (i) permohonan egTukar;
- (ii) lantikan baru; dan
- (iii) arahan pertukaran.

Jadi, sehingga hari ini kita hanya menggunakan permohonan egTukar dan lantikan baru untuk pengisian guru-guru di Sabah dan Sarawak berdasarkan dasar 90:10. Kita masih ada dua tahun lagi untuk kita mencapai sasaran kita. Berkenaan dengan IPGM, sebenarnya latihan kepada guru-guru tidak terhad kepada negeri tersebut. Contohnya, guru-guru di Sabah dan Sarawak tidak seharusnya atau tidak terhad untuk dilatih di IPGM di Sabah dan Sarawak. Banyak pusat latihan guru di Semenanjung itu juga melatih guru-guru untuk Sabah dan Sarawak. Sekiranya apa-apa tindakan untuk kita menukar status IPGM itu, tidak akan menjejaskan latihan guru kita, khususnya untuk mencapai dasar 90:10. Sekian, terima kasih.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberi ruang untuk soalan tambahan kepada saya.

■1140

Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan dasar 90:10 peratus untuk penempatan guru tempatan di Sarawak. Adakah dasar ini hanya melibatkan sekolah-sekolah rendah dan juga sekolah-sekolah menengah? Oleh sebab berdasarkan statistik yang dimaklumkan oleh kementerian kelmarin, pada setakat ini status penempatan guru *local*, tempatan di Sarawak masih 82 peratus untuk sekolah rendah dan 4 peratus lebih untuk sekolah menengah. Mohon pandangan perkara ini. Terima kasih.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih atas soalan tambahan dari Kota Samarahan. Dasar 90:10 peratus itu tidak terhad kepada sekolah rendah sahaja termasuk sekolah menengah. Tidak betul kalau kata penempatan guru-guru dari Sarawak ke Sarawak itu hanya 40 peratus lebih di sekolah menengah, tidak. Kita juga mencapai pencapaian yang lebih tinggi. Contohnya, sehingga Oktober 2016, penempatan guru-guru di sekolah-sekolah menengah di Sarawak adalah mencapai 79 peratus dan dari segi sekolah rendah 82 peratus seperti yang mana yang saya katakan tadi.

Untuk maklumat tambahan lagi, boleh saya berikan bahawa melalui empat kali pertukaran tahun ini, seramai 1,701 orang dari Sarawak telah ditempatkan semula ke Semenanjung manakala 294 daripada Semenanjung balik ke Sarawak. Sekian, terima kasih.

10. Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta Menteri Kerja Raya menyatakan langkah-langkah perlu dari pihak konsesi untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan LPT2 mengikut piawaian lebuhraya untuk keselamatan dan keselesaan pengguna lebuhraya tersebut.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:
Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dungun di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) sepanjang 184 kilometer dibina mengikut piawaian antarabangsa di mana ia amat memberi penekanan terhadap aspek keselamatan dan keselesaan pengguna. LPT2 ini telah siap dan dibuka sepenuhnya kepada pengguna mulai 31 Januari 2015. Pada masa kini jumlah trafik yang menggunakan LPT2 ini ialah dianggarkan sekitar 20,000 buah kenderaan sehari. Jumlah tersebut dijangka akan meningkat daripada semasa ke semasa berikutan LPT2 memberikan akses laluan yang lebih cepat dan selamat untuk ke negeri Terengganu berbanding menggunakan Jalan Persekutuan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa kemudahan yang telah disediakan di sepanjang Lebuhraya LPT2. Antara *facility* atau kemudahan yang disediakan di sepanjang lebuhraya itu ialah tiga buah kawasan rehat iaitu kawasan rehat Perasing arah Kuala Terengganu, Kawasan Rehat Paka kedua-dua arah dan Kawasan Rehat Ajil kedua-dua arah. Terdapat juga dua buah hentian sebelah yang telah dibina iaitu Hentian Sebelah Kijal kedua-dua arah dan Hentian Sebelah Bukit Besi kedua-dua arah. Di samping itu stesen-stesen minyak yang baru juga akan dibina di setiap kawasan rehat dan dijangka akan beroperasi secara berperingkat.

Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kutipan tol telah dilaksanakan mulai 15 Julai 2016 yang lalu iaitu selepas 16 bulan LPT2 dibuka secara percuma kepada pengguna. Kutipan tol yang dikenakan kepada pengguna LPT2 ini bukanlah untuk memperoleh semula kos pembinaan lebuhraya berkenaan iaitu RM4.1 bilion. Sebaliknya ia adalah bagi maksud membiayai kos penyelenggaraan dan operasi bagi tujuan keselesaan dan keselamatan pengguna lebuhraya.

Sehubungan itu kerajaan telah melantik Lebuhraya Pantai Timur 2 Sdn. Bhd. (LPT2 Sdn. Bhd.) iaitu sebuah syarikat milik penuh PLUS Berhad untuk melaksanakan operasi penyelenggaraan dan kutipan tol di lebuhraya tersebut. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun]: Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap soalan yang saya kemukakan. Cumanya soal yang berkaitan dengan keselamatan adalah sangat penting dan banyak kemalangan yang berlaku khususnya pada masa ketika hujan dan selepas hujan serta pada waktu-waktu biasa. Jadi perlu ada satu kajian menyeluruh tentang isu yang berkaitan dengan keselamatan, satu. Kedua, apabila kadar tol dikenakan berasaskan kepada perbandingan yang dibuat di antara LPT1 dengan LPT2, kita dapati banyak kemudahan kawasan rehat dan rawat seperti yang telah dimaklumkan tidak mempunyai kemudahan yang sepatutnya ada dalam kawasan yang telah ditetapkan.

Saya hendak sebutkan yang pertama ialah stesen minyak bagi ketiga-tiga R&R yang disebutkan itu tidak ada. Kedua, ATM mesin juga tidak ada dan yang ketiga ialah berkaitan dengan keperluan-keperluan yang melibatkan apa yang sepatutnya menjadi asas kepada kepentingan kawasan Rehat dan Rawat yang selesa. Keempat, saya juga pohon supaya satu persimpangan baru diwujudkan di antara persimpangan Bukit Besi ke Ajil. Satu persimpangan sangat jauh kerana banyak melibatkan kampung-kampung dalam kawasan FELDA yang berdekatan dengan kawasan itu.

Seperti mana juga yang berlaku kepada Plaza Tol Maran yang melibatkan persimpangan Maran ke Gambang tetapi oleh sebab jarak yang agak jauh bagi LPT1, maka telah dibina persimpangan di Sri Jaya. Jadi saya pohon satu persimpangan baru juga dibuat melibatkan antara Bukit Besi dengan Ajil supaya memudahkan urusan pengguna-pengguna lebuhraya LPT2 ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dungun di atas tiga soalan yang dikemukakan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, saya suka ingin menyatakan di sini mengikut kajian yang dibuat Yang Berhormat, sebenarnya faktor kemalangan telah dikaji dan terdapat tiga faktor yang menyebabkan kemalangan. Antaranya Yang Berhormat adalah faktor manusia iaitu kontribusinya adalah sebanyak 76 peratus pada tahun. Disebabkan oleh kenderaan 8 peratus dan faktor persekitaran sebanyak 16 peratus. Jadi sebahagian besar disebabkan oleh faktor manusia Yang Berhormat ya.

Begitu juga daripada segi cuaca. Yang Berhormat ada menyebutkan cuaca tadi. Sebenarnya kemalangan berlaku pada masa yang tidak hujan, pada masa yang baik Yang Berhormat 57 peratus dan semasa hujan 43 peratus. Lebih banyak kemalangan

berlaku pada masa yang cuaca baik Yang Berhormat ya. Begitu juga pada kemalangan juga berlaku kebanyakannya pada waktu siang ya, iaitu 45 peratus dan pada malam 53 peratus. Itu untuk tahun ini Yang Berhormat ya. Yang untuk tahun lepas saya akan bagi Yang Berhormat secara bertulis.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai langkah-langkah mungkin yang boleh diambil. Sebenarnya untuk mengurangkan kadar kemalangan itu Yang Berhormat, pihak yang berkuasa termasuklah PDRM, JPJ, SPAD telah mengambil langkah-langkah penguatkuasaan secara berterusan Yang Berhormat ya. Hasil daripada langkah-langkah tersebut, kemalangan-kemalangan yang berlaku di LPT2 dapat dikurangkan. Izinkan saya juga berkongsi statistik di mana kadar kemalangan maut telah berkurangan sebanyak 50 peratus di sana Yang Berhormat ya. Kemalangan yang menyebabkan kecederaan berkurangan hingga 13 peratus, kemalangan ringan 6 peratus dan kemalangan biasa sebanyak 18 peratus. Jadi jumlah kemalangan dapat dikurangkan dengan langkah-langkah penguatkuasaan.

■1150

Selain daripada itu Yang Berhormat, pihak kementerian dan juga pihak-pihak yang berkaitan iaitu PLUS sendiri telah banyak mengambil langkah untuk mengurangkan risiko kemalangan. Antaranya Yang Berhormat, menambah baik permukaan lebuh raya dengan menggunakan kaedah seperti *resurface* dan *regulate* dan juga pihak PLUS juga telah menambah baik permukaan lebuh raya dan sistem perparitan di setengah-setengah tempat yang merupakan *blackspot* Yang Berhormat. Banyak lagi langkah-langkah yang juga saya akan kongsi secara bertulis.

Sudah tentu Yang Berhormat, untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu kadar tol ataupun *facilities* yang nampaknya tidak begitu banyak disediakan seperti Yang Berhormat bangkitkan terutama sekali stesen-stesen minyak. Sebenarnya Yang Berhormat, pihak LLM telah meluluskan tapak-tapak cadangan untuk pembinaan stesen-stesen minyak tetapi seperti juga Yang Berhormat ketahui, ia memerlukan komitmen pihak ketiga iaitu pihak syarikat stesen-stesen minyak yang nampaknya tidak begitu mendapat sambutan. Akan tetapi perkara ini kita laksanakan juga, masih menggalakkan syarikat-syarikat minyak untuk membuka stesen-stesen minyak.

Akan tetapi Yang Berhormat, sebenarnya walaupun stesen-stesen minyak *permanent* tidak dibina tetapi proses itu, pihak LLM telah mengambil inisiatif menyediakan stesen minyak sementara iaitu *mobile petrol kiosk* di Hentian Sebelah Kijal kedua-dua arah bagi memberi kemudahan kepada para pengguna LPT2 ini Yang Berhormat, untuk mendapatkan bekalan minyak sementara stesen minyak kekal dibina.

Di setiap R&R itu Yang Berhormat, terdapat tapak-tapaknya telah diluluskan untuk pembinaan stesen-stesen minyak.

Mengenai *facility* seperti ATM dan sebagainya, kita akan maklumkan kepada pihak PLUS ataupun konsesi untuk menyediakan *facilities* Yang Berhormat sebutkan tadi. Saya juga suka ingin menyatakan bahawa di setiap R&R itu, pihak PLUS juga telah menyediakan gerai-gerai makanan dan minuman walaupun tidak dalam jumlah yang banyak, tetapi setiap kawasan hentian R&R itu pasti ada penjualan makanan dan minuman diadakan.

Untuk menjawab kepada persoalan isu yang ketiga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, persimpangan bertingkat baru Jerangau sememangnya ada dalam kontrak di antara pihak PLUS dengan kerajaan. Akan tetapi ia akan dibuat kemudian ataupun *deferred* Yang Berhormat, iaitu apabila trafik yang ada di LPT2 itu telah mencapai bilangan yang telah ditetapkan dan tertakluk kepada peruntukan yang disediakan oleh agensi Pusat. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya salah seorang pengguna LPT2 dan saya perhatikan banyak sebenarnya masalah yang berlaku terutama pada waktu malam kerana keadaan jalan itu agak gelap dan juga berkabus. Saya sendiri pun pernah mengalami insiden. Saya menunggu sehingga malam, tidak ada satu peronda pun yang melalui kawasan tersebut. Jadi saya hendak tanya sekarang ini, berapa kekerapan sebenarnya perondaan sama ada daripada pihak polis ataupun pihak lebuhraya itu sendiri? Sebenarnya apa masalah, cabaran yang dihadapi oleh pihak kementerian sebenarnya dalam perkara ini? Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Setiu di atas soalan tambahannya. Kita sebenarnya bersetuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Cuma saya hendak menyatakan bahawa cabaran pihak kementerian terutama sekali di peringkat dalam konsesi kita adalah seperti yang kita ketahui, panjang LPT2, jarak LPT2 itu adalah sepanjang 184 kilometer Yang Berhormat. Pihak PLUS sebenarnya telah menyediakan polis peronda untuk melakukan rondaan dalam fasa-fasa dan juga jadual yang telah ditetapkan. Akan tetapi Yang Berhormat, kita akan maklumkan kepada pihak PLUS untuk meningkatkan lagi mungkin kekerapan rondaan itu kepada jumlah yang lebih besar Yang Berhormat di atas masalah yang dibangkitkan.

Di samping itu Yang Berhormat, selain daripada polis peronda yang disediakan oleh pihak PLUS, rondaan daripada pihak PDRM, JPJ dan juga SPAD sering kali dilaksanakan di sepanjang jarak Lebuhraya LPT2 ini. Namun pada masa yang sama

seperti permasalahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, kita akan ambil perhatian dan akan sampaikan kepada pihak konsesi dan juga pihak-pihak yang berkenaan supaya mereka dapat meningkatkan lagi tahap rondaan dan juga apa-apa langkah-langkah yang boleh membantu pengguna jalan raya terutama sekali LPT2 ini. Terima kasih Yang Berhormat Setiu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya minta Menteri menjawab, saya ingin mengalu-alukan kedatangan Ketua-ketua Kampung dan juga Ketua-ketua Cawangan dalam Parlimen Sekijang. [*Dewan tepuk*]

11. Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan keberkesanan projek perintis Sistem Prasarana Komuniti Pintar (iComm) di Kampung Padang Rumbia, Pekan yang bermatlamat mewujudkan persekitaran desa moden berteknologi maklumat dan apakah perancangan kementerian bagi memperluaskan lagi konsep projek ini di seluruh negara

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat Sekijang ini sebenarnya berkisar kepada Sistem Prasarana Komuniti Pintar (iComm). Sebenarnya produk iComm ini adalah produk hasil cipta daripada MIMOS iaitu produk inovasi daripada MIMOS, salah satu daripada agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Jadi MIMOS sudah pun bila dia cipta aplikasi ini, dia telah memohon satu inisiatif geran di bawah MOSTI yang dipanggil MOSTI Social Innovation.

Jadi bila produk inovasi ini telah dicipta, dia perlu ditunjukkan kepada masyarakat. Jadi MIMOS telah memohon dipanggil Program MOSTI Social Innovation dan oleh sebab itu mereka telah mengadakan projek perintis. Jadi projek perintis telah dilaksanakan di Kampung Padang Rumbia, Pekan, Pahang pada tahun 2015.

Jadi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sistem ini dilengkapi dengan kamera pemantau, CCTV yang beresolusi tinggi yang boleh dilihat di telefon pintar pengguna. Ia membolehkan setiap anggota komuniti membuat pengawasan serta pemantauan awam *community policing* secara berterusan dan dapat membantu menjamin keselamatan mereka sekiranya berlaku pencerobohan.

Sistem ini juga mampu memantau keadaan paras air sungai dan memberi amaran awal kepada pihak berkuasa komuniti apabila paras air meningkat ke paras bahaya. Jadi, amaran awal ini amat berguna kepada komuniti yang menghadapi risiko

banjir. Produk ini agak inovatif. Jadi rangkaian iComm ini berkeupayaan untuk membolehkan komuniti membuat panggilan kecemasan kepada pihak berkuasa seperti polis, bomba, klinik desa apabila terdapat gangguan sistem komunikasi akibat banjir. Kalau banjir air tidak boleh, so boleh gunakan sistem solar. Ini adalah kerana iComm menggunakan tenaga solar yang sepenuhnya dan boleh digunakan apabila kuasa elektrik terputus serta sesuai digunakan di kawasan terpencil.

Selain daripada itu, iComm juga membolehkan ketua masyarakat berinteraksi dan menyampaikan maklumat secara terus kepada ahli-ahli komuniti melalui liputan, rangkaian liputan dan aplikasi yang disediakan. Lagi satu lagi, dia banyak lagi ini. Prasarana iComm adalah usaha kerajaan untuk merakatkan sains, teknologi dan inovasi, agar komuniti terutama di luar bandar dapat menikmati kemajuan teknologi dibangunkan oleh syarikat tempatan.

Sebenarnya MOSTI Social Innovation ini kalau sesiapa masyarakat Malaysia, orang Malaysia yang ada keupayaan menginovasi sesuatu produk baru yang boleh sesuai untuk komuniti, boleh memohon MOSTI Social Innovation melalui agensi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan selepas itu, kita tengok impak kepada masyarakat. Sebenarnya bila kita kata MSI ini, sebenarnya kita bagi kepada masyarakat dan berharap satu ketika ini ada masyarakat yang berkenan dengan produk itu dan akan mengkomersialkan produk itu.

Berbalik kepada soalan Yang Berhormat Sekijang tadi, dia kata apakah perancangan kementerian bagi meluaskan projek ini ke seluruh negara.

■1200

Sudah tentu inilah sebahagian daripada cita-cita kita supaya pihak PBT kah atau pihak kerajaan negeri yang ingin memasang dan boleh menggunakan produk MIMOS ini untuk kegunaan masyarakat, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, setakat itu sesi soal jawab lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****12.00 pg.****Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa Jabatan Perdana Menteri bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2017 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi pada hari Rabu, 9 November 2016.”

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2017****DAN****USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2017****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dan Anggaran Pembangunan 2017 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis” **[Hari Pertama]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

12.02 tgh.

Menteri Kewangan II [Datuk Johari bin Abdul Ghani]: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM158,256,341,900 yang diperuntukkan dalam **Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2017** bagi maksud-maksud bekalan B.1 hingga B.13, B.20 hingga B.25, B.27 hingga B.32, B.40 hingga B.42 hingga B.43, B.45 hingga B.48, B.60 dan B.62 hingga B.64 untuk kementerian dan jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM48 bilion yang diperuntukkan dalam **Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2017** bagi maksud-maksud pembangunan P.6, P.7, P.10, P.13, P.20 hingga P.25, P.27 hingga P.32, P.42 dengan P.34, P.45 hingga P.48, P.60, P.62 hingga P.64 dan P.70 untuk kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Lampiran A dan Lampiran B, Kertas Perintah 24, tahun 2016 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, keperluan bagi mengadakan peruntukan Anggaran Perbelanjaan Mengurus tahun 2017 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 2017 telah pun dibentangkan. Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran ini adalah juga diberi dalam Kertas Perintah 24 tahun 2016 dan Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2017 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25, tahun 2016. Oleh itu, saya tidak berhajat untuk memberikan apa-apa penerangan tambahan lagi. Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9 dan B.40, [Jadual] -
Maksud P.6 dan P.7 [Anggaran Pembangunan 2017] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jabatan Perdana Menteri, Kepala Bekalan B.1 hingga B.9 dan B.40 dan Kepala Pembangunan P.6 dan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin maklumkan lazimnya perbahasan pada peringkat Jawatankuasa, kita telah sekian lama hadkan tidak melebihi 10 minit bagi seorang. Untuk perbahasan di peringkat Jawatankuasa ini, *timer* akan juga diaktifkan untuk panduan Yang Berhormat. Yang Berhormat Johor Bahru.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

12.04 tgh.

Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hanya hendak merujuk kepada B.6 iaitu 120300 - Jabatan Insolvency Malaysia. Saya dapati Tuan Pengerusi bahawa daripada segi kes kebangkrutan yang telah berlaku di antara 2008 hingga 2014 ialah khususnya bagi pinjaman perumahan ialah sebanyak 24,464 orang iaitu merupakan kedua tertinggi di kalangan mereka yang telah diisytiharkan sebagai bankrap. Kepada saya ini merupakan satu angka yang begitu ketara sekali, tambah-tambah lagi kerana pinjaman perumahan adalah pinjaman yang berasaskan kepada aset yang nyata iaitu rumah-rumah yang telah dibeli.

Sebab itu ingin bertanya kepada pihak Jabatan Perdana Menteri, Menteri yang bertanggungjawab sama ada boleh disusun balik sedikit mekanisme yang apabila berhadapan dengan soal kebangkrutan berhubung dengan peminjam-peminjam pinjaman perumahan untuk mengelakkan dua keadaan yang menyusahkan bagi negara, satu asetnya aset rumah itu terpaksa dilelong dan kedua, peminjam itu juga menjadi bankrap dan ia merupakan kehilangan sumber manusia kepada negara dan juga ia merupakan adanya *distortion* dengan izin kepada pemilikan harta rumah itu sendiri kerana di antara rumah-rumah yang dilelong ini terdapat rumah-rumah kos rendah yang mempunyai subsidi daripada pihak pemerintah.

Jadi saya ingin mengesyorkan kepada pihak Jabatan Perdana Menteri terutamanya Jabatan Insolvency Malaysia agar tambah baik sedikit bila berhadapan dengan kes-kes pinjaman perumahan yang hendak dibawa kepada peringkat kebangkrutan oleh bank-bank yang memberikan pinjaman itu iaitu merujuk, mensyaratkan supaya semua kes kebangkrutan atau masalah pinjaman perumahan yang bermasalah harus, bukan sahaja harus disyaratkan untuk dirujuk kepada AKPK.

Sebenarnya bila saya bertemu dengan pihak AKPK, saya dapati bahawa adanya bank-bank yang memang berunding dengan AKPK. Tetapi ada juga bank yang lebih memikirkan tentang keuntungan dan lebih suka untuk hanya *foreclose* dengan izin, *foreclose* dan lelongkan selesaikan kes pinjaman ini, pinjaman yang bermasalah. Jadi kalau kita tambah baik sikit prosedur itu khusus bagi pinjaman perumahan, disyaratkan setiap bank mesti berunding dengan AKPK apabila berdepan dengan peminjam-peminjam yang bermasalah yang bersandar akibat pinjaman perumahan. Kita boleh kreatif sedikit, boleh dirunding. Kalau kita runding boleh dijadikan penyelesaian yang lebih kreatif mungkin rumah itu boleh disewakan, dibayar sewa oleh pihak peminjam supaya tidaklah dalam tempoh *moratorium* umpamanya tidak ada lah masalah kebangkrutan berlaku kerana mereka yang meminjam pinjaman perumahan.

Jadi saya berharap bahawa pihak Jabatan Insolvensi dan juga pihak Bank Negara boleh sama-sama mensyaratkan kepada bank-bank yang keluarkan pinjaman perumahan ini khususnya pinjaman perumahan untuk runding dulu dengan AKPK sebelum dibawakan kepada *foreclosure* ataupun dilelong harta aset yang berkenaan.

■1210

Jadi itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Itu kita harap benda yang kecil macam ini boleh kita ubah suai, kita boleh tambah baik prosedur kita untuk membantu mereka yang meminjam untuk membeli rumah. Sekian, terima kasih.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Minta. Sikit-sikit. Yang Berhormat Johor Bahru, Yang Berhormat Johor Bahru. Habis dah? Ingat hendak tanya sikit.

12.01 tgh.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menguruskan berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri. Saya hendak bangkit berkenaan dengan B.6 iaitu 040000 – Majlis Keselamatan Negara. Jadi, kita melihat tentang ada sedikit kekurangan dari segi perbelanjaan daripada berbanding dengan tahun 2017 dengan 2016, saya lihat kurang peruntukannya lebih kurang RM540,242,100.

Soalan saya adakah sampai peruntukan ini sudah dikurangkan? Adakah keselamatan negara kita sudah semakin baik ataupun tidak? Sedangkan realiti yang kita dapat lihat hari ini bagaimana kes penculikan yang berlaku di Sabah dan sebagainya. Begitu juga tentang keselamatan anak-anak kita hari ini dan begitu juga kalau kita tengok hari ini anak-anak kita bila pergi ke sekolah terutamanya anak-anak perempuan, selagi kita tidak melihat kelibat mereka balik ke rumah, selagi itu kita rasakan perasaan kita agak tidak tenteram. Begitu juga kadang-kadang isteri kita bila keluar malam pergi *outstation* dan sebagainya, kita merasakan kebimbangan. Persoalan dia, kenapa peruntukan ini dikurangkan begitu banyak.

Kedua, persoalan saya juga ialah bilakah kerajaan hendak berikan pengerusi kepada Majlis Keselamatan Negeri ini diberikan kepada Menteri Besar ataupun Ketua Menteri yang memerintah sebuah negeri. Walaupun ia bukan daripada parti kerajaan yang memerintah di peringkat pusat. Ini kerana perkara ini, sebelum saya ingat waktu zaman Tun Abdul Razak dahulu Almarhum, ketika PAS memerintah di Kelantan, pengerusi kepada Majlis Keselamatan Negerinya terdiri daripada kalangan Menteri Besar. Selepas itu sudah diambil alih oleh pihak pusat.

Ketiga ialah berkenaan dengan B.6 iaitu Butiran 050000 – JAKIM. Berkenaan dengan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM). Saya hendak cadangkan, tadi ada Senator— tidak ada. Saya melihat tentang JAKIM kena main peranan walaupun kita lihat gaji tok imam hari ini naik sampai RM800. Akan tetapi, saya *dok* melihat tentang bagaimana kualiti imam-imam terutamanya imam-imam di kampung-kampung yang kita lihat agak daif sangat. Kalau saya, bukanlah saya kata saya ini lebih baik tetapi kalau mengikut dari segi Mazhab Syafie, kalau kita tengok imam itu baca lebih teruk daripada kita. Maka, kita tidak boleh ikut dia. Tidak sah.

Saya melihat terutamanya dalam konteks yang kita tengok ada tok-tok imam yang agak daif bacaan dia. Yang kita lihat dari segi makhrajnya, tajwidnya yang saya rasakan perlu pihak ILIM ini panggil mereka itu buat kursus. Ini penting untuk kita melihat kredibiliti mereka. Begitu juga dengan mereka biarlah kita berikan mereka dari segi pidatonya supaya mereka ini dari segi *faridul khitobah* dari segi *public speaking*—nya agak baik terutama untuk hendak membaca khutbah. Biar khutbah itu agak segar. Biar khutbah itu yang dibacakan kerana ini adalah merupakan nasihat daripada imam kepada ahli kariahnya pada setiap minggu. Sepatutnya segala isi yang diberikan itu biarlah bernas yang menepati dengan kehendak yang ada kepada masyarakat tempatan.

Kalau boleh ini benda ini berlatih oleh pihak ILIM. Ini kerana tok imam hari ini, kita berikan elaun yang agak tinggi dan saya tidak mahu juga kerana pernah ada berlaku kes ini ada sesetengah pengerusi masjid letak jawapan fasal hendak ambil rebut jawatan tok imam. Fasal tok imam boleh elaun, pengerusi masjid tidak boleh elaun. Ini juga berlaku. Kita harapkan— tidak apalah isu soal lain. Soal dia hendak elaun tak elaun, tidak mengapa yang penting saya hendak supaya kualiti imam ini mesti ada. Kualiti imam ini mesti ada. Yang Berhormat Arau mungkin setuju, negeri sunah mesti tengok imam ya. Oleh sebab itu kita harapkan ini benda yang perlu diambil perhatian oleh pihak ILIM dengan bajet yang ada ini untuk diberikan kursus kepada tok imam.

Akhirnya, berkenaan dengan B.6 juga Butiran 390000 iaitu Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) iaitu sudah tentu antara kewujudan dia ialah untuk hendak mengawal keselamatan jalan raya. Jadi kita tengok sejak ada SPAD ini makin teruk lagi ada, bukan semakin baik. Ini satu persoalan. Saya ini sudah takut nak naik bas sebenarnya. Dahulu antara saya tengok selain daripada saya naik bas— kerana bas. Akan tetapi apabila kita lihat kenderaan bas terutama waktu malam. Cuba bayangkan kita dari Alor Star pukul 12.00 malam, 5.30 sudah sampai ke— daripada Alor Star ke Jalan Duta pukul 12.00 malam, pukul 5.30 sudah sampai dekat dengan Jalan Duta. Lima jam setengah. Kita bayangkan, kalau lintas benda sesuatu, memang ada

pilihan raya barulah pendek kata. Oleh sebab itu kita pun takut juga. Oleh sebab itu kita harapkan pihak SPAD ini jangan fikir untuk hendak fikir benda ini sahaja. Dia perlu fikirkan soal keselamatan.

Kedua ialah berkenaan saya tengok dari segi *driver-driver* pula kadang-kadang— ini pengalaman saya sendiri. Bagaimana perjalanan saya, saya terpaksa tengok apabila *driver* itu huyung-hayang. Saya minta pada dia, saya hendak berhenti sekejap R&R. Waktu saya turun berhenti itu, dia tidur di atas stereng dia. Makna dia mengantuk sangat. Cuba bayangkan kerana punca dia pasal seorang *driver*. Walaupun diletakkan kononnya ada dua, ada *co-pilot*. Akan tetapi si malamnya kita tengok semua bas ini semua raja jalan raya. Semua raja jalan raya. Oleh sebab itu pihak SPAD ini perlu ambil perhatian dalam konteks ini kerana mereka terutamanya mereka hendak kejar *trip*. Kebanyakan kemalangan di lebuhraya ini dua yang saya tengok, terutama punca daripada soal lori dan juga daripada bas. Mereka kita tengok mereka rasa hendak potong, potong. Mereka hendak ambil kanan, dia ambil kanan. Kita terpaksa brek dengan mengejut.

Oleh sebab itu, penguat kuasa perlu kena ada gabungan antara JPJ, polis dan sebagainya perlu pantaulah kerana ini soal keselamatan yang kita rasakan tidak boleh untuk kita hendak bertolak ansur dalam perkara ini. Kita tidak hendak rakyat kita lebih banyak mati di jalan raya daripada untuk mempertahankan negara di perbatasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi: Rompin

12.17 tgh.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan B.6, 080000 – Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Kita dapati perkembangan pelaksanaan mahkamah syariah di Malaysia sangatlah perlahan dan tidak seharusnya berlaku setelah kita merdeka sekian lama dan tidak ada penyelarasan kewujudan mahkamah syariah di antara negeri-negeri supaya sistem kehakiman di mahkamah syariah itu lebih diyakini oleh masyarakat Islam mahupun masyarakat bukan Islam melihat sistem kehakiman.

Kalau kita melihat undang-undang syariah dalam negara kita telah wujud beratusan tahun telah wujud dan bila kita dijajah, undang-undang itu bergerak ataupun *parallel* dengan undang-undang sivil. Bila kita merdeka pun undang-undang syariah ini berjalan seperti biasa *parallel to* mahkamah sivil seperti juga undang-undang adat yang lain di Sarawak, di Negeri Sembilan, dia berjalan begitu baik. Seharusnya *infrastructure civil law* yang ada di dalam negara kita ini harus dipergunakan oleh JAKIM untuk

menerapkan sistem Mahkamah Syariah yang menyeluruh standard sama dan boleh difahami dengan mudah oleh masyarakat bukan Islam dan juga masyarakat Islam.

■1220

Seperti saya katakan tadi, mahkamah undang-undang syariah telah bergerak selari dengan undang-undang sivil dalam negara kita ini ratusan tahun. Dalam tulisan oleh bekas Ketua Hakim Negara dalam bukunya, *'The Truth Shall Prevail'* banyak mengutarakan cadangan-cadangan bagaimana diharmonikan di antara undang-undang syariah dan undang-undang sivil dalam negara kita ini. Tidak harus ada kebimbangan di kalangan masyarakat Islam ataupun bukan Islam bila menghadapi dengan sesuatu masalah umpamanya dari segi keluarga, masalah pembahagian harta dan sebagainya.

Kita mengalu-alukan usaha kerajaan untuk menjelaskan lagi umpama dalam kes perkahwinan di antara Mahkamah Sivil dengan Mahkamah Syariah dan ini boleh menjelaskan banyak perkara yang ditimbulkan dalam masyarakat kita sama ada di kalangan masyarakat Islam mahupun masyarakat bukan Islam. Umpamanya kalau kita lihat, saya bukanlah peguam syariah ataupun peguam sivil tetapi selaku Pengerusi PERKIM negeri Pahang, saya banyak berhadapan dengan masalah-masalah di kalangan saudara baru, perkahwinan campur, di kalangan anak masuk Islam tidak dibenarkan ibu bapa dan sebagainya.

Kita dapati dalam undang-undang Islam perkara pokok keadilan itu adalah satu perkara yang akan ditegakkan. Malah kalau kita mengambil potongan ayat Al-Quran, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran], "Adil itu hampir-hampir dengan takwa"*. Ini prinsip keadilan. Boleh saya mengambil contoh kalau orang Islam, orang bukan Islam dia kaya, dia ada masalah dengan keluarga dia, isteri dia katakanlah dia ada anak, dia pun masuk Islam untuk lari daripada pembahagian harta umpamanya. Dia tidak hendak bagi harta kepada isteri dia ataupun anak dia.

Seharusnya dalam kaedah ini sama ada undang-undang sivil atau undang-undang syariah harus memberi keadilan kepada isteri dia dan anak dia untuk menuntut harta sepencarian sama ada di Mahkamah Sivil. Oleh sebab itu Mahkamah Syariah harus lebih bersedia untuk diperkasakan untuk membolehkan sama ada waris dia untuk menuntut di Mahkamah Sivil atau di Mahkamah Syariah.

Umpamanya di kalangan Mahkamah Syariah dengan jelas lebih terperinci dari segi hukum pembahagian harta, umpamanya isteri boleh menuntut harta sepencarian dan si kaya ini waris bapa dia, adik-beradik dia boleh— katakanlah ada kematian di kalangan orang yang masuk Islam itu dia mati. Harta dia bagaimana? Keadilan boleh dituntut sama ada di Mahkamah Syariah atau di Mahkamah Sivil. Jadi undang-undang Mahkamah Syariah itu harus diperkasakan dan memberi keadilan. Dalam Mahkamah

Syariah sangat jelas dari segi pembahagian harta di mana kalau seseorang itu mati, isteri dia, anak-anak dan juga adik-beradik dia pun ada hak ke atas harta dia dalam rangka pembahagian harta walaupun dia telah Islam tetapi waris dia bukan Islam harus diberi satu kesempatan untuk menuntut sama ada di Mahkamah Sivil atau di Mahkamah Syariah.

Oleh itu, saya menyuruh JAKIM supaya walaupun kita faham agama ini adalah kuasa Raja-raja tetapi itu bukanlah penghalang untuk kita memperkasakan Mahkamah Syariah, untuk kita memperkasakan sistem kehakiman dalam negara kita ini.

Di antara perkara yang ditulisi oleh bekas hakim ialah tentang hukum Mahkamah Syariah ini yang ditakuti undang-undang syariah ini ialah *ignorant*, dengan izin dan prejudis. Dua perkara ini harus diperjelaskan oleh JAKIM bagaimana undang-undang syariah ini jangan menimbulkan ketakutan kepada orang bukan Islam ataupun kejahilan yang tidak memahami hukum syariah ini menyebabkan orang takut kepada Mahkamah Syariah walhal *ignorant* dengan izin *fierce* adalah dua perkara yang menghalang untuk difahami oleh masyarakat kita.

Saya ambil contoh yang mudah *Islamic banking* dan takaful. Ia digubal oleh para profesional *Islamic banking* dan takaful. Dia bergerak bersama dengan konvensional, sistem konvensional dan masyarakat boleh memilih sama ada mereka mahu konvensional atau syariah. Kita lihat akhirnya telah menjadi satu budaya dan dalam perniagaan hari ini orang bukan Islam pun telah memilih banyak sistem *Islamic banking* yang dilihat umpamanya kalau dari urus niaga, pinjaman dalam di mana kadar *interest*, bila kadar *interest* rendah memilih untuk islamik *banking* itu lebih baik untuk lebih bagus diikuti atau diambil perhitungan dalam perniagaan.

Jadi masalah di antara undang-undang syariah dan undang-undang sivil dia harus diharmonikan dan diberi faham kepada masyarakat Islam dan bukan Islam tentang kewujudan dua undang-undang ini telah bergerak bersama dalam ratusan tahun dalam negara kita ini. Yang pentingnya adalah JAKIM harus memainkan peranan yang lebih agresif untuk memperkasakan undang-undang syariah dan memberi ruang masyarakat memahami dengan betul khususnya di kalangan masyarakat bukan Islam supaya keadilan dapat ditegakkan dalam negara kita ini dalam kedua-dua sistem ini. Jadi saya berharap JAKIM lebih agresif tentang masalah ini.

Manakala yang kedua, ialah B.4 iaitu Suruhanjaya Pilihan Raya. Kita berharap Suruhanjaya Pilihan Raya lebih agresif juga dalam umpamanya hari ini tuntutan baju kuning tentang mahu satu pilihan raya yang bersih. Saya pun tidak begitu jelas apa dia bersih dari segi aspek. Mana yang mereka lihat. Ini Suruhanjaya Pilihan Raya harus pergi ke seluruh negara membuat dialog, *engagement* dengan semua masyarakat dan

mendapatkan *feedback* oleh kerana seperti saya katakan saya bimbang budaya yang ditunjukkan oleh sama ada baju kuning atau baju merah suatu budaya yang cukup membimbangkan boleh mencetuskan keadaan yang tidak baik dan kita bimbang juga.

Seorang Ahli: Masa sudah habis sudah.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Oh, habis sudah.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Saya tidak ditegur oleh Tuan Yang di-Pertua. Sepatut Tuan Yang di-Pertua tegur saya bukan Yang Berhormat Kelana Jaya tegur saya. Jadi selagi Tuan Yang di-Pertua tidak tegur saya...

Seorang Ahli: Habiskan.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Jadi kebimbangan saya dalam negara kita hanya ada dua sistem sahaja dalam memerintah negara. Satu, Raja Berperlembagaan Berdemokrasi atau kalau ini pun rakyat tolak kembali kepada Sistem Beraja.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya, dua sistem sahaja, ini pilihan rakyat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: *Technician*, ambil perhatian. Saya sendiri tidak dengar tadi masa sudah berakhir. Tolong kuat lagi *volume* itu. Sila Yang Berhormat Ipoh Barat.

12.29 tgh.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak pergi ke isu SPR Butiran 010000. Tuan Pengerusi saya hendak ambil tahu bilakah Timbalan Pengerusi SPR telah bersara? Bilakah jawatan itu akan diisi oleh pihak-pihak berkenaan mengikut artikel 114 *Federal Constitution*. Saya juga ingin mengambil tahu apakah sebab *election commission* sekarang mengadakan *inquiry* semasa Parlimen bersidang. Bukankah mereka patut *people orientated*, patut berada selepas pada hari Sabtu, Ahad atau pada waktu malam kerana ramai di antara yang ingin membantah itu adalah orang biasa.

■1230

They are not lucky as you and I who are at air conditioner place, fighting for the people, at least in the name's sake. [Tepuk] Ini perlu kita fikir kerana ramai antara kita ingin mempelawa mereka datang untuk melihat *inquiry* itu, tidak dapat datang, Tuan Pengerusi kerana mereka bekerja atau tidak dapat bercuti dan sebagainya. *The ordinary people of this country*. Maka, fungsi utama *Election Commission* telah kalah, telah salah.

Tuan Pengerusi, kedua adalah perkara YBGK. Saya telah bangkitkan pada hari pertama Parlimen bersidang semasa *Sabah Law Association Bill* sedang di-*debate*. Saya telah mengatakan bahawa setakat ini lebih kurang RM15 juta sedang tertunggak kepada peguam-peguam di negara ini yang berkhidmat untuk masyarakat miskin yang mana kalau tengok dalam satu jam saya bahas mengenai keperluan YBGK dan peranan mereka di negara ini, apakah sebab sehingga hari ini bayaran tidak dibuat kepada peguam-peguam yang rela untuk menolong para masyarakat miskin yang telah memenuhi, *have already satisfied the main test under the* undang-undang? Maka dengan memberhentikan atau melambatkan ini, ramai di antara mereka tidak mendapat peguam. Ramai di antara mereka adalah dari golongan miskin.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin tahu mengenai Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK), Butiran 240000. Saya hendak tahu setakat ini, saya difahamkan ramai di antara *Judicial Commissioners* masih dalam sistem kontrak. Dua tahun, selepas dua tahun, dua tahun. Apakah kriteria yang digunakan? Kenapa sehingga sekarang mereka tidak dapat di-*elevate*-kan kepada sebagai hakim di Mahkamah Tinggi? Ramai di antara mereka juga diberikan kontrak-kontrak bukan sahaja di Mahkamah Tinggi tetapi juga di Mahkamah Persekutuan. Apakah kriteria yang digunakan? Kenapa kita perlukan hakim-hakim yang telah bersara diberikan peluang balik untuk bekerja sementara sebagai kontrak satu tahun, dua tahun walhal kita ada hakim-hakim yang bijaksana di Mahkamah Rayuan dan sebagainya? Kenapa mereka tidak diberikan peluang? Adakah mereka di-*sideline* dalam proses tersebut?

Saya juga pada hari pertama Parlimen bersidang, Tuan Pengerusi, telah membangkitkan bahawa keperluan mengadakan satu *common law exam, common system exam* untuk semua peguam di negara ini. Asas saya adalah kerana kita ada peguam-peguam yang tidak ada kelulusan atau pencapaian akademik yang boleh diguna pakai dalam sistem mereka bekerja di pejabat peguam atau di mahkamah. *There is over productions of lawyers in this country*. Nampaknya ada lebih kurang 3,000 orang peguam dikeluarkan pada setiap tahun. *There is over production* dan apakah sistem yang digunakan supaya kita ada satu standard supaya dapat merangkumi semua peguam di negara ini?

Yang kita ada sekarang adalah seperti yang saya telah ucap pada hari pertama semasa *debate Sabah Law Association*, saya katakan kerana *in house exam*. Kita perlu *external*. Apabila kita kata profesional, kita cakap Tuan Pengerusi sebagai *barrister*, kita ada *external exam*, kita ada peperiksaan untuk doktor-doktor tetapi untuk peguam-peguam di negara ini macam di universiti-universiti tempatan, mereka ada empat tahun dalam *course* itu adalah *in house exam*, peperiksaan dalaman. Saya syorkan bahawa ia

dikurangkan kepada tiga tahun *academic year* di *theoretical system* untuk tiga tahun dan tahun akhir sekali, *common law exam* macam ramai di antara kita yang menduduki peperiksaan SPM, HSC dan sebagainya. *External exam. There is an external examiner* supaya ini akan memberikan satu kekuatan kepada profesionalisme dalam bidang guaman.

Tuan Pengerusi, semalam saya telah berbincang dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri kerana perkara-perkara yang saya bangkitkan mengenai *International Criminal Court* dan *the Rome Statute of the International Criminal Court* yang mana pada tahun 2011 selepas kita ada satu forum *inter-Parliamentary* di Parlimen ini, Kabinet telah bersetuju untuk menjadi anggota. Akan tetapi sudah lebih lima tahun, lagi... *[Tidak jelas]*

Semalam Yang Berhormat Menteri Luar Negeri berkata kepada saya bahawa sekarang Kementerian Luar Negeri telah pun memberi semua sokongan, telah memberikan semua dokumen berkenaan kepada Peguam Negara. *Now, it is sitting in* Peguam Negara. Saya difahamkan Peguam Negara yang dulu pun sama juga. Saya harap kita ada satu, *a new rethinking* kerana, Tuan Pengerusi, *the bosses are the Cabinet*. Kalau sedemikian, *government servants must follow up* arahan Kabinet. Kalau Kabinet telah bersetuju untuk menjadi anggota *International Criminal Court*, tidak patut ada apa-apa halangan.

Saya harap Peguam Negara akan mengambil serius-seriusnya mengenai perkara tersebut. Dan adakah benar yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri— saya percaya adalah benar— mengatakan bahawa semua dokumentasi itu ada dengan Peguam Negara untuk kelulusan sahaja? Supaya kita boleh menjadi anggota *International Criminal Court* dan sekali gus apabila MH17 itu ditembak, *International Criminal Court* boleh siasat perkara tersebut. Kita tidak perlu satu tribunal seperti yang dicadangkan oleh kerajaan di mana Rusia veto.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, adalah mengenai *Arms Trade Treaty*. Saya difahamkan juga dua tahun dahulu di mana kita telah menandatangani *Arms Trade Treaty* tetapi belum diratifikasikan. Saya hendak tanya bilakah proses itu akan habis? Supaya kita juga akan menikmati *transparency* dalam pembelian senjata-senjata di luar negara, senjata-senjata yang sedia ada di negara. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, sila Yang Berhormat Gerik.

12.36 tgh.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama Butiran B.1 mengenai Parlimen. Sejauh mana persiapan untuk mempersiapkan Bangunan Parlimen dapat dijelaskan oleh pihak kerajaan? Kerana pada hari ini kita tengok cukup sesak di mana tidak tahu bila Parlimen Malaysia yang sedang dibaiki ini boleh diselesaikan.

Butiran B.4 berkenaan dengan SPR. Butiran 030000 berkenaan dengan persempadanan semula. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan supaya yang dibuat oleh SPR negeri-negeri ini, bagaimana kedudukannya? Ia akan dibawa balik ke Parlimen atau pun apabila kita tidak ada *complain* di peringkat SPR di tiap-tiap negeri, maka terpakai atau tidak persempadanan atau pun perubahan PDM-PDM antara DUN, antara Parlimen, berlaku atau tidak?

Seterusnya SPA dalam Butiran B.5. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan. Pada tahun 2016, berapa PTD telah dipanggil untuk temu duga dan berapakah yang telah dijayakan? Dalam masa yang sama, saya mohon kerajaan menjelaskan pada tahun 2017, berapa pegawai-pegawai baru untuk diisi dalam PTD dan di-*interview* pada bulan berapa?

Seterusnya dalam Butiran B.6, FELDA di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya berterima kasih kerana FELDA di seluruh negara terutama tempat saya, Felda Bersia dan Felda Lembang Nenering nampaknya berjalan dengan baiklah. Soal ada sedikit sebanyak tidak puas hati di kalangan peneroka itu perkara biasa. Cumanya, saya memohon dalam Parlimen ini, di bawah FELDA, supaya permohonan masjid baru di Felda Bersia, di mana masjid yang ada telah dibina pada tahun 60-an supaya dapat dibuat baru. Masjid di Felda Bersia.

Perkara B.6, Biro Tatanegara. Saya juga mohon penjelasan daripada pihak kerajaan, bagaimana kedudukan Biro Tatanegara yang kita tidak tahu perkembangannya setakat ini?

Dalam Butiran B.6 lagi, Unit Perancang Ekonomi (EPU). Saya masih tidak jemu sehingga hari ini tidak dapat jawapan berkenaan Rancangan Malaysia Kesebelas di bawah EPU sama ada jalan yang kita minta yang telah dijanjikan oleh Menteri Besar yang lalu di negeri Perak iaitu dari Kampung Tasek di Pengkalan Hulu menembusi jalan Gerik-Kupang yang nilainya mungkin lebih daripada RM200 juta. Kedua yang saya ingin pihak EPU melihat ialah jalan daripada Parlimen Gerik juga iaitu daripada Kampung Pahat ke Kampung Pahit. Saya anggarkan dalam RM15 juta.

Seterusnya dalam B.6 juga, ICU. Saya merayu kepada pihak kerajaan supaya kontraktor kelas F yang mendapat dua, tiga projek tetapi tidak mencapai *threshold*

RM500,000 dikecualikan daripada dikenakan cukai GST. Kalau kerajaan mengenakan kepada mereka yang tidak mencapai *threshold* RM500,000, mungkin dua projek RM60,000, RM60,000, RM120,000, dikenakan GST, alangkah malangnya pihak kontraktor tersebut.

■1240

Dalam B.6 – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Saya juga melihat perkembangan tahfiz cukup menyeluruh di seluruh tempat, apa salahnya, bagaimana kaedah untuk menasihati tahfiz-tahfiz yang tumbuh supaya pihak tenaga pengajarnya dapat dibayar gaji oleh pihak JAKIM.

Dalam B.6 juga suka saya menarik Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, satu-satunya jabatan yang kita melihat hari ini terutama bila saya melihat dalam Parlimen saya Gerik dengan aktiviti dan program. Cuba kita lihat peruntukan tidak bertambah, supaya pihak Jabatan Perdana Menteri melihat semula kerana ini antara satu jabatan yang dapat memupuk perpaduan di kalangan masyarakat di peringkat bawah terutama di taman-taman dengan wujudnya Jabatan Perpaduan, Rukun Tenaga, SRS dan Skim Rondaan. Di mana saya cukup yakin Jabatan Perpaduan sebenarnya satu-satunya antara jabatan yang boleh memberi penyelesaian untuk segala-galanya di peringkat bawah, di samping mungkin ada satu *Blue Ocean* perpaduan di antara RELA, JPAM dan pelbagai lagi.

Masih lagi dalam B.6 – NCIA. Saya melihat pertamanya, di kawasan pelancongan dalam Parlimen saya, Royal Belum. Saya berterima kasih kerana pihak NCIA telah menyiapkan jeti awam yang mungkin boleh dipakai pada bila-bila masa. Akan tetapi apa yang paling penting lagi bukan sekadar di Royal Belum, supaya pihak NCIA juga melihat perkara-perkara lain sebagai pemangkin boleh menarik pelancongan datang ke Gerik. Antaranya pelancongan naik Gunung Kenderong dan juga Gunung Kerunai yang mana agak sukar tetapi ini boleh difokuskan.

Kedua, Gunung Sejuk di Kuak Hulu yang boleh kita buat penerjunan *paragliding*. Saya tengok dia lompat daripada bukit ke bawah kan. Ini satu *view* yang paling cantik. Saya berharap NCIA bersama pelancongan melihat perkara tersebut, bagaimana boleh diperkasakan *paragliding* di Kuak Hulu, Bukit Sejuk bersempadan dengan Betong, Thailand maka ia menjadi satu tarikan baru pelancongan di tempat saya. Dalam masa yang sama saya melihat dalam Parlimen Gerik mempunyai tanah-tanah yang baik untuk tanaman Musang King.

Saya minta supaya NCIA dan Jabatan Pertanian fokuskan supaya di kawasan-kawasan tanah yang sesuai untuk tanaman durian Musang King ini yang memberi pulangan dan pendapatan yang lumayan kepada penduduk dapat diperkasakan. Dalam

masa yang sama saya berharap supaya pihak EPU juga untuk masa hadapan yang saya percaya TN50 untuk membina rel kereta api di kawasan Hulu Perak yang menghubungkan antara Pantai Barat-Pantai Timur dan mungkin boleh menghubungkan dengan Selatan Thailand untuk dirancang. Mungkin tidak berjaya dalam masa 10-20 tahun tetapi saya berharap supaya satu perancangan yang dibuat oleh EPU untuk membina jalan kereta api ini ada di Daerah Hulu Perak sesuai untuk pelancongan, sesuai dalam pelbagai perkara demi menjadikan Gerik sebagai satu kawasan destinasi pelancongan yang boleh diingat oleh mana-mana pihak sekalipun.

Dalam pada itu saya minta juga supaya di bawah B.7 – JPA. Berapakah peluang pekerjaan telah dibuka kepada rakyat pada tahun 2016? Kemudian bolehkah pihak kerajaan menjelaskan pula pada 2017, bukan sekadar PTD tetapi peluang pekerjaan yang ada di dalam sektor kerajaan ini dapat dijelaskan kepada Dewan yang mulia ini. Dengan ini saya menyokong dalam Jawatankuasa untuk Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Taiping.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Taiping, kasi laluan masa Yang Berhormat Permatang Pauh dulu ya? Boleh? Sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

12.45 tgh.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Taiping. Saya hendak mengambil bahagian dalam peringkat ini. Maksud Bekalan B.1 – Parlimen. Tuan Pengerusi saya merujuk kepada Maksud Butiran 010000 – Urusan Parlimen, Butiran 010200 – Pengurusan Dewan.

Tuan Pengerusi, terdapat beberapa isu yang saya ingin bangkitkan. Sepanjang 59 tahun negara kita mencapai kemerdekaan, tidak pernah berlaku dalam sejarah rekod Parlimen Dewan Rakyat sesuatu pencapaian yang luar biasa kecuali dalam era Yang Amat Berhormat Pekan. Sejak bermulanya era Yang Amat Berhormat Pekan pada 3 April 2009 sebagai Perdana Menteri satu sejarah telah dicipta dengan zaman paling ramai Ahli Parlimen yang digantung selama enam bulan, Ahli Parlimen yang paling ramai telah diperintah keluar Dewan dan paling banyak soalan lisan yang telah ditolak oleh Dewan.

Saya ingin menamakan di Dewan yang mulia ini senarai yang pernah digantung selama enam bulan iaitu antaranya:

- (i) Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim;
- (ii) Yang Berhormat Tuan Karpal Singh;

- (iii) Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang;
- (iv) Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali;
- (v) Yang Berhormat Tuan R. Sivarasa;
- (vi) Yang Berhormat Tuan Gobind Singh Deo dan
- (vii) Yang Berhormat Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan, dua kali.

Ini termasuk Yang Berhormat Tuan Lim Lip Eng, Parlimen Segambut yang bakal menghadapi usul digantung selama enam bulan dalam sidang ini yang akan dikemukakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri tanpa dirujuk terlebih dahulu kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Parlimen.

Tuan Pengerusi, usul untuk mengangkat institusi Parlimen negara ini ke peringkat yang lebih tinggi melalui Reformasi Parlimen telah dilaksanakan setakat ini dan amatlah dihargai Tuan Pengerusi. Namun demikian antara perkara yang amat dituntut jaminan imuniti Parlimen sebagai institusi cabang kuasa tertegak dalam demokrasi berparlimen. Terdapat pelbagai usaha terkini yang telah dilakukan oleh pelbagai pihak untuk meragut hak dan keistimewaan Ahli-ahli Parlimen dengan menyalahgunakan dan menyalahafsirkan undang-undang seperti Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Hasutan 1948.

Reformasi Parlimen ini bermaksud menghormati kedaulatan institusi Parlimen, *respect the supremacy of Parliament*. Maka di mana kedaulatan dan jaminan imuniti jika Ahli Parlimen sentiasa diancam dan pelbagai tindakan undang-undang dan dikenakan pelbagai sekatan sedangkan mereka ini diwakili oleh rakyat untuk berbahas dan berucap berkenaan masalah dan isu rakyat yang ingin mendapat jawapan. Ahli Parlimen telah dipilih oleh rakyat Tuan Pengerusi.

Jadi Tuan Pengerusi sekali lagi, peranan Ketua-ketua Whip juga saya hendak masuk, tidak wujud dalam peraturan mesyuarat. Iaitu wujud sebagai satu persefahaman tetapi bukan sebagai satu fungsi yang dijamin dan tertera dalam peraturan mesyuarat. Sejak 2008 di mana keanggotaan Ahli Dewan Rakyat telah bertambah kepada 222 orang. Justeru ini ia memungkinkan Dewan Rakyat akan mempunyai Ahli-ahli pembangkang yang ramai daripada pelbagai parti.

Jadi peranan Ketua Whip penting dan tidak mungkin akan dapat diuruskan hal ehwal pembangkang oleh Ketua Pembangkang semata-mata. Justeru Ketua-ketua Whip ini turut memikul beban, tugas dan tanggungjawab sebagai membantu kelancaran dan kelicinan perjalanan persidangan. Jadi kesimpulannya Tuan Pengerusi, saya mencadangkan agar dipertimbangkan kepada mana-mana Ahli Dewan yang secara rasminya dilantik menjadi Ketua Whip dengan diberikan kemudahan-kemudahan tertentu.

Tuan Pengerusi, masa perbahasan terutama ketika sidang belanjawan dari pengamatan saya sejak menjadi Ketua Pembangkang pada tahun 2008 dan silih berganti dengan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim terlalu padat. Waktu yang diperuntukkan bagi tujuan perbahasan belanjawan adalah minimum. Mengikut aturan mesyuarat, enam hari diberikan untuk membahaskan dasar, tiga hari bagi mendapat jawapan kerajaan dan tujuh hari bagi peringkat Jawatankuasa. Apakah ini munasabah? Tiga hari jawapan kerajaan, kadangkala tidak dijawab langsung.

■1250

Jadi, hal ini mengakibatkan peluang perbahasan untuk Ahli-ahli Parlimen Dewan daripada pembangkang terbatas sehingga perlu dilanjutkan semata-mata untuk menampung kekurangan jumlah hari yang diperuntukkan bagi membahaskan belanjawan. Dalam sesi sidang kali ini, kecuali dalam minggu pertama, perbahasan belanjawan di Peringkat Dasar dan Jawatankuasa terpaksa dilanjutkan sehingga larut malam. Oleh yang demikian, Ahli Dewan terpaksa menjalankan tugas selama lebih daripada 12 jam setiap hari. Ini amalan yang tidak sihat kerana ia bukan sahaja melibatkan hal kehadiran Ahli-ahli Dewan, termasuk juga pegawai-pegawai kerajaan, kakitangan Parlimen yang terpaksa bertugas sehingga larut malam. Kadangkala kantin tidak ada apa untuk dijual untuk makan.

Amalan ini boleh menjejaskan kesihatan diri dan kesuntukan masa persediaan Ahli Dewan untuk tujuan perbahasan pada hari esoknya. Sudahlah jumlah jawatan anggota Dewan bertambah, jumlah persidangan pula tidak bertambah tetapi sebaliknya waktu persidangan dilanjutkan sehingga tengah malam. Sehubungan itu, saya mencadangkan agar satu perancangan yang lebih teliti dilakukan agar jumlah hari perbahasan belanjawan diadakan tidak kurang daripada 20 hari persidangan bagi tahun-tahun yang mendatang *insya-Allah*.

Jadi Tuan Pengerusi, saya masuk kepada Bekalan 2 – Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja. Butiran 020000 – *One-Off*. Tuan Pengerusi, pada 7 Jun 2016, Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (MKN) 2015 telah diwartakan sebagai undang-undang. Sekalipun ia diwartakan tanpa mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong dan mengetepikan ketetapan Mesyuarat Majlis Raja-Raja. Saya ingin memetik kenyataan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Yang Berbahagia Datuk Seri Syed Danial bin Syed Ahmad yang dilaporkan Bernama pada 17 Februari 2016 bahawa Majlis Raja-Raja berpendapat bahawa beberapa peruntukan dalam Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (MKN) perlu diperhalusi.

Majlis Raja-Raja menzahirkan pandangan itu selepas Peguam Negara - Tan Sri Mohamad Apandi Ali menyembahkan taklimat mengenai dalam rang undang-undang

tersebut pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja yang ke-240 di Istana Negara di sini hari ini. Namun demikian, Akta MKN telah diwartakan dalam keadaan ia tidak mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, amalan ini adalah satu yang jarang berlaku dalam sistem demokrasi negara kita. Soalan saya, sejauh mana kerajaan mengambil kira ketetapan Mesyuarat Majlis Raja-Raja yang meminta supaya Rang Undang-undang MKN diperhalusi? Saya juga ingin tahu apakah alasan kerajaan mengetepikan perkenan Ke Bawah Duli Yang di-Pertuan Agong sehingga akta ini diwartakan secara tergesa-gesa. Saya ingin ambil kembali Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja pada 6 Oktober yang melaporkan kenyataan di mana Raja-Raja Melayu melahirkan rasa kesah dan kebimbangan kerana menyentuh kritikan terhadap kredibiliti dan integriti kerajaan dalam melaksanakan amanah rakyat mentadbir negara.

Saya masuk kepada Maksud Bekalan 8 – Jabatan Peguam Negara. Tuan Pengerusi, maksud Butiran 030000 – Hal Ehwal Antarabangsa. Pada 28 Julai 2006, bertempat di Kuala Lumpur, Kerajaan Malaysia dan Amerika Syarikat telah memeterai perjanjian *Mutual Legal Assistance* (MLA) yang telah pun berkuat kuasa pada 21 Januari 2009, pada artikel 2, seksyen 2, dengan izin Tuan Pengerusi, “*For Malaysia the central authority shall be the Attorney General or a person designated by the AG*”.

Di sini jelas bahawa jawatan Peguam Negara memikul tanggungjawab pertama menjadi koordinasi di peringkat antarabangsa, terutamanya berkaitan dengan undang-undang. *Mutual legal assistance* ini penting bagi tujuan mengumpul dan bertukar maklumat dalam usaha untuk menguatkuasakan undang-undang dan mendakwa pesalah yang terlibat. Banyak negara telah melaksanakan kerjasama melalui MLA sebagai salah satu mekanisme untuk mendapatkan bahan bukti sebelum pendakwaan dijalankan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa Jabatan Peguam Negara Switzerland, dengan izin, *Office of the Attorney General of Switzerland* telah mengemukakan MLA kepada Malaysia 29 Januari 2016. Izinkan saya memetik kenyataan media OAG Switzerland berkaitan dengan permohonan MLA tersebut di bawah tajuk, “*Office of the Attorney General of Switzerland requests Malaysia for mutual assistance: As part of the criminal proceedings opened on 14 August 2015 against two former officials of the Malaysian state-owned fund 1MDB and persons unknown on suspicion of bribery of foreign public officials (Art. 322septies Swiss Criminal Code (SCC)), misconduct in public office (Art. 314 SCC), money laundering (Art. 305bis SCC), and criminal mismanagement (Art. 158 SCC), the Office of the Attorney General of Switzerland (OAG) has requested the Malaysian authorities for mutual assistance. Cooperation between the two countries was already discussed at a*

meeting in Zurich on 15 September 2015 between the Swiss Attorney General and his Malaysian counterpart. This request for mutual assistance now puts the agreement in principle that was reached into concrete terms.”

Jadi, saya hendak tanya soalnya. Mengapa Jabatan Peguam Negara begitu lambat dan masih belum memberikan sebarang bantuan pada AG Switzerland meskipun sudah dua kali permohonan dibuat? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

12.55 tgh.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh P.6 Butiran 00102 – Projek Kemiskinan Semenanjung/Sabah/Sarawak dan 71000 – Penyelarasan Program Pembasmian Kemiskinan. Tuan Pengerusi, saya melihat bahawa hari ini dan selama ini kerajaan kita telah banyak menyediakan program-program dalam soal pembasmian kemiskinan yang saya kira telah menelan banyak peruntukan dan belanja yang telah disalurkan oleh pihak kerajaan semata-mata untuk melihat masyarakat sama ada di bandar ataupun di luar bandar keluar daripada kepompong kemiskinan.

Tuan Pengerusi, dalam soal ini saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Selama ini berapa banyak kah yang telah keluar daripada projek dan penyelarasan program pembasmian kemiskinan ini? Sama ada di peringkat kebangsaan ataupun secara khususnya di negeri Sabah dan lebih terperinci lagi di kawasan saya, Tuan Pengerusi. Kita melihat bahawa kerajaan hari ini kita tidak mahu melihat beberapa program berkenaan dengan pembasmian kemiskinan ini tidak mencapai matlamat yang telah kita inginkan sebenarnya, Tuan Pengerusi.

Satu lagi Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Butiran 04801 – Pembinaan Masjid/Surau dan Pembaikan/Naik Taraf. Tuan Pengerusi, saya juga seperti mana kawasan-kawasan yang lain juga, terdapat beberapa masjid dan juga surau-surau yang saya kira perlu diberikan perhatian oleh pihak kerajaan. Saya ingin mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini Tuan Pengerusi, berkenaan dengan satu masjid di Kampung Sanggar Laut yang sering dilanda banjir dan hari ini terdapat beberapa struktur yang saya kira telah usang yang disebabkan oleh banjir. Begitu juga masjid di Kampung Jawa **Semiling** yang saya kira perlu dinaik taraf kerana masjid ini dalam keadaan yang kecil dan jemaahnya sekian tahun, saban tahun sering bertambah. Begitu juga dengan saya minta perhatian daripada pihak kerajaan supaya dapat membina sebuah masjid di pekan kecil Kemabong yang saya kira selama ini tidak ada

masjid di sana. Menjadi keperluan kepada umat Islam yang ada di daerah kecil Kemabong itu memerlukan sebuah masjid.

Satu lagi Tuan Pengerusi iaitu berkenaan dengan Butiran 00101 – Majlis Keselamatan Negara. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, beberapa SOP telah diubahsuai. Saya kira contohnya seperti di kawasan saya, Tuan Pengerusi, kita mesti bersedia. Bak kata orang, kita mesti sedia payung sebelum hujan, sebelum apa-apa yang berlaku, kita mahu mesti mempunyai persediaan-persediaan sempena dengan kita melihat bahawa kemungkinan banjir akan berlaku. Mungkin bencana-bencana yang lain.

Saya lihat baru-baru ini ada ura-ura yang menyatakan bahawa tsunami akan berlaku, akan bermula daripada di daerah Kudat. Adakah pihak Majlis Keselamatan melihat bahawa keadaan-keadaan seperti ini boleh menjadikan keadaan tidak ketentuan di kalangan masyarakat, tambah pula dengan teknologi yang serba canggih ini. Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada pihak berkenaan dengan isu-isu yang telah saya bangkitkan.

Satu lagi Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Butiran 17300 – Pusat Rukun Tetangga. Saya fikir matlamat untuk menjadikan Pusat Rukun Tetangga ini satu perkara yang baik kerana ia boleh memupuk semangat perpaduan di kalangan masyarakat kita. Saya fikir di kawasan saya, Tuan Pengerusi, sebagai akhirnya Tuan Pengerusi, saya minta pihak kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara supaya dapat menambah bilangan Pusat Rukun Tetangga. Oleh kerana saya fikir ini amat penting bagi kita untuk memastikan masyarakat kita dapat hidup dalam keadaan harmoni di samping mempunyai berbilangan masyarakat majmuk, masyarakat khususnya di kawasan saya.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Mesyuarat Jawatankuasa bermesyuarat kembali sebagai Majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua: Majlis Mesyuarat ditangguhkan dan akan bersidang semula pada jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]
[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]
[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Jawatankuasa]

2.30 ptg.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tenom sudah habis ya?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Pokok Sena.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak ada senarai ya. Tidak ada.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tuan Pengerusi, pagi Tan Sri sudah panggil saya tetapi saya beri laluan kepada Ketua Pembangkang.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Minta izin.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila. 10 minit ya.

2.32 ptg.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana izinkan saya bangun untuk membahaskan di peringkat Jawatankuasa ini di bawah kepala B.4 iaitu Suruhanjaya Pilihan Raya.

Tuan Pengerusi, SPR merupakan badan yang cukup penting sekali kerana ia badan yang dipertanggungjawabkan oleh Perlembagaan untuk memastikan pilihan raya yang diadakan di negara ini bersih, telus, adil dan yang paling penting adalah berkecuali. Akan tetapi saya ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini di mana SPR telah gagal dalam menjalankan tugasnya secara berkecuali. Baru-baru ini SPR telah membuat persempadanan semula tetapi persempadanan yang wujud di depan mata kita adalah satu *gerrymandering* yang cukup dahsyat sekali.

Pertama, saya ingin bangkitkan di mana jumlah pengundi walaupun telah diperuntukkan dalam Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan menetapkan semua persempadanan kawasan jumlah bilangan pengundinya *must be, to be approximately equal* iaitu lebih kurang sama. Akan tetapi di depan mata kita, cadangan

yang dibuat oleh SPR di mana kawasan Parlimen Damansara akan mempunyai jumlah pengundi seramai 152,000 orang. Akan tetapi pada masa yang sama, jika kita tengok di Putrajaya, Putrajaya hanya mempunyai bilangan pengundi 17,000 orang. Perbezaannya adalah lebih kurang 10 kali ganda. Di manakah prinsipnya *to be approximately equal*?

Kedua, kita lihat di mana ada juga kawasan-kawasan pilihan raya di mana bilangan pengundi di kawasan DUN lebih ramai daripada kawasan Parlimen. Ia bermaksud *office boy* lebih penting daripada *manager*. Kita bandingkan di negeri Perak sahaja, ada 16 buah Kerusi DUN, mempunyai bilangan pengundi lebih ramai daripada kawasan Parlimen. Contohnya, di kawasan Manjoi, jumlah pengundi di DUN Manjoi adalah seramai 50,812 orang tetapi apabila dibandingkan dengan Parlimen Padang Rengas, yang dipegang oleh Menteri UMNO, jumlah pengundinya hanya 27,790 orang. Ini bermaksud satu undi di Padang Rengas dua undi di kawasan Manjoi. DUN mempunyai bilangan yang lebih ramai daripada Parlimen. Ini tidak masuk akal.

Ketiga, persempadanan yang dibuat kali ini juga menunjukkan dalam kawasan Parlimen yang sama, kedua-dua DUN mempunyai bilangan pengundi yang perbezaannya cukup ketara sekali. Saya bagi contoh Ipoh Barat. Di Ipoh Barat, kawasan DUN Bercham mempunyai jumlah pengundi dekat 34,000 orang tetapi di bawah Parlimen yang sama, DUN Kepayang hanya mempunyai pengundi kurang daripada 22,000 orang. Dalam satu Parlimen dua DUN, perbezaan bilangan pengundi lebih 12,000 orang. Ini tidak masuk akal, tidak demokratik dan perlu dikritik dengan sekeras-kerasnya.

Keempat, apabila SPR mempunyai persempadanan, ia adalah tanpa *land mass* iaitu peta topografi, apabila kita tulis surat minta, dia kata "*Tidak ada*". Ini adalah satu, merupakan satu kepincangan dan kelemahan yang patut kita perbetulkan dengan segera.

Kelima, persempadanan kali ini kita juga saksikan ada satu kawasan Parlimen tetapi diletakkan di bawah dua majlis pihak berkuasa tempatan. Saya bagi contoh, Ipoh Timur. Sebahagian Ipoh Timur diletakkan di bawah Majlis Bandaraya Ipoh, sebahagiannya di bawah Majlis Daerah Batu Gajah. Satu Parlimen, dua pihak berkuasa tempatan. Ini hanya menyusahkan pengundi-pengundi sahaja.

Banyak lagi contoh yang saya boleh bagi. Ini bermaksud SPR telah gagal melaksanakan tugasnya secara bersih, adil dan berkecuali. Inilah sebabnya rakyat marah. Inilah sebabnya rakyat turun ke jalan raya. Inilah sebabnya kita sokong BERSIH 5.0 untuk membuat perhimpunan aman demi membela Sistem Demokrasi Berparlimen di negara kita yang tercinta ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya ingin juga membangkitkan di mana cadangan persempadanan oleh SPR ini. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan demi memastikan SPR ini berkecuali dan tidak memihak kepada mana-mana politik? Adakah kerajaan sepatutnya meletakkan SPR di bawah kuasa Parlimen? Pada masa ini, ia berada di bawah Jabatan Perdana Menteri. Maka, secara nalurnya, SPR tidak bebas dan ia sepatutnya diletakkan di bawah institusi Dewan yang mulia ini.

Kedua, saya hendak tanya kepada kerajaan, adakah kerajaan sanggup untuk menubuhkan jawatankuasa terpilih, *Select Committee Parliament* untuk menerima laporan berkala SPR? Ini adalah untuk memastikan SPR bertanggungjawab kepada Parlimen, bukan bertanggungjawab kepada Perdana Menteri.

Ketiga, saya hendak tanya kepada kerajaan, adakah kerajaan sanggup mewujudkan jawatankuasa *bipartisan* untuk pemilihan ahli-ahli SPR? Ini adalah untuk memastikan SPR adalah bebas daripada pengaruh mana-mana parti politik.

Keempat, saya ingin bertanya. Kini kerajaan tiap-tiap tahun berbelanja berjuta-juta ringgit untuk mendaftarkan pengundi tetapi sebenarnya ia merupakan satu pembaziran. Duit itu tidak perlu. Kita ada sistem komputer yang telah pun secara *online*. Sebenarnya saya hendak tanya kepada kerajaan, perkara ini telah dibangkitkan oleh saya tiap-tiap tahun selama empat tahun. Bilakah kerajaan hendak buat sistem pendaftaran pengundi secara automatik?

Kita ada sains dan teknologi, sistem komputer cukup canggih tetapi mengapa kita masih memerlukan SPR pergi ke setiap rumah untuk mencari pengundi? Mengikut jawapan yang saya peroleh daripada pihak Yang Berhormat Menteri, sehingga hari ini masih ada lagi 4.2 juta orang rakyat Malaysia yang layak mengundi tetapi gagal mendaftar sebagai pengundi. Jumlah ini cukup besar sekali. Jumlah ini cukup signifikan. Sebenarnya kerajaan haruslah memastikan ada sistem pendaftaran pengundi secara automatik. Sesiapa rakyat yang mencapai umur 21 tahun, terus layak menjadi pengundi supaya kita tidak lagi bazir masa dan duit.

■1440

Kelima, saya nak tanya kepada SPR mengapa parti-parti politik yang dahulu membantu SPR, menjadi penolong pendaftar pengundi. Ini telah pun dibatalkan pelantikan dan tidak boleh membantu rakyat untuk mendaftar. Ini berlaku kepada khususnya oleh parti-parti pembangkang. Ini mencerminkan sistem pilihan raya kita adalah tidak adil, diskriminasi, tidak telus. Sebelum saya tamatkan perbahasan saya, saya telah pun didedahkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Selangor, di mana Pengerusi SPR yang baru Dato' Mohd Hashim bin Abdullah. Saya nak tanya Dewan

yang mulia ini, adakah benar beliau pernah menjadi Setiausaha Sulit Kanan kepada Ketua Penerangan UMNO iaitu Yang Berhormat Ketereh.

Bayangkan sebagai *referee*, Pengerusi SPR adalah bekas Setiausaha Ketua Penerangan UMNO, bagaimana SPR boleh berkecuali, bagaimana kita ada sistem pilihan raya yang bersih, adil dan telus. Sebab itu jika betul saya rasa tidak mungkin daripada 1.6 juta orang penjawat awam kita tidak mampu pilih seorang yang penuh integriti dan berkecuali untuk menjawat jawatan Pengerusi SPR ini.

Ini persoalan pokok yang cukup penting demi pembangunan sistem demokrasi berparlimen. Saya memohon menteri jawab 10 persoalan yang saya kemukakan tadi, dapat dijawab satu demi satu secara terperinci supaya dewan demokrasi terus subur di negara kita. Sistem Demokrasi Berparlimen terus menjadi sanjungan tinggi oleh semua rakyat tanpa mengira bangsa dan kaum. Sekian, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Yang Berhormat Kinabatangan.

2.41 ptg.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh ada empat perkara iaitu ESSCOM, Agensi Persekutuan Maritim Persekutuan, *Halal Development* dan juga Pan Borneo.

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, satu lagi penculikan berlaku di perairan Sandakan dan Kinabatangan. Sebelum penculikan itu, saya dimaklumkan bahawa ESSCOM memberi jaminan bahawa penculikan ini dapat akan dapat dikurangkan. Belum pun sampai satu minggu, daripada jaminan ini sudah berlaku penculikan. Jadi ini menampakkan keraguan daripada rakyat Kinabatangan itu, sebab Kinabatangan ini ada 29 buah pulau yang betul-betul terpencil dan bila-bila kalau apa ini ada penjenayah atau perompak atau lanun nak menyerang, dia akan terdedah bila-bila masa. Justeru itu, saya mohon sekali lagi kepada ESSCOM khususnya apa langkah-langkah yang difikir boleh mencegah perkara ini daripada berlaku. Sebab kerajaan membuang duit untuk ESSCOM iaitu lebih dan maritim lebih kurang RM44 juta, kepada maritim RM378 juta bermakna lebih kurang RM400 juta dua-dua ini.

Di kawasan ini maritimnya ada, *military* nya ada, tentera marinnya ada, ESSCOM ada tapi tiba-tiba boleh pula lanun ini menyusup, menangkap mangsa-mangsa yang dia mahu. Walaupun yang diculik ini bukanlah rakyat Malaysia, tetapi ia dalam perairan kita. So, mesej dia bahawa bila-bila lanun ini boleh berada di mana-mana dalam perairan kita untuk membuat sesuka hati mereka. Jadi jangan, saya tidak

mahu mengkritik ESSCOM ini secara terbuka tetapi harus dilihat secara bijaksana. Adakah ini ada kena mengena dengan apa ini kenyataan Nur Misuari iaitu pada hari Khamis yang lalu di istana Malacanang, bahawa dia kata penculikan 2002 melibatkan pemimpin-pemimpin di negara ini. Jadi kalau ada kebetulan saya rasa perlu ada penyiasatan dalam perkara ini.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: [*Bangun*] Yang Berhormat Kinabatangan, 2000 bukan 2002.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: 2002.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Hebat Yang Berhormat Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Putatan sila.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Pemimpin-pemimpin di negara kitanya yang kita kenal, boleh Yang Berhormat menyusul siapa sebenarnya kawan baik, kawan baik Misuari ini di negara kita, pemimpin di negara kita. Saya harap orang yang di belakang, di belakang lokap ini mungkin ada kena-mengena. Minta pendapat Yang Berhormat.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Putatan, saya tidaklah boleh menuduh siapa pihak yang bersekongkol. Akan tetapi, kita tahu siapa. Jadi sekurang-kurangnya adalah mungkin apa ini yang perlu dipertanggungjawabkan kepada pemimpin-pemimpin dulu yang rapat dengan Misuari ini. Jadi kita harap, balik kepada soal keselamatan itu harap-harap kawasan perairan sempadan khususnya sempadan Sandakan dan Kinabatangan itu dapat diawasilah 24 jam. Sudah ada perintah berkurung tetapi boleh juga dia masuk. Jadi ini menampakkan ada banyak kelonggaran yang apa ini terbentang luas sehingga mereka dapat menculik.

Satu isu lagi iaitu *Pan Borneo*. Saya ingin bertanya, adakah *Pan Borneo* ini mencakupi kawasan lebuhraya Kinabatangan dan juga lebuhraya antara Sandakan dan Kota Kinabalu. Sebab sekarang ini lebuhraya ini tidak begitu baik, banyak lubang dan sebagainya dan pembinaan dia pun seolah-olah tidak berkualiti. Jadi kita mahu *Pan Borneo* yang diberi peruntukan berbilion-bilion ini boleh apa ini mencakupi kawasan-kawasan yang saya sebut tadi. Dengan sedemikian, maka bolehlah rakyat di antara Sandakan dan Kota Kinabalu menggunakan lebuhraya, jalan raya seperti yang ada di Semenanjung ini. Sebab di Semenanjung ini, lebuhraya dari Kuala Lumpur ke Kelantan pun sedang baik. Jadi kalau ada lebuhraya yang sebegitu, rasa saya kita kuranglah menggunakan penerbangan dan kita boleh menggunakan jalan raya yang sedia ada.

Seterusnya iaitu soal *Development of Halal Industry*. Industri hala di negara kita ini, saya ingat dia hidup atas nama sahaja. Sebab kita tidak dapat memanfaatkan, sedangkan keperluan *halal food* di seluruh dunia dianggarkan satu tahun lebih kurang *seven trillion* dia punya apa ini keperluan. Jadi berapa, antara tujuh trilion itu, berapa peratus yang kita boleh *capitalised* yang Malaysia boleh ambil kesempatan. Sedangkan peruntukan kita untuk halal industri satu juta, dua juta. Negara-negara yang bukan beragama Islam yang banyak tetapi mereka mewujudkan *halal hub* mereka berbilion-bilion ringgit. Kita pula satu juta, dua juta, jadi apa yang kita hendak banggakan dengan peruntukan yang sebegini.

Saya harap pegawai-pegawai boleh melihat bahawa halal industri ini merupakan bukan lagi satu untuk sambil lewa. Kita sudah ada bank yang mengikut syariah Islam dan sebagainya. Seluruh dunia pun ingin melihat bagaimana kita menjalankan perniagaan syariah Islam itu. Tetapi apabila kita mengeluarkan produk industri halal kita peruntukan dua juta, tiga juta. Di Korea, di Jepun mereka berbelanja berbilion-bilion. Mereka datang kepada ke negara kita minta nasihat bagaimana. Di Shanghai di China pun begitu mereka ada *halal hub* yang di bagi peruntukan beratus-ratus juta. Jadi di mana industri halal kita pada hari ini. Saya ingin tanya kementerian, di manakah? Apa yang perlu kita banggakan sebab kita tidak dapat manfaat daripada industri halal itu sendiri.

Saya harap pihak kementerian yang bertanggungjawab soal halal ini supaya mereka melihat untuk maju ke depan. Kalau kita tidak boleh memanfaatkan peluang-peluang seumpama ini, orang lain akan manfaatkannya. Contohnya, buah-buahan yang datang dari Malaysia tapi dibeli oleh negara lain dan dia cap keluaran negara dia, sedangkan negara ini mana ada pengeluaran, macam Taiwan mana dia ada durian.

■1450

Saya sudah pergi Taiwan dua tiga kali tetapi dia boleh mengeluarkan durian *made in* Taiwan. Sedangkan dia beli tak tahu mungkin dari Thailand atau dari negara kita. Jadi ini salah satu contoh, *Singapore* mana ada durian. Jadi, apabila tidak ada durian tetapi durian kita itu dia beli dengan harga yang murah, dia proses maka dia lah pengeluar makanan-makanan tersebut. Jadi kita harus melihat lebih proaktif, lebih fokus supaya apa juga produk yang kita adakan ini mendapat pasaran dan mendapat menembusi pasaran antarabangsa dan seluruh dunia. Kita lihat bagaimana negara China mengurus negara mereka dengan berbagai-bagai industri.

Ini pada saya harus dilihat sebagai satu perkara yang lebih penting sebab RM7 trilion itu banyak Tuan Pengerusi, kalau tidak dapat kita memanfaatkan maka rugilah

kita. Orang kata kita berada di dalam air, tetapi kita kehausan mencari air. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Parit Buntar.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berbahas bermula dengan Parlimen B.1. Tuan Pengerusi, kita melihat hari ini seperti mana kawan-kawan saya yang lain kita hendak tengok bilakah bangunan baru Parlimen kita akan siap. Akan tetapi, lebih penting daripada itu saya juga ingin melihat selain daripada bangunan indah yang kita akan duduk kerana yang ini hanya sementara *content* sebagai institusi Parlimen itu sendiri adalah merupakan satu yang lebih utama daripada sekadar bangunan yang indah.

Saya ingin minta penjelasan beberapa perkara pertama, sejauh mana Parlimen kita dalam hendak meningkatkan pengurusan dan pentadbirannya dapat mengamalkan apa yang kita namakan sebagai *separation of power*, iaitu Ahli Parlimen dan Institusi Parlimen tidak mungkin boleh dicampur tangan urusan mereka dalam menentukan undang-undang dan juga kritikan-kritikan mereka terhadap dasar-dasar kerajaan.

Saya merakamkan kekhawatiran saya yang amat sangat, jikalau integriti pemisahan kuasa ini tidak betul-betul diamalkan kita akan berhadapan dengan persoalan sejauh manakah parlimen itu dilihat bebas dan dia boleh mengkritik dasar-dasar, apatah lagi jika terlibat dalam soal-soal yang menyentuh tentang dana awam dan sebagainya. Saya minta rakaman ini dibawa untuk penjelasan kepada menteri yang terlibat agar kita tidak akan terdedah kepada isu-isu yang orang memandang serong kepada institusi parlimen.

Kenyataan ini bukanlah merupakan hasrat daripada mana-mana pihak, tetapi sekadar ingin mengekalkan doktrin pemisahan kuasa antara legislatif iaitu kita, kehakiman, *judiciary* dan juga eksekutif iaitu di kalangan Menteri-menteri. Saya rasa *the balance of power* dalam segi pemisahan doktrin inilah yang mengekalkan sesebuah negara itu dipandang tinggi kewibawaannya termasuklah Institusi Parlimen. Saya mohon Perdana Menteri supaya Institusi Parlimen ini dipelihara kerana pertama, kita tak boleh dilihat terkangkang ataupun terkekang daripada kita hendak menyatakan pandangan dan pendapat kita terhadap isu-isu yang cukup utama bukan sahaja yang dibincang di dalam negeri, tetapi juga dibincang di luar negara.

Amat malang bagi kita sebagai Ahli Parlimen yang melihat atau dunia melihat pelbagai masalah dalam negara kita tetapi kita tidak boleh bincang di dalam Parlimen kita. Oleh sebab itu tadi saya ingin menjelaskan kita telah mengadakan resolusi dalam

pertemuan Ahli-ahli Parlimen dan mantan-mantan Ahli Parlimen yang antara lainnya menuntut supaya pemisahan kuasa dan doktrin pengasingan kuasa itu dikekalkan.

Kedua, meminta supaya dikembalikan hak Ahli Parlimen mengiktiraf hak Ahli Parlimen sebagai wakil rakyat untuk berbahas pandangan dan pendapat-pendapat mereka. Itu Parlimen untuk B.1. Saya harap perkara ini dapat diambil serius oleh institusi Parlimen yang mana semua kita merupakan mereka yang bertanggungjawab, bukan sekadar satu kepentingan politik semata-mata. Seterusnya, izinkan saya untuk menyentuh dalam Jabatan Perdana Menteri yang melibatkan Unit Perancangan Ekonomi. Tuan Pengerusi, Unit Perancangan Ekonomi merupakan satu entiti yang penting dalam menentukan hala tuju dan dasar ekonomi negara.

Saya ingin menarik perhatian Dewan, betapa negara kita ini terbina di atas dasar-dasar ekonomi yang antara lain menjadi input kepada pembentukan dasar-dasar itu ialah Unit Perancangan Ekonomi. Negara kita terbina atas DEB, kemudian disambung dengan Dasar Pembangunan Nasional. Kemudian disambung dengan Dasar Ekonomi Baru. Hari ini Tuan Pengerusi, kita akan tamat tahun 2020, *new economic model* dan kita akan masuk *another 20 or 30 years* kepada satu lagi dasar ekonomi yang baharu.

Oleh sebab itu, saya menganggap Unit Perancangan Ekonomi ini terlalu penting untuk memberi input-input bagaimana dasar ekonomi kita boleh berkembang terus di atas dua perkara penting yang hendak kita capai. Satu, *economic growth* satu lagi ialah perpaduan nasional. Inilah dia model ekonomi dalam negara kita Tuan Pengerusi. Saya khuatir kerana *economic growth* terkesan dengan apa yang berlaku di luar kawalan kita. Akan tetapi perpaduan nasional merupakan perkara yang kita boleh tentukan.

Kalau kita melihat kepada penulisan-penulisan yang menggarap soal pencapaian dasar ekonomi selama beberapa dekad ini menggambarkan beberapa perkara iaitu, pencapaian perpaduan nasional hari ini masih lagi di tahap yang saya berani menyatakan belum memuaskan dan menterinya ada di sini hari ini. Kita melihat bagaimana definisi bangsa itu masih lagi terlekat dengan isu bangsa Melayu, Cina, India dan lain-lain di Sabah dan Sarawak. Seharusnya dengan matlamat wawasan 2020 itu, kita sudah tidak lagi dikenali dengan nama keturunan bangsa kita tetapi dikenali dengan satu nama iaitu Bangsa Malaysia [*Tepuk*]

Jadi kalau kita meneruskan perancangan ekonomi dengan model yang sama dan kita menyatakan perlu lagi tindakan *affirmative* kerana hendak tolong orang Melayu, saya kira ini hanya akan memberi alasan kepada model ekonomi yang meneruskan sistem yang sedia ada yang sedang kita alaminya hari ini. Sebab itu kita harus dalam Unit Perancangan Ekonomi saya mencadangkan kepada menteri supaya diadakan satu

jawatan kuasa di peringkat Parlimen. Untuk Ahli-ahli Parlimen memberi input kepada dasar ekonomi yang akan kita bentuk setelah tahun 2020 bukan Transformasi Nasional 50 tetapi dasar ekonomi era baru yang asasnya memastikan bahawa negara kita ini tidak lagi dicam dengan bangsa, kaum atau keturunan tetapi sebagai rakyat Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya masuk kalau ada masa lagi dua minit dan saya harap perancangan ekonomi dalam Unit Perancangan Ekonomi ini ambil berat tentang isu ini kerana kita hanya tinggal tiga atau empat tahun sahaja lagi untuk kita membentuk dasar ekonomi baru yang lebih dinamik dan keluar daripada kerangka kuno dan lama yang bercakap tentang bangsa tetapi tidak mencapai maksud yang diinginkan.

Saya ingin masuk kepada bahagian hal ehwal undang-undang Tuan Pengerusi, sebagai salah satu yang agak penting saya rasa. Sejauh mana Jabatan Perdana Menteri dalam Bahagian Hal Ehwal Undang-undang ini dalam bab Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan, *National Human Rights Action Plan* yang telah membuat perancangan rapi dengan melihat segala aspek perlembagaan dan sebagainya tentang apa yang kita namakan sebagai *Civil Rights Law* ataupun Undang-undang Hak Sivil.

■1500

Antara lain yang amat diperlukan dalam negara ini ialah hak yang kita namakan sebagai hak kesaksamaan ataupun *equal opportunity law* ataupun *equal rights law*. Ini sangat penting untuk kita masuk ke era baru. Kalau kita masih lagi tidak berani untuk keluar memberi peluang bersaing dengan lebih saksama saya rasa kita tidak mampu untuk mencecah apa yang kita mahu sebagai Malaysia sebagai negara maju, termasuklah *anti discrimination law* ataupun undang-undang anti diskriminasi. Undang-undang ini amat diperlukan dalam kerangka kita hendak masuk era baru. Ini akan bagi satu kekuatan kepada rakyat Malaysia untuk bangkit daripada cengkaman perkauman yang selama ini mencengkam seluruh rakyat dalam negara ini [*Tepuk*]

Begitu juga isu hak asasi manusia dan juga jawatankuasa ataupun Suruhanjaya Rekonsiliasi yang akan menyelesaikan masalah-masalah integrasi nasional ini dengan lebih efektif dan dengan lebih pro aktif. Dengan itu saya mengharapkan kita serius dalam hal ini. Ekonomi baru, undang-undang baru pasti akan melonjakkan negara kita ke hadapan. Kalau yang ada hari ini tidak mampu untuk membawanya saya harap berikanlah peluang kepada mereka yang mampu membawanya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sekijang.

3.01 ptg.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang untuk turut serta perbincangan dalam peringkat jawatankuasa bagi Jabatan Perdana Menteri ini. Saya terus kepada Butiran 010400 di bawah Perbelanjaan Mengurus iaitu Seranta (FELDA) yang melibatkan peruntukan sebanyak RM3.664 juta. Antara aktiviti yang dilaksanakan oleh Seranta (FELDA) ini ialah Program Ikatan Hati Warga FELDA (IKTIRAF) yang menjadi matlamat untuk menghubungkan antara FELDA dan juga generasi baru FELDA.

Jadi saya ingin mendapat pencerahan daripada pihak Menteri, apakah program-program yang telah dilaksanakan di bawah IKTIRAF ini dan sejauh manakah prestasi program ini sepanjang tahun 2016? Adakah ia benar-benar berkesan serta mampu memberikan penerangan dan maklumat berkaitan dengan permasalahan di dalam kawasan FELDA. Oleh sebab kita tahu akhir-akhir ini ada beberapa isu yang seharusnya diberikan penekanan dan penerangan kepada masyarakat terutamanya di dalam kawasan FELDA. Berapakah program-program yang dirancang di bawah IKTIRAF ini?

Kemudian, Tuan Pengerusi Butiran 210300. Ini berkaitan dengan Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan yang melibatkan Skim Rukun Tetangga (KRT) yang juga termasuklah di bawahnya Skim Rondaan Sukarela (SRS). Saya ingin mengetahui berapakah jumlah Rukun Tetangga yang mempunyai SRS? Ini kerana ada setengah-setengah Rukun Tetangga ini mereka tidak bersama dengan Kumpulan SRS ini. Sejauh mana SRS yang telah ditubuhkan ini mampu menghalang masalah jenayah seperti aktiviti pecah rumah dan jenayah-jenayah lain di kawasan kejiranan.

Adakah pihak kementerian juga membuat kajian tentang jumlah sukarelawan yang terlibat di bawah skim ini? Memandangkan program ini adalah berbentuk sukarela adakah terdapat apa-apa peruntukan khas bagi maksud ini atau peruntukan secara pukal yang boleh diberikan kepada KRT ataupun SRS. Ini kerana ada beberapa SRS yang saya lihat aktif bergerak terutamanya dalam Parlimen saya sendiri datang mengadu hendak beli biskut, hendak beli kopi dekat semasa buat rondaan pun tidak ada bantuan katanya. Jadi mungkin kalau melalui butiran ini nanti pohon jawapan daripada pihak Menteri.

Seterusnya saya ingin bertanya tentang bidang kuasa Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dalam Butiran 390100. Kita tahu SPAD ini lebih kepada mengawal selia pengangkutan awam. Namun saya mendapat aduan beberapa buah lori besar terutamanya di kawasan taman-taman, mereka ini dikatakan pemandu yang membawa lori tinggal di kawasan-kawasan taman ini. Mereka membawa masuk

lori-lori ini ke dalam kawasan taman dan menyebabkan jalan-jalan semua rosak dan pecah.

Jadi dalam hal ini bila ditanya kepada pihak polis, PBT dan sebagainya masing-masing tidak tahu siapa yang bertanggungjawab. Akan tetapi ramai mengatakan ini adalah di bawah tanggungjawab SPAD dan dikatakan banyak aduan telah dibuat tetapi mereka ini tetap meneruskan, meletakkan kenderaan dan sebagainya. Jadi boleh tidak pihak kementerian menyatakan adakah kalau betul-betul ini di bawah kuasa SPAD kita minta supaya tindakan dapat dibuat kepada lori-lori ini yang kita lihat memang tidak bertanggungjawab. Pernah berlaku kemalangan dan sebagainya kerana meletakkan kenderaan di tepi-tepi jalan.

Seterusnya Tuan Pengerusi saya ingin sentuh Butiran 16300 iaitu Projek Sistem Bekalan Air FELDA. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam peruntukan bajet ini meletakkan sejumlah RM100 juta bagi memberikan kemudahan sistem bekalan air di dalam kawasan FELDA. Walaupun sebenarnya peruntukan yang diperlukan adalah hampir RM500 juta. Kita tahu ada 11 buah wilayah FELDA yang terlibat dan ada beberapa buah kawasan yang menghadapi tekanan rendah termasuk juga kawasan-kawasan FELDA dalam kawasan Tuan Pengerusi sendiri mengalami masalah bekalan air yang rendah. Cuma saya hendak tanya berkenaan di...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya terima kasih.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Berkenaan sistem bekalan air di kawasan Parlimen Sekijang dalam kawasan FELDA. Ada peruntukan telah diluluskan untuk membeli tanah untuk membuat tangki tetapi sehingga ke hari ini sudah masuk tahun ketiga masih tidak dapat dilaksanakan. Jadi pohon pencerahan daripada pihak kementerian bila agaknya tangki ini dapat dilaksanakan kerana peneroka-peneroka yang telah tanahnya diambil ini sudah mula bertanya tentang tangki air yang dijanjikan untuk dibina di kawasan tapak mereka.

Untuk Butiran 17200 dan 17300. Ini berkenaan dengan Pusat Aktiviti Perpaduan dan Pusat Rukun Tetangga. Tadi tentang aktiviti, kali ini tentang pusat aktiviti maksudnya ada bangunan sendiri. Peruntukan diberikan sebanyak RM993,000 untuk kedua-duanya. Saya ingin bertanya berapakah jumlah keseluruhan Pusat Aktiviti Perpaduan yang wujud di seluruh negara buat masa ini. Ini kerana mereka ini menyatakan bila sudah ada pusat aktiviti bila hendak menjalankan aktiviti dan sebagainya ada kekangan kerana masalah dikatakan peruntukan yang diberikan saban tahun, geran yang diberikan itu kalau asalnya dahulu dikatakan mencukupi tetapi kini nampaknya semakin berkurangan.

Ada kedapatan aduan mengatakan janji hendak beri tetapi tidak diberikan. Konon-kononnya kerana tidak aktif dan sebagainya. Jadi bagaimana kriteria pemberian peruntukan ke Pusat Aktiviti Perpaduan dan juga Pusat Aktiviti Rukun Tetangga ini. Tambahannya adakah diberikan juga peruntukan kepada mereka yang menubuhkan pusat aktiviti untuk SRS. SRS ini pun nampak perlu juga pusat aktiviti kerana mereka juga mengadakan rondaan pada sepanjang malam di kawasan-kawasan taman.

Terakhir, Butiran 300100 iaitu Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM). Saya ingin bertanyakan tentang penyelenggaraan peralatan. Dimaklumkan pembelian peralatan baru ada diberikan tetapi daripada segi penyelenggaraan itu katanya menghadapi masalah. Jadi oleh sebab sekarang ini sudah hampir bermulanya musim tengkujuh dan beberapa buah kawasan pun sudah ada yang dikatakan berlakunya banjir dan sebagainya. Jadi persediaan untuk penyelenggaraan peralatan ini penting. Jadi bagaimana pihak jabatan di bawah JPAM ini memantau penyelenggaraan berkaitan dengan peralatan-peralatan terutamanya enjin bot dan sebagainya. Ini kerana saya tidak pasti di tempat-tempat lain tetapi di beberapa buah kawasan termasuk di tempat saya ada yang sudah mengadu enjin-enjin botnya rosak dan sebagainya, bila hendak selenggara. Dia minta kerjasama daripada wakil-wakil rakyat untuk membantu menyelesaikan hal ini.

Juga tentang pengambilan sukarelawan di JPAM ini. Bagaimanakah pengambilan sukarelawan ini dibuat? Adakah diambil tanpa sukarelawan ini boleh daftar sahaja kah atau kena pergi kursus kah atau mereka ini perlu melalui satu proses contoh mengambil air kencing dan sebagainya. Ini sebab ada kes sukarelawan-sukarelawan di bawah JPAM ini mereka juga terlibat.

■1510

Bila buat operasi dan sebagainya, rupa-rupanya dia maklumkan kepada mereka ini tentang operasi daripada JPAM. Akhirnya kalau pergi hendak tangkap penagih-penagih dadah di kawasan yang ada dadah ini kita libatkan sukarelawan JPAM, RELA dan sebagainya ini ada yang membocorkan rahsia.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Sekijang, sedikit Yang Berhormat Sekijang.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Tinggal satu minit, sempat?

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Sedikit sahaja, boleh?

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Sila, sila.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Yang Berhormat Sekijang, saya hendak tanya tentang sukarelawan JPAM tadi. Adakah Yang Berhormat Sekijang setuju supaya APAM ini, Angkatan Pertahanan Awam juga membabitkan Ahli-ahli Parlimen yang dilantik sebagai Kolonel Kehormat agar dapat terlibat sekali dalam khususnya aktiviti kesukarelawanan oleh APAM. Terima kasih.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Sudah dapat baju itu elok terlibat samalah, kan? Saya kira di tempat saya di Sekijang memang saya dilibatkan sama untuk aktiviti berkaitan dengan APAM.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Bukit Katil tinggi tidak berapa cukup hendak bagi pakai uniform... [*Dewan ketawa*]

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Untuk rekod, kita pun hendak terlibat juga. Bagi lembu korban pun kena halau keluar. Terima kasih.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Yang itu keperluan masing-masing Yang Berhormat Bukit Katil. Jadi terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Temerloh.

3.11 ptg.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Temerloh ini jiran dengan Kuala Krau. Berjiran dan selalu masuk ke Kuala Krau. Sila.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Pengerusi jiran yang budiman.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Tambah lima minit lagi.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Rujukan saya B.6 Jabatan Perdana Menteri Butiran 010300 Kawal Selia FELDA dan juga Butiran 010400 Seranta FELDA. Tuan Pengerusi, sejak Pengerusi FELDA yang ada pada hari ini dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sejak pada tahun 2011 yang lalu, saya dapati terlalu banyak masalah yang timbul melanda FELDA khususnya yang terhimpit dan juga terkesan dalam permasalahan ini ialah peneroka-peneroka FELDA itu sendiri. Antaranya ialah sebagai contoh, kegagalan FELDA untuk membayar duit hasil jualan BTB kepada peneroka pada masa yang ditetapkan. Kalau sebelum daripada ini bayaran itu dibuat

secara harian tetapi mutakhir ini telah dijadikan bayaran dalam bentuk bulanan dan sering tertangguh.

Kemudian yang keduanya ialah kontraktor-kontraktor FELDA yang juga tidak menerima bayaran tuntutan kerja mereka pada masa yang selayak dan sewajarnya. Ada yang kita terima aduan sampai tiga bulan mereka tidak terima bayaran dan ada yang masih belum menerima bayaran tuntutan mereka.

Kemudian yang ketiga ialah penyenaaraian *FELDA Global Ventures* (FGV) di Bursa Malaysia yang mana tentu sahaja tidak menguntungkan dan sangat terdedah kepada risiko. Kemudian masalah Koperasi Permodalan FELDA (KPF) yang ditendang keluar daripada FELDA Holding Berhad menyebabkan kebajikan dan juga kepentingan peneroka terganggu dan terabai.

Tuan Pengerusi, selain itu juga peneroka juga akhirnya terpaksa menanggung hutang bernilai ratusan ribu ringgit dan mereka ini tidak diberikan penyata terperinci mengenai hutang-hutang yang ditanggung. Ditambah lagi dengan hutang yang diwariskan kepada generasi kedua FELDA. Jika kalau ditambah dengan kos tanam semula, ternyata peneroka FELDA akan terbeban dengan hutang-hutang yang tentunya berlipat kali ganda.

Tuan Pengerusi, satu lagi masalah berlaku ialah kepada Projek Perumahan Generasi Kedua FELDA yang terbengkalai. Jadi saya merujuk kepada janji kerajaan di mana kerajaan telah berjanji untuk menyediakan perumahan kepada generasi kedua ataupun generasi baru FELDA ini ternyata sehingga hari ini kalau mengikut tinjauan kami masih banyak terbiar dan juga terbengkalai. Jadi saya hendak tahu setakat inilah berapa sebenarnya rumah generasi kedua yang telah pun siap dibina kerana pada masa hendak menyenaraikan FGV dulu, Perdana Menteri pernah menjanjikan untuk membina 20,000 unit rumah baru ataupun generasi baru FELDA ini dalam tempoh lima tahun. Saya kira ini sudah hendak sampai lima tahun. Sudah empat tahun daripada tarikh janji yang diberikan itu.

Jadi saya mengharapkan sangat supaya isu ini dapat diselesaikan dengan segera mungkin dan pastinya ini adalah untuk mengembalikan semula kepercayaan peneroka dan juga orang-orang awam kepada pengurusan FELDA. Kalau sekiranya masih banyak perkara-perkara ataupun masalah-masalah yang tidak selesai sebegini, saya rasa tidak keterlaluan kalau sekiranya kerajaan ataupun pihak FELDA, pihak kerajaan fikir kembali untuk menukar Pengerusi FELDA yang ada ini kepada Pengerusi FELDA yang baru yang lebih memberikan komitmen untuk memastikan FELDA pada masa akan datang dapat benar-benar menjadi tempat bernaung kepada peneroka-peneroka yang ada pada hari [*Tepuk*]

Tuan Pengerusi, yang kedua ialah rujukan saya B.6 Jabatan Perdana Menteri Butiran 280000 ESSCOM. Persoalan keberkesanan dan juga kecekapan ESSCOM ini masih lagi menjadi persoalan yang besar dan juga sukar untuk kita temui jawapan sehingga hari ini. Selain daripada dibangkitkan oleh beberapa orang rakan Ahli Parlimen yang lain, masih lagi jelas berlaku aktiviti-aktiviti penculikan di perairan Sabah. Nampaknya makin kronik dan juga makin berisiko tinggi walaupun kita sudah dijanjikan kawalan keselamatan oleh pihak kerajaan. Saya juga tertarik dengan kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang kewujudan orang dalam menjadi tali barut kepada aktiviti-aktiviti penculikan yang berlaku di perairan Sabah ini.

Jadi saya hendak tahu orang dalam yang bagaimana itu yang dimaksudkan itu. Adakah dia rakyat Filipina yang berada di Sabah ataupun mungkin orang Sabah sendiri ataupun mungkin orang dalam itu ialah terdiri daripada anggota pegawai keselamatan itu sendiri yang mungkin tidak jujur dalam perkhidmatan mereka ataupun ini hanya sekadar tanggapan daripada pihak kerajaan untuk menutup kegagalan ESSCOM dan sebagainya. Jadi saya mohon penjelasan dalam perkara ini. Apakah yang dimaksudkan dengan orang dalam itu yang menghantui aktiviti penculikan di Sabah?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Temerloh.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Sila.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Pengerusi, bolehkah saya cadangkan kepada Yang Berhormat Temerloh, mungkin juga orang dalam itu ialah mantan Permatang Pauh yang berada dalam jel sekarang ini kerana dia ada komunikasi dengan Nur Misuari. Apakah pendapat Yang Berhormat Temerloh dalam hal ini?

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: *[Ketawa]* Itu sangat peliklah. Akan tetapi walau bagaimanapun saya minta pihak kerajaan mesti memberi satu jawapan yang jelas kepada kita supaya ia dapat menyingkap satu kekeliruan. Apa yang penting sekali ialah supaya tidak ada fitnah-fitnah kepada mereka yang tentu sahaja tidak terlibat.

Baik, yang kedua adakah ESSCOM ini melakukan satu kerjasama dengan pihak berkuasa Filipina dalam mengatasi aktiviti penculikan ini? Tambahan kini kita dapati ESSCOM ini berhadapan dengan satu kumpulan yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri iaitu satu kumpulan *kidnap-for-ransom group*. Dia sebut ada satu istilah yang digunakan, saya tidak pasti ini nama kumpulan itu ataupun kerajaan yang menamakan itu sebagai kumpulan tersebut, daripada Selatan Filipina yang mana saya lihat kumpulan ini telah menyasarkan satu *soft target* ataupun sebuah kawasan mudah untuk mereka melakukan aktiviti-aktiviti penculikan mereka.

Jadi, ini merupakan satu perkara yang sangat membimbangkan. Maka saya minta supaya pihak kerajaan jelaskan apakah telah ada satu kerjasama dengan pihak Filipina ataupun tidak. Sila.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit sahaja saya hendak tumpang perkara ini sebab sebelum ini Kerajaan Malaysia bertungkus-lumus untuk melibatkan diri untuk satu perjanjian pendamaian dengan Kumpulan Bangsamoro. Sekarang nampaknya sudah dapat mencapai itu, kita ingin dapat tahu apakah balasan daripada pihak berkuasa Filipina untuk memastikan sempadan kita juga selamat. Bukan sahaja Malaysia yang menyumbang untuk keselamatan dan kedamaian di Filipina tetapi apa yang dibalas oleh pihak berkuasa Filipina.

■1520

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Okey, saya kira soalan itu boleh masukkan dalam soalan saya untuk dijawab oleh pihak kerajaan tentang bagaimana situasi kerjasama yang sedang dilakukan oleh pihak kerajaan.

Kemudian yang kedua dalam masa yang singkat ini, satu lagi ialah saya ingin menarik perhatian untuk rujukan B.6 Butiran 470000 - TalentCorp yang mana ini adalah berkaitan dengan rancangan untuk membawa pulang tenaga-tenaga pakar yang berada di luar negara untuk mereka pulang berkhidmat dalam negara kita. Saya dapat maklumat di mana 300,000 orang sebenarnya rakyat Malaysia yang berkemahiran dalam pelbagai lapangan bekerja di luar negara tetapi setakat ini kejayaan hanya membawa pulang sekitar 3,110 orang sahaja. Ertinya terlalu jauh daripada jumlah yang ada dan sasaran yang ingin dicapai.

Jadi, peruntukan yang telah diberikan oleh TalentCorp ini apakah sebenarnya digunakan oleh pihak kerajaan dengan cara yang berkesan untuk memastikan satu strategi membawa pulang tenaga-tenaga pakar ini berkhidmat dalam negara kita bagi memastikan, *insya-Allah*, negara kita juga boleh mencapai negara maju pada masa akan datang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tasek Gelugor.

3.21 ptg.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.6 di bawah Butiran 330000 dan juga Butiran 330100 di bawah peruntukan yang diberikan kepada PERDA.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, PERDA adalah sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Kerajaan Pusat pada tahun 1983, tidak lain dan tidak bukan, adalah untuk menjana program sosioekonomi, pembangunan manusia, peningkatan taraf hidup, membangunkan kawasan-kawasan PERDA termasuk pembangunan industri, perumahan, kemudahan infrastruktur dan pelbagai kerja-kerja lain yang dilakukan.

Namun begitu, kalau kita melihat kepada peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada PERDA, ia merupakan satu peruntukan yang amat jauh kecilnya berbanding dengan apa yang diperlukan.

Saya difahamkan pihak PERDA memerlukan kos pengurusan dan juga pembangunannya lebih kurang RM35 juta setahun. Walau bagaimanapun, kalau kita melihat kepada Butiran 330000 dan 330100, maka peruntukan yang diberikan hanyalah RM17,489,100 sahaja di mana peruntukan RM17 juta ini merupakan peruntukan yang hanya mencukupi untuk perbelanjaan emolument semata-mata sedangkan untuk pembangunan aktiviti sebagaimana yang disebutkan tadi iaitu pembangunan sosioekonomi, pembangunan manusia, peningkatan taraf hidup, membangunkan kawasan PERDA yang juga ini merupakan nadi kepada kekuatan PERDA itu sendiri tetapi tidak ada satu peruntukan bagi melaksanakan tugas-tugas tersebut.

Oleh yang demikian, ia akan memberikan satu kesan yang cukup buruk, satu kesan yang cukup negatif kepada usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan selama ini untuk membangunkan kawasan-kawasan yang telah pun diwartakan sebagai kawasan-kawasan PERDA. Hal ini telah menyebabkan Kerajaan Persekutuan tidak dilihat sebagai berkesan untuk menjana pembangunan sosioekonomi dan perkara-perkara yang berkait dengan bidang tugas di bawah PERDA tersebut.

Jadi oleh yang demikian, saya memohon supaya kerajaan mempertimbangkan semula dan juga meneliti dengan lebih mendalam lagi tentang peranan-peranan yang perlu dimainkan oleh PERDA dan memberikan peruntukan yang bersesuaian supaya ia terus dilihat berkesan, dan memang terbukti berkesan- bagi mendatangkan kebaikan kepada masyarakat setempat.

Masalah ini juga berlaku disebabkan apabila PERDA diletakkan di bawah kendalian Unit Penyelarasan Pembangunan (ICU). Maka, ada sedikit masalah di mana peruntukan kepala vot di bawah ICU tidak selari dengan peranan yang telah digariskan dalam fungsi PERDA itu sendiri. PERDA terlebih dahulu adalah merupakan sebuah jabatan yang diletakkan di bawah KKLW dan semasa di bawah KKLW, peranan dan fungsi PERDA adalah selari dengan KKLW itu sendiri. Justeru dengan sebab itu, ada masalah daripada segi penyelarasan vot dan sebagainya sehinggakan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, PERDA telah pun mengalami kekurangan peruntukan yang

begitu teruk sehinggakan PERDA terpaksa menanggung semua perbelanjaan persendirian kerana disyaratkan menggunakan sumber dalaman.

Namun begitu, saya rasa elok juga kita perhatikan bahawa sumber dalaman kepada PERDA ini bukanlah suatu perkara yang mudah diperolehi sekarang kerana dahulu kita dapat melalui projek-projek perumahan yang kita bina dan keuntungan-keuntungan itu digunakan semula untuk tujuan-tujuan pembangunan. Namun begitu, sekarang ini projek-projek perumahan di Pulau Pinang begitu sukar untuk dilaksanakan oleh PERDA berdasarkan kepada masalah-masalah yang telah pun dikenakan oleh pihak berkuasa kerajaan negeri.

Jadi oleh yang demikian, saya mohon supaya pihak Jabatan Perdana Menteri menilai semula kedudukan PERDA di bawah ICU dan kalau boleh saya mohon supaya PERDA diletakkan semula di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Perkara ini sudah pun dibincangkan beberapa kali. Jadi saya mohonlah Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan juga Jabatan Perdana Menteri memberikan satu jawapan yang jelas tentang masa depan PERDA dan juga sejauh mana usaha-usaha untuk mengembalikan PERDA kepada KKLW telah dilaksanakan. Jadi kita perlu dan pohon kepada satu jawapan yang lebih tepat untuk kita menyusun lagi peranan PERDA yang lebih berkesan.

Satu perkara lagi. Kalau dirujuk kepada peruntukan yang telah diberikan oleh kerajaan kepada PERDA, ada satu masalah di mana kerajaan telah pun memberhentikan penyaluran peruntukan kepada PERDA-TECH. PERDA-TECH merupakan salah sebuah institusi pendidikan berteraskan TVET yang telah pun wujud di bawah kendalian PERDA sejak 20 tahun lebih dan ia telah menghasilkan tenaga-tenaga atau pelajar-pelajar yang mempunyai kelulusan dalam bidang vokasional begitu ramai sekali. Sehingga sekarang, PERDA-TECH telah menghasilkan keluaran graduan-graduan di peringkat sijil dan juga diploma lebih kurang hampir 300 ke-500 orang setahun yang mereka ini mendapat pasaran yang cukup baik daripada masyarakat di luar sana.

Jadi apa yang menjadi satu kemusykilan ialah, pada tahun ini PERDA-TECH telah pun tidak diberikan peruntukan untuk tujuan melaksanakan tugas-tugas PERDA-TECH sebagai sebuah institusi yang melahirkan graduan-graduan TVET ini. Jadi ini telah pun menjejaskan usaha kerajaan yang mana kita lihat pada masa sekarang kerajaan telah pun memberikan satu fokus kepada pembangunan pendidikan berteraskan teknik dan juga vokasional.

Akan tetapi apa yang berlaku ialah PERDA-TECH yang telah pun ditubuhkan dengan perbelanjaan berjuta-juta ringgit tetapi hari ini apabila perbelanjaan pengurusan

termasuklah emolumen, pembangunan tenaga mahir dan juga latihan kemahiran serta peralatan-peralatan tidak diberikan apa-apa lagi peruntukan, jadi ia sudah semestinya akan menjejaskan pengambilan pelajar-pelajar baru. Saya difahamkan pada setiap tahun lebih kurang 350 orang pelajar baru akan diambil pada setiap tahun untuk mengikuti kursus-kursus TVET yang berkenaan.

■1530

Justeru dengan sebab pemotongan peruntukan ini, ia akan menjejaskan dan kalau ia berterusan dan tidak dibantu, maka untuk tahun 2017 berkemungkinan besar tidak akan ada pengambilan pelajar-pelajar baru bagi sesi 2017. Jadi cubalah kita bayangkan PERDA-TECH yang telah mempunyai pusatnya yang begitu baik tetapi oleh sebab tidak diberikan perbelanjaan pengurusan, maka kita tidak dapat mengambil pelajar-pelajar baru. Bagaimanakah kita hendak melaksanakan konsep pembangunan pendidikan TVET ini?

Kita tidak perlu bina sebuah institusi baru kerana PERDA-TECH telah pun ditubuhkan lengkap dengan infrastruktur asas. Namun, kita perlukan peralatan-peralatan untuk tujuan kursus. Kita perlukan kewangan untuk pembangunan tenaga mahir dan latihan. Kita memerlukan wang untuk bayar gaji kepada guru-guru. Akan tetapi kesemua perkara ini tidak ada dalam tahun 2017. Jadi saya mohon penjelasan dan mohon sangat kepada pihak kerajaan supaya dapat memberikan dan menimbangkan semula peruntukan ini kepada PERDA khususnya kepada PERDA-TECH untuk kita gunakan bagi pembangunan pendidikan TVET tersebut.

Ini kerana 10 peratus daripada anak-anak masyarakat B40 merupakan pelajar-pelajar yang akan diambil secara terus daripada masyarakat B40. Sebanyak 90 peratus diambil secara terbuka. Jadi kesan tidak adanya peruntukan kepada PERDA-TECH akan menyebabkan kesan B40 dan kesan kepada program TVET. Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Bandar Kuching.

3.31 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Kita terkejut dengan satu kes yang melibatkan pegawai *water board* di Sabah di mana RM100 juta lebih *cash* dan *bank account* telah disita oleh pegawai-pegawai SPRM. Saya rasa perkara ini berlaku dua minggu sebelum bajet dibentangkan. Saya anggap bahawa sekurang-kurangnya dalam ucapan bajet itu Ahli Yang Berhormat Pekan sekurang-

kurangnya perlulah mengucapkan tahniah, *congratulate* kepada pegawai-pegawai yang melakukan penyitaan atau *investigation* kes tersebut.

Akan tetapi amatlah mengecewakan bahawa bukan sahaja tidak ada tahniah diucapkan kepada pegawai SPRM tetapi perkataan rasuah atau membanteras rasuah atau *corruption* langsung, satu perkataan pun tidak ada disebut oleh Yang Amat Berhormat Pekan dalam ucapan pembentangan belanjawan beliau. Seolah-olah rasuah ini perkataan yang begitu sensitif. Adakah beliau berasa fobia atau malu hendak menyebut perkataan rasuah sehinggakan...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini bersangka buruk. Awal-awal cakap sangka buruk.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Apakah awal-awal? Sudah petanglah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Bersangka buruk ini. Apakah fobia pula ini? Dahulu pembangkang benci sama SPRM.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Seolah-olah rasuah bukan masalah yang penting dalam negara kita.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Pembangkang maki hamun SPRM. Tiba-tiba hari ini hendak bodek SPRM.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Baling, duduklah, duduklah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Janganlah menanggung di air yang keruh, tidak payahlah.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Baling.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini bukan satu sahaja kes rasuah yang dibongkar, ditangkap oleh SPRM.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kes rasuah Yang Berhormat Bagan itu, kes rasuah itu. Sebutlah. Cuba Yang Berhormat jangan *double standard*...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Baling.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kes rasuah yang ditangkap oleh SPRM yang melibatkan RM100 juta lebih *cash* atau...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Bandar Kuching sebut fasal kes rasuah Yang Berhormat Bagan. Sebutlah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Pengerusi, boleh suruh Yang Berhormat Baling keluar?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Baling nak naik pangkat ini, hendak naik pangkat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Pengerusi, ada kes yang enam bulan sebelumnya, kes-kes yang melibatkan pegawai daripada *Ministry of Youth and Sport*.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Bagan duduk depan mata Yang Berhormat Bandar Kuching. Yang Berhormat Bagan duduk depan Yang Berhormat Bandar Kuching, tidak sebut kes rasuah Yang Berhormat Bagan. Ini kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri fobia. *What do you mean phobia?*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Ministry of Youth and Sport* juga melibatkan RM100 juta lebih wang rasuah. Persoalan yang lebih penting adalah berapakah kes lagi yang belum ditemui. Adakah ini sebabnya walaupun kita tahun demi tahun memperuntukkan berbilion-bilion dan beratus-ratus juta untuk pembangunan luar bandar tetapi luar bandar masih begitu mundur? Ini kerana ketirisan yang begitu banyak. Sebanyak 60 peratus dijangka ketirisan, 60 peratus peruntukan yang seharusnya diperuntukkan untuk pembangunan luar bandar telah dibazirkan atau telah masuk poket pegawai-pegawai terlibat. Saya juga ingin tahu, adakah apa-apa langkah yang akan diambil oleh kerajaan supaya perkara ini tidak berlaku lagi? Kita ada Jabatan Audit Negara, kita ada SPRM, ada PDRM tetapi skandal-skandal ini berulang-ulang dari satu kes demi satu kes.

So, saya haraplah Yang Berhormat Menteri memberi sedikit penjelasan atas perkara ini. Adakah kes yang terlibat tadi, *water board* ini betul-betul satu langkah untuk memerangi rasuah atau ia adalah satu langkah yang diambil oleh pentadbiran atau diambil oleh Barisan Nasional kerana ada khabar angin atau perkembangan politik yang mana ada pemimpin-pemimpin UMNO hendak keluar daripada UMNO. Oleh itu, pepatah Cina kata ini, *"Kill the chicken to warn the monkey"*.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tengok, tengok. Tuan Pengerusi, tengok 36(6). Tuduh lagi. Tuduh UMNO. Apakah kena-mengena dengan pemimpin UMNO? Yang Berhormat Kuching...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bunuh ayam untuk memberi amaran kepada monyet. Usaha kita memerangi rasuah ini dijadikan sebagai alat Barisan Nasional untuk memperkukuhkan kuasa politik mereka.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Kuching, Yang Berhormat Bagan itu DAP. Setiausaha Agung DAP, parti kamu dituduh rasuah. Apakah nak kaitkan dengan UMNO? Kamu memang bodoh.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Gila ini orang... [*Dewan riuh*] Gila ini Yang Berhormat Baling...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat sekejap, Yang Berhormat duduk.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Jangan kaitkan parti UMNO. Tidak ada kena-mengena dengan UMNO.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Baling, oleh sebab itu Ahli Yang Berhormat dalam kita mengeluarkan perkataan dalam perbahasan kita janganlah sebut "monyet".

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bukan. Saya tidak sebut "monyet". Ini pepatah Cina.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *You* sudah tuduh UMNO.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Baling, ya Yang Berhormat Bandar Kuching. Saya juga dengar perkataan minum todi dan sebagainya. Yang Berhormat Baling pun saya dengar juga perkataan yang tidak sedap. Bodoh dan sebagainya. Ini pun mengundang kedua-dua belah pihak.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Akan tetapi Tuan Pengerusi, siapakah yang mula? Dia yang mula dahulu.

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat baling saya faham, saya faham. Ya Yang Berhormat Stampin jangan turut campur, Yang Berhormat Stampin. Jadi eloklah kita sama-sama menjaga adab dan isi perbahasan kita. Jangan menyakitkan hati Ahli yang lain.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih. Boleh bagi lebih masa sedikit kah, *injury time*?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bandar Kuching, semasa saya memberikan pandangan jam tersebut telah diberhentikan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak, dia ada salah.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tadi, tadi saya nampak.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Perkara yang kedua mengenai pelantikan hakim. Ini tidak berapa politik lagilah. Tidak berapa berunsur politiklah. Ini pelantikan hakim. Kita mencadangkan bahawa Richard Malanjum, CJ Sabah *and* Sarawak dilantik sebagai CJ Malaysia kerana pengalaman beliau dan keputusan-keputusan yang beliau buat itu telah dianggap dalam *legal*- sebagai *good decision, a lot of his decision are good decision*.

Saya juga hendak tanya, kenapakah di antara 15 orang Hakim Mahkamah Persekutuan langsung tidak ada satu dari Sarawak? Ini amatlah penting kerana mengikut adat, dalam Perlembagaan kita, hakim yang mendengar kes-kes dari Sarawak haruslah mempunyai *experience*.

■1540

Kalau kita tidak ada seorang pun Hakim Mahkamah Persekutuan dari Sarawak, bagaimanakah mereka hendak memahami apa-apa ada istiadat dan undang-undang tempatan di Sarawak? Oleh itu, saya menyeru supaya sekurang-kurangnya seorang Hakim Mahkamah Persekutuan yang akan dilantik masa kelak haruslah datang dari Sarawak dan saya juga mencadangkan supaya CJ Richard Malanjum dilantik sebagai *Chief Justice of Malaysia*.

Perkara ketiga mengenai Parlimen. Pagi ini kita ada Ahli-ahli Parlimen daripada pembangkang dan juga mantan Ahli Parlimen sudah mengadakan satu pertemuan yang mana kita ada empat resolusi. Ini mengenai integriti dan martabat dan juga Parlimen ini. Antara empat resolusi itu ada sentuh tentang *The Speaker of the House*. Biarlah saya baca.

- (i) meminta Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat menghormati dan mempertahankan hak dan kebebasan Parlimen sepenuhnya seperti yang diiktiraf dalam doktrin pengasingan kuasa dan seperti yang diamalkan di semua Parlimen-parlimen ala Westminster; dan
- (ii) meminta *the Speaker* mengkaji semula petua yang beliau keluarkan pada 31 Mac 2016 dan 20 Oktober 2016 atas perkara Pertanyaan Jawab Lisan dan isu yang berbangkit di Dewan Rakyat yang membangkitkan isu RM2.6 bilion dan tafsiran sub

judice bagi Pertanyaan Jawab Lisan, Jawab Bukan Lisan dan usul membabitkan isu tindakan *civil in rem* oleh DOJ pada Mesyuarat Ketiga, Penggal Keempat, Parlimen Ke-13 ini. Bersandarkan kepada petua yang beliau keluarkan ini, Ahli Parlimen telah tidak dibenarkan berbahas atau isu yang menyentuh 1MDB, DOJ dan wang RM2.6 bilion dan menteri-menteri juga tersekat dan terbatas dalam memberi jawapan kepada soalan-soalan berhubung dengan perkara tersebut.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya menyeru supaya integriti *of this Parliament should be safeguard and should be defended* dan malangnya *the Speaker has failed in his duty in doing that*. Oleh itu, saya berasa adalah wajar untuk saya membuat satu cadangan supaya satu peringatan diberi kepada *Speaker* supaya untuk menjalankan tugas beliau untuk betul-betul dan benar-benar mempertahankan maruah Parlimen ini. Sebagai satu peringatan, saya cadangkan supaya RM10 ditolak daripada emolumen beliau. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat. Perkara ini telah banyak kali disentuh. Sebenarnya kita ada peraturan mesyuarat. Kalau tidak bersetuju dengan apa-apa petua, boleh bawa usul bersendirian. Kita ada peraturan mesyuarat tetapi sengaja saya biarkan. Yang Berhormat Bagan Serai.

3.43 ptg.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Saya ingin menyentuh tiga butiran utama. Pertama, Butiran 210000 - Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Butiran 210400 - Kesepaduan Sosial dan Integrasi Nasional, di bawah Maksud Bekalan B.6. Saya juga melihat bahawa peruntukan yang diberikan ini telah meningkat berbanding tahun sebelum ini. Negara kita ini mempunyai kepelbagaian masyarakat yang menyebabkan kita menjadi negara yang unik di mata dunia. Dengan keharmonian yang ada yang terbina sejak merdeka lagi, kita kini telah banyak maju dalam kehidupan kita.

Walau bagaimanapun, akhir-akhir ini ada juga golongan-golongan yang menggunakan umpamanya isu media dan sebagainya untuk menyebabkan manusia tidak rasa kasih antara satu sama lain. Maksud saya menimbulkan rasa kebencian

dengan konflik perkauman dan agama, prejudis, prasangka dan kalau ini tidak dibendung, maka akan mendatangkan masalah.

Tuan Pengerusi, perpaduan suatu isu yang sangat-sangat penting. Kalau sesuatu negara tidak ada perpaduan yang jitu, maka cita-cita dan impian kita untuk mencapai negara maju mungkin akan tinggal cita-cita. Kita lihat pada negara-negara luar di dunia ini yang mana ada peperangan, yang mana ada masalah perkauman, masalah dalaman negara, kerana bila ada perasaan yang tidak ada kasih dan sayang, tidak ada kesatuan hati ini, maka kita lihat benda-benda yang hendak dibuat tidak ada penyatuan. Kita lihat pada pendidikan sudah. Negara-negara yang huru-hara, pendidikan akan rosak. Kita lihat pada ekonomi umpamanya. Negara-negara yang huru-hara perpaduannya, maka ekonomi akan rosak. Sebab itu Kerajaan Barisan Nasional sentiasa menitik beratkan tentang perpaduan dan buat banyak usaha supaya rakyat negara ini mempunyai rasa kasih dan sayang kepada manusia, insan sesama insan dan juga kepada negara yang tercinta ini.

Jadi, sebab itu saya melihat perpaduan satu keutamaan yang patut diberi keutamaan, *prioritize*, dengan izin. Contohnya, macam kita mengadakan rukun tetangga. Saya juga terlibat agak lama dengan rukun tetangga di Parlimen Bagan Serai dan saya terlibat banyak kawasan rukun tetangga masih tidak ada pejabatnya sendiri. Masih tidak ada bangunannya sendiri dan ada yang terpaksa sewa dan ada yang terpaksa pindah kerana tempat sewa tidak dibenarkan dan sebagainya. Akan tetapi mereka masih lagi melaksanakan aktiviti rukun tetangga demi perpaduan ini, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya melihat perkara ini sudah lama. Sudah lama. Saya harap kerajaan bagi tumpuan. Kalau tidak ada tempat, kita sediakan tempat. Sekarang ini kita boleh sediakan kabin. Kita boleh buat kabin dan sediakan tempat yang sesuai supaya mereka yang terlibat, khususnya dalam program perpaduan ini dapat menjalankan kerja yang lebih baik.

Tuan Pengerusi, banyak lagi perkara-perkara lain tentang rukun tetangga ataupun perpaduan ini yang saya hendak sentuh. Contohnya dalam Rukun Tetangga, mereka ini sudah lama dalam itu. Berbagai-bagai-bagai program dilakukan dengan cara sukarela. Ini sukarela. Di kampung, di taman-taman, di bandar dan sebagainya. Sudah sampai masanya saya rasa kalau yang lain-lain pun dapat elaun, apakah kata kalau kita bagi elaun untuk pengerusi dan jawatankuasa? Walaupun tidak banyak tetapi tanda penghargaan. Tanda kita *appreciate*, dengan izin. Tanda kita hendak berikan semangat. Jadi, ini patut ada benda yang positif bagaimana untuk meneruskan kesinambungan rukun tetangga ini.

Seperkara lagi saya lihat banyak juga ahli-ahli rukun tetangga dan mereka yang di dalam Exco rukun tetangga adalah orang yang begitu lama. Lebih daripada 10 tahun. Ada yang 15 tahun, 20 tahun. Ada yang cikgu daripada jadi cikgu sampai pencen. Ini kerana yang pertama, bukan semua orang hendak ambil sebab tiada bayarannya umpamanya tetapi mereka ini ikhlas buat kerja. Jadi, kalau orang-orang macam ini kalau kita hendak bagi semangat, hendak mengiktiraf, mereka juga diberikan umpamanya diberikan pengiktirafan di peringkat daerah, negeri dan juga peringkat nasional.

Tuan Pengerusi, yang saya hendak ulang sekali lagi ialah betapa pentingnya perpaduan dalam sesebuah negara. Ini kerana perpaduan yang jitu akan melahirkan negara yang maju dalam semua aspek dan sebagainya. Tidak ada halangan, tidak ada masalah untuk negara mencapai negara maju apabila kepimpinan yang baik dan ada rakyat yang ada perpaduan yang jitu. Rakyat yang sayang negaranya. Hari ini kita kena tengok dan muhasabah diri kita sendiri, sejauh mana kita sayang negara kita, sejauh mana kita sayang saudara-saudara kita. Sejauh mana kita suka untuk berkawan dengan semua orang ini, sebab itu lahir daripada cakap kita, lahir daripada perbuatan kita.

Jadi Tuan Pengerusi, sebab itulah saya jadikan butiran ini butiran yang penting yang mula-mula saya hendak cakap kerana kita tidak mahu ada masalah dalam perpaduan, benci, prejudis, prasangka dan sebagainya. Tuan Pengerusi, Butiran 360100 – Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA). Ini saya melihat ada juga peningkatan dalam bajet yang diberikan untuk tahun ini, berbanding dengan tahun lepas. Wilayah Ekonomi Koridor Utara mencapai kejayaan *significant* pada tahun 2016 sebenarnya sebab mereka melepasi sasaran indeks KPI dengan meraih pelaburan swasta sebanyak RM12.5 bilion sepanjang tahun lalu, berbanding dengan RM10 bilion seperti yang ditetapkan. Jadi, dengan kenaikan ini akan memberikan peluang pekerjaan dan menarik pelabur asing ke dalam negara.

■1550

Ada satu kenyataan menyatakan mewujudkan lebih daripada 11,000 peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Selain mencapai 83 peratus dalam Indeks Kesejahteraan Rakyat. Jadi melaksanakan projek inisiatif berpotensi tinggi ini, di empat buah negeri di Wilayah Koridor Utara dengan keseluruhan pelaburan sebanyak RM1.3 bilion.

Tuan Pengerusi, pembangunan empat sektor teras iaitu pertanian, pembuatan, pelancongan dan logistik, pihaknya sentiasa memacu perkembangan sektor yang turut disokong oleh pembangunan modal insan dan pembangunan sokongan yang sedia ada. Yakni Koridor Utara yang merangkumi 22 buah daerah di Kedah, Utara Perak, Perlis dan Pulau Pinang meneruskan agenda selaras dengan RMKe-11 Program Transformasi

Ekonomi dan Program Transformasi Kerajaan. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, apakah jenis projek inisiatif berpotensi tinggi untuk dilaksanakan di negeri-negeri yang terlibat ini? Bagaimanakah NCIA ini membantu menaikkan industri pelancongan terutamanya di Parlimen Bagan Serai?

Butiran 290100 iaitu satu lagi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Di sini saya melihat satu peningkatan yang tinggi kerana dengan penubuhan ini satu peningkatan peruntukan bajet yang tinggi daripada RM8.6 juta kepada RM17.8 juta. Penubuhan NADMA ini adalah satu untuk bertujuan menyelaraskan dan mengurus bantuan bencana supaya bila datang bencana tidak kelam kabut.

Tiap-tiap kali kita dengar apabila bencana datang sebab bencana datang bukan tentu, bukan dia bagi *warning*. Kadang-kadang datang secepatnya, kadang-kadang dia datang secara perlahan tetapi bagaimana kita hendak menghadapi situasi-situasi ini. Dengan penubuhan APBN ini, agensi ini akan menambah keanggotaan dan aset seperti juga trak lapar tan bot penyelamat di peringkat negeri mengikut keperluan bagi memantapkan pengurusan.

Agensi-agensi lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan bencana seperti Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART), polis, bomba, Angkatan Tentera Malaysia dan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan akan terus terlibat dalam rangkaian APBN ini. Jadi dibuat secara holistik dan umpamanya. Jadi APBN akan menggunakan aset udara seperti helikopter milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia bagi langkah pantas dalam menyampaikan bantuan bencana kepada mereka yang terkesan.

Perkara yang kedua ialah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti mengenai bencana. Dalam kempen kesedaran awam mengenai bencana yang dikendalikan oleh NADMA adalah bertujuan untuk mendidik rakyat berhadapan dengan situasi bencana. Oleh sebab kita tak mahu kita buat perkara-perkara yang secara teratur tetapi rakyat tidak ada kesedaran yang kuat, tidak ada kefahaman yang kuat, tidak tahu mana yang bahaya, mana yang selamat, apa yang patut dibuat, bila dan sebagainya.

Jadi kempen kesedaran awam mengenai bencana gempa bumi dan Tsunami yang telah dilaksanakan NADMA di Lahad Datu umpamanya pada April lalu adalah kempen yang sangat bermanfaat bagi rakyat di sini. Jadi saya ingin bertanya, sejauh mana dan sekerap mana kempen ini diadakan secara menyeluruh supaya objektifnya benar-benar tercapai oleh rakyat?

Tuan Pengerusi, dengan adanya agensi ini dapat membantu menambah baik SOP ataupun *Standard Operating Procedure* untuk berhadapan bencana sebenarnya

kepada masyarakat setempat bagi memberikan kesedaran awal mengenai langkah-langkah pencegahan awal dan menguruskan bencana.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia kerana proaktif dan kerana sanggup menambahkan belanja untuk perkara-perkara yang sangat asas, perpaduan dan menghadapi bencana di negara kita ini. Tuan Pengerusi, Bagan Serai menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ampang.

5.53 ptg.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya ingin membangkitkan daripada segi kod Butiran 010200 – Urusan Parlimen. Saya hendak minta Tuan Pengerusi untuk memastikan bahawa Menteri-menteri yang di bawah Jabatan Perdana Menteri yang tanpa berportfolio untuk diberikan kepada kami senarai-senarai portfolio yang mereka bertanggungjawab agar kami boleh bersiap sedia terutamanya bila sesi menjawab di peringkat dasar kita tidak tahu enam orang Yang Berhormat Menteri yang bangun menjawab, ada isu-isu yang tidak dia *cover*, dengan izin Tuan Pengerusi seperti PERMATA, ICU dan juga SPR. Kita tunggu sampai 11.30 malam tidak ada di antara enam orang mereka menyentuh isu yang saya bangkitkan khususnya.

Satu lagi saya juga hendak minta agar urusan Parlimen ini memberikan pertimbangan terhadap Ahli-ahli Parlimen Pembangkang yang apabila mereka dijemput oleh negara-negara luar untuk memberikan ucap tama, forum dan sebagainya. Kami patut diberikan juga kemudahan untuk perbelanjaan pengangkutan dan juga perbelanjaan penginapan sekiranya kami dijemput. Ini kerana apabila kami pergi keluar negara adalah juga mewakili Malaysia, kami juga Ahli Parlimen. Apabila kita didedahkan dengan isu-isu di luar negara yang lebih *advanced*, lebih lagi ke depan, maka kita akan bawa berhujah dalam Parlimen ini untuk memajukan negara ini. Kita juga sayang negara ini agar negara ini jauh lebih maju daripada apa yang sekarang. Jadi kalau sekiranya kami diberikan pertimbangan...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kena sokong bajetlah baru dapat duit.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Seperti apa yang telah diberikan kepada wakil rakyat daripada Barisan Nasional, kami juga dipilih oleh rakyat. Kami juga boleh bersuara.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ya lah sokonglah bajet, baru boleh belanja wang. Bajet tak mahu sokong.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: So, jadi saya harap boleh nak masukkan Yang Berhormat Lenggong? Sekian. *[Ketawa]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya seronok dengar rakan-rakan daripada Pakatan Harapan bercakap. Macam-macam cadangan.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Pakatan Harapan sudah tak ada. Pakatan apa sekarang?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tak apalah, kerana ia selalu berubah-ubah ikut keadaan semasa. Memang macam itu tetapi..

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Saya tak faham apa yang si Yang Berhormat Lenggong hendak sampaikan ini.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya hendak sebutkan ini, saya hendak sebutkan ini...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: So, tak payah Yang Berhormat Lenggong, tak ada maknalah. *No point*-lah Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Walaupun menolak, cadangannya cukup banyak. Hendak itu, hendak ini, hendak yang itu...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Ya, ya. No, no, cadangan ini hak kami semua Ahli Parlimen.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia tak boleh belanja kalau bajet tak lulus itu hari.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Ini hak kami sebagai Ahli Parlimen.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Ampang, Yang Berhormat Ampang, Yang Berhormat Ampang.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Oleh sebab itu kena sokong bajet ini.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Okey. Yang Berhormat Kuala Langat, boleh Yang Berhormat Kuala Langat teruskan.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Dah sudah. Okey, okey, okey Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat Lenggong, Tuan Pengerusi...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tak mahulah Kuala Langat pun... [*Dewan riuh*]

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Bajet ini satu bajet..

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Apabila satu bajet, kita perlu ada penambahbaikan kerangka dasar yang lebih baik. Itu cadangan yang kita buat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini bukan penambahbaikan. Itu minta, itu minta bukan...

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Dia tak faham, dia ingat bajet itu bajet. Bajet itu penambahbaikan.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tak tahukah Yang Berhormat Lenggong, tak pandaikah? Pun Lenggong tak pandaikah? Yang kita bantah itu macam mana peruntukan...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Itu minta.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Lenggong punya masalah..

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lain kali sokong, lain kali sokong... [*Dewan riuh*]

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Sudah, sudah, dia pun sama. Oleh sebab itulah kami duduk sini mewakili 52 peratus pengundi daripada rakyat Malaysia untuk membawa pembaharuan agar tidak ada Ahli Parlimen macam Yang Berhormat Lenggong ini diri, cakap yang tidak ada makna. Ini yang kita tak mahu, yang tak bawa faedah.

Tuan Pengerusi, saya hendak sebut tentang PERMATA juga ya. Dalam kes ini Butiran 010500 - PERMATA dan juga bersekali dengan *Early Childhood Care and Education*, 3000 yang mana Yang Amat Berhormat Pekan telah- dalam hujah pembentangan belanjawan telah mengatakan bahawa sejumlah RM85 juta telah diperuntukkan untuk PERMATA. Akan tetapi bila saya campurkan kedua Butiran 010500 dengan Butiran 30000 ini, jumlahnya tidaklah sampai ke RM85 juta. Jadi di manakah bakinya RM31 juta tersembunyi dekat mana? Beli permata, beli berlian? Oleh MO2 ataupun *Mrs. MO1*? Jadi Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh tentang Butiran 030100 – Unit Penyelarasan Pelaksanaan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Merapulah Yang Berhormat Ampang ini, macam mana pun tak tahu?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Saya hendak tanya, di mana- apakah SOP, SOP, kenapakah?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Cakap biar ada fakta, jangan ikut sedap mulut sahaja. Cakap biar faktalah.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Kenapakah? Eh, bangunlah nanti cakap. Duduk dulu... [*Dewan riuh*]

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tarik baliklah. Tuan Pengerusi, suruh tarik balik.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Bila hendak sentuh tentang Unit Penyelarasan Pelaksanaan, 030100...

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tarik balik, dia menimbulkan perasaan buruk sangka kepada orang lain.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Peraturan Mesyuarat 36(2) Tuan Pengerusi, 'mengacau-ngacau', mengganggu-ganggu.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Apakah ini? Orang Islam tak cakap macam itulah.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Saya sedang berhujah.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Orang Islam tak cakap macam itu. Orang Islam tak buat perlu-perli macam itu. *You* perempuan pula itu.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Okey, Tuan Pengerusi boleh saya teruskan?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya, ya.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tunjuk imej Islamlah sama.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Boleh saya teruskan? Boleh saya teruskan?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Sila, sila.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Okey. Saya sebut tadi, saya tanya tentang Unit Penyelarasan Pelaksanaan. Apakah SOPnya? Adakah ICU ini turun terjah-terjah kawasan, masuk suka hati, mana dia hendak geledah, suka hati mana dia hendak buat kerja dan buat kerja tidak berfaedah? Apakah SOP dia dan saya hendak tahu apa perbelanjaan yang telah dibuat dalam kawasan Ampang khususnya Tuan Pengerusi.

Keempat, saya hendak sebut tentang SPR, Butiran 050100. Persempadanan semula, kerja yang banyaknya tak terurus, datang pengundi yang kotor, yang tak bersih, banyak yang pengurusan *administrative* yang tidak tergendala, yang tidak terurus, tetapi sibuk hendak buat persempadanan semula. Persempadanan semula hendak buat apa,

ha? Bukannya hendak buat yang lebih baik tetapi membuat persempadanan semula yang tidak seimbang. Kawasan-kawasan dibelah bahagi entah sudah jadi macam huru-hara. Jadi kalau tidakkah, kenapakah tidak kita melihat kepada satu yang lebih progresif? Mencadangkan, merangka satu sistem pilihan raya yang lebih adil dan demokratik seperti *proportionate, representative* yang mana semua negara telah dilaksanakan kecuali Malaysia dan Myanmar sahaja di *South East Asia* ini Tuan Pengerusi.

■1600

Jadi kalau kita kata kita hendak mengarah ke negara maju, ini adalah antara langkah-langkah yang harus kita buat. Bukan duduk, hendak menang, lepas itu tidak hendak dengar cadangan daripada 50 peratus pengundi dan rakyat yang kami wakil. Jadi, inilah saya hendak minta SPR untuk melihatkan perkara ini.

Satu lagi saya lihat daripada segi SPRM. Saya baru baca dalam Malaysiakini, laporan, Yang Berhormat Tanjong Karang kata dengan izin, "*With flourishing FDI, 1MDB no longer an issue*". *What are you talking about*, dengan izin. Salah tetap salah. Adakah *you* hendak cakapkan maksudnya sudah curi tidak apa, simpan duit dan jangan tangkap, pergilah jalan-jalan cari duit, ganti balik duit yang curi. Adakah itu? Jadi saya minta pendakwaan dan perundangan harus tegas terutamanya kepada mereka yang telah melakukan penyelewengan seperti 1MDB, RM2.6 bilion dan semua penyelewengan telah kita lihat dalam Laporan Audit Negara.

Tuan Pengerusi, ini perkara-perkara yang amat penting untuk memajukan negara ini. Kalau ini pun kita tidak mampu untuk melaksanakan, bagaimana hendak berangan-angan hendak sampai ke negara maju tahun 2020, tambah lagi pula 2050. Sampai tahap ini kita tidak lihat bagaimana Malaysia akan dapat betul-betul dengan erti kata yang sebenarnya, akan dapat mencapai keadaan negara maju.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh tentang 93600 – Projek Mesra Rakyat yang diperuntukkan sebanyak RM792 juta. Hendak buat apa itu Tuan Pengerusi? Untuk Sarawakkah? Saya rasa ini pembaziran. Inilah wang-wang yang mereka gunakan. Untuk apa? Cuba perincikan. Apakah Program Mesra Rakyat yang hendak dilaksanakan? Sudah KKLW, sudah adalah dengan BR1M, sudah ada macam-macam, masih ada lagi Projek Mesra Rakyat yang diperuntukkan RM792 juta, Tuan Pengerusi.

Jadi saya harap kali ini Yang Berhormat Menteri dapat jawab soalan-soalan yang saya bangkitkan dan tidaklah berselindung. Datang jawab dengan dibantu oleh Tuan Pengerusi satu jam atau jawab bertulis dan sebagainya. Ini bukan cara Parlimen yang demokratik, Parlimen yang *world class*. Ini Parlimen yang tidak ada *class*, Tuan

Pengerusi. Dengan itu, sekian terima kasih. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jawapan bertulis itu jawapan juga Yang Berhormat ya.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Mana ada kelas. Orang bentang bajet lari keluar. Mana ada kelas.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jadi kalau jawapan bertulis itu tidak berkelas, saya rasa tidak betullah ya. Kadang-kadang kita secara lisan, kita jawab secara bertulis. Itu sebahagian daripada cara. Yang Berhormat Parit.

4.03 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Benda yang kelas ini derma sahaja. Pertama saya hendak sebut fasal APM (Angkatan Pertahanan Awam). Dulu JPM, sekarang APM. Saya amat memuji langkah penambahbaikan jabatan ini kepada Angkatan Pertahanan Awam. Cuma soalnya Tuan Pengerusi ialah APM tidak cukup kakitangan. Ada cuma kakitangan yang tetapnya tetap orang di tempat saya, yang lain itu semua sukarela. Jadi saya mencadangkan kepada APM atau kerajaan supaya menambah kakitangan supaya ada kakitangan tetap yang akan mengendalikan pejabat dan pengurusan Angkatan Pertahanan Awam. Ini termasuk jugalah masalah peralatan, jentera dan sebagainya. Bila berlaku umpamanya banjir, maka pada masa itulah baru hendak cari peralatan dan sebagainya. Itu tentang APM.

Tentang Jabatan Perpaduan Nasional, saya telah sebut di sini dan tadi pun rakan-rakan ada sebut bahawa ini sebuah jabatan yang baik, yang tugas dia adalah untuk menjadikan negara ini negara yang bersatu padu. Akan tetapi daripada segi kewujudan di kawasan-kawasan, macam saya di Parlimen Parit, tidak ada Jabatan Perpaduan Negara, yang ada cuma di Lumut. Jadi saya hendak mencadangkan supaya diwujudkan Jabatan Perpaduan dalam Parlimen Parit supaya usaha-usaha untuk menambahbaikkan lagi perpaduan negara dapat dijalankan dengan lebih berkesan lagi.

Ketiga, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP). Saya hendak tahu, ingin tahu sejauh manakah berkesannya suruhanjaya ini dalam menjalankan tugasnya terutama sekarang ini masyarakat bercakap masalah kelemahan penguat kuasa, anggota-anggota penguat kuasa. Jadi, sejauh mana suruhanjaya ini telah dapat melaksanakan tugas masing-masing? Kalau sekiranya suruhanjaya ini dapat melaksanakan tugasnya dengan baik dan tepat, tentulah masalah yang berlaku di kalangan penguat kuasa hari ini mungkin dapat dihindarkan.

Keempat, tentang Koridor Utara (NCIA). Saya melihat bahawa NCIA ini sebuah agensi yang dapat membangunkan masyarakat terutama di kawasan saya yang dalam sektor pertanian dan pelajaran. Cuma pada hari ini, NCIA tidak terlibat langsung Perak Tengah. Jadi kerana itu saya hendak mencadangkan kepada kerajaan supaya dapat melebarkan lagi NCIA ini, dikembangkan sampai ke daerah Perak Tengah supaya daerah Perak Tengah yang terdiri daripada petani akan dapat menikmati hasil-hasil pertanian yang baik pada masa hadapan dan termasuk juga daripada segi pembelajaran dan sebagainya.

Kelima, daripada segi Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU). Saya hendak tahu sebenarnya sejauh mana TERAJU ini telah menerajui atau mewujudkan usahawan bumiputera hari ini. Berapa bilangan yang telah ada? Berapa modal yang telah pun ada dan sebagainya? Ini kita, saya sendiri tidak tahu sejauh mana berjayanya TERAJU dalam tugas yang telah ditugaskan kepada mereka.

Keenam, PR1MA. Masalah perumahan masalah yang sedang menjadi pemikiran kepada semua orang terutama anak-anak muda. Rumah sebenarnya semakin mahal. Mahalnya rumah kerana harga tanah yang semakin mahal dan kerana harga yang tidak dapat dikawal oleh kerajaan. Jadi kerana itu kewujudan PR1MA akan dapat membantu orang muda terutamanya, supaya dapat mereka memiliki rumah masing-masing. Jadi kerana itu baru-baru ini umpamanya, PR1MA akan membina sebanyak 99 buah rumah di kawasan Parlimen Parit. Akan tetapi bagi saya, ini bilangan yang tidak cukup dan memerlukan tambahan. Oleh sebab itu, saya berharap kepada PR1MA untuk dapat menambah lagi bilangan rumah yang hendak dibina di kawasan Parlimen Parit supaya masalah-masalah yang timbul kekurangan rumah dapat diatasi pada masa yang akan datang.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan Yang Berhormat Parit apabila menyentuh tentang isu PR1MA. Apa pandangan Yang Berhormat Parit, bersetuju bahawa PR1MA ini diperluaskan dengan segera kepada setiap Parlimen khususnya di kawasan Parlimen yang memang menyokong bajet ini serta disegerakan. Apakah pandangan Yang Berhormat Parit?

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Tentulah saya bersetuju kerana ini akan dapat memberikan kegembiraan kepada rakyat, kepada orang muda yang tidak ada rumah. Jadi kerana itu, cadangan daripada Yang Berhormat Jerantut saya sokong dan sekali lagi saya berharap kepada pihak yang berkuasa supaya dapat menambahkan lagi peruntukan ke semua Parlimen

di seluruh negara pada masa-masa akan datang. Itu saja, terima kasih. Saya menyokong Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena.

4.09 ptg.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi untuk saya terlibat dalam perbahasan di Peringkat Jawatankuasa. Saya hendak memulakan perbahasan saya ini dengan pergi kepada B.6, Butiran 010300 – Kawal Selia FELDA. Saya telah pun dikunjungi oleh peneroka-peneroka FELDA daripada pelbagai tempat membuat pengaduan dan saya ingin menyampaikan kepada pihak kerajaan tentang ketidakpuasan hati mereka. Sistem pembayaran daripada penjualan buah yang dibuat sekarang ini yang kalau dahulunya sebulan dua kali mereka boleh jual iaitu pada hari Selasa, dua kali sebulan mereka dapat bayaran itu daripada pihak FELDA.

■1610

Akan tetapi terkini ada satu sistem baharu yang dibuat iaitu antara jualan 1 hingga 15 hari bulan dibayar pada awal bulan selepas itu dan antara 16 hingga 30 hari bulan pusingan kedua akan dibayar sebulan selepas itu. Bermakna baru dua bulan akan dapat bayaran tersebut. Jadi saya hendak tanya juga kepada pihak kerajaan apa masalah dengan FELDA membuat kelewatan pembayaran ini sedangkan sebelum ini tidak berlaku begitu mudah untuk mereka dapat hasil jualan mereka untuk menampung kehidupan mereka dalam keadaan buah pun tidaklah sebegitu mahal.

Jadi saya harap pihak kerajaan dapat mengambil perhatian terhadap rungutan ketidakpuasan hati peneroka-peneroka FELDA. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan, berapa kos perbelanjaan untuk pasukan bola sepak FELDA United? Berapa banyak anak-anak peneroka ataupun anak-anak peneroka FELDA ataupun pegawai-pegawai, kakitangan FELDA yang bermain dengan pasukan FELDA United, dan berapa jumlah pembayaran ataupun gaji yang tertinggi di kalangan pemain-pemain tersebut?

Apakah faedah yang diperoleh oleh FELDA dan juga peneroka daripada pihak FELDA menceburi dalam bidang sukan bola sepak ini? Apakah berjaya mengangkat masyarakat peneroka FELDA yang menjadi penyumbang utama selama ini kepada terbinanya FELDA itu? Ini haru diperjelaskan, kita tidak mahu nanti bahawa kita menghabiskan sesuatu yang tidak memberikan manfaat yang besar kepada peneroka-peneroka FELDA.

Kedua, saya hendak masuk kepada 390,000 SPAD iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Pengangkutan Darat. Berkaitan dengan TITP atau Program Transformasi Industri Teksi yang telah pun diumumkan oleh pihak kerajaan untuk memperkenalkan isu e-Hailing. Saya seronoklah dengan transformasi ini dan supaya kita dapat mempertingkatkan industri teksi di dalam negara kita.

Akan tetapi bagi saya bahawa transformasi ini bukan hanya sekadar untuk melihat kepada soal e-Hailing yang kemudiannya kita akan membenarkan kepada *Uber* dan juga *GrabCar* untuk beroperasi di dalam negara kita dan saya boleh terima kalau untuk membenarkan mereka beroperasi dalam negara kita dengan kita juga *transform* industri teksi ini daripada teksi syarikat kepada teksi individu.

Maknanya kita hapuskan terus permit syarikat ini dan kita tarik balik semua permit syarikat dan kita anugerahkan kepada individu kepada pemandu-pemandu yang sedia ada membawa teksi dengan syarikat-syarikat ini. Ini barulah kita melakukan satu transformasi yang lebih baik ke arah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan teksi dan juga kepada meningkatkan pendapatan di kalangan pemandu-pemandu teksi. Alasan kerajaan mengatakan bahawa sukar untuk kita hendak kawal, kalau kerajaan boleh kawal *Uber*, kerajaan mengatakan kalau dia beri jaminan untuk hendak kawal *Uber* dan juga *GrabCar* akan dikenakan pemandu-pemandu *Uber* dan *GrabCar* itu dengan pemakaian tanda nama dan sebagainya.

Jadi kalau ini kita boleh kawal apa masalah untuk kita hendak kawal teksi yang dikendalikan sendiri oleh individu iaitu permit di atas individu itu sendiri? Begitu juga ini akan mengelak daripada beban kos di kalangan pemandu-pemandu teksi. Sekarang ini mereka hendak kena bayar jadi apa salahnya kalau selepas ini berikan permit individu itu dan mereka boleh gunakan kereta mereka sendiri. Jadi tidak ada masalah supaya mereka boleh mengurangkan kos untuk membayar kos bayaran sewa kereta kepada syarikat selama ini.

Kalau kerajaan mengatakan bahawa kita hendak wujudkan satu persaingan kerana ada orang minat kepada *Uber* dan *GrabCar* kerana bayarannya murah. Soal murah tambang ini dia ditentukan oleh kerajaan. Kalau kita hendak katakan teksi itu mahal, teksi biasa ini mahal harga tambang teksi itu ditentukan oleh pihak SPAD. Akan tetapi *Uber* dan juga *GrabCar* saya tidak tahulah siapa yang tentukan harga mereka. Ada orang mengatakan memang benar harga itu lebih murah tetapi kalau soal itu yang menjadi masalah, kita selaraskan harga.

Jadi tidak timbul lagi masalah wujudnya persaingan dan sebagainya dan akhirnya kita boleh memberikan kepada pemandu-pemandu teksi yang sudah lama

sedia berkhidmat kepada masyarakat dan rakyat dalam negara kita ini secara yang lebih baik. Jadi saya harap pihak kerajaan dapat mempertimbangkan hal seperti ini.

Ketiganya saya hendak minta penjelasan berkaitan dengan Audit iaitu B3020000 – Pengauditan khususnya berkaitan dengan pengauditan khas. Saya hendak dapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan daripada perbahasan dasar hari itu. Saya tidak dapat, tidak terima apa-apa penjelasan daripada pihak kerajaan. Saya membangkitkan tentang berkaitan dengan pengauditan khas yang dijanjikan oleh pihak kerajaan ke atas Kementerian Belia dan Sukan dan agensi-agensi di bawahnya ekoran daripada kehilangan wang RM100 juta dahulu.

Ini bukan soal saya hendak sentuh kes mahkamah yang sedang bicara tetapi kita hendak Laporan Audit itu dibentangkan di sini. Apakah hasil penemuan-penemuan yang telah ditemui oleh pihak Jabatan Ketua Audit dalam membuat pengauditan khas khususnya pengauditan forensik yang telah pun dikendalikan oleh pihak Jabatan Audit? Apakah masalah-masalah yang akan dihadapi nanti oleh Jabatan Ketua Audit dengan pengurangan jumlah peruntukan ke atas Jabatan Ketua Audit?

Ini juga satu masalah yang harus dilihat oleh pihak kerajaan kerana bila kita kurangkan peruntukan ke Jabatan Ketua Audit iaitu jabatan yang boleh membantu kepada kita untuk mengurang dan mengelak, mencegah daripada ketirisan, kebocoran, kehilangan wang rakyat dan wang negara ini sewajarnya kita harus berikan pertimbangan untuk menambahkan peruntukan-peruntukan yang sewajarnya dalam hal-hal yang berkaitan dengan pengauditan yang perlu dibuat.

Kemudiannya ialah B.1 berkaitan dengan Parlimen, Pengurusan Parlimen 010000. Berkaitan dengan Pengurusan Parlimen, tahniah kepada Parlimen khususnya kepada Tuan Pengerusi yang telah mengambil inisiatif untuk melakukan *reform*, pembaharuan terhadap Parlimen bermula daripada sidang yang lalu dan kali ini sidang kali ini ada lagi pembaharuan-pembaharuan yang dilaksanakan daripada hasil persetujuan kita bersama untuk memastikan supaya mengangkat institusi Parlimen ini berada di kedudukan yang lebih dihormati.

Namun begitu saya mengharapkan bahawa dia haruslah seiring, diiringi dengan reformasi Parlimen itu dengan keluasan kebebasan untuk kita berbahas tanpa diikat, dikepong, dikongkong oleh akta-akta yang ditafsir secara yang tidak sewajarnya. Saya melihat hari ini ada juga pihak-pihak luar yang cuba untuk mencabuli hak-hak Ahli Parlimen dengan cuba timbulkan ketakutan menyiasat Ahli-ahli Parlimen yang berucap di dalam Parlimen ini di bawah Akta Hasutan dan sebagainya sedangkan bagi saya bahawa dengan saya tidak menafikan bahawa wujud dalam Perlembagaan Negara kita

itu bahawa setiap Ahli Parlimen itu walaupun diberikan kebebasan tetapi dia tertakluk di bawah Akta Hasutan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Namun begitu, apa yang diungkap oleh Ahli-ahli Parlimen itu khususnya tiga orang yang telah disiasat dan akan disiasat ini tidak pun apa yang diucapkan itu tidak pun menjurus kepada unsur menghasut kerana apa yang diungkapkan, apa yang diucapkan mereka tidak menyentuh soal mereka menolak perkara-perkara penting yang wujud dalam Perlembagaan menyerang Yang di-Pertuan Agong dan sebagainya.

Akan tetapi apa yang mereka ungkapkan ialah mungkin mereka....

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa habis, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Mungkin mereka menyerang individu seperti Perdana Menteri yang dilihat dalam konteks salah laku yang dilakukan oleh Perdana Menteri. Oleh sebab itu saya harap bahawa mereka harus menghentikan cadangan mereka yang akan datang ini akan memanggil Yang Berhormat Pagoh pada 15 hari bulan ini ke Bukit Aman adalah sesuatu yang sangat memalukan...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, masa habis.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya harap pihak polis harus menghentikan dan harus menghormati institusi Parlimen. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong.

4.19 ptg.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ambil kesempatan untuk berbahas di peringkat Jawatankuasa dan ingin menyentuh Butiran 30000, 03000 dan 21000.

Saya mulakan dengan 03000 Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri. Kita tahu bahawa sistem agihan bantuan kemiskinan di pelbagai peringkat banyak menggunakan sistem e-Kasih.

■1620

Satu data kemiskinan yang penting yang menjadi rujukan kepada pelbagai agensi jabatan bagi membolehkan semua program kemiskinan dapat disalurkan

menggunakan data dalam sistem ini. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah membangunkan satu sistem yang baik sebenarnya bagi mengelakkan ketirisan dan juga bagi memastikan setiap program pembangunan khususnya bantuan kepada rakyat dapat disalurkan kepada kumpulan yang tepat dan betul yang bersasar dan sebagainya.

Namun demikian, saya juga minta supaya kerajaan mengkaji sedalam-dalam juga sistem ini untuk dibuat dan ditambah baik kerana berlaku juga keadaan di mana oleh sebab barangkali begitu sukar juga untuk individu-individu tertentu dimasukkan dalam senarai sistem e-Kasih ini akan menyebabkan berlaku juga keciciran di mana ada golongan miskin tertentu yang tidak mendapat bantuan kerana nama mereka tidak termasuk dalam sistem e-Kasih ini. Barangkali lewat masuk kerana ada masalah teknikal dan sebagainya, itu satu. Akhirnya bantuan tidak dapat kita salurkan kepada mereka walaupun mereka sebenarnya layak untuk menerima.

Juga berlaku keadaan di mana berlaku pertindihan. Oleh sebab semua agensi di jabatan menggunakan sistem ini, maka dia merujuk kepada sistem sama. Maknanya kalau Jabatan Kebajikan Masyarakat hendak bagi bantuan, dia bagi kepada penerima 'A', nama dia yang ada maka dia dapat. Jabatan Pertanian juga hendak bagi menggunakan sistem yang sama, dia juga dapat. Barangkali ada lagi jabatan lain, perikanan atau agensi-agensi lain hendak bagi, nama dia saja ada, maka dia juga dapat. Jadi maknanya dia mempunyai pelbagai bantuan daripada pelbagai sumber kerana kita menggunakan sistem ini sahaja.

Oleh sebab itu saya minta perkara ini dikaji, dilihat semula dan mungkin perlu kerajaan ada satu data bank kemiskinan yang menggabungkan semua data kemiskinan lain daripada JKM, RISDA, daripada agensi-agensi lain dan pusat- data. Maka ini sebagai data induk bagi membolehkan supaya tidak berlaku pertindihan daripada segi agihan bantuan.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Lenggong...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: ...Ramai kumpulan sasar mendapat bantuan tersebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja bangun Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Sekejap.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Pendek saja.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Lenggong, pasal data itu. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Saya ingat mengenai data untuk disatukan pernah dibangkitkan masa e-Kasih dahulu. Kita

diberitahu bahawa dengan adanya data e-Kasih, kita dapat tahu siapa yang dapat bantuan dan dari mana. Jadi saya hendak minta supaya pihak kerajaan beritahu kita *what happen*, apa yang berlaku kepada data yang sedia ada.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya awal tadi sebut bahawa sistem ini sistem data e-Kasih ini baik dan penting sebenarnya. Cuma saya sebut perlu ada penambahbaikan supaya ada kumpulan-kumpulan yang sepatutnya menerima bantuan dapat dan tidak tercicir dalam sistem ini dan juga tidak berlaku pertindihan. Oleh sebab itu perlu ada satu data yang menjadi rujukan kepada data-data kemiskinan daripada agensi-agensi lain.

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: Yang Berhormat Lenggong...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Itu yang penting. Sila Yang Berhormat Mersing.

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: Tanya sedikit saja. Yang Berhormat Lenggong ada cakap tadi, dia ada pelbagai *multilateral agency* yang membantu kumpulan e-Kasih ini. Di Mersing ada 72 orang yang masuk dalam e-Kasih. Melalui penglihatan saya sebagai wakil rakyat, Yang Berhormat Lenggong bersetuju tidak bila terlalu banyak agensi-agensi yang membantu, mereka ini akhirnya bukan sahaja miskin sebenarnya sudah jadi kaya. Kalau mereka ini dapat pelbagai bantuan, ada tidak *possibility*, kemungkinan mereka ini boleh dikeluarkan daripada e-Kasih?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya bersetuju, memang itu perlu dilakukan. Oleh sebab itu jika kita tidak satukan sistem ini, katakanlah RISDA memberi bantuan, maka RISDA mengambi kira aspek bantuan yang diberi, masih lagi belum keluar daripada garis kemiskinan sedangkan dia dapat juga daripada bantuan lain. Akan tetapi kalau ada satu data bank pusat, dia sudah tahu bahawa banyak bantuan yang dia dapat dan dia sebenarnya sudah melebihi daripada- sudah keluar daripada garis kemiskinan itu. Oleh sebab itu kena ada satu data berpusat yang menjadi rujukan kepada sistem-sistem lain.

Ini penting Tuan Pengerusi supaya- saya bimbang nanti kalau pelbagai peruntukan yang diberikan oleh kerajaan, dia hanya akan sampai kepada individu tertentu sahaja, yang ada dalam sistem ini sahaja sedangkan ada orang lain yang mungkin tidak masuk kerana pegawai tidak pergi *check* atau lambat sikit, perlu buat. Oleh sebab itu saya percaya antara satu kaedah lagi menjawab Yang Berhormat Mersing tadi, mungkin kita bagi lagi *empower* kepada jawatankuasa *focus group* misalnya di peringkat daerah yang boleh membuat- di situ, mungkin ada juga kumpulan tertentu yang tidak ada dalam sistem tetapi diperakui oleh jawatankuasa tertentu,

walaupun tidak ada dalam e-Kasih dia boleh masuk segera. Oleh sebab hendak masuk itu teknikal saja, perakui saja.

Kalau dia sudah boleh keluar daripada garis kemiskinan, jawatankuasa ini akan membuat perakuan sebab hendak tunggu *committee* datang untuk membuat semula penilaian begitu lambat. Akhirnya dia sudah dapat banyak bantuan tidak keluar-keluar lagi daripada kemiskinan. Rumah dia dapat, bantuan pukut dapat, bantuan kemiskinan dapat, bantuan sekolah dapat, semua dia dapat. Ini perlu perhatian daripada kerajaan. Saya minta supaya sistem ini ditambah baik. Kalau perlu ada sistem bank data kemiskinan yang induk, saya cadangkan ia dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Saya juga ingin bercakap soal berkaitan dengan Butiran 210000 – Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Melihat kepada situasi hari ini penting jabatan ini diperkasa dan diperkukuhkan. Sudah sampai ketikanya minta kerajaan supaya angkat Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional ini kepada kementerian yang senior, yang penting kerana isu-isu perpaduan ini sudah menjadi penting. Kalau kita hendak bawa negara ini kepada tahap yang lebih baik maka perlu jabatan ini bukan hanya diangkat kepada kedudukan yang tinggi daripada segi senioritinya juga ditingkatkan sedikit pegawainya, ditambah keanggotaannya, bantuan-bantuan di peringkat bawah untuk melaksanakan program mesti di tingkat tambah. Oleh sebab isu-isu perpaduan ini banyak tertumpu kepada golongan-golongan muda yang lahir selepas merdeka misalnya, mereka tidak faham kebanyakan tentang sejarah jatuh banggunya negara ini.

Maka saya harap daripada segi pegawainya mesti ditambah golongan-golongan muda supaya program-program aktiviti dapat menjurus dan mendekati diri kita dengan generasi muda. Perlu diubah sedikit, perlu diubahsuai. Tidaklah lagi hari ini kalau kita lihat- saya selalulah 'berborak' program seperti ini, saya ucapkan tahniah ke Jabatan Perpaduan Negara Integrasi Nasional yang melaksanakan program tidak henti-henti ini.

Akan tetapi kita dapat lihat bahawa kelompong sedikit di situ di mana golongan muda ini kurang, golongan remaja ini kurang. Akan tetapi masih tertumpu kepada golongan selepas merdeka ini. Jadi yang hendak kita tumpukan ialah golongan-golongan muda ini. Oleh sebab itu perkara ini mesti dibuat, saya cadangkan kepada kerajaan supaya *upgrade*, tingkatkan, tambahkan bajet, beri kedudukan yang lebih kerana isu Perpaduan Negara Integrasi Nasional ini amat penting.

Akhir sekali ialah berkaitan dengan Butiran 30000 – Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak. Oleh sebab hari ini kita lihat bahawa kenaikan kos sara hidup begitu

tinggi, bebanan kepada rakyat juga bertambah, saya harap pusat jagaan kanak-kanak di *upgrade* dan diperbanyakkan.

Saya hendak mencadangkan kepada kerajaan, kita boleh buat andaian begini. Kalau sesebuah keluarga misalnya dia ada tiga orang anak, kalau seorang anak dia terpaksa bayar RM500, RM1,500 dia terpaksa belanja untuk penjagaan anak sahaja. Apa salahnya kalau kerajaan betul-betul laksanakan program ini, tempatkan di semua agensi kerajaan, jabatan kerajaan, di mana-mana juga ada pusat jagaan kanak-kanak ini dan guru-guru atau pelatihnya diberikan kurikulum yang betul-betul, maka saya percaya ia akan menjimatkan perbelanjaan rakyat. Rakyat akan kurang beban.

Oleh sebab itu saya harap perkara ini pusat jagaan kanak-kanak ini diinstitusikan betul-betul dan ia dijadikan sebagai satu agenda besar supaya bila ada pusat jagaan ini dengan kurikulumnya, dengan guru yang terlatihnya, dengan sistem yang baik saya percaya banyak bebanan rakyat dapat dikurangkan. Terima kasih, saya menyokong bajet ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya berhasrat untuk memanggil Menteri menjawab pada jam 5.30 petang nanti Yang Berhormat. Yang Berhormat Sungai Siput.

4.29 ptg.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Pengerusi beri saya kesempatan berbahas bajet belanjawan Jabatan Perdana Menteri. Saya hendak bawa tiga perkara saja, satu ialah JAKIM di bawah Butiran 050200.

■1630

Saya minta JAKIM menangani masalah berpuluh-puluh rakyat Malaysia yang walaupun mereka hidup sebagai seorang bukan beragama Islam telah ditafsirkan dalam dokumen mereka sebagai Islam. Contohnya seorang di kawasan saya- Mohd Nasir, umur 23 tahun. Ibu dia Hindu. Dia telah kahwin seorang India Muslim dan dia sudah masuk Islam pada masa itu. Akan tetapi, suaminya telah meninggalkannya bila dia mengandung. Bila Mohd Nasir ini dilahirkan, dinamakan "Mohd Nasir", kerana pada masa itu, ibu dia juga tafsirkan sebagai Islam.

Akan tetapi, dia sudah balik ke estet duduk bersama dengan keluarga ibu, keluarga Hindu dan selama 23 tahun ini dia hidup sebagai seorang Hindu. Akan tetapi dalam dia punya dokumen, *birth certification* dan dia punya I/C namanya Mohd Nasir dan Islam. Ini merupakan satu masalah kerana dia dibesarkan sebagai Hindu selama hidupnya. Dia tidak pernah jumpa bapa dia, dia tidak pernah dididik dalam Islam. Akan

tetapi, sekarang dia ada *girlfriend*. Akan tetapi *girlfriend* tidak mahu berkahwin dengan dia kerana dia ada tafsiran itu.

So, bila dia datang berjumpa dengan saya, saya bawa dia ke Jabatan Pendaftaran. Mereka kata sekarang *you* kena ke Jabatan Agama Islam dapat surat. Saya ke sana, mereka di situ katakan *you* kena pergi ke Mahkamah Syariah. Saya pun cari seorang peguam syariah untuk dia. Sekarang sudah empat tahun tetapi kes masih tidak jalan. So, inilah masalah yang kita hadapi.

Satu masalah ialah di Perak kita ada Enakmen Pentadbiran Agama Islam dyang mana fasal 50(3)(b)(x)- sepuluh. Dikatakan Mahkamah Syariah ada kuasa untuk pengisytiharan bahawa seorang itu bukan lagi beragama Islam. Memang ada kuasa. Akan tetapi masalah di sini saya ingat untuk budak ini dikatakan bukan lagi. So, ini beri ertinya dia pada satu masa dahulu adalah beragama Islam, sekarang bukan lagi. So, nampaknya mungkin proses itu mahkamah dengan peguam-peguam rasa mereka membantu dalam proses murtad yang dinampak sebagai satu yang sangat *bad, you know*.

So, itulah masalah dan tetapi ini pun tidak ada dalam enakmen untuk Wilayah Persekutuan. So, saya telah mengemukakan satu bil persendirian di Parlimen kali ini yang mana saya hendak wujudkan fasal 46(2) subseksyen (9) untuk mengatakan sama macam di Perak kuasa untuk mengisytiharkan orang itu bukan lagi beragama Islam. Satu lagi, seksyen baru seksyen 10 untuk mengisytiharkan bahawa orang itu bukan beragama Islam atas sebab tidak pernah mengamalkan agama Islam sejak kecil.

So, ini boleh elak persepsi murtad itu. So, saya telah beri satu bil persendirian tetapi malangnya Tuan Pengerusi tidak lulus- biarlah dia simpan dalam agendalah. Okey, saya haraplah Yang Berhormat Menteri boleh siasat dan meneliti isu ini kerana saya ingat semua agama termasuk Islam diutamakan keadilan untuk rakyat. Saya rasa ini harus dikendalikan kerana di masyarakat majmuk ada perkahwinan berlaku macam ini. Untuk, sebab orang ini tidak dipersalahkan. Bapa dia tinggalkan dia. Dia tidak dibesarkan sebagai Islam tetapi dia *stuck* dengan nama itu. So, saya haraplah mungkin JAKIM dan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan kaji dan...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Beruas bangun.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Okey, Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Sebenarnya di negeri Perak dahulu, Majlis Agama Islam ada mengeluarkan surat mengesahkan seseorang itu murtad dan Jabatan Pendaftaran Negara akan menerima

surat tersebut dan membenarkan nama dan agama dalam Kad Pengenalan ditukarkan. Selama itu, amalan yang dibuat dan dalam kita kata *in a spirit of a* Perkara 11, di mana setiap orang yang mempunyai kebebasan agama.

Setujukah dengan Yang Berhormat Sungai Siput, kalau kita balik kepada amalan tersebut kerana sebelum kes Lina Joy memang itu amalan dia. Memang kalau seseorang itu memang sudah bukan Islam, Majlis Agama Islam haruslah mengeluarkan surat mengesahkan orang itu bukan Islam lagi dan Jabatan Pendaftaran Negara mesti menerima surat tersebut sebagai bukti. Setuju tidak dengan amalan ini?

Amalan ini lebih senang daripada pergi Mahkamah Syariah, ada masalah lagi bahawa sama ada Mahkamah Syariah boleh atau tidak mendengar kes dia kerana dari awal lagi dia memang bukan Islam. Itu menjadi satu *technicality* atau masalah yang memang menyebabkan ramai orang yang bukan Islam, nama Islam yang terpaksa bersekedudukan di luar nikah dan melahirkan anak. Memang di tangan saya banyak kes tersebut. Adakah cadangan saya itu dipersetujui oleh Yang Berhormat Sungai Siput?

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Saya ingat okey. Itu satu idea yang bagus tetapi saya ingat masalah yang kita hadapi sekarang politik. Saya ingat semua pihak yang pegang kuasa dia takut jika dibuat macam itu, pihak yang lain akan tembak. Mereka- Islam, *you* lepaskan, *you know*. Saya rasa ini, tetapi diharap jika JAKIM boleh teliti isu ini mengadakan satu *consensus*, saya ingat tidak perlu pergi ke mahkamah. *Actually can be settled by the* jabatan. Jika betul-betul budak ini tidak pernah amalkan Islam, kenapa, *you know*.

Okey, *I* hendak pergi ke isu yang kedua. Ini untuk EPU di mana saya hendak tanya Unit Perancang Ekonomi. Adakah EPU kaji isu kelembapan permintaan kasar. *Aggregate demand*. Ini kerana pada saya ini, satu masalah utama bukan sahaja di Malaysia, bukan sahaja ASEAN tetapi di dunia sekali. Ini satu masalah yang sebabkan kelembapan ekonomi, masalah untuk pertumbuhan ekonomi, masalah untuk mencari kerja untuk orang, *it's a weak aggregate demand*.

So, apakah analisa? Apakah pendirian Malaysia berkaitan ini? Bagaimanakah kita boleh menjana permintaan kasar ini? *Maybe* Malaysia sendiri ataupun ASEAN. Apakah caranya? So, adakah kita perlu mengubahsuaikan Perjanjian Perdagangan Bebas yang kita ada yang mungkin sekatan perkembangan *aggregate demand*. So, saya mahu bertanya EPU, adakah *you* buat kajian, adakan satu pendirian atau satu *stand* macam mana kendalikan isu ini, isu antarabangsa. Ini kerana kita sekarang berlumba-lumba, kita bersaing dengan Vietnam, Thailand untuk dapat FDI.

Kadang-kadang apa yang kita lakukan untuk dapat FDI itu, kita sekatan *aggregate demand*. Kita sekatan perkembangan gaji. Kita kurangkan cukai. Ini semua kurangkan

aggregate demand. So, ini saya rasa dan harap EPU kena kaji isu ini. *Aggregate demand*, apakah cara menjanakannya kerana ini adalah punca pertumbuhan ekonomi.

Poin terakhir yang saya bawa dalam Butiran 320000 – Institut Integriti Malaysia. Di mana saya hendak sentuh isu pembiayaan politik, *political financing*. Di banyak negara yang demokratik, masalah yang mereka hadapi ialah *influence*, pengaruh sektor korporat atau sistem politik, Malaysia juga. Sektor korporat yang besar GLC dan juga bukan GLC dia bagi dana yang besar untuk kerajaan untuk parti-parti kerajaan dan juga satu dana yang besar untuk parti-parti yang bukan kerajaan ataupun pembangkang.

So, impak daripada korporat, dia bagi berjuta ringgit kepada proses politik. Ini *actually* menghakiskan demokrasi. Demokrasi ialah suara rakyat yang kena sampai ke Parlimen. Akan tetapi oleh sebab, *funding*-nya dari sektor korporat kadang-kadang suara rakyat tidak sampai ke sini kerana *political parties* dia lebih mahu pelihara dia punya *support*. So, saya ingin syorkan satu *public funding* di mana dana umum dikhaskan untuk Parlimen, untuk parti-parti politik di mana tiap pengundi diberi *chance* untuk *commit* RM10 setahun melalui kerajaan dalam satu undi. Tidak ada masa. Okey, saya berhenti di sini tetapi saya akan balik ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Mersing.

4.39 ptg.

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: Tuan Pengerusi terima kasih. Saya hendak sentuh beberapa perkara khususnya bagi Jabatan Perkhidmatan Awam yang mana pegawai-pegawainya Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) di bawah Butiran 010000, Butiran 020000 dan Butiran 040000.

■1640

Saya hendak ucapkan banyak-banyak tahniah kepada kakitangan awam. Sewaktu saya jadi kakitangan awam dulu, 30 tahun dulu, ada setakat 600,000 sahaja kakitangan awam, sekarang sudah 1.6 juta. Dan transformasi Jabatan Perkhidmatan Awam sejajar dengan adanya pengkomputeran dan servis dan perkhidmatan yang berasaskan kepada *internet*, sudah pasti akan membawa satu paradigma yang positif kepada perkhidmatan awam supaya ia perkhidmatan yang cekap, berintegriti, dinamik, dan paling pentingnya berjiwa rakyat sebab tanpa rakyat, mereka tidak ada.

Saya hendak tanya, peruntukan untuk Jabatan Perkhidmatan Awam ini banyak, lebih daripada RM600 juta. Saya hendak tanya, pertama sekali dengan adanya sistem IT, berapa ramaikah jawatan-jawatan yang boleh dikurangkan? Ini kerana kalau kita pergi bank sekarang, bank sudah mula mengurangkan mereka yang menguruskan secara terus dengan pelanggan mereka. Tanpa pergi ke bank, kita boleh buat pelbagai

transaksi dengan sedikit perkhidmatan bayaran tetapi kita boleh selesaikan semua urusan bank tanpa perlu ke bank.

Saya pernah pergi ke JPJ untuk memperbaharui lesen. Saya beratur macam rakyat biasa. Mereka yang memberi perkhidmatan itu pun tidak tahu saya ini sebenarnya Ahli Parlimen. *Alhamdulillah*, dalam masa setengah jam selesai. Itu maknanya cekap tetapi kita masih kena pergi lagi ke JPJ. Ada tidak kaedah-kaedah di mana tidak perlu lagi kita berinteraksi dan kita dapat pergi *direct*? Dan kalau kita berhadapan dan membuat urusan dengan di kaunter, kerajaan boleh *introduce* kenakan sedikit bayaran tetapi kalau tidak pergi, selesaikan secara IT, sebagai *enabler*, boleh bagi percuma. Ini meningkatkan waktu.

Perkara kedua. Saya rasa insaf kerana sewaktu mula-mula jadi Ahli Parlimen dahulu, bebanan membayar gaji dan emolumen kerajaan pada ketika itu saya rasa dalam RM1 bilion sebulan walaupun pendapatan negara RM100 bilion. Maknanya RM12 bilion satu tahun. Akan tetapi dengan berkembangnya saiz perkhidmatan awam dengan kehendak rakyat, sekarang 1.6 juta orang kakitangan awam dan kena belanja RM77 bilion atau lebih kurang RM6.4 bilion satu bulan dan sudah pasti ia bebanan kepada pembayar cukai.

Saya hendak tahu, ada tak kajian yang dibuat oleh sama ada INTAN atau agensi-agensi lain, kerjasama dengan universiti di mana bilangan kakitangan awam ini *rightsizing*, kita boleh kurangkan dengan, satu, menyeragamkan sistem IT dan kedua-saya bagi contoh.

Kalau dia pegawai sokongan N32, gaji dia sudah sampai ke siling. Dia sudah berkhidmat dengan kerajaan lebih daripada 25 tahun. Kerajaan bayar gaji dia RM6,000. Dia *entry point* dia SPM sahaja. Akan tetapi kalau kerajaan bagi insentif, gratuiti lebih daripada 17.5 peratus, mungkin naikkan 20 *percent* gratuiti tapi kita beri dia pencen awal. Jadi kerajaan tidak perlu belanja RM6,000. Malah RM3,000 *balance* tadi- saya bukan pakar *actual science*. RM3,000 tadi boleh kita *employ* orang muda yang mungkin dua orang boleh kita *employ*.

Ada tidak kajian-kajian ini dibuat supaya kerajaan beri perkhidmatan kepada rakyat secara berkesan dan pada waktu yang sama boleh beri insentif kerana mereka yang bekerja lebih daripada 25 tahun atau 300 sebulan dalam perkhidmatan awam, dia dapat pencen penuh 60 peratus?

Malahan, yang paling penting, selama 300 bulan atau 25 tahun ini, mereka mempunyai *networking* yang begitu baik. Jadi kalau pencen awal, ada kursus macam tentera 18 bulan, mungkin perkhidmatan awam diberi satu tahun, untuk mereka meneroka perkhidmatan baru di luar. Dia boleh bagi perkhidmatan kerana *networking*

dia, dia sudah ada *skill, knowledge* dan pelbagai *networking* yang mereka ada sewaktu dalam perkhidmatan awam. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulai.

4.47 ptg.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Pertamanya saya ingin merujuk kepada B.1 Parlimen di bawah Butiran 010200 iaitu urusan Parlimen dan juga pengurusan Dewan. Di sini saya hendak ucapkan tahniah dan juga merekodkan penghargaan saya kepada Parlimen kerana sekarang kita ada taska di kawasan Parlimen. Saya rasa ini satu usaha yang cukup baik. Jadi di sini saya memang hendak ucapkan tahniah setinggi-tingginya kepada pihak Parlimen.

Akan tetapi, saya juga mendapati bahawa beberapa tahun ini, tarikh persidangan kita menjadi semakin kurang. Semasa saya menjadi Ahli Parlimen pada tahun 2008, masa itu satu tahun kita bersidang 121 hari. Dari tahun 2008 sehingga 2011. Di antara tahun 2011 hinggalah 2014, kita lebih kurang satu tahun bersidang 100 hari dan sekarang dari tahun 2015 sampailah 2017 untuk tahun yang akan datang, lebih kurang kita hanya akan bersidang 90 hari setahun sahaja.

Jadi di sini saya memang tidak faham kenapa urusan kita menjadi semakin banyak tetapi hari persidangan kita menjadi semakin kurang. Saya rasa sebagai Ahli Parlimen, ini tugas kita untuk datang ke Parlimen untuk bahas. Jadi, kenapakah kita tidak bolehlah meningkatkan lagi hari persidangan supaya kita tidak perlu bersidang sampai 11.30 tiap-tiap malam? Saya bukan cakap bahawa Ahli Parlimen kita rasa letih dan menjadi kurang efektif tetapi kakitangan Parlimen juga.

Tuan Pengerusi, kita ada kakitangan Parlimen yang muda macam saya yang ada *baby* atau anak yang muda lagi. Jadi adalah penting untuk mereka untuk meluangkan masa untuk ahli keluarga mereka. Jadi saya pun terima ini rayuan daripada kakitangan Parlimen untuk membangkitkan isu ini kerana mereka pun rasa kalau kita selalulah bersidang sampai lewatlah malam, ini memanglah satu beban kepada mereka.

Selepas itu saya hendak merujuk kepada B.2 di bawah Butiran 40000 – Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Saya hendak tanya bayaran ini kepada siapa?

■1650

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Kulai. Sedikit sahaja. Krai.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Oh! Hai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Sedikit sahaja, setengah minit. Boleh Tuan Pengerusi? Jumlah sidang Dewan Rakyat yang disebut tadi 90 hari *average*. Itu rasanya termasuk sidang Dewan Negara itu. Kalau Dewan Rakyat 58 hari sahaja sedangkan kongres-kongres lain atau Parlimen lain, 120 hari, 150 hari. Jadi kita ini macam mana, ya? *Underworked* kah? [*Dewan ketawa*]

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Itu sebabnya saya setuju dengan Ahli Parlimen Kuala Krai. Memang betul kita Ahli Parlimen 50 hari kita rasa letih. Bagaimana dengan kakitangan Parlimen yang perlulah bersidang sepanjang 90 hari? Saya rasa ini tugas kita datang ke Parlimen. Saya sukalah datang ke sini untuk bertemu dengan Tuan Pengerusi. Jadi saya cadangkanlah kita tambahkan lagi hari persidangan. [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan tidak suka bertemu kah?

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Oh, itu tidak sukalah, memang. [*Ketawa*] Di luar Dewan boleh, di luar Dewan boleh. [*Disampuk*] Saya hendak teruskan perbahasan saya. Saya rujuk kepada Butiran 40000 kerana saya nampak bahawa ada satu peningkatan yang cukup tinggi, tujuh kali ganda. Saya hendak tanya kenapa peruntukan untuk butiran ini menambah, melonjak sebanyak tujuh kali ganda dalam tempoh masa satu tahun sahaja.

Selepas itu, saya ingin merujuk kepada Bekalan 3 – Jabatan Audit Negara, Butiran 030100 – Emolumen Kakitangan Kontrak. Di sini juga peruntukan untuk butiran ini telah dikurangkan sebanyak RM70,000. Jadi hendak tanya sama ada kakitangan ini akan ditukar kepada kakitangan *permanent* ataupun kakitangan kontrak ini akan ditamatkan. Saya hendak tanya kalau kakitangan kontrak ini ditamatkan, kontrak mereka ditamatkan, sama ada keberkesanan Jabatan Audit Negara ini akan mendapat kesan negatif.

Selepas itu, saya ingin merujuk kepada Bekalan 4 – Suruhanjaya Pilihan Raya. Sama juga peruntukan untuk SPR ini dikurangkan secara dahsyat. Tahun lalu RM150 juta, tahun depan tidak sampailah RM50 juta.

Di antaranya Butiran 010200 – Operasi. Peruntukan di bawah butiran ini yang dikurangkan hanyalah empat peratus sahaja. Tahun ini ada RM88 juta tetapi untuk tahun depan hanyalah RM3.6 juta sahaja. Jadi ini adalah satu pemotongan sebanyak 94 peratus. Jadi saya hendak tanya kenapa butiran ini pengurangan yang begitu besar dan saya juga nampak bahawa tiap-tiap tahun jumlah pengundi kita memang bertambah. Tahun 2015, kita ada 13.5 juta orang pengundi. Tahun ini ada lebih kurang 14.4 juta orang dan tahun depan kita ada dalam anggaran 15.1 juta orang pendaftar. Akan tetapi sebenarnya di luar, masih ada lebih daripada empat juta orang pengundi ataupun rakyat

Malaysia yang telah mencapai umur 21 tahun tetapi sampai hari ini belum mendaftar sebagai seorang pengundi.

Jadi saya hendak tanya di sini, dulunya SPR memang ada program *outreach* untuk mendaftar lebih banyak pengundi tetapi sekarang saya tidak nampak butiran ini. Sama ada program *outreach* ini telah dibatalkan untuk tahun yang akan datang. Kenapa SPR enggan melantik ahli-ahli dari parti politik untuk menjadi pembantu untuk mendaftar pengundi yang baru? Saya rasa kenapa tidak boleh beri kepercayaan kepada Ahli-ahli Parlimen? Sekurang-kurangnya biarlah Ahli Parlimen bolehlah membantu pengundi baru ini buat pendaftaran di pejabat kita. Kita boleh bantu mereka isi borang. Ini bukan susah sangat. Kenapa tidak bolehlah sekurang-kurangnya, biarlah Ahli Parlimen untuk membantu dalam proses untuk mendaftar lebih banyak pengundi baru.

Selepas ini, saya hendak rujuk kepada Bekalan 6 – Jabatan Perdana Menteri di bawah Butiran 010500 – Bahagian PERMATA. Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau mengumumkan satu peruntukan sebanyak RM85 juta diberi kepada PERMATA. Akan tetapi jika kita merujuk kepada butiran ini, dalam buku bajet ini hanyalah RM45 juta yang diberikan kepada Bahagian PERMATA. Jadi saya hendak tanya kenapa ada percanggahan ini? Peruntukan untuk PERMATA adalah RM85 juta seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa ucapan bajet beliau ataupun seperti yang ditulis di sini, hanya RM45.2 juta.

Kalau wang yang tercatat di sini hanyalah RM45.2 juta, yang bakinya, baki yang hampir RM40 juta ini pergi mana? Digunakan oleh siapa atau digunakan di bawah butiran apa? Saya hendak tanya berapa banyak pusat PERMATA yang kita ada di seluruh negara pada masa ini dan bilangan pelajar berapa banyak? Kenapa kita perlu memberi satu peruntukan yang sebanyak RM85 juta?

Akhirnya yang satu perkara lagi, Butiran 490000 iaitu PR1MA. Dulunya pada PRU-13, Barisan Nasional buat satu perjanjian untuk mendirikan sejuta buah rumah mampu milik untuk rakyat jelata. Di antaranya 500,000 buah unit rumah mampu milik sepatutnya dibina oleh PR1MA tetapi kalau kita ikut laporan di sini, sehingga tahun 2017, unit rumah PR1MA yang akan ditawarkan hanyalah 140,000 buah unit. Jauh berbeza dengan 500,000 buah unit yang telah dijanjikan oleh Barisan Nasional. Kita tahu tahun 2017, 2018, kita sudah tamat tempoh masa untuk lima tahun.

Jadi kita akan menghadapi PRU-14 lagi. Jadi saya hendak tanya, perjanjian untuk membina 500,000 buah unit rumah mampu milik ini akan ditepati atau akan dicapati? Itu sahaja, ribuan terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang sudah bangun, ya. Ya, Yang Berhormat Sepang.

4.57 ptg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya ingat Barisan Nasional tadi. *Sorry*. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian ini untuk membicarakan hanya beberapa butiran sahaja, Tuan Pengerusi. Pertamanya berkaitan dengan Jabatan Peguam Negara iaitu B.8. Kalau kita lihat kepada B.8 ini dinyatakan dengan izin Tuan Pengerusi, bagi muka surat 147. Dia kata pelanggan adalah orang awam di nombor (vii).

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak Menteri kalau boleh menjelaskan, kenapakah dalam kes khususnya berkaitan dengan butiran mengenai pendakwaan. Walaupun dinyatakan bahawa antara tujuan atau pun objektif pendakwaan adalah memberi nasihat dan arahan kepada semua agensi penguatkuasaan, undang-undang dan mengendalikan pendakwaan tetapi saya hanya ingin bertanya, kenapakah sehingga hari ini, kita tidak melihat mana-mana individu ataupun pihak yang terlibat dengan skandal wang ataupun penggubahan wang haram ataupun *corruption* 1MDB tidak didakwa di Malaysia.

Sedangkan kita telah melihat pendakwaan telah berlaku di Switzerland, di Singapura. Saya telah membaca beberapa dokumen daripada *Office of the Attorney General* (OAG) of Switzerland. Di Switzerland, mereka ada *Office of AG* (OAG) tetapi kita di Malaysia ada *OMG*, *oh my god*. *No prosecution* tetapi di Switzerland dia ada *Office of Attorney General* (OAG) namanya. Mereka telah membuat pendakwaan *at least* kepada dua buah bank iaitu Falcon Private Bank Limited dan juga BSI Bank yang mana dalam kedua-dua pendakwaan ini, antaranya ia melibatkan isu *money laundering*. Baru-baru ini kita dengar Tuan Pengerusi, bahawa pendakwaan ke atas Yeo Jiawei daripada *ex-BSI banker*.

■1700

Kalau salah minta maaf. Yang didakwa sebenarnya dua kesalahan tetapi kali pertama ini untuk *tempering witness* dan telah pun bermula perbicaraan dia yang melibatkan 1MDB ini. Kalau kita lihat kepada pendakwaan ini, dalam pembukaan, dalam *opening statement by DPP*, dia mengatakan ini adalah kes yang melibatkan skandal kewangan yang— *the largest money scandal*. Satu skandal kewangan yang besar, yang melibatkan kes yang rumit.

Apa yang saya boleh terangkan Tuan Pengerusi adalah bahawa kenapakah negara-negara ini, mereka begitu bersungguh-sungguh, ada *political will* untuk

mendakwa mereka yang terlibat dengan 1MDB ini tetapi negara kita yang mana 1MDB berpunca daripada warganegara Malaysia, di negara *host*-lah, negara Malaysia sendiri sampai sekarang kita tidak melihat satu pendakwaan pun dilakukan oleh pihak Peguam Negara kepada mana-mana pihak yang berkaitan dengan 1MDB ini. Seolah-olah kes 1MDB ini bukan satu jenayah. Tidak ada pendakwaan ya.

Walaupun kita tahu bahawa pihak OAG di Switzerland telah meminta dipanggil *mutual legal assistance (MLA)* untuk mendapatkan dokumen-dokumen dan juga *evidence* bagi mereka membuat pendakwaan. Persoalannya kalau Switzerland boleh membuat MLA untuk mendapatkan *assistance* dari Malaysia, Singapura dan sebagainya untuk membuat pendakwaan, kenapakah kita tidak boleh membuat perkara yang sama? Saya percaya bahawa bukannya bagi orang-orang yang terlibat dengan undang-undang, malahan orang awam pun tahu bahawa sudah tentulah kes 1MDB di Malaysia ini ada kes untuk dibawa ke mahkamah. Mana-mana orang pun tahu bahawa memang ada kes dan telah ramai pihak-pihak yang terlibat dengan perundangan membuat kenyataan bahawa perlunya pendakwaan. Akan tetapi sampai sekarang— yang peliknya bukan ada pendakwaan tetapi adanya ancaman-ancaman untuk didakwa kepada mereka yang membangkitkan 1MDB. Terbaru ini kita telah melihat bahawa termasuk Ahli Parlimen hendak dibawa ke mahkamah, telah dipanggil oleh Bukit Aman untuk disiasat kerana mendedahkan 1MDB dalam Parlimen.

Cukuplah itu Tuan Pengerusi, kita ditertawakan oleh negara luar kerana tidak mendakwa 1MDB. Kenapa kita harus ditertawakan juga kerana hendak mendakwa tiga orang Ahli Parlimen yang ketiga-tiga ini adalah mereka yang terlibat dengan Barisan Nasional, pernah ada pengalaman. Bukan daripada pihak pembangkang yang mungkin kata orang ada *axe to grind* lah. Akan tetapi kalau daripada Barisan Nasional, sudah tentulah mereka membangkitkan isu ini kerana mereka tahu apa yang berlaku. Jadi, saya mengharapkanlah supaya pihak Peguam Negara dapat membuat pendakwaan. Saya ingin tanya kepada pihak Menteri, kenapakah sehingga ke hari ini belum ada pendakwaan dilakukan? Itu yang pertama, Tuan Pengerusi.

Kedua, saya ingin membangkitkan tentang Suruhanjaya Pilihan Raya iaitu B.4 dalam isu persempadanan semula. Kita tahu bahawa dalam pilihan raya ini, persempadanan semula ini— saya tahu dalam perlembagaan memang diberikan hak itu kepada SPR. Kita tidak menafikan SPR mempunyai budi bicara dan kuasa di bawah Perkara 113, *Article 113. We never dispute that.* Apa yang kita persoalkan, kenapakah persempadanan semula itu dibuat dalam keadaan begitu rupa, nampak sangat orang panggil *gerrymandering* untuk memenangkan satu pihak sahaja.

Saya melihat bahawa seharusnya ada perundingan dengan semua pelanggan SPR iaitu khususnya parti politik, sama ada daripada pihak kerajaan ataupun pihak pembangkang. Ini kerana kita semua adalah pelanggan utama SPR. Maka, kenapakah sebelum dibuat persempadanan semula itu tidak ada langsung rundingan, *consultation* dibuat, dipanggil ahli-ahli politik daripada pihak sama ada kerajaan ataupun pembangkang untuk berunding. Akan tetapi kalau dibuat dulu— walaupun kita ada hak untuk mencabar persempadanan semula itu di mahkamah tetapi berdasarkan kes yang berlaku di Kuching itu, saya sendiri minta maaf, saya memang ragu sama ada pihak mahkamah sendiri akan sanggup untuk *review* keputusan yang dibuat oleh SPR.

Bagaimanapun Tuan Pengerusi, saya menyatakan bahawa kalau kita lihat dalam butiran SPR itu ada— dalam butirannya, salah satunya ialah membuat lawatan ke luar negara. Saya ingin bertanya, sepatutnya pihak SPR ini memikirkan bagaimana hendak menambahbaikkan sistem pilihan raya ini. Kalau buat lawatan ke luar negara, saya harap ada lawatan ke US, melihat bagaimana proses pilihan raya di Amerika Syarikat itu, di mana bukan sahaja ada satu pertandingan yang sihat tetapi kita telah melihat satu demokrasi yang begitu *advance* yang mana dua-dua pihak, khususnya Parti Republikan dan Demokrat, mereka boleh berdebat secara langsung di TV.

Saya mengharapkan Tuan Pengerusi, supaya di Malaysia ini juga pada pilihan raya akan datang ini ada satu perdebatan terbuka. Bakal-bakal mungkin yang akan dinobatkan sebagai Perdana Menteri sama ada daripada sebelah sini atau sebelah sana. Akan tetapi kita melihat sebelah sana memang takut debat. Contohnya, hendak buat program hendak berdebat dengan Tun Mahathir pun dalam *Nothing to Hide*. Saya bersetuju dengan TMJ mengatakan bagaimanakah seorang yang ada *everything to hide* hendak berdebat dengan satu Program *Nothing to Hide, because he has everything to hide*.

Saya merasakan bahawa kalau kita betul-betul hendak membuat perubahan, SPR sepatutnya bukan membuat perubahan dalam persempadanan semula tetapi membuat perubahan membaik pulih demokrasi di Malaysia ini. Supaya mana-mana pihak yang menang dalam pilihan raya ini betul-betul pihak yang menang kerana mereka dapat meyakinkan rakyat kerana polisi mereka bagus dan sebagainya. Bukan mereka menang kerana mereka bohong, penipu. *[Disampuk]* Eh, kenapa terasa pula? Saya tidak cakap BN pun. Kalau sudah menang dengan cara menipu, hai makan cili terasa pedaslah. Saya tidak tuduh BN, saya kata pihak-pihak mestilah menang dengan keadaan jujur dan benar.

Kalau kamu menang kerana bohong... *[Disampuk]* Bukan saya cakap bohong. Saya bukan cakap bohong, saya bercakap kepada pihak-pihak yang menang, biarlah

menang dalam keadaan benar, bukan bohong. BN hendak marah buat apa? Kalau BN sudah biasa pembohong, janganlah hendak marah saya!

Seorang Ahli: Nanti pengsan, nanti pengsan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: Ini nanti pembangkang menang bohonglah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa dah habis Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya pengsan pun saya tetap benci BN. Saya cakap terus terang, kalau saya mati hidup balik pun saya benci BN.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat masa sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: BN ini jahat sampai bila-bila pun. Dulu, Kini dan Selamanya BN jahat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat, Peringkat Jawatankuasa ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya pengsan sepuluh kali pun saya akan lawan BN.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya dekat hospital kah, dekat tepi kubur kah, saya tetap lawan BN. Sebab BN ini pembohong!

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey cukup? Okey, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat sebagai orang Islam tidak boleh cakap macam itu. Saya PAS nasihat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Islam jangan bohonglah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Mati hidup balik hak Allah Taala. Inilah alat pembohong... [*Dewan riu*] Nama macam orang Islam tetapi cakap macam bukan macam orang Islam.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Nama Islam tetapi pembohong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang marah-marah ini kenapa? [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lipis.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Eh, Setiu belum, Setiu, Setiu. Sudah minta?

Seorang Ahli: Yang Berhormat Sepang makan ubat. [*Ketawa*]

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Lipis.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya terpandang Yang Berhormat Lipis dulu Yang Berhormat.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Pula. Tadi sudah Setiu.

5.08 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merakamkan ucapan terima kasih kerana dapat turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017, Peringkat Jawatankuasa di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya hendak pergi kepada B.6, Butiran 93600 – Projek Mesra Rakyat. Di kesempatan ini saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada pihak kerajaan kerana memperuntukkan yang begitu besar sekali bagi Projek Mesra Rakyat yang bernilai hampir RM800 juta untuk kepentingan masyarakat di luar bandar, khususnya juga tidak ketinggalan dalam Parlimen Lipis.

Di bawah Jawatankuasa ini saya ingin juga memberitahu kepada pihak Menteri di bawah Jabatan Perdana Menteri supaya banyak juga perkara-perkara yang perlu dilontarkan ke Parlimen Lipis, khususnya dalam beberapa perkara. Termasuklah juga kepada kawasan-kawasan yang berada kepentingan di sampingan, khususnya seperti jalan ke Kuala Kenong. Maknanya, di Kuala Kenong itu ada Taman Rimba Kenong.

■1710

Maknanya pusat pelancongan yang menarik perhatian. Akan tetapi hari ini mereka hanya menggunakan bot sahaja dan secara kebetulan ada tiga buah kampung di situ yang masih memerlukan jalan iaitu di antara Jalan Taman Rimba Kenong, Batu 9 dan Matok ke Kechau 8. Projek ini sebenarnya telah lama diluluskan tetapi oleh sebab disebabkan kesilapan-kesilapan membuat pengiraan bajet, maka jalan ini terpaksa ditunda. Akan tetapi sehingga hari ini masih belum dilaksanakan. Saya berharap supaya pihak kerajaan akan dapat melaksanakan projek ini iaitu dari Kechau 8, Matok, Taman Rimba Kuala Kenong sehinggalah ke – tak silap saya ke, boleh bertemu dengan Jerantut yang akan masuk ke kawasan Jerantut. Jadi saya berharap supaya ia juga

boleh memacu ekonomi orang-orang kampung setempat. Hari ini mereka menggunakan bot dan sudah pastilah hasil-hasil mereka juga adalah menggunakan bot. Itu daripada segi Projek Mesra Rakyat.

Seperti yang rakan-rakan lain mohon, saya juga tidak ketinggalan supaya pemasangan lampu-lampu LED di kawasan saya juga mestilah diturut serta sekali. Ini kerana LED ini amat penting ia bertambah moden dan sudah pasti mentol-mentolnya mungkin boleh tahan lama. Sedia ada sekarang mudah terbakar jadi kekerapan terbakarnya mentol ini maka kadang-kadang kelewatan menukar mentol-mentol tersebut. Jadi saya berharap supaya kita akan menghantar senarai-senarai itu seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini, kita akan menerangi di kawasan-kawasan kampung.

Saya hendak bertukar kepada tajuk Butiran 49000 dan 490100 iaitu Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia. Saya sangat merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan walaupun di kawasan saya masih lagi belum dibina rumah PR1MA dan saya tahu ada dalam senarai. Akan tetapi kita jenis bertolak ansur kerana kita di kawasan yang masih lagi banyak kawasan kampung walaupun memerlukan rumah ini. Akan tetapi kita memberikan peluang kepada kawasan-kawasan yang mungkin lebih kepadatan penduduk. Kita boleh bersabar tetapi walau bagaimanapun, kita berharap supaya PR1MA dapat merancang dengan lebih baik dan tidak ketinggalan seperti senarai yang telah saya lihat senarainya ada untuk pembangunan di Lipis.

Jadi saya berharap supaya perkara ini dapat diteruskan dari semasa ke semasa kerana rakyat memerlukan – yang pentingnya rakyat memerlukan rumah. Dalam Bajet 2017 ini salah satu usaha yang sangat baik yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat daripada Pekan adalah bagi membantu pembeli yang tidak mampu menjelaskan deposit khas jenis bagi rumah PR1MA ini. Ini kerana mereka perlu membuat *loan* daripada bank, jadi kita kenalah cari kaedah-kaedah yang sudah pastinya boleh memastikan rakyat mempunyai rumah PR1MA ini. Dengan syarat-syarat tertentu umpamanya skim pembiayaan tertentu yang boleh memastikan mereka untuk dapat memiliki rumah PR1MA ini. Ini amat penting kerana khususnya dalam masyarakat bandar ini yang sangat memerlukan rumah. Kalau hendak sewa kadang-kadang pun mahal, hendak beli kadang-kadang tak mampu. Jadi ini perhatian yang sangat penting oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya ingin beralih kepada Butiran 30000 dan 30100 iaitu Jabatan Pertahanan Awam yang sekarang ini dikenali dengan APM ataupun kalau senangnya APAM lah, A-P-A-M tetapi sudah tukar jenamanya kepada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia

(APM). Saya kesempatan ini sebenarnya saya merakamkan ucapan tahniah sebab APM ini menjalankan tugas dengan baik.

Walau bagaimanapun, dengan peruntukan yang agak besar ini saya juga ingin menyarankan supaya APM ini dapat membantu banyak lagi kawasan-kawasan yang masih kekurangan. Sebagai contohnya dalam kawasan saya sendiri, kita memerlukan ambulans umpamanya. Memerlukan kenderaan rondaan kerana jarak antara satu kawasan ke satu kawasan ini agak jauh dan ambulans yang ada di tempat kita pun tidak mencukupi. Ini termasuklah persiapan bencana-bencana, bencana banjir dan sebagainya ini sangat penting. Kalau boleh mestilah dapat menambah jumlah kenderaan ambulans, trak, bot dan sebagainya untuk menambah, mengukuhkan kekuatan APM ini sendiri. Di kawasan saya mungkin berlaku juga di kawasan-kawasan lain.

Jadi saya berharap supaya Yang Berhormat Menteri di bawah APM ini akan dapat memastikan perkara ini boleh dapat diselesaikan. Saya mendapati juga ada sedikit isu iaitu tentang elaun mereka dan saya berharap supaya Yang Berhormat Menteri dapat memperjuangkan beberapa bentuk elaun yang belum dapat dinikmati oleh anggota Pertahanan Awam ini. Maka saya berharap sudah pastilah Yang Berhormat Menteri dari Arau yang menjaga APM ini dan kita pun telah dianugerahkan pangkat maka saya berharap supaya dapat perjuangkan perkara ini.

Saya ingin beralih sedikit kepada Butiran 010900 iaitu di bawah Biro Tatanegara. Biro Tatanegara (BTN) yang telah wujudnya pada tahun 1981 dan telah melaksanakan banyak program tetapi pihak sana dia marah sikit dengan Biro Tatanegara ini saya pun tak tahu apa sebab. Saya beberapa kali saya masuk program di dalam BTN di tempat saya, saya tengok pengisiannya cukup baik sekali. Telah dilaksanakan begitu lama dan objektif ini telah dapat kita laksanakan begitu lama sekali. Walau bagaimanapun saya hendak beritahu kem biro tatanegara di dalam Parlimen Lipis adalah mampu memuatkan seramai 400 orang. Kemudahannya sangat baik.

Setiap tahun dipenuhi dengan peserta-peserta tak kira daripada perguruan, daripada JKR, agensi-agensi kerajaan dan sebagainya ditempatkan di tempat kem saya ini. Respons yang kita terima ia sangat baik dan tidak ada unsur-unsur politik sebagaimana Yang Berhormat Jasin dikatakan banyak berunsurkan politik. Biro Tatanegara (BTN) ini adalah merupakan kem yang sangat bertaraf baik. Jadi saya berharap supaya seluruh kem BTN – walaupun sudah habis masa sikit Tuan Yang di-Pertua, keseluruhan kem BTN yang ada di dalam negara kita ini kalau ada staf yang masih dalam perkhidmatan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa habis Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Ya, ya. Saya faham, saya hendak habiskan ayat sahaja. Perkhidmatan tolong serahkan dalam teta. Untuk akhirnya saya akan menyokong UMNO selagi saya hidup, macam Yang Berhormat Sepang juga kita lawan habis-habisan sehingga ke titisan darah terakhir. Maknanya saya pertahankan, jangan sampai saya tumbang di sini. Saya harap supaya Yang Berhormat Sepang dapat menjaga kesihatan supaya kita boleh bertemu di masa akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa habis Yang Berhormat. Yang Berhormat Setiu tidak ada dalam Dewan, Yang Berhormat Kanowit.

5.19 ptg.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebelum ini saya panggil Yang Berhormat Kulai dan Yang Berhormat Sepang.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Butiran B.6 210040 – Jabatan Perpaduan dan Integrasi Malaysia. Dalam isu ini saya ingin menumpukan kepada Tabika Perpaduan yang juga dilaksanakan oleh di bawah Jabatan Perpaduan ini.

■1720

Saya ingin tahu berapakah jumlah sekolah perpaduan yang telah ditubuhkan di Sarawak terutamanya dan di kawasan Kanowit kalau-kalau ada. Saya ingat ada dua tiga, tetapi saya nampak ini sangat penting oleh kerana dari segi pendidikan awal untuk budak-budak yang kecil ini, mereka ini adalah menjalankan tugas selaras dengan apa yang sedang dikendalikan oleh KEMAS. Saya melihat pendidikan awal ini ialah amat penting, terutamanya di kawasan luar bandar sebab di luar bandar kita tidak ada tadika swasta yang memang banyak ditubuhkan di kawasan-kawasan bandar. Saya menyeru kepada KEMAS, bukan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional untuk memberi lebih banyak lagi peruntukan supaya banyak lagi kelas-kelas pendidikan awal seperti ini dapat ditubuhkan, terutamanya di kawasan-kawasan Parlimen, di kawasan-kawasan pedalaman.

Isu kedua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan P.6, Butiran 00102 dengan 71000 iaitu berkenaan dengan projek kemiskinan yang memang banyak dikendalikan oleh kerajaan di negara kita ini sehingga menyentuh dengan kemiskinan apa nama ini, terutamanya projek-projek yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk menaiktarafkan pendapatan rakyat miskin supaya mereka tidak lagi tergolong dalam kategori

kemiskinan ini. Soalan saya di sini ialah daripada banyaknya peruntukan tiap-tiap tahun, yang menjadi isu ialah tiap-tiap tahun mereka yang masuk dalam kategori miskin ini bertambah. Jadi ini adalah kekeliruan di sini sebab sebenarnya, kalau sudah banyaklah peruntukan yang diberi untuk menaik taraf kedudukan hidup mereka ini, sepatutnya setiap tahun peruntukan ini patut berkurangan. Saya ingin menanya kepada kementerian, adakah kajian dibuat untuk menilai ataupun melihat kepada pelbagai bantuan seperti mikro kredit yang banyak diberi kepada penerima-penerima untuk mereka menyesuaikan diri supaya tidak lagi tergolong dalam kategori kemiskinan ini. Ini kerana kalau kita melihat tiap-tiap tahun peruntukan bertambah, tetapi yang kita harapkan adalah patut dikurangkan. Ini kerana mereka ini lepas peruntukan, lepas bantuan diberi, patutnya mereka dapat untung sendirinya dalam tahun-tahun yang akan datang. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sekarang dia *balance*. Saya akan panggil seorang sini, panggil seorang sini, lepas itu Menteri pun menjawab. *[Dewan riuh]*.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Pengerusi, boleh kita minta penjelasan tentang masa? Boleh kita sambung masa untuk bagi peluang kepada semua.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Setakat ini sudah 26 yang dapat peluang, kemudian ada dua orang lagi, 28 orang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya, ini sangat penting. Sangat penting ya.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Minta debat ambil sampai 7.30lah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kenapa begini pun nak protes sedemikian?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Bukan protes, ini permintaan. Ini permintaan secara sopan. *[Ketawa]*. *This is request* Tuan Pengerusi. *This is request*.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Seorang sini, seorang sini. Itu keputusan Yang Berhormat. Sebenarnya ini giliran PAS sebenarnya, Yang Berhormat Kuala Nerus. Selepas itu Yang Berhormat Setiu.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *Can we proceed to 7 o'clock?*

5.23 ptg.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya nak merujuk pertamanya kepada Butiran 020000 – Unit Perancangan Ekonomi dan Butiran 020200 – Perancangan Ekonomi. Ekonomi ini kalau kita lihat pada takrif yang dibincang oleh sarjana ekonomi, bagaimana kita menunaikan

hajat kita yang sangat banyak dengan menggunakan dana ataupun sumber kita yang sangat terhad. Erti kebijaksanaan mengurus. Kita melihat hari ini, pengurusan ekonomi negara berada pada tahap yang dirasai oleh rakyat sebagai tidak menggembirakan. Dengan pengangguran makin meningkat, kemudian sumber pendapatan makin mengecil, pertumbuhan gaji yang sangat perlahan, isu mampu milik rumah dan sebagainya.

Ya, saya ingin bertanya kepada Kementerian Jabatan Perdana Menteri, sejauh mana ekonomi kita ini ketika dirancang dirujuk juga kepada para alim ulama dan dirujukkan penasihat syariah supaya kita boleh pastikan segala perancang ekonomi itu adalah menepati kehendak Allah SWT dan akhirnya diberikan keberkatan ekonomi. Makna keberkatan ekonomi adalah ekonomi yang cukup untuk semua lapisan rakyat. Itu yang pertama.

Kedua, Butiran 010600 – Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan. Saya merujuk satu hadis yang masyhur *al-Mustasyar Mu'taman*, "*Orang yang menjadi ahli mesyuarat mesti memegang amanah*". Hari ini kita ada satu akta, Akta Rahsia Rasmi 1972 untuk menjaga keselamatan maklumat yang ada di tangan kerajaan. Akan tetapi adakah akta yang ada itu perlu kita gunakan semaksimumnya untuk menghalang ruang-ruang mendedahkan sebarang kepincangan yang berlaku dalam negara. Kita bimbang ia disalahgunakan untuk menutup pelbagai skandal yang berlaku. Apakah jaminan kerajaan dengan Akta Rahsia Rasmi itu, maklumat kerajaan selamat, pada masa yang sama tidak ada perkara mungkar yang disembunyikan secara sengaja.

Kemudian Butiran 040400 – Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan). Saya nak fokus pada isu *Special Task Force* di Sabah dan Wilayah Persekutuan. Antara tugas pasukan ini ialah mengawal kemasukan pekerja asing di Sabah. Saya lihat dalam tahun 2009, jumlah pelarian Filipina yang masuk ke Sabah dianggarkan sekitar 60,000 orang. Mereka tidak dianggap pekerja asing biasa yang memerlukan permit. Jadi, apakah langkah seterusnya yang akan diambil kerajaan terhadap mereka? Adakah mereka akan dihantar pulang selepas tempoh tertentu? Adakah di sana terdapat faktor yang menyumbang kepada aktiviti penculikan di perairan Sabah berikutan kenyataan yang pernah kita dengar oleh pihak kementerian bahawa aktiviti penculikan yang berlaku juga melibatkan orang dalam di sana. Kedua, anggaran pekerja asing tanpa izin di Sabah bermula tahun 2000 adalah 630,090 orang dan meningkat kepada 836,600 pada tahun 2010. Jadi, apa langkah yang nak diambil oleh kerajaan bagi menangani pekerja asing yang memasuki Sabah? Ketiga, saya melihat di sana ada kelemahan yang begitu ketara dalam aspek pengendalian data yang lengkap,

menyeluruh dan tepat mengenai PATI terutama di Sabah, apakah kementerian berhasrat bagi menangani aspek ini.

Butiran 02000 – Pengauditan. Kita lihat Laporan Audit Negara menggambarkan kepada kita banyak berlaku ketirisan dalam pengurusan kewangan yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara saban tahun dan sebelum ini 10 kementerian dipanggil. Cuma, adakah kerajaan bersedia untuk menjadikan Jabatan Audit ini lebih bersifat *independent* berbanding keterikatan dengan kerajaan. Ini kerana kita bimbang banyak isu melibatkan ketirisan ini dari sudut tindakan yang diambil terhadap segala laporan itu tidak mencapai tahap 100 peratus. Benda yang sering berulang saban tahun.

Kemudian isu Butiran 450000 – *TV Al-Hijrah*. *TV Al-Hijrah* hadir sebagai satu ruang media baru yang memasarkan dakwah Islam. Sebelum ini kita lihat peruntukan yang diberikan kepada *TV Al-Hijrah* pada tahun 2016, RM22.4 juta. Akan tetapi untuk 2017, semakin mengecil. Jumlah yang sangat besar iaitu tinggal RM15.7 juta sahaja iaitu mengurang RM7 juta. Adakah ini menggambarkan kerajaan tidak serius untuk memberi satu *support* bukan hanya moral, *support* kewangan besar kepada *TV* yang kita harapkan boleh membawa aspirasi Islam dalam negara di kala mana peruntukan perlembagaan menyatakan Islam agama Persekutuan. Saya faham bahawa maklumat yang saya dapat kerajaan mahu supaya *TV Al-Hijrah* ini mengusahakan dengan menerusi iklan dan sebagainya untuk meningkatkan pendapatan. Akan tetapi saya rasa kita kena faham halangan dan juga cabaran *TV Al-Hijrah* sebagai *TV* yang membawa aspirasi Islam. Mereka tidak mudah untuk mengambil semua jenis iklan terutama yang unsur-unsur agama yang agak longgar, tidak menggambarkan moral Islam dan juga akhlak Islam.

■1730

Maka saya berharap agar kerajaan boleh memberi peruntukkan tambahan kepada *TV AlHijrah* dan saya harap kerajaan boleh menjelaskan apakah sebab peruntukkan ini diturunkan?

Kemudian Butiran 350000 – Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Saya hendak dapatkan maklum balas daripada pihak kementerian mengenai projek ECRM di bawah ECERDC ini saya rasa sangat penting untuk kerajaan menjelaskan jumlah sebenar kontrak yang diberikan kepada *China Communications Construction Company*. Mengikut kenyataan dalam laman web CCCC bertarikh 2 November 2016 jumlah kontrak yang dimeterai adalah RM46 bilion. Sedangkan Perdana Menteri mengumumkan jumlah kontrak sebanyak RM55 bilion. Mengapa terdapat perbezaan yang ketara dalam perkara ini?

Kedua, jika jumlah RM55 bilion itu bagi 620 kilometer bererti pada setiap kilometer ialah RM92 juta diperuntukkan. Jumlah ini tersangat tinggi jika kita bandingkan Ipoh-Padang Besar yang hanya RM30 juta bagi satu kilometer dan Gemas-Johor Bahru juga sekitar RM36 juta sahaja. Adakah kerajaan melakukan *statistical analysis* terhadap peruntukkan yang optimum yang seharusnya dilaburkan projek ini?

Ketiga, CCCC disenarai hitamkan oleh Bank Dunia sejak 21 Januari 2009 sehingga Januari 2017 disebabkan beberapa kes melibatkan *African Development Bank*, *Asian Development Bank*, *European Bank*. Justeru, kenapa kerajaan boleh mengambil syarikat yang ada masalah seumpama ini dan diberikan kontrak bagi satu projek yang sangat besar nilainya dan sangat penting pula bagi rakyat? Saya rasa itu saja daripada saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiu.

5.31 ptg.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hendak minta dua tiga perkara sahaja. Pertama ialah Butiran 020100 iaitu Emolumen Kakitangan Kontrak. Kita patut berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana dalam bajet telah mengatakan bahawa kakitangan kontrak ini, *contract of service* yang berkhidmat lebih kurang 15 tahun akan diserapkan menjadi pegawai tetap, yang pertama.

Kedua, telah melanjutkan kontrak pegawai perkhidmatan selama satu tahun walaupun ada yang membuat tohmahan pada awal tahun mengatakan bahawa pegawai-pegawai kontrak akan dibuang seramai 50,000 orang. Jadi, perkara ini telah di-*viral*-kan dalam internet dan ia tidak sebenarnya. Tetapi masalah yang timbul pada akhir-akhir ini ada ura-ura untuk mengurangkan kakitangan awam, termasuk kakitangan kontrak. Ini kerana mereka mengatakan bahawa penjawat awam ini adalah penjawat awam yang teramai di dunia, antara yang teramai. Mereka juga mengatakan bahawa ia boleh mengurangkan defisit belanjawan. Sampai begitu sekali. Ada juga telah dibuat, dikata akan dilaksanakan projek khas untuk mengurangkan kakitangan awam ini dan satu institut telah membuat kajian untuk mengurangkan kakitangan awam.

Institut ini sebenarnya telah pun dibiayai oleh yang dikatakan George Soros. Bukan setakat itu George Soros ini telah dilantik menjadi peneraju pula untuk menjatuhkan kerajaan kita, kerajaan Malaysia. Jadi, pada mereka saya rasa seolah-olah macam penjawat awam— kita penjawat awam ini sebenarnya termasuk kontraklah. Mereka adalah merupakan satu modal insan, selama ini yang telah memberi khidmat sebegitu baik kepada kerajaan. Walaupun ada pihak-pihak yang mengatakan bahawa

mereka ini malas dan sebagainya. Jadi sistem penyampaian telah dilakukan oleh mereka yang berada dalam kerajaan. Jadi mereka sepatutnya dihargai dan tidak setakat itu dikatakan hendak di-*downsize*-kan sikit tu tak juga. Sehingga 430,000 lebih hendak dikurangkan, tinggal hanya 430,000. Kalau kira 430,000 ini sebenarnya kalau guru-guru pun sudah 430,000. Kalau yang lain semua dibuang tinggal guru sahaja. Itu masalah yang berlaku sekarang ini.

Kita kena lihat juga bila perkara ini berlaku, sebenarnya apa yang perlu kita buat? Pihak kerajaan, adakah pihak kerajaan ada ura-ura untuk mengurangkan atau menambah atau menyerapkan pegawai-pegawai kontrak ini? Saya cadangkan supaya pegawai kontrak ini walaupun tak kiralah tak sampai 15 tahun ke, bawah pun kita teruskan mereka ini berada dalam kerajaan. Ini kerana mereka mempunyai pengalaman, jadi pengalaman mereka di jabatan kerajaan saya rasa boleh diguna pakai dan kalau kita buang mereka kita hendak ambil yang baharu, serupa juga. Perbelanjaan adalah perbelanjaan yang agak sama dan kita kena lihat juga kesan kalau kita tamatkan kontrak mereka. Apa akan jadi? Merekalah yang sebenar hendak mencari makan. Hendak beli rumah. Hendak beli kereta, tetapi dia beli kereta satu jelah dia tak beli banyak-banyak. Macam sesetengah kita ni ada juga dalam kalangan kita ini beli kereta banyak. Letak nama orang lain pun tak apa. Macam itulah lebih kurang. Tak begitu?

Seterusnya, saya menyentuh Butiran 120200 – Jabatan Bantuan Guaman. Pihak kerajaan telah membelanjakan dalam bajet akan membelanjakan lebih kurang RM23 juta, RM562,600. Cuma persoalan di sini sama ada orang-orang awam ini telah diberitahu berkenaan dengan hak-hak mereka. Maknanya mereka ini layak untuk mendapatkan khidmat peguam yang dipanggil peguam panel kepada Jabatan Bantuan Guaman. Ini saya rasa perkara baharu. Kalau dulu biasanya pihak jabatan sendiri yang mewakili, peguam di jabatan. Sekarang sudah dibuka kepada peguam-peguam di luar, walaupun kita tahu peguam-peguam di luar ini mereka dah beramal tetapi mereka boleh menjadi panel lagi kepada Jabatan Bantuan Guaman. Sebab itulah peruntukkan disediakan sebegini banyak.

Kita tidak kiralah mereka siapa, mereka yang menentang kita ke tidak ke. Semua kita bagi mereka jika mereka layak menjadi peguam panel. Ini kerana kalau kita—sebenarnya mereka ini perlu diberitahu, orang-orang awam ini. Kadang-kadang orang-orang awam ini tidak tahu mereka layak ke tidak, mereka boleh ke tak, maknanya berhak ke tidak diwakili oleh peguam-peguam panel tersebut. Ini kerana setiap peguam itu kalau dilantik, mereka boleh dibayar sehingga RM300 setiap kehadiran pertama, kehadiran pertama kali itu dibayar sehingga RM300. Kehadiran kali kedua, esok harinya RM200 dan seterusnya begitulah, setiap hari dibayar. Kalau ada lagi *consultation fees*,

maknanya dia boleh lagi dibayar. Ada yang dapat RM100, ada yang dapat RM50 lihat kepada mahkamah mana yang mereka hadir.

Jadi maknanya kerajaan sanggup berbelanja hanya kerana untuk kepentingan rakyat. Jadi mereka perlu dimaklumkan, kalau tidak dimaklumkan mereka tidak tahu apa hak mereka dan peruntukkan tersebut tidak dapat dibelanjakan dengan sebaik-baiknya. Itu sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya difahamkan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat 35(7) ini berkaitan dengan budi bicara Tuan Pengerusi untuk melanjutkan masa. Kita sudah merayu tadi kepada Tuan Pengerusi sebelum ini. Saya merayu sekali lagi kepada Tuan Pengerusi sekarang sebab ada ramai tadi yang masih belum ucap. Kita minta dilanjutkan *at least* setengah jam lagi bagi peluang *and then* lepas itu— kita ada enam menteri sana kita boleh sambung sampai pukul 11 malam. Tidak ada masalah. Ini permohonan kami.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya saya faham dan tidak eloklah saya membuat rundingan yang lain. Apa yang telah diputuskan oleh rakan sejawat saya. Sila jemput Yang Berhormat Menteri.

■1740

5.40 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Sungai Siput dan Yang Berhormat Kuala Nerus yang menyentuh perkara-perkara berkaitan hal ehwal Islam agensi di bawah tanggungjawab saya dalam perbahasan Bajet 2017 di peringkat jawatankuasa ini. Bagi memudahkan penggulungan saya ingin menjawab berdasarkan isu-isu yang dibangkitkan mengikut jabatan ataupun agensi berikut, pertama JAKIM, kedua - Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan TV AlHijrah.

Yang Berhormat Bukit Gantang, Ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya pihak JAKIM melalui Institut Latihan Islam (ILIM) memainkan peranan untuk meningkatkan kualiti imam khususnya di kampung-kampung yang agak daif seperti mempertingkatkan mutu bacaan dan pidato, *public speaking* yang berkaitan dengan pembaikan bacaan khutbah yang lebih segar dan bernas isinya. Sebagai Ahli Yang

Berhormat sedia maklum, pelantikan imam-imam adalah di bawah pihak berkuasa agama negeri masing-masing. Walau bagaimanapun kerajaan melalui JAKIM telah memberikan peruntukan untuk membayar elaun imam-imam di seluruh negara yang mana Bajet 2017 elaun imam dinaikkan daripada RM750 kepada RM850.

Mengenai latihan bagi meningkatkan kualiti dan keupayaan imam-imam tersebut, secara umum program latihan dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri iaitu MAIN dan JAIN masing-masing. Dalam konteks ini Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) sejak penubuhannya bermula tahun 1997 telah melaksanakan pelbagai modul latihan dan sebahagiannya termasuk juga untuk imam-imam yang terpilih terutamanya di peringkat negeri dan juga daerah. Bentuk latihan yang dilaksanakan adalah pelbagai. Walau bagaimanapun, bilangan para imam adalah terlalu ramai dan proses pembangunan latihan kepada kumpulan sasar tersebut memerlukan jangka masa yang panjang.

Ketika ini tumpuan ILIM adalah kepada imam masjid utama dan daerah negeri-negeri. Proses jangka masa panjang akan menyasarkan penyertaan merangkumi keseluruhan para imam. Bagi mengatasi kekangan ini Jabatan Majlis Agama Islam Negeri, JAIN dan MAIN turut melaksanakan program-program latihan secara berkala kepada imam-imam di daerah dan negeri masing-masing. Manakala Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan terus merancang program latihan yang bersesuaian dengan JAIN dan juga MAIN.

Tuan Pengerusi, seterusnya Yang Berhormat Gerik, Ahli Yang Berhormat meminta penjelasan bagaimana kaedah untuk atasi masalah institusi tahfiz supaya tenaga pengajar dibayar gaji oleh JAKIM. Sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa semua institusi agama termasuk institusi tahfiz adalah tertakluk di bawah enakmen kawalan sekolah agama negeri berkenaan dan peraturan sedia ada di negeri berkenaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan juga sentiasa memberikan perhatian mengenai pembangunan modal insan terutama yang melibatkan pendidikan Islam termasuk sekolah-sekolah agama dan institusi tahfiz.

Selain bantuan kewangan secara *one-off* kerajaan turut menggalakkan Sekolah Agama Negeri, Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Tahfiz yang memenuhi syarat supaya berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) untuk membolehkan institusi berkenaan menerima pelbagai bantuan dan kemudahan daripada pihak kerajaan termasuklah dari aspek perjawatan, emolument guru, perkhidmatan guru, pengajaran dan pembelajaran, pembangunan dan lain-lain keperluan.

Yang Berhormat Kinabatangan mencadangkan supaya pembangunan industri halal dipertingkatkan dan peruntukan yang lebih besar bagi meningkatkan penglibatan kerajaan dalam mengambil peluang halal di peringkat global ataupun di peringkat dunia. Ingin saya jelaskan bahawa pembangunan industri halal adalah di bawah bidang tanggungjawab Halal Development Corporation (HDC), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Manakala JAKIM di samping MAIN dan juga JAIN sebagai pihak yang berwibawa mengeluarkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) di negara ini.

Dengan penubuhan Majlis Halal Malaysia, ia akan menyelaras perkembangan industri halal di negara ini dengan lebih baik dan meningkatkan peranan Malaysia dalam Hab Halal Global. Dimaklumkan bahawa peruntukan sebanyak RM2.175 juta adalah di bawah Unit Perancang Ekonomi yang disalurkan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah untuk mengenal latihan kompetensi, program serta kaedah analisis halal dan bukanlah untuk pembangunan industri halal. Yang Berhormat Kinabatangan telah pun bertanya berkaitan dengan halal. Mudah-mudahan dapat difahami bahawa dalam konteks Halal Malaysia ada pemain-pemain yang telah ditetapkan iaitu HDC dan juga termasuk JAKIM dan juga MITI yang mempunyai peranan dalam bidang dan tugas masing-masing.

Yang Berhormat Rompin minta JAKIM memainkan peranan yang lebih agresif memperkasakan Mahkamah Syariah dan memberi kefahaman khususnya masyarakat bukan Islam. Selaras dengan peruntukan yang terkandung dalam fasal 1 Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan agama Islam sebagai agama persekutuan. Pemerkasaan undang-undang syariah merupakan salah satu matlamat yang diberikan keutamaan oleh pihak kerajaan. Dalam hal ini, kerajaan dengan kerjasama negeri-negeri sentiasa berusaha bagi memastikan undang-undang syariah dapat dilaksanakan. Antaranya adalah cadangan untuk menaik taraf sistem kehakiman syariah dan menyemak semula kedudukan hakim-hakim Mahkamah Syariah.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum sistem perundangan dan kehakiman di Malaysia terbahagi kepada dua sistem iaitu perundangan sivil, Mahkamah Sivil dan perundangan syariah Mahkamah Syariah. Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Perkara-perkara yang berada dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah sebagaimana yang terkandung dalam Butiran 1, Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Dalam usaha mengharmonikan undang-undang syariah dan sivil kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syara' dan Sivil yang antara

fungsinya adalah untuk mengkaji dan mencadangkan pindaan kepada undang-undang yang sedia ada mengikut kehendak dan keperluan semasa.

Bagi tujuan tersebut jawatankuasa dengan kerjasama agensi-agensi yang berkaitan sentiasa menjalankan kajian terhadap undang-undang berkaitan agar dapat memenuhi prinsip keadilan serta mencari jalan penyelesaian secara holistik dengan mengambil kira kepentingan dan keadilan semua pihak. Berhubung dengan isu persepsi bahawa undang-undang syariah memberi ketakutan kepada orang Islam dan orang bukan Islam. Kerajaan dengan kerjasama pihak-pihak yang berkaitan sentiasa mengadakan program-program yang berbentuk penerangan bagi memberikan penjelasan kepada masyarakat bahawa konsep undang-undang syariah secara umumnya adalah bertujuan memberikan pengajaran dan bukan bersifat menghukum semata-mata.

Dalam kesempatan ini saya menjelaskan bahawa prinsip keadilan semula jadi *natural justice* telah dilaksanakan dalam semua prosiding dan kes di Mahkamah Syariah. Pihak-pihak yang pertikai telah mendapat hak yang sama rata dalam mahkamah. Keputusan mahkamah tidak dibuat tanpa memberi hak untuk didengar kepada pihak-pihak. Pelaksanaan undang-undang Islam yang dilaksanakan hanyalah terhadap orang Islam selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan dalam skop yang dikawal oleh undang-undang Parlimen seperti Akta Mahkamah Syariah. Pelaksanaan juga berdasarkan kepada prinsip kemanusiaan sejagat yang mengambil kira tentang keadilan yang digubal berasaskan prinsip-prinsip dalam syariah Islam.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Sepang bangun.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Sekejap nanti saya hendak habiskan sedikit sahaja. Maklumat mengenai undang-undang syariah boleh diakses oleh semua pihak melalui rasmi jabatan-jabatan agensi berkenaan. Pada masa ini antara usaha kerajaan mempertingkatkan kedudukan Mahkamah Syariah di Malaysia mewujudkan sistem e-Syariah untuk menyeragamkan sistem pengurusan dan juga pendaftaran kes-kes syariah negeri-negeri di Malaysia mewujudkan badan sokongan (BSK) di semua negeri-negeri dan menempatkan pegawai-pegawai suluh dan membangunkan kaedah suluh bagi mempercepatkan penyelesaian sesuatu kes dan mewujudkan Skim Perkhidmatan Pegawai Syariah di tujuh buah negeri Wilayah Persekutuan, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pulau Pinang, Perlis dan Sabah, melantik Pegawai Syariah wanita ke jawatan Hakim Syarie di Mahkamah Syariah,

menggubal kaedah Mahkamah Syariah dan arahan-arahan amalan dan mewujudkan infrastruktur bangunan Ibu Pejabat Mahkamah Syariah di negeri-negeri terutamanya Perlis, Kedah, Wilayah-wilayah Persekutuan, Kelantan, Negeri Sembilan, Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan juga Selangor.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang sila.

■1750

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya tertarik tadi apabila Yang Berhormat Menteri mengatakan tentang mahkamah mengambil kira dipanggil *natural justice* iaitu keadilan sejagat, asasi dan sebagainya. Okey, untuk makluman Yang Berhormat Menteri, *natural justice* ini adalah ia melibatkan dua prinsip iaitu yang pertamanya *doctrine of Audi Alteram Partem, no one should be condemned unheard* iaitu tidak seorang pun boleh dipersalahkan kecuali dia didengar dan juga orang yang dengar kes tidak boleh jadi hakim kepada kes itu. Itu prinsip dalam dipanggil *natural justice*.

Jadi persoalan saya ialah kalau betul di Mahkamah Syariah ini memang mengambil kira *natural justice* itu, bagaimana pula dengan kes-kes di mana kita lihat apabila berlakunya kes hadhanah penjagaan anak di mana salah satu pihak yang pergi ke Mahkamah Syariah itu mendapatkan perintah penceraian yang melibatkan dia asalnya orang Islam berkahwin di bawah *Law Reform Act* then dia pergi ke Mahkamah Syariah untuk mendapatkan penceraian kerana tidak boleh pergi Mahkamah Sivil. Ketika itu hakim hanya dengar sebelah pihak sahaja, hanya dengar daripada pihak sama ada *husband* ataupun *wife* yang Islam sahaja sedangkan *wife* ataupun *husband* bukan Islam tidak didengar. So, itu telah berlanggar dengan prinsip *natural justice*. Jadi saya hendak tanya kepada Menteri, apakah maksud *natural justice* yang Menteri faham daripada segi kes-kes begitu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Beruas bangun. Ya, sila.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga hendak dapat pandangan Menteri berkenaan dengan pendirian Yang Berhormat Rompin yang mengatakan kalau kedua-dua pihak pada mulanya bukan orang Islam berkahwin di bawah *Law Reform Act*, pihak yang tidak menjadi Islam itu berhak kepada harta sepencarian ataupun *maintenance* dan lain-lain hak kerana mereka berkahwin di bawah undang-undang sivil.

Apakah pendirian Yang Berhormat Menteri? Saya memang setuju dengan Yang Berhormat Rompin bahawa agama Islam tidak boleh digunakan untuk menidakkan keadilan yang mana pihak yang lain berhak kepada harta sepencarian dan lain-lain *maintenance* dan hak anak dan juga lain-lain hak dalam perkahwinan. Begitu juga Menteri kata bahawa kerajaan prihatin tetapi untuk menyelesaikan isu ini sudah berlarutan kalau saya tidak silap, sudah lapan tahun ke sembilan tahun supaya penyelarasan dapat dibuat kerana dalam sistem mana-mana negara, *if there is 'agrarian', if there is injustice, there must be avenue to justice*. Dalam keadaan sekarang ini, tidak ada *avenue to justice*. Harap boleh bagi penjelasan supaya every *'graviants'* *there is avenue of remedy or justice*. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Sepang dan juga Yang Berhormat Beruas yang membicarakan soal yang hampir sama yang berkaitan dengan yang pertama tadi Yang Berhormat Sepang tanya saya sejauh mana saya faham tentang *natural justice* atau keadilan semula jadi. Ya lah, nanti saya terangkan yang saya faham ya.

Yang Berhormat Sepang dan juga Yang Berhormat Beruas, saya sebutkan di dalam jawapan saya tadi ialah bahawa di Malaysia kita ada dua sistem mahkamah. Satu dalam Mahkamah Sivil dan satu lagi dalam Mahkamah Syariah. Dalam Mahkamah Sivil ialah hal-hal yang bersangkutan paut dengan apa yang telah diperuntukkan oleh Perlembagaan manakala Mahkamah Syariah juga hal yang bersangkutan paut dalam Perlembagaan tetapi ianya merupakan kuasa negeri seperti dalam Jadual Kesembilan Senarai Dua, Senarai Negeri telah pun memperuntukkan hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam semata-mata yang tidak ada dalam Mahkamah Sivil terutamanya hal-hal yang bersangkutan dengan orang Islam seperti pernikahan, tidak puasa, tidak sembahyang Jumaat, pembahagian harta pusaka dan sebagainya.

Namun dalam masa yang sama juga Yang Berhormat, sebab saya katakan ada dua set undang-undang yang kita guna pakai, apabila seseorang yang sudah masuk Islam dan juga kemudian dia berasal daripada yang bukan Islam kemudian dia masuk Islam, salah satu daripada pasangan. Kita tidak ada masalah sebenarnya di dalam mahkamah ataupun di dalam masyarakat orang yang masuk Islam kedua-dua pihak. Akan tetapi yang menjadi pertikaian dan juga perbincangan panjang ialah apabila salah satu daripada pihak-pihak ini telah masuk agama Islam, maka timbul di sana ialah soal penceraian, soal hadhanah Yang Berhormat Sepang sebutkan tadi untuk jaga anak, perebutan soal anak dan juga termasuk juga soal pembahagian harta sepencarian dan lebih daripada itu sehingga sampai kepada pengurusan jenazah pun juga menjadi suatu hal yang begitu panjang diperbincangkan.

Persoalannya ialah dalam Mahkamah Sivil, peruntukan terutamanya Akta 164 telah memperuntukkan mana-mana pasangan yang telah pun berkahwin tetapi seorang masuk Islam, dia tidak dibenarkan walaupun dia berkahwin di sivil tetapi tidak dibenarkan untuk balik kepada Mahkamah Sivil bagi penyelesaian untuk perkahwinan, penjagaan anak dan sebagainya. Kemudian pula yang masuk Islam tadi dia pergi ke Mahkamah Syariah dan tentunya yang bukan Islam walaupun secara sukarela dibenarkan dan juga boleh datang kepada Mahkamah Syariah tetapi tentunya atas sifat yang begitu tersendiri, mereka tidak datang walaupun Mahkamah Syariah telah meletakkan soal keadilan dan sebagainya dengan sebaik mungkin.

Oleh sebab itu Yang Berhormat Beruas dan juga Yang Berhormat Sepang serta rakan-rakan Yang Berhormat, Yang Berhormat Pengerang selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri juga telah mengumumkan baru-baru ini dalam penggulungan beliau Yang Berhormat Pengerang telah memberitahu bahawa kerajaan mengambil inisiatif supaya kelompangan kedua-dua set peraturan undang-undang di sivil Akta 164 akan dilihat secara *detail* bagi tujuan untuk memberikan keadilan yang *natural justice* Yang Berhormat Sepang sebutkan sebentar tadi. Jadi hal yang seperti ini sebab soal mahkamah ialah untuk hendak melihat keadilan kesemua pihak yang berkaitan.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Nerus bangun. Ya, sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Dalam Akta Wilayah Persekutuan sebagai contoh dan juga saya rasa banyak di enakmen dibuat di peringkat negeri tidak menghalang seorang bukan Islam untuk memberikan keterangan di Mahkamah Syariah. Maknanya dalam isu-isu berkaitan dengan bukan Islam, mereka boleh dipanggil sebagai atas nama bayyinah. Mungkin berlaku lompanan di situ, makna tidak dipanggil. Mungkin itu persoalan yang timbul tetapi Mahkamah Syariah mempunyai hak dan ruang untuk itu, bagi sayalah. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, boleh Yang Berhormat Menteri sedikit? Okey, boleh ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Minta maaf, saya memang berminat isu ini sebab saya memberikan nasihat perundangan dan sebagainya. Menteri, saya soal tadi sebab Menteri mengatakan Mahkamah Syariah juga mengambil kira *nature justice*. Itu yang saya agak kata orang itu kelirulah sebab apa yang saya

tahu, Yang Berhormat Kuala Nerus tadi kata Mahkamah Syariah boleh panggil sebagai saksi tetapi apa yang berlaku ialah mereka terlibat sebagai *litigant* di mana contohnya isteri pergi ke Mahkamah Syariah, dapatkan perintah dan mahkamah secara *ex parte*, *one* pihak sahaja memberikan perintah dan perintah itu pula tidak mengikat sama ada suami atau isteri yang bukan Islam itu.

Persoalannya Menteri, tidak boleh ke dalam keadaan begitu, saya rasa sebenarnya ada hadis-hadis yang mengatakan bahawa sebagai contoh, Rasulullah pernah menasihati Saidina Ali dalam kes di Yaman, "*Jangan kamu buat keputusan sehingga kamu dengar sebelah pihak lagi*". *In other words, before you decide whether you in favor of* isteri ataupun macam mana pun mesti dengar daripada pihak yang bukan Islam satu lagi, suami ataupun isteri yang bukan Islam. Itu yang saya maksudkan. Dalam keadaan begitu, dia bukan lagi *witness* seperti mana Yang Berhormat Kuala Nerus kata, dia sebagai *litigant*.

Jadi saya rasa kalau Mahkamah Syariah ini betul-betul hendak berpegang kepada *nature justice*, dalam kes sebegini, sementara belum ada pindaan ini, saya mengharapkan Mahkamah Syariah seharusnya tidak takut untuk memberikan peluang kepada orang bukan Islam hadir di Mahkamah Syariah dan dengar mereka dengan peguam dan sebagainya untuk mereka juga diberikan keadilan. Barulah Islam dilihat satu agama yang adil. Ini tidak, kamu berikan perintah *ex parte*, dapat hak penjagaan anak lepas itu kamu larikan anak itu. Ini menyebabkan orang bukan Islam tidak yakin dengan keadilan Islam, Menteri. Minta Menteri supaya dapat campur tangan dalam hal ini. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Ada lagi Yang Berhormat Beruas?

■1800

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya harap kalau boleh— pandangan saya ialah memandangkan perkahwinan yang asal itu merupakan perkahwinan sivil dan dalam sesuatu perkahwinan dari segi undang-undang perkahwinan ia merupakan satu kontrak, jadi kontrak itu haruslah diputuskan oleh mahkamah sivil.

Sebagai satu contoh bagaimana keadilan dapat dicapai yang mana ada dua sistem undang-undang perkahwinan. Kita tahu bahawa kesahihan ataupun *whether the marriage is valid or not, principal* yang digunakan ialah *lex loci celebrationis*, maksudnya tempat sesuatu perkahwinan itu dilangsungkan.

Katakan kalau di Malaysia, memang orang Islam boleh berkahwin empat. Di England, seseorang itu hanya boleh berkahwin satu, *monogamous marriage*. Akan tetapi di England, kalau ada satu perkahwinan yang dilaksanakan di Malaysia, seseorang itu ada empat orang isteri yang sah, pergi ke England, mahkamah England akan mengiktiraf keempat-empat isteri itu sebagai isteri yang sah kerana perkahwinan itu diiktiraf di Malaysia, dan kerana undang-undang itu mengiktiraf perkahwinan dan hak keempat-empat isteri itu, mahkamah England akan mengiktiraf perkahwinan tersebut dan akan mengagihkan harta mengikut mereka sebagai isteri sah sungguhpun mereka mengamalkan *monogamous marriage*.

Sebab itu saya berharap prinsip yang sama dapat dilaksanakan bahawa oleh kerana pada mulanya kedua-dua pihak berkahwin berlandaskan undang-undang sivil, haruslah keadilan itu dilaksanakan untuk mereka di bawah undang-undang sivil. Terima kasih

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Kuala Nerus dan juga Yang Berhormat Sepang sebentar tadi.

Sebagaimana yang telah saya nyatakan awal— kalau Yang Berhormat Beruas tengok dalam *Hansard*— dan juga saya sebutkan sebentar tadi ialah perbincangan dan juga pindaan yang berkaitan dengan Akta 164. Akta 164 adalah yang berkaitan dengan apa yang telah ini dan saya fikir itu sesuai diperbincangkan secara *detail* penyelesaian yang sebagaimana Yang Berhormat katakan iaitu oleh kerana pendaftaran perkahwinan itu bermula di mahkamah sivil, maka mengambil kira itu.

Maka, mengambil kira apa Yang Berhormat sebutkan termasuk Yang Berhormat Sepang dan yang lain bahawa Akta 164 adalah di peringkat mahkamah sivil dan penyelesaian telah pun dirangka di situ. Saya ingat bukan setakat— hari itu Yang Berhormat Ipoh Barat pun ada dan jaminan Menteri bahawa bahkan dalam di peringkat bacaan kali yang pertama sudah pun dibacakan Akta 164 dan kemudian akan dibahaskan kemudian nanti. Ini di antara yang berkaitan dengan perkahwinan di mahkamah sivil dan kemudian seorangnya masuk Islam dan sebagainya.

Kita mengharapkan ini akan dijadikan satu penyelesaian tuntas ataupun yang menyeluruh secara holistik bagi menggambarkan sebuah kerajaan yang didukung oleh Kerajaan Barisan Nasional yang mengutamakan seluruh rakyat yang berbilang agama dan juga berbilang bangsa. Jadi kita harap nanti Yang Berhormat, Yang Berhormat berikan sokongan sebaik mungkin kepada pindaan Akta 164 ini dengan tidak perlu bahas banyak-banyak, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Rompin bangun.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Cuma saya sedikit lagi hendak beri pandangan bahawa Mahkamah Syariah ataupun undang-undang syariah harus melangkah lebih jauh ke hadapan. Dalam satu pertikaian keluarga, harta, maknanya orang bukan Islam juga boleh membuat pilihan sama ada dia mahu pergi ke mahkamah sivil atau ke Mahkamah Syariah untuk mencari keadilan.

Umpamanya saya bagi contoh. Seorang pemuda dari keluarga bukan Islam masuk Islam, mengumpul harta dengan banyak. Belum sempat dia kahwin, dia meninggal. Apakah kedudukan hartanya dari segi perspektif Mahkamah Syariah dan dari segi mahkamah sivil? Kalau mahkamah sivil, masih kekal. Dalam Mahkamah Syariah, saya berpandangan bahawa keluarga dia yang bukan Islam pun mempunyai hak yang sama ke atas hartanya, mak dia, adik-beradik dia. Jadi sampai ke tahap itu saya rasa dari segi undang-undang syariah itu harus dipertingkatkan lagi keharmoniannya bagi memberi keyakinan kepada semua agama dalam negara kita. Itu contoh yang paling mudah yang saya boleh berikan. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Rompin sebentar tadi. Sebenarnya, itulah yang diamalkan oleh kedua-dua mahkamah untuk melihat keadilan. Kita mengharapkan nanti bila perbincangan dan juga cadangan pindaan Akta 164 ini mendapat sokongan semua pihak, kita akan nampak di situ keadilan yang dapat diberikan termasuk di Mahkamah Syariah dan juga dalam mahkamah sivil dalam penyelesaian kes-kes yang berkaitan dengan seorang yang masuk Islam dan seorang lagi tidak. Kita mengharapkan Dewan dapat memberikan sokongan yang baik untuk tujuan penyelesaian ini.

Yang Berhormat Sungai Siput membangkitkan isu status penukaran agama kepada kad pengenalan bagi mereka yang tidak mengamalkan agama Islam, bidang kuasa Mahkamah Syariah untuk mengisytiharkan seseorang itu telah keluar daripada agama Islam. Yang Berhormat, penentuan status agama seseorang Islam adalah berdasarkan kepada status agama yang terdapat pada ataupun dalam sijil kelahiran ataupun kad pengenalan atau sijil akuan yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam negeri-negeri. Sekiranya status agama dalam kad pengenalan seseorang itu dicatatkan sebagai Islam sedangkan sejak lahir tidak pernah mengamalkan Islam, maka individu berkenaan masih dianggap sebagai seorang Islam di sisi undang-undang sehingga dibuktikan sebaliknya di Mahkamah Syariah.

Undang-undang yang sedang berkuat kuasa telah menetapkan beberapa perkara yang berhubungan dengan penentuan status agama Islam seseorang hendaklah dirujuk kepada Mahkamah Syariah memandangkan Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa dalam menentu dan mengisytiharkan perkara tersebut. Walaupun tidak terdapat peruntukan secara spesifik dalam Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] berkenaan bidang kuasa mahkamah syariah untuk mengisytiharkan seseorang itu bukan beragama Islam, sub perenggan 46(2)(b)(x) Akta 505 telah memperuntukkan seksyen 46 – Bidang Kuasa Mahkamah Tinggi Syariah,

(2) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah:

(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam yang berhubungan dengan:

(x) perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidang kuasa diberikan oleh mana-mana undang-undang bertulis.

Di samping itu, kerajaan juga sedang meneliti semula peruntukan undang-undang berkaitan dan mencadangkan beberapa pindaan yang bersesuaian yang bakal menjadi satu landasan untuk mencari jalan penyelesaian secara holistik dengan mengambil kira kepentingan dan keadilan semua pihak.

Tuan Pengerusi, saya rasa itulah sahaja perkara-perkara yang telah dibangkitkan...

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Yang Berhormat Menteri, boleh...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: *Sorry, sorry*, ada satu lagi.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Menteri, bolehkah saya?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Ya, okey. Sila.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi.

Menteri, saya nampak dua masalah di sini. Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) tidak ada secara spesifik kuasa dinyatakan untuk memberi hakim di Mahkamah Tinggi untuk memberi pengisytiharan itu. Manakala di beberapa negeri macam Johor, di Kedah, di Perak, memang ada satu klausa spesifik yang menyatakan adalah kuasa hakim Mahkamah Tinggi Syariah untuk beri

pengisytiharan itu. Itu satu. Itu adalah satu yang tidak ada di dalam Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan).

Lagi satu, macam di Perak juga, walaupun ada klausa itu, cara *wording*-nya beri satu gambaran ini mungkin nampak sebagai murtad, bukan lagi seorang yang beragama Islam. Ini kerana hakikatnya ialah orang macam ini, saya katakan Mohd. Nasri itu, dia tidak pernah amalkan Islam, dia tidak pernah dididik dalam Islam. So hanya secara teknikal bila dia lahir, dia dicatat sebagai seorang Islam tetapi dia *was never Muslim*. So, ini bukan kes murtad.

Saya tengok masalahnya ialah dalam Mahkamah Syariah, hakim, peguam semua, mereka enggan *handle* kes macam ini. Hendak cari seorang peguam syariah pun susah. Mereka rasa dia buat macam ini, mungkin dia dapat negatif punya *marks*. So, ramai orang tersangkutlah.

■1810

I don't think ini selaras dengan ajaran keadilan dalam Islam. So, bolehkah kita selesaikan masalah ini? Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Ya Yang Berhormat Sungai Siput, terima kasih kepada cadangan dan juga soalan yang berkaitan dengan hal yang telah Yang Berhormat Sungai Siput timbulkan. Sebagaimana yang telah saya sebutkan awal tadi bahawa memang saya akui bahawa di Wilayah Persekutuan khususnya kita tidak mempunyai satu set ataupun peruntukan yang secara jelas.

Sebagaimana yang saya baca sebentar tadi juga peruntukan yang telah sedia ada hanyalah sekadar yang dibaca secara di sebalik daripada peruntukan yang secara umum. Namun negeri-negeri yang ada di Malaysia telah pun mempunyai set peruntukan perundangan yang agak jelas kecuali Wilayah Persekutuan Sarawak dan juga Pahang yang masih lagi tidak mempunyai satu peruntukan secara jelas tersebut. Oleh sebab itu saya sebutkan tadi ini dalam jawapan juga bahawa pihak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dalam proses untuk penambahbaikan dan juga penjelasan kepada tindakan ini dengan membuat pindaan kepada 505 yang telah pun diusahakan dengan sebaik mungkin.

Dalam masa yang sama juga Yang Berhormat sebagaimana saya nyatakan awal tadi bahawa penyelesaian kes-kes yang berkaitan seperti ini harus kepada Mahkamah Syariah untuk mendapat pengisytiharan. Banyak kes yang telah pun diselesaikan yang berkaitan kerana daripada awal ia tidak mengamalkan langsung ajaran dan sebagainya.

Akan tetapi oleh sebab tercatat di dalam kad pengenalan ataupun sijil kelahiran. Oleh sebab ini merupakan dokumen rasmi kerajaan, ia tidak dapat diubah begitu sahaja tetapi haruslah melalui proses tindakan mahkamah. Saya memahami bahawa apa Yang

Berhormat Sungai Siput sebutkan tadi bahawa kepayahan-kepayahan, kebimbangan daripada pihak peguam-peguam untuk mengambil kes kerana dibimbangi dengan tuduhan-tuduhan dan sebagainya. Namun, kita ingin melihat keadilan itu diberikan dengan sebaik mungkin kepada semua yang terlibat.

Yang Berhormat, saya tertinggal tadi Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kuala Nerus berkaitan dengan peruntukan *TV AlHijrah* yang semakin mengecil dan minta supaya peruntukan tambahan. Yang Berhormat Kuala Nerus, terima kasih banyak atas keprihatinan dan juga pandangan.

Sebagaimana Yang Berhormat Kuala Nerus sudah jawabkan juga tadi bahawa kita cuba untuk— kerajaan ingin melihat bahawa stesen-stesen TV ini berdiri dengan kaki sendiri. Oleh sebab itu *TV AlHijrah* telah ditubuhkan di bawah kawal selia Jabatan Perdana Menteri menjadi dasar untuk kita mengharapkan berdikari dengan kemampuan sendiri. Sejauh sekarang, kita melihat pendekatan-pendekatan yang telah pun diambil oleh pihak *TV AlHijrah* telah pun memberikan impak yang baik dengan mengusahakan, mencari untuk mengiklankan produk-produk mereka untuk supaya mereka dapat berdiri.

Sebagai sebuah syarikat, *TV AlHijrah* dibenarkan untuk menjana pendapatan sendiri selain daripada tajaan dan juga iklan. Oleh itu, adalah kita mengharapkan supaya *TV AlHijrah* akan mampu untuk melaksanakan tanggungjawab mereka. Dalam masa yang sama dapat mampu untuk berdikari dengan mencari kewangan dan juga kewangan sendiri. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa memerhati daripada dekat untuk memastikan bahawa apa yang telah berjalan di *TV AlHijrah* itu dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Boleh sedikit Yang Berhormat Menteri?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Menteri untuk TV ini berdikari. Akan tetapi jika sekiranya kerajaan mengekalkan bajet yang lama dan ditambah dengan kemampuan TV AlHijrah untuk berdikari, maka tentulah lagi besar program yang dapat mereka laksanakan untuk maslahat orang Islam. Oleh sebab itu bagi saya dasar yang patut kita ambil ialah mengekalkan bajet dan membesarkan keupayaan mereka dengan mereka mampu mencari iklan dan sebagainya. Kalau boleh itu yang kita laksanakan. Bukan mengecilkan bajet mereka.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih atas keprihatinan dan juga pemerhatian yang begitu dekat untuk membangunkan *TV AlHijrah*

oleh Yang Berhormat Kuala Nerus. Kerajaan mengambil perhatian tinggi perkara-perkara tersebut dan cadangan yang telah disampaikan.

Tuan Pengerusi, saya rasa itulah sahaja perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang sempat saya jawab. Mana-mana tidak sempat dijawab perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh JPM dan khususnya agensi-agensi yang berkaitan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya terima kasih Yang Berhormat Menteri, Ahli Parlimen Jerai. Saya jemput Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Ahli Parlimen Pensiangan. Sila.

6.14 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara perpaduan di bawah jagaan Jabatan Perdana Menteri. Setelah saya mendengar beberapa hujah daripada beberapa orang Ahli, maka rata-rata semua bersetuju bahawa perpaduan ini amat penting bagi memastikan supaya negara kita sentiasa aman dan harmoni.

Oleh yang demikian, maka saya berpendapat dengan sentimen yang diluahkan oleh Yang Berhormat Gerik dan juga Yang Berhormat Lenggong, di mana beliau berkata bahawa JPNIN perlu diberi penambahan peruntukan supaya usaha-usaha memupuk perpaduan terus dilaksanakan melalui jentera seperti Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela. Untuk makluman kita semua, akta yang mewujudkan badan Rukun Tetangga ini mengatakan bahawa perkhidmatan yang kita perlu daripada ahli-ahli Rukun Tetangga termasuklah SRS ialah sukarela, sukarelawan. Jadi itu sebenarnya sebab kerana kita tidak mendapat banyak peruntukan daripada kerajaan. Akan tetapi untuk makluman kita, setiap Rukun Tetangga mendapat peruntukan RM6,000 setahun.

Akan tetapi walaupun sedemikian, maka saya amat berterima kasih kepada mereka kerana mereka juga bekerjasama, bekerja keras dan seterusnya *move forward* untuk bekerja supaya keberkesanan kerja-kerja, tugas-tugas mereka itu dapat dilihat. Maka pada masa itu, JPNIN sedang bekerjasama dengan pihak polis dan Angkatan Tentera Malaysia melaksanakan Program Rapat atau Ronda Awam Polis dan Angkatan Tentera dan bersama Kementerian Kesihatan Malaysia juga untuk melaksanakan Program KOSPEN atau Komuniti Sihat Perkasa Negara.

Now, Yang Berhormat Sekijang juga terus bertanya, berapakah jumlah Rukun Tetangga di seluruh negara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan

yang mulia ini maka jumlah Rukun Tetangga di seluruh negara as of 30 September tahun ini adalah sejumlah 7,684. Manakala SRS pada 30 September 2016 ini juga adalah berjumlah 4,784. Walaupun kewangan tidak berapa banyak tetapi seperti dalam ucapan saya baru-baru ini dalam penggulungan maka ini tidak melunturkan semangat mereka untuk meneruskan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka oleh sebab mereka semua menyedari betapa pentingnya perpaduan di kalangan rakyat yang pelbagai kaum di negara kita ini.

Maka sedikit sebanyak kita beri juga kepada mereka seperti peralatan. Kita beri juga kepada SRS peralatan. Selain daripada itu juga, kita memberi insentif seperti insurans *coverage* kepada keluarga yang telah mengalami kemalangan dan juga kematian bila mana mereka menjalankan tugas. Dalam menjalankan tugas atau tidak menjalankan tugas, asal sahaja mereka itu ahli Rukun Tetangga.

■1820

Setiap tahun juga kita memberi pengiktirafan kepada mereka. Memberi pengiktirafan kepada rukun tetangga yang membuat kerja begitu cemerlang sekali. Mereka berasa bangga oleh kerana kita iktiraf mereka. Tuan Pengerusi, memandangkan semangat rukun tetangga begitu aktif sekali, maka saya amat berterima kasih kepada mereka oleh sebab keberkesanan kerja mereka itu dengan inisiatif, dengan kerja-kerja lain untuk menyampaikan perpaduan itu, menyampaikan mesej tentang betapa pentingnya perpaduan, mewujudkan tali persaudaraan di antara beberapa kaum itu, maka keberkesanan kerja mereka itu boleh dilihat.

Pada tahun ini, sejak bulan Januari sehingga September 2016, lebih kurang 5,666 kes telah ditangani oleh mereka. *Now*, harus difahami bahawa mereka ini tidak mempunyai kuasa untuk selesai di mahkamah tetapi kerja mereka itu ialah untuk *mediate*, mencagarkan kelakuan-kelakuan yang tidak diingini.

Selain daripada itu, satu kajian juga telah dijalankan— kajian rasa selamat untuk tempoh Januari sehingga Jun 2016 dan didapati dapatan kajian itu menunjukkan sebanyak 92.38 peratus responden merasa selamat dengan kehadiran SRS. Ini bererti mereka membuat kerja mereka dengan bersungguh-sungguh. SRS meronda di kawasan kediaman mereka. Tuan Yang di-Pertua, itu sebenarnya keadaan Rukun Tetangga kita. Selain daripada itu, ada...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Beruas bangun.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Okey, Yang Berhormat Beruas.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapat pandangan dan juga kalau boleh tindakan pihak kerajaan berkenaan dengan sukarelawan rakyat yang memang kita sangat berterima kasih kepada mereka yang menjaga keselamatan. Akan tetapi saya dapati sekarang sekurang-kurangnya ada empat jenis badan yang cuba menolong pihak polis menjaga ketenteraman awam ataupun mencegah jenayah dilakukan. Satu tadi dinyatakan rukun tetangga. Kedua, Skim Rondaan Sukarelawan (SRS). Kemudian kita ada RELA dan di banyak kawasan juga ada apa yang kita panggil *community policing*, di mana di tempat saya ada dua *group* yang memang sangat berkesan. Setiap ahli ada satu *walkie-talkie*.

Biasanya mereka sampai ke sesuatu tempat itu, tangkap pencuri atau penjenayah sebelum polis sampai. Ini memang kita sangat hargai. Jadi, saya hendak tanya pihak kerajaan. Keempat-empat jenis ini, sukarelawan, adakah kerajaan berniat untuk menyelaraskan supaya setiap *the role* ataupun tugas mereka kalau boleh dijelaskan. Oleh kerana ada banyak kali timbul masalah, di mana *community policing* ini dikatakan tidak ada kuasa menangkap. Kalaupun menangkap dalam sesuatu keadaan yang berbahaya, kalau mana-mana anggota tercedera atau terbunuh, ramai mereka tidak ada insurans.

Jadi, kalau boleh untuk rukun tetangga, SRS, RELA dan juga *community policing* ini, kalau boleh ada satu polisi di mana kerajaan akan memberi bantuan dari segi peralatan, nyatakan kuasa-kuasa mereka dan juga bagi perlindungan kepada mereka dari segi insurans kalau apa-apa berlaku. Oleh kerana takut nanti sudah berlaku kecederaan ataupun mana-mana yang mati kerana menjalankan tugas ataupun ada kalanya mana-mana ahli ini mungkin boleh didakwa di mahkamah kerana salah guna kuasa apabila menangkap seorang penjenayah. Dalam satu kes di Sitiawan, di mana yang disyaki itu mati kerana kekerasan yang dilakukan oleh anggota yang menangkap pencuri berkenaan. Saya cadangkan kalau boleh kerajaan adakan satu polisi. *How you can help them*, peralatan, nyatakan kuasa mereka dan juga dari segi tanggungjawab, apakah- *must be very clear* dan dia mesti dapat perlindungan. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ya, Yang Berhormat Beruas diucapkan terima kasih. Seperti yang kita sedia maklum, bila mana sejak kita bekerjasama, hasilnya dapat kelihatan dengan ketara. Apabila kita bergotong royong pun begitu juga. Jadi, dari pihak rukun tetangga dan juga SRS, sememangnya kita galakkan mereka untuk bekerjasama sama ada polisi atau tidak ada, mereka tahu sebenarnya bidang kuasa mereka masing-masing. Contohnya, pihak SRS ini hanya menjaga kejadian sesuatu perkara itu, kalau ia meneruskan dan menjadi jenayah,

mereka hanya mempunyai kuasa untuk menangkap. Selepas itu, *action will be taken by the police*. Jadi, kita akan serahkan kepada polis.

Saya ucapkan terima kasih kepada pihak-pihak yang tertentu oleh kerana kami minta setiap yang terdapat di komuniti itu seperti pengerusi JK, persatuan di kampung, RELA dan sebagainya, kita minta mereka bekerjasama. Jadi, tiada masalah. Mungkin kalau ada yang sudah melampau untuk menjalankan kuasanya itu, *that we will not compromise*. Kita mesti ambil tindakan. Kalau mereka sudah melampau untuk menjalankan tugas, salah guna kuasa, *abuse the power that they have been given by the law*, kita akan mengambil tindakan. Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sekijang bangun. Silakan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ya, sekejap.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih atas penerangan berkaitan dengan KRT, SRS yang Yang Berhormat Menteri sebut. Memang kalau di kawasan komuniti, terutamanya dalam kawasan Parlimen saya, memang mereka ini banyak membantu, terutamanya berkaitan dengan SRS. Saya membangkitkan isu ini kerana saya mendapat aduan ada beberapa KRT dan SRS ini yang katanya juga bergiat aktif tetapi mereka tidak dapat peruntukan Yang Berhormat Menteri sebut itu. RM6,000 setahun.

Saya hendak tanya juga kepada Yang Berhormat Menteri, adakah SRS juga diberikan peruntukan yang sama untuk geran tahunan? Kalau diberi, berapa jumlahnya dan kenapa ia berbeza dengan KRT? Adakah kerana KRT tubuh dulu, baru SRS tubuh dan mana yang ada KRT dapat RM6,000, yang ada SRS kadang-kadang tidak dapat peruntukan atau geran daripada pihak kementerian. Siapa sebenarnya yang menentukan sama ada KRT dan SRS ini yang sebanyak 7,000 lebih 4,000 lebih KRT dan SRS ini untuk layak menerima geran? Adakah daripada Jabatan Perpaduan sendiri yang menilai atau bagaimana? Bagaimana yang dikatakan mereka ini aktif atau tidak? KRT yang aktif itu bagaimana, SRS yang aktif itu bagaimana, yang tidak aktif itu bagaimana sebab dia tidak layak dapat geran. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Sebenarnya, peruntukan RM6,000 itu hanya diberi kepada Rukun Tetangga. SRS ini merupakan satu badan di bawah Rukun Tetangga.

Jadi mereka pun juga bergantung semata-mata daripada peruntukan RM6,000 yang diberi kepada kawasan Rukun Tetangga itu. Akan tetapi kami minta supaya setiap SRS itu diberi sekurang-kurangnya RM2,500 untuk membeli peralatan dan sebagainya.

Saya senang hati mendengar di mana beberapa Ahli Yang Berhormat membantu juga Rukun Tetangga dan juga SRS ini, memandangkan bahawa mereka ini kadangkadangkang bekerja malam mulai dari jam 10 sehinggalah jam 4 pagi untuk menjaga keselamatan komuniti setempat. Jadi...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Putatan dengan garangnya bangun. *[Dewan ketawa]* Sabar Yang Berhormat Putatan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Nanti sekejap ya. Saya belum bagi lagi kepada...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tengok mukanya macam mahu makanlah.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Jadi daripada itu...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ya, saya ikut peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Sememangnya kita mengharapkan dan dalam pada kita untuk memperkasakan lagi Rukun Tetangga ini, saya telah memberi arahan kepada pegawai-pegawai tertentu untuk membuat satu kertas kerja untuk memperkasakan lagi tentang Rukun Tetangga. Bukan sahaja rukun tetangga tetapi ini bawah Rukun Tetangga ini yang mempunyai RSS. Dia mempunyai jiran wanita, jiran pemuda, orang tua pun juga ada termasuk di sana.

So, saya percaya semua Ahli Yang Berhormat melihat rukun tetangga itu merupakan satu badan di akar umbi dan satu badan yang begitu penting sekali untuk menjaga bukan sahaja keselamatan tetapi memastikan bahawa tempat kita itu aman dan harmoni juga. Okey, Yang Berhormat Putatan.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih. Saya memang ikut peraturan mesyuarat, bukan macam Bukit Gantang.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini Putatan ikut sebelah petang tetapi kalau sebelah pagi.. *[Ketawa]*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Sebab Yang Berhormat Gelang Patah pun tak ikut peraturan mesyuarat, selalu tidak ikut.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, kalau masa *live*, siaran langsung susah hendak ikut. [*Dewan ketawa*]

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang itu saya setuju.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Mak cik pun mengacau juga? Terima kasih Tuan Pengerusi, doktor akan datang.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, doa, doa.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri, dalam kawasan saya di mana juga Yang Berhormat Menteri bermastautin sungguh aktif, sungguh aktif KRT ini, SRS ini, memang sungguh aktif. Aktif kerana wakil rakyatnya selalu kena minta duit. Sampai kita kena heret. Kena heret untuk membuat rondaan sampai pukul 4 pagi, bayangkan dia *bikin* sengsara sama wakil rakyat. Akan tetapi oleh sebab Pesuruhjaya Polis negeri Sabah juga turut bersama, terpaksa saya ikut, saya pakai baju RELA pada ketika itu.

Jadi saya Yang Berhormat Menteri, peruntukan yang RM6,000 itu saya lihat KRT, SRS orang yang sama. Jadi di mana yang sebenarnya di bahagian ini Yang Berhormat Menteri? Kalau boleh Yang Berhormat Menteri, ini amat penting untuk memupuk perpaduan tidak kira kaum, tidak kira agama, tidak kira warna di kawasan perumahan. Saya harap peruntukan yang RM6,000 itu tidak mencukupi untuk satu tahun kerana aktiviti-aktiviti yang mereka jalankan itu terpaksa minta rokok-rokok daripada wakil rakyat. Kalau wakil rakyat tak ada duit, habislah. Yang Berhormat Menteri, cuba kasi tambah itu peruntukan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya sudah bercakap bahawa sememangnya peruntukan itu tidak mencukupi. Saya juga ada berkata sebentar tadi bahawa sekarang kita sedang membuat satu kertas kerja untuk memperkasakan lagi Rukun Tetangga. Berasaskan daripada itu, saya berharap sangat ini akan dikemukakan kepada kerajaan untuk dipertimbangkan. Jadi memandangkan hakikat bahawa kerja-kerja rukun tetangga ini— itulah kadang-kadang bila tidak ada cukup peruntukan, itu semua saya tahu itu. Saya juga minta kerjasama daripada semua Ahli Yang Berhormat supaya bekerjasama untuk membantu Rukun Tetangga dan itulah mungkin banyak Rukun Tetangga yang datang kepada Ahli Yang Berhormat daripada Putatan minta pertolongan. Akan tetapi mereka satu hari nanti mereka pun boleh membantu kepada Ahli Yang Berhormat daripada Putatan dan juga semua Ahli Yang Berhormat untuk mengamankan tempat itu. Bilamana kita aman, saya percaya senanglah bagi kita untuk merancang sesuatu yang boleh memajukan komuniti

itu dan seterusnya boleh memajukan kita punya negara ke tahap kemajuan yang kita idam-idamkan selama itu.

Tuan Pengerusi, tidak banyak lagi isi yang saya sentuhkan di sini iaitu berkaitan dengan Yang Berhormat Kanowit sebentar tadi. Yang Berhormat Kanowit ada minta berkaitan minta tahu, berapakah rukun tetangga di kawasan beliau di Kanowit? Oh, berapa tabika perpaduan yang didapati di kawasan Kanowit sebentar tadi?

Minta maaf Tuan Pengerusi, membaca fakta itu saya sudah sebentar tadi—membaca sudah tidak ada tetapi saya akan memberi secara bertulislah. Dia minta tahu, dia *bilang* berapa tabika perpaduan di Kanowit dan di Sarawak pada keseluruhannya berapa dia cakap? Kalau saya tidak silap, hanya satu sahaja terdapat Tabika Perpaduan di Kanowit, satu guru dan juga satu pegawai di situ. Di Sarawak ini saya akan *check*kan terlebih dahulu berapa keseluruhannya.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Kanowit bangun.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Ya, *only one*. Satu sahaja. Itulah saya mohon untuk ditambahkan lebih banyak lagi sebab seperti yang saya cakap tadi di kawasan pedalaman luar bandar. Inilah yang kita kekurangan sebab kalau di bandar, kita banyak swasta membangunkan tadika-tadika ini. Jadi, kalau dapat Yang Berhormat Menteri mohon lebih banyak lagi peruntukan untuk menubuhkan banyak lagi Tabika Perpaduan bersama dengan KEMAS dan juga mengadakan perkhidmatan yang sama. Ya, mohon ya.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ya, terima kasih. Kita akan mengkaji ke atas keperluan ini, tetapi sememangnya perlu. Akan tetapi banyak perkara yang hendak kita pertimbangkan terlebih dahulu sebelum kita mendapat kelulusan daripada kerajaan iaitu berkaitan dengan kawasan. Saya anggap kawasan itu ada tanah atau tidak ada. Selain daripada itu, kalau kita mengambil tanah itu atau diserahkan daripada lain Jabatan Persekutuan ke JPNIN untuk membangun Rukun Tetangga, maka kena beritahu untuk mendapat kelulusan daripada kerajaan negeri terlebih dahulu untuk menukarkan kegunaan tanah itu.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Raja bangun.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin merujuk kepada Tabika Perpaduan

ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kita ada beberapa jenis tadika ataupun *preschooling*. Kita ada PERMATA, kita ada tabika perpaduan, kita juga ada KEMAS.

Jadi saya hendak tanya, apa beza tabika perpaduan daripada PERMATA dan KEMAS. Kedua ialah, tabika perpaduan ini dia bagaimana statusnya semakin banyak, lebih banyak ditubuhkan ataupun semakin kurang? Ini kerana dalam kawasan saya, saya tengok ada satu sahaja tabika perpaduan dalam Klang itu, ada satu sahaja. Jadi minta penjelasan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ya, terima kasih. Ini sebenarnya kita punya tugas itu untuk mewujudkan tabika perpaduan adalah tertumpu di kawasan-kawasan bandar. Oleh sebab di situ lah terdapat pelbagai kaum. Kalau lain tempat itu di *rural area*, di kampung-kampung dan sebagainya, ia akan *it will be look after by* KEMAS. Hanya dia punya perbezaan sedikit itu ialah berkaitan dengan kandungan apa yang kita ajar kepada mereka.

■1840

Bagi Tadika Perpaduan, kita memberitahu kepada anak-anak kita mereka untuk memahami budaya lain orang, memahami supaya mereka ini sebenarnya hanya satu saja, 1Malaysia saja. Itu yang kita ajarkan kepada mereka selain daripada mendapatkan pengertian, menghayati Rukun Negara dan sebagainya. Ini supaya mereka apabila membesar, *they can develop the sense of patriotism to King and country*. Ini sebenarnya dia punya perbezaan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Parit Sulong bangun.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat, saya pun hendak bertanya. Terima kasih di atas penjelasan mengenai perbezaan antara Tadika Perpaduan, KEMAS dan segalanya. Dekat kawasan saya sekurang-kurangnya ada tiga dan saya melihat mereka ini sangat aktif sehingga mewakili negeri Johor untuk peringkat kebangsaan sekiranya ada pertandingan. Jadinya saya akur Yang Berhormat tadi ada maklumatkan bahawa bajet daripada segi bajet ini agak berkurangan. Akan tetapi saya kira berdasarkan apa yang saya nyatakan tadi, kejayaan-kejayaan sesetengah daripada sekolah perpaduan ini, patutnya sekolah ini diberi kelemahan. Bermaksud daripada segi peruntukan, sekolah-sekolah yang ini tidak ke belakang. Kita tidak boleh ambil kira sekolah ini dengan sekolah lain. Saya harap dapat pertimbangan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Saya dari kawasan Parlimen Parit Sulong. Sekolah saya di kawasan Parlimen Parit Sulong. Terima kasih Yang Berhormat. Harap dipersetujui dan dimasukkan dalam bajet. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ya, terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya sambung?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Nanti, nanti. Saya hanya memberi komen sedikit tentang Yang Berhormat Parit Sulong sebentar tadi. Itu saya tidak mahu ulangi lagi, tetapi saya minta jua supaya dimasukkan dalam saya punya penjelasan.

[Dewan ketawa]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Boleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Parit Sulong sudah jadi Yang Berhormat Menterikah?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya perbezaan secara spesifik di antara Tabika Perpaduan dengan Taska PERMATA Perpaduan, secara spesifik. Ini kerana saya rasakan dua-dua ini menggalakkan perpaduan dan jabatan Yang Berhormat kalau ada Tabika Perpaduan, saya nampak, saya boleh memahami. Akan tetapi mengapa wujud juga Taska PERMATA Perpaduan? Saya nampak macam benda yang sama, bertindih, dua kali. So, sepatutnya Taska PERMATA Perpaduan tidak perlu diwujudkan dan dana ini diberikan sepenuhnya kepada Tabika Perpaduan. Minta penjelasan sebab saya amat keliru dengan kewujudan dua bahagian ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Yang Berhormat, saya berpendapat tidak perlulah kita keliru. Kita sedia maklum sendiri bahawa kedua-dua ini ialah menjalankan tugas. Kalau ada satu badan yang untuk mempromosikan perpaduan, satu pihak juga akan menjalankan perpaduan, bukankah itu cukup baik. *They will be complementary to each other* dan kita punya hasrat untuk mewujudkan, meningkatkan, memantapkan lagi perpaduan daripada sejak kecil lagi memangnya kuat.

So I don't think ada pertindihan. Cuma barangkali dia punya subjek-subjek saja seperti di PERMATA Perpaduan seperti mana saya tahu, *they look after the quite* dia punya pemikiran budak itu mungkin *not that brilliant as the other*. Walhal kita punya ini

ialah untuk mempromosikan juga bersama-sama dengan PERMATA. *So if they complement each other*, apa salah dia.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, saya galakkan perpaduan. Setiap tabikakah, KEMASkah, PERMATAkah boleh mempromosikan perpaduan. Persoalannya dana dari mana?

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih. Itu persoalan saya, lebih spesifik. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kulai. Boleh, ya sila. Lepas Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Menteri. Sudah habis ya.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya, saya rasa ini perpaduan perlulah diajar bukan sahaja di Taska Perpaduan tetapi di KEMAS juga dan juga di dalam PERMATA. Saya rasa ini adalah satu nilai yang cukup penting untuk ke semua budak-budak di Malaysia. Jadi, kenapa kita kena perlu ada tiga bahagian untuk pendidikan prasekolah ataupun pra awal ini untuk budak-budak kita? Bukankah lebih baik kalau kita wujudkan satu *syllabus* yang sama untuk kesemua budak-budak di Malaysia dan dikendali di bawah Kementerian Pendidikan. Kenapa saya rasa Jabatan Perdana Menteri campur tangan dengan hal ehwal pendidikan kepada budak-budak ini? Inilah soalan saya.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ya, kami akan memberi perhatian sajalah. *Thank you so much.*

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya jemput Yang Berhormat Datuk Joseph Entulu anak Belaun daripada Selangau.

6.46 ptg

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Gerik. Cuma dia saja yang menyentuh perkara di dalam portfolio saya yang telah membangkitkan isu pengambilan Pegawai Tadbir dan Diplomatik ataupun PTD semasa perbahasan Bajet 2017 di peringkat jawatankuasa tengah hari tadi.

Tuan Pengerusi, untuk makluman ahli Yang Berhormat, skim perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik merupakan salah satu skim perkhidmatan yang menerima permohonan yang tinggi. Secara umumnya, skim perkhidmatan PTD

bertanggungjawab dalam membantu kerajaan dalam merancang, menggubal, melaksana dan memantau dasar-dasar awam dalam bidang pengurusan sumber manusia, kewangan, ekonomi, pentadbiran dan pembangunan wilayah, perancangan dan pentadbiran sosial dan masyarakat serta keselamatan dan hubungan antarabangsa.

Memandangkan skim PTD ini dianggap sebagai tulang belakang perkhidmatan awam, maka proses pemilihan bagi tujuan pelantikan dilaksanakan dengan ketat. Calon-calon yang memohon akan melalui proses tapisan awal bagi memastikan mereka memenuhi syarat skim perkhidmatan sebelum dipanggil untuk menduduki peperiksaan *online*. Peperiksaan *online* ini akan menguji calon-calon daripada segi pengetahuan am, mengenai aspek kenegaraan dan isu semasa serta kebolehan menyelesaikan masalah. Calon-calon yang lulus peperiksaan *online* akan dipanggil untuk mengikut *Programme Assessment Center* (PAC) bertujuan untuk menguji dan menilai calon-calon dari segi personaliti, kompetensi dan tahap kecergasan.

Calon-calon juga diuji daripada segi kemahiran penulisan dan komunikasi dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Hanya calon-calon yang lulus PAC akan dipanggil temu duga yang akan menilai calon daripada aspek jati diri, profesionalisme, *teamwork*, kepimpinan dan keterampilan. Seterusnya, calon yang menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam temu duga akan ditawarkan untuk mengikuti kursus Diploma Pasca Siswazah Pengurusan Awam (DPPA) anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Calon-calon yang lulus DPPA dengan jayanya akan dilantik sebagai PTD dan ditempatkan di pelbagai kementerian dan jabatan.

Pada tahun 2016, sebanyak 183,920 permohonan ke jawatan PTD telah diterima. Daripada jumlah tersebut, seramai 57,320 telah menduduki peperiksaan *online*, manakala seramai 5,870 telah lulus peperiksaan dan dipanggil menghadiri PAC. Seramai 2,144 calon telah lulus PAC dan dipanggil temu duga.

■1850

Daripada jumlah tersebut, seramai 406 calon telah ditawarkan mengikuti kursus DPPA dan calon-calon ini sedang mengikuti kursus DPPA di INTAN pada masa ini. Urusan pengambilan PTD bagi tahun 2017 sedang berlangsung yang mana peperiksaan *online* dijadualkan pada 23 November 2016. Program Assesment Centre ataupun PAC dijadualkan pada 9 hingga 26 Januari 2017 dan temu duga pada 13 Mac hingga 14 April 2017. Sebanyak 101,678 permohonan telah diterima dan seramai 63,833 layak dipanggil untuk menduduki peperiksaan *online*. Urusan ini bagi mengisi 400 kekosongan jawatan PTD pada tahun 2017.

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Gerik atas isu yang telah dibangkitkan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan, boleh? Minta penjelasan. Minta penjelasan.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Silakan, silakan.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri. Saya rasa sekarang kita ada masalah terhadap pengambilan kakitangan awam di PBT kerana walaupun pegawai di PBT itu mungkin mereka ada kepakaran di bidang-bidang tertentu tetapi mereka hanya dapat berkhidmat dalam PBT itu..

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] PTD. PTD.*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya tahu itu pihak berkuasa tempatan, *local government*. Saya hanya hendak bangkit itu masalah tetapi bagi PBT *officer* mereka boleh diletak di Parlimen, di Bank Negara selepas itu di kerajaan negeri dan sebagainya dan kerajaan boleh *transfer* mereka bila perlu mengikut kepakaran mereka dan bila hendak naik pangkat boleh hantar mereka ke sana-sini.

Cadangan saya ialah bolehkah kerajaan fikir kita bagi PBT – *local government*, kerajaan tempatan ini, kita bukakan peluang naik pangkat ataupun bidang kuasa pegawai yang berkhidmat di kerajaan tempatan mungkin misalnya di DBKL ini supaya mereka boleh *ditransfer*. Sekarang masalahnya ialah kalau mereka diambil oleh DBKL, *whole life* di DBKL, *whole life* di MPPJ, *whole life you know* MPSJ tidak boleh *ditransfer* mungkin ke Kementerian Kerja Raya, mungkin ke kementerian yang lain tetapi dengan cara ini kita lihat mereka hanya dalam satu *close service* ini.

Cadangan dan persoalan saya ialah bolehkah Yang Berhormat Menteri bawa ini untuk perbincangan di JPM supaya yang *close service* yang sekarang dilaksanakan di PBT itu boleh dibuka seperti PTD *officer*, mereka boleh *ditransfer* oleh Kerajaan Pusat ataupun kerajaan negeri di tempat-tempat di jawatan yang pihak atasan rasa perlu perkhidmatan mereka dan sesuai dengan kepakaran mereka?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, inilah yang dikatakan pencilan atau perbahasan, Yang Berhormat Seputeh.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Kalau saya tidak salah dengar, ada dua ataupun tiga soalan ataupun cadangan. Satu dia kata bolehkah kerajaan fikirkan bla..bla..bla saya kata boleh. Fikirkan *no problem*. Kedua, cadangan itu biarlah kita akan- saya akan bawakan ini ke SPA nanti tetapi setahu saya tidak ada peraturan ataupun garis panduan yang mengatakan orang daripada PBT ini langsung tidak dibenarkan.

Kemungkinan ia tidak dipraktis tetapi *no such thing as completely close*. Kalau betul-betul ada orang yang betul-betul berkelayakan dan luar biasa lebih cekap daripada yang dalam PTD ini, saya rasa tidak ada masalah kan?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh mungkin saya boleh bantu Yang Berhormat Menteri sedikit. Di Selangor kita ada satu pengalaman yang mana pihak Kerajaan Negeri Selangor cuba *transfer* seorang pegawai kanan di satu PBT ke PBT yang lain tetapi yang pegawai itu enggan pergi ke PBT yang lain dan selepas itu bila kita hendak laksanakan minta dia, *you* kena ikut arahan kerajaan negeri. Dia malah ambil kes itu ke mahkamah tahu dan kerajaan negeri kalah.

Oleh sebab mengikut undang-undang itu adalah *close service*, PBT ada *close service*, pegawai tidak boleh dialihkan walaupun arahan itu mungkin daripada kerajaan negeri kerana mereka rasa itu bukan dia hanya melaporkan kepada organisasi yang mengambil dia pada mulanya sahaja. Jadi ini adalah satu masalah yang saya rasa di negeri-negeri lain pun mungkin menghadapi masalah yang sama. Jadi itu saya hendak cadangkan kerajaan pertimbangkanlah yang bukakan servis PBT ini.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Pengerusi, masalah dari segi kerajaan ialah pelantikan di PBT ini bukan dibuat melalui SPA ataupun JPA, ia dibuat melalui PBT sendiri. Jadi kalau hendak dapat peluang *ditransfer* ke tempat yang lain sila biarkan SPA ataupun JPA lah *recruit*. Jadi tidak...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Itu sebab saya minta Yang Berhormat Menteri ubah undang-undang, pinda undang-undang. [*Dewan riuh*] Untuk bukakan perkhidmatan yang tertutup di PBT itu. Itulah yang saya cuba luahkan.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Saya akan bawa ke SPA tengok apa pandangan dia. Okey, *thank you*.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, Ahli Parlimen Batang Sadong yang mengambil tempat daripada Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim daripada Ahli Parlimen Arau.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sabar, saya kata mengambil tempat giliran dan sampailah giliran Yang Berhormat Arau.

6.56 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tidak mahu dengar saya punya suarakah? *[Ketawa]* Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi agensi-agensi di bawah seliaan saya semasa mengambil bahagian dalam Perbahasan Bajet 2017 Peringkat Jawatankuasa sebentar tadi.

Saya bagi pihak Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan, cadangan dan teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. *Insya-Allah* semua perkara yang dibangkitkan akan saya berikan maklum balas pada sebentar lagi. Sebenarnya saya hanya ada satu sahaja isu di mana Tuan Pengerusi Yang Berhormat Bukit Gantang telah berkongsi pengalaman dan pemerhatian beliau terhadap beberapa isu berhubung keselamatan membabitkan perkhidmatan bas ekspres.

Saya ingin mengucapkan terima kasih atas perkongsian pengalaman Yang Berhormat, Yang Berhormat Bukit Gantang ada dalam sinikah?

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak apa teruskan sebab satu isu sahaja.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Okey. Saya ucap terima kasih kepada beliau atas perkongsian pengalaman Yang Berhormat dan yakin akan diberikan perhatian sewajarnya oleh pihak SPAD. Sebenarnya selain daripada sikap pemandu, keselamatan jalan raya turut dipengaruhi oleh pelbagai faktor lain seperti keadaan dan penyelenggaraan kenderaan, kejuruteraan serta keselamatan jalan raya dan sebagainya.

Perkara-perkara ini dikawal selia oleh pelbagai agensi kerajaan atau dengan izin, *cross ministries* seperti SPAD, PDRM Polis Diraja Malaysia di bawah Kementerian Dalam Negeri serta Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di bawah seliaan Kementerian Pengangkutan. Oleh itu bagi tujuan ini saya akan memberi maklum balas bagi isu yang berkaitan hanya dengan SPAD sahaja yang mana ia di bawah seliaan saya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Ahli Yang Berhormat, saya baru mula Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bukan, ini tentang SPAD.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Saya baru mula, belum jawab lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara syarat lesen yang perlu dipatuhi oleh pengendali bas ialah memastikan pemandu mereka menjalankan perkhidmatan mengikut peraturan jalan raya yang telah ditetapkan. Sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam mengeluarkan lesen atau permit kepada operator pengangkutan awam darat, SPAD telah membangunkan kod amalan industri iaitu Kod Amalan Industri Keselamatan, SPAD ICOP Keselamatan yang dijadikan syarat-syarat lesen pengendali yang wajib dipatuhi oleh penyedia atau operator pengangkutan awam darat. Saya ada bawa *copy* dia sini untuk...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Bangun*]

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Belum, belum habis. Untuk Yang Berhormat Seputeh tahu.

■1900

Jadi SPAD ICOP – Keselamatan menyenaraikan perkara-perkara yang perlu dipatuhi oleh semua pengendali seperti penyediaan dasar keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, pemeriksaan harian pemandu dan kenderaan, pemasangan dan pemantauan GPS, manual dan prosedur penyelenggaraan kenderaan, latihan pemanduan bas serta semakan audit dalaman oleh pengendali dan audit luaran oleh SPAD.

Bagi memastikan hanya mereka yang layak diambil sebagai pemandu, SPAD ICOP telah menggariskan kod prosedur pengambilan pemandu yang perlu dipatuhi oleh operator. Selain itu, SPAD ICOP turut menggariskan kod latihan pemanduan bas yang mensyaratkan pengendali memastikan setiap pemandu mereka diberikan latihan memandu sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tahun. Bagi mengelakkan kejadian di mana pemandu bas ekspres memandu dalam keadaan mengantuk atau keletihan, SPAD ICOP juga sebenarnya telah pun menyenaraikan beberapa kod yang perlu dipatuhi termasuklah:

- (i) keperluan menggantikan pemandu yang telah memandu selama lapan jam berturut-turut dengan pemandu lain;
- (ii) keperluan ruang tidur atau *sleepers cabin* untuk pemandu kedua di dalam bas;
- (iii) keperluan pertukaran pemandu berdasarkan rancangan perjalanan ataupun *journey plan*; dan
- (iv) tempoh pemanduan dan had waktu bekerja.

SPAD ICOP ini juga mensyaratkan pengendali agar melengkapkan bas mereka dengan alat GPS iaitu *Global Position System* dengan izin, yang berfungsi dan berupaya untuk memantau dan merekodkan semua perjalanan pengendali juga perlu iaitu pertama, yang diperlukan memantau kelajuan setiap bas semasa ia beroperasi. Kedua, menyemak laporan GPS bagi semua perjalanan. Ketiga, mengambil tindakan tatatertib dan kaunseling ke atas pemandu bagi semua kesalahan lalu lintas yang dilakukan oleh mereka. Keempat, memastikan tiada pemalsuan dan manipulasi terhadap rekod GPS.

SPAD akan mengambil tindakan menggantung permit kenderaan mana-mana bas yang didapati melebihi had laju. Permit kenderaan bas tersebut akan digantung selama 30 hari untuk kesalahan pertama, 60 hari untuk kesalahan kedua dan 90 hari untuk kesalahan ketiga. Seterusnya tindakan pembatalan permit bas akan diambil sekiranya pemanduan lebih had laju didapati berulang lagi.

Pada masa yang sama, Yang Berhormat dan orang ramai yang mendapati bas dan lori yang dipandu melebihi had laju yang telah ditetapkan adalah disarankan untuk melaporkannya kepada SPAD untuk tindakan sewajarnya. Maklumat kenderaan, lokasi dan waktu kejadian perlu disertakan semasa membuat laporan agar semakan dapat dilakukan dengan laporan GPS pengendali.

Di sini saya beri nombor aduan SPAD iaitu 1-800-88-SPAD (7723). Boleh didapati tertera di belakang setiap bas dan lori. Dalam pada masa yang sama, pengendali juga diwajibkan untuk mempamerkan nombor aduan syarikat di belakang kenderaan mereka bagi memudahkan orang awam membuat aduan. Selain itu pihak awam juga boleh membuat laporan melalui SMS, *email*, Twitter dan Facebook rasmi SPAD.

Menyentuh isu penguatkuasaan pula, Ahli Yang Berhormat Bukit Gantang menyarankan agar semua agensi pelaksana seperti SPAD, JPJ dan PDRM bekerjasama menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan. Dalam hal ini, sukacita dimaklumkan bahawa sememangnya...

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Minta laluan...

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: ...Perkara ini telah pun sedia ada diamalkan. Ketiga-tiga agensi ini dari semasa ke semasa akan mengadakan operasi bersepadu di seluruh negara bagi memastikan kenderaan-kenderaan berkenaan dipandu dengan mematuhi undang-undang yang ditetapkan.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada dua yang bangun, Yang Berhormat Seputeh atau Yang Berhormat Tanjong. Manakah satu pilihan? Yang Berhormat Seputeh.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat Seputeh lah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Seputeh. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi ucapan Yang Berhormat Bukit Gantang di mana saya dengar tadi, dia sebenarnya kata dia ada rasa bimbang kalau dari Kedah datang ke Kuala Lumpur, lima jam sudah pun sampai pada waktu malam. Kita dapati pemanduan yang terlalu laju oleh pihak pemandu bas ini kita lihat sentiasa berlaku, kita juga lihat ia berlaku kepada pemandu lori juga. Saya hanya hendak kongsi satu pengalaman atau *observation* yang saya lihat di negara China. Bila saya pergi ke negara China pada bulan lepas, bila saya pergi ke Xinjiang kami merentasi— tetapi itu jalan *tar*— apa itu, *desert is what?*

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Padang pasir— gurun *sorry*. Gurun yang mana kurang kereta tetapi saya lihat ini adalah langkah keselamatan diambil oleh pihak negara China yang mana pihak bas itu sebelum bertolak, dia kena pergi mendaftar di sebuah pejabat di tepi jalan, mendaftar dan dia dihadkan kelajuan 60 kilometer walaupun tidak ada kereta. Selepas itu bila kita hendak sampai ke satu tempat itu, dia hanya boleh pergi sampai sana dua jam sahaja. Kita perlu tahu yang jalan raya itu tidak ada kereta...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, ya. Ini satu cadangan dan saya rasa Malaysia boleh mencontohinya. Jadi kami terpaksa lagi berhenti di sebuah tempat, tunggu 15 minit kerana pemandu itu rasa dia telah pun agak cepat dan tunggu sehingga dua jam tepat baru sampai itu, pergi pejabat sana *register*. So, jadi ia dihadkan dalam tempoh itu kalau Kuala Lumpur ke Ipoh, dua jam baru boleh sampai, tidak boleh lebih cepat daripada itu. *You* daftar sebelum pergi *highway*, sampai di sana juga daftar. So *that's how they limit* pemandu itu memandu terlalu laju.

Kita juga lihat macam di Germany dan beberapa buah negara lain yang mana pihak bas malah van mereka letak *black box* yang mana ada rakaman tentang kelajuan itu. Jadi pihak JPJ di negara itu akan selalu semak sama ada pemandu itu memandu terlalu laju, lebih daripada had kelajuan ataupun tidak. Saya hendak cadangkan ini kepada pihak SPAD sahaja. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat kerana apa yang dinyatakan Yang Berhormat itu kalau ia menjadi satu amalan yang baik mungkin kita boleh tiru ataupun mengambil pertimbangan supaya mengikuti apa yang disarankan itu, terima kasih. Okey saya bagi satu...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Mana satu Yang Berhormat Tanjong dan...

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Tidak, Yang Berhormat Bukit Gantang dekat sini saya rasa baik bagi dekat...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bukit Gantang.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ialah berkenaan dengan— tadi seperti mana disebut oleh Yang Berhormat Seputeh berkenaan dengan kelajuan yang dibawa oleh pemandu-pemandu. Mereka berbuat demikian kerana hendak kejar *trip* sebenarnya. Oleh sebab kebanyakan syarikat bas ini dia beri ialah gaji dia *basic*, yang lainnya ialah dia ambil komisen. Maka akhirnya kita lihat dia membawa dalam keadaan yang agak tidak normal.

Saya berbual dengan seorang pemandu yang telah pun berhenti. Dia kata, dia panggil saya ustazlah. Dia kata ustaz, saya sudah berhenti, saya tidak sanggup hendak korbakan nyawa orang. Kadang-kadang dia bawa dari Alor Star ke Johor Bahru dia kata, kadang-kadang kita mengantuk terpaksa bawa fasal kita masalah penumpang yang ada bersama kita. Sebab itu kita pastikan ini perkara yang perlu diberikan perhatian oleh pihak SPAD. Kalau boleh soal berkenaan dengan ini biarlah sebagai satu tanggungjawab sosial kerajaan untuk memastikan supaya sama ada bentuk subsidi kah atau sebagainya untuk pemandu-pemandu ini. Satu cadangan saya selain daripada pihak bas ini, tauke.

Kedua ialah selalu saya tengok apabila berlaku kemalangan-kemalangan yang mengerikan, maka adalah setiap kali JPJ akan membuat penguatkuasaan periksa sebelum bas itu keluar daripada Hentian Duta. Kemudian selepas sebulan, dua dah tidak ada dah. Jadi ertinya hangat-hangat tahi ayam. Jadi kita harapkan soal keselamatan ini benda yang berterusan dilakukan. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat, kita mengambil maklum dan amat menghargai apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Sebenarnya dari segi keselamatan memang ia menjadi satu perkara utama yang diambil oleh pihak SPAD sebab itu kita ada buku panduan SPAD ICOP dan apa yang dilakukan kalau sekiranya dari— kalau pemanduan itu laju, maka ia boleh dipantau melalui GPS.

■1910

Jadi, kalau sekiranya— saya rasa Yang Berhormat kongsi tadi pemandu itu yang telah berhenti kerana tidak tahan mengantuk, itu menunjukkan rasa tanggungjawab beliau terhadap masyarakat ataupun penumpang-penumpang. Oleh sebab itu, beliau tidak mahu lagi meneruskan pekerjaan tersebut kerana beliau tahu kelemahan beliau sendiri. Akan tetapi, kalau sekiranya keperluan mereka untuk tidur, maka, itu memang

diperlukan untuk— sebab itu kita ada keperluan ruang tidur *sleepers cabin* seperti yang saya sebutkan tadi untuk pemandu kedua. Mereka boleh *shift*, dengan izin. Saya rasa itu sahaja untuk Yang Berhormat tadi.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tanjong bangun.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat Tanjong, *I hope it is not a new matter.*

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: *Ya. This matter. Same matter.*

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Ya, okey. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Lepas Yang Berhormat Tanjong. Yang Berhormat Menteri habis ya.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Memang dalam lesen yang dikeluarkan kepada pengendali bas ekspres sudah dijadikan satu syarat bahawa tiada bas yang boleh melebihi kelajuan 90 kilometer sejam. Akan tetapi, pada kebiasaannya apabila kita menggunakan Lebuhraya Utara-Selatan kita mendapati banyak bas mereka menggunakan lorong yang terlaju dengan kelajuan yang paling tinggi.

Kadangkala kebanyakan masa apabila mereka menggunakan laluan yang paling kanan, kelajuan mestinya melebihi 90 kilometer sejam atau melebihi 110 kilometer sejam. Jadi, adakah keperluan supaya mereka dilarang untuk menggunakan lorong yang ke kanan supaya kelajuan ini dapat dikawal? Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat, terima kasih. Memang pun jalannya adalah sudah di *fixed* dengan izin, jalan yang dilalui. Sekiranya, tadi pun saya menyentuh pada perkara yang sama yang mana Yang Berhormat ataupun orang ramai mendapati bas ataupun lori yang dipandu melebihi had laju yang telah ditetapkan terutama sekali kalau jalan itu bukan jalan dia, bukan jalan sepatutnya digunakan untuk melaporkan kepada SPAD untuk tindakan sewajarnya.

Saya telah bagi nombor telefon tadi supaya semuanya kita mengambil berat dalam hal ini menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memastikan agar mereka itu akan menggunakan tanggungjawab, mengambil tanggungjawab mereka. Itu perlu juga kita maklumkan dengan agensi lain. Bukan hanya pada SPAD. Oleh sebab yang saya nyatakan tadi kita ada *cross ministry*, dengan izin. Ada perkara ini, perlu diambil oleh agensi seperti JKJR dan juga JPJ. Ya. Yang Berhormat. Terima kasih semuanya.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih saya jemput...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Satu lagi bolehkah? Satu lagi boleh?

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Cukuplah.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya jemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim. Sila.

7.13 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: 'Datuk Dr.' Tuan Yang di-Pertua yang saya kasihi, saya ucap terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini semua doakan saya jadi doktor. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya. Sudah dapat? Belum lagi?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Belum lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Belum lagi? Akan tetapi malam ini *dinner* untuk meraikan puak-puak doktor ini. *[Disampuk]* Di sini, boleh hadir semua orang.

Saya ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membincang perkara-perkara di bawah tanggungjawab saya. Tadi ada Yang Berhormat bertanya Menteri, saya ingat itu sudah diulang berkali-kali di Parlimen ini dan kalau tidak tahu sampai sekarang kira itu sudah silap.

Kalau Ahli-ahli Parlimen tidak tahu contohnya Ahli Parlimen tidak tahu apa itu tanggungjawab saya, jadi itu kurang manis. Kena tahu ya. Tidak ada permasalahan.

Saya ingin mengucapkan terima kasih pada Yang Berhormat Tenom dan Yang Berhormat Bagan Serai kerana— ini hendak pergi mana Yang Berhormat Seputeh? *[Ketawa]* Mahu pergi mana? Yang Berhormat Bagan Serai kerana prihatin.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Nampak sangat Yang Berhormat Seputeh ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ke atas isu-isu berkaitan dengan *National Disaster Management Authority* (NADMA). Mekanisme yang digunakan bagi mengkoordinasi agensi mencari dan menyelamatkan dalam pengurusan bencana adalah menggunakan Arahan MKN No. 20 – Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara. Arahan ini menggariskan peranan dan tanggungjawab agensi kerajaan, badan berkanun swasta dan badan-badan sukarela meliputi peringkat sebelum, semasa dan selepas berlaku sesuatu bencana supaya penggembleran sumber dapat disepadukan bagi mengelakkan pembaziran konflik serta pertindihan peranan.

Selain daripada itu, kerajaan telah menyediakan tujuh peraturan tetap operasi SOP bagi menghadapi bencana iaitu SOP Pengendalian Bencana Tsunami, SOP Pengendalian Bencana Banjir, SOP Pengendalian Bencana Industri, SOP Pengendalian Bencana Jerebu, SOP Pengendalian Bencana Petrokimia, SOP Pengendalian Bencana Gempa Bumi dan SOP Pengendalian Bencana Kemarau. *[Disampuk] Shut up you*. Di samping itu, kementerian jabatan masing-masing mempunyai SOP tersendiri bagi mengendali bencana di bawah tanggungjawab kementerian dan juga jabatan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) mempunyai SOP mengenai pemantauan gempa bumi dan hebahan maklumat gempa bumi dan amaran tsunami. SOP tersebut adalah untuk kegunaan pusat operasi pemantauan gempa bumi yang bertempat di MET Malaysia bagi pengeluaran maklumat gempa bumi yang dikesan dan amaran tsunami sekiranya berlaku tsunami yang mengancam pantai negara ini.

Dalam SOP tersebut, telah digariskan tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh MET Malaysia bagi hebahan amaran tsunami kepada NADMA dan agensi-agensi yang berkaitan kepada pihak media televisyen, radio serta di muat naik dalam web jabatan termasuk *Facebook* dan *Twitter*. Dalam masa yang sama, MET Malaysia akan mengaktifkan siren tsunami di kawasan yang terlibat dan *Fixed Line Alert System* (FLAS) iaitu melalui talian telefon di rumah-rumah kawasan pantai.

Untuk khabar angin. Seperti yang kita dengar khabar angin yang baru-baru ini disebut mana-mana yang dikeluarkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. MET Malaysia akan mengeluarkan penafian akhbar penafian khabar angin tersebut melalui siaran media dan juga dimuat naikkan di dalam web jabatan, *Facebook* dan juga *Twitter*.

Tuan Yang di-Pertua, NADMA. NADMA, kita mengadakan simulasi, contohnya kita mengadakan *Table Talk Exercise* Empangan Bakun di Sarawak. Kita juga mengadakan— selain daripada itu, pada 16 April dan 17 April yang lalu dengan kerja sama MET Malaysia, Pejabat Daerah Lahad Datu telah menganjurkan Program Kesedaran Awam dan *Table Talk Exercise* bencana gempa bumi di Lahad Datu. Di samping itu, kita juga mengadakan untuk persediaan menghadapi monsun timur laut dan sebarang kemungkinan yang akan berlakunya lagi banjir besar di pantai timur. NADMA telah mengambil langkah proaktif dengan menganjurkan program *Table Talk Exercise and Command Post Exercise* bencana banjir zon pantai timur pada bulan Ogos yang lepas yang bertempat di Batalion 8 Pasukan Gerakan Am, Pengkalan Chepa.

Di samping itu, kita juga mengadakan *table talk exercise* di Langkawi bersempena dengan Indian Ocean Tsunami Wave Exercise 2016, anjuran UNESCO. Jadi dalam masa yang sama, kita juga telah menganjurkan bulan— ataupun Program Kesedaran Awam Menghadapi Bencana yang bertempat di Gua Musang pada 10 Oktober. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah melancarkan Perasmian Bulan Kesiapsiagaan Nasional 2016 iaitu di Kemaman Waterfront, Terengganu.

Jadi, NADMA sentiasa bersiap siaga untuk menghadapi apa sahaja bentuk bencana termasuklah banjir dengan penyediaan aset, mengadakan simulasi, latihan, kesedaran dan lain-lain lagi. Termasuklah seperti Yang Berhormat sedia maklum, untuk memastikan supaya apa yang telah dilakukan semasa MKN itu berterusan. Sekretariat di peringkat negeri telah di ubah daripada MKN kepada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia demikian juga peringkat daerah.

Akan tetapi, untuk memperkuatkan lagi persediaan menghadapi banjir, kita libatkan semua Ahli Yang Berhormat, semua Ahli Parlimen, semua Ahli Dewan Negara, semua Ahli Dewan Rakyat, semua Ahli Dewan Undangan Negeri dan juga lain-lain pemimpin NGO di peringkat masyarakat supaya menghadapi bencana ini, biarlah kita hadapi bersama dan *of course* dengan izin, penggunaan aset sebahagian besarnya ialah yang digembleng daripada agensi kerajaan. Jadi, kehadiran NADMA sudah pasti akan dapat mengurangkan risiko menghadapi banjir kalau sekiranya berlaku banjir ataupun lain-lain malapetaka. Jadi terpulang.

■1920

Yang Berhormat pada masa yang lepas sering bertanyakan pelbagai soalan meletakkan tanggungjawab seolah-olahnya mesti kerajaan berbuat semua padahal apa pun kita buat, kalau tanpa kerjasama daripada pelbagai pihak, sudah pasti kita menghadapi masalah. Kalau ini, Yang Berhormat diberikan tanggungjawab. Yang Berhormat semua telah dilantik menjadi Kolonel Kehormat dan ada di antara kita yang terlibat dengan sukarelawan APMM diberi pangkat leftenan komander. Jadi semua kita akan terlibat secara langsung untuk menghadapi bencana dan juga keselamatan negara.

Yang Berhormat Bukit Gantang telah bertanyakan kenapa peruntukan Majlis Keselamatan Negara dikurangkan sedangkan keselamatan negara dalam keadaan yang amat membimbangkan seperti berlakunya penculikan, pencerobohan dan lain-lain lagi. Yang Berhormat Bukit Gantang juga bertanyakan tentang bila Menteri Besar dan Ketua Menteri hendak dijadikan Pengerusi MKN.

Terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah bertanyakan perkara ini tetapi saya hendak bagi tahu bahawa kerajaan tidak akan berkompromi dengan perkara-perkara yang membabitkan keselamatan dan juga ketenteraman awam.

Sehubungan dengan itu, pengurangan sebanyak RM540 juta yang Yang Berhormat lihat itu ialah belanja mengurus MKN adalah berkaitan dengan perpindahan peruntukan tersebut kepada peruntukan belanja pembangunan. Sebab, kita ada belanja mengurus yang kita bayar secara tetap kepada sesuatu agensi berhubung dengan perkhidmatan yang telah diberikan. Jadi, dia tidak boleh berubah. Cuma, perubahan itu berlaku sebab ia kita pindah ke pembangunan.

Walau bagaimanapun, peruntukan ini akan dilaksanakan jika terdapat keperluan untuk operasi. Tidak ada masalah, kita boleh gunakan untuk operasi. Dan jika berlaku kecemasan atau darurat seperti di Lahad Datu, peruntukan darurat dan lain-lain peruntukan berkaitan akan diselaraskan semula selagi tidak melebihi siling peruntukan bagi tujuan keselamatan dan kedaulatan negara.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kebimbangan Yang Berhormat sebenarnya akan menjadi kebimbangan kami kalau kita berkompromi dengan keselamatan tapi kalau kita tidak berkompromi, maka kebimbangan Yang Berhormat sudah tidak lagi menjadi kebimbangan lagi tetapi sebaliknya keyakinan bahawa percaya kerajaan mampu berbuat perkara macam ini.

Kerajaan Barisan Nasional mampu, Yang Berhormat. Kalau tanpa Kerajaan Barisan Nasional, pasti Kedah tidak akan menang bola.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Ketawa]* Tidak ada kena mengena apa.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Berkaitan dengan pengurusan bencana, saya sangat gembiralah dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri bahawa semua MP, ADUN perlu terlibat sama. Memang kita berhasrat untuk terlibat dan memang pun kita terlibat dalam pengurusan bencana selama ini.

Cuma, saya harap supaya pengurusan bencana ini di peringkat-peringkat daerah itu mesti diberikan arahan supaya memaklumkan kepada kita, dipanggil kita bermesyuarat sekali dan sebagainya untuk kita beri pendapat dan pandangan, bukannya sekadar kita turun. Selama ini kami turun pergi... *[Tidak jelas]* sua muka

begitu, tetapi dalam mesyuarat memang kita tidak terlibat sebagai MP atau ADUN-ADUN pembangkang. Jadi saya harap berikan arahan yang jelas supaya di peringkat pegawai ini dia tidak terasa takut hendak jemput wakil rakyat pembangkang. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, saya dengan persetujuan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menunjukkan contoh yang baik. Kalau Menteri tidak takut kepada pembangkang, kenapa pegawai mesti takut? Tidak ada soal takut menakut ini. Dan kita Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah arahkan pegawai-pegawai bahawa ini tidak boleh bagi sebab ini pembangkang, tidak ada. Sebab, bila banjir melanda, banjir juga tidak pilih rumah, dia hentam semua. Rumah pembangkang kah, rumah Barisan kah, dia hentam semua.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ini macam pengambilan pegawai PTD. Banyak pegawai PTD yang diambil ialah anak-anak pembangkang tapi ada tidak kami *complain*? Tidak ada *complain*.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Betul. Itu isu lain.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Itu menunjukkan bahawa hebatnya kerajaan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya bagi contoh Yang Berhormat Bukit Katil. Dia hantar lembu korban pergi ke APAM nak buat korban, akhirnya ditelefon hari yang hendak pergi sembelih kata tidak jadi. "*Minta maaf Yang Berhormat, jangan mai.*" Jadi maknanya itu menunjukkan bahawa ada unsur-unsur politik yang cuba hendak menghalang daripada Yang Berhormat Bukit Katil untuk turun ke program korban yang dia beri lembu seekor. Itu antara contohlah. Itu di bawah pengendalian Yang Berhormat. Dia dapat Kolonel Kehormat itu. Kolonel Kehormat pun tidak boleh *pi*. Lembu korban, takkan hendak politik apa?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, tidak... Sebab ini melibatkan hukum. Tidak mungkin benda itu berlaku. Kalau Yang Berhormat kalau banyak lembu hantar ke Arau, saya terima. Yang Berhormat juga boleh datang ke Arau.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya hendak minta Arau hantar ke Pokok Sena.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Kalau Arau boleh terima, Bukit Katil pun boleh terima. Tidak mungkin. Dan pegawai tidak pernah laporkan kepada saya bahawa ini Ahli Parlimen pembangkang hendak bagi lembu, minta— "*Dia beri berapa ekor? Seekor?*"— saya kata, "*Minta sepuluh dekat dia*". Jadi ini melibatkan hukum, Yang Berhormat. Korban. Kalau ada pegawai yang berbuat demikian, itu tidak boleh. Ini melibatkan hukum. Kalau Yang Berhormat bagi lembu, *alhamdulillah*, kami sembelih,

kami edarkan. Hukum hak menentu menang kalah adalah hak Allah Taala. Kita berusaha.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tapi itulah yang berlaku di Bukit Katil.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Saya akan menyiasat perkara ini sebab ini mungkin syak wasangka. Syak wasangka dalam Islam hukumnya tidak boleh, Yang Berhormat. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Yang keduanya ialah... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Yang Berhormat Bukit Gantang faham ya. Jadi, buruk sangka tidak boleh ya.

Jadi, saya akan siasat Yang Berhormat sebab Angkatan Pertahanan Malaysia mengikut stail dan gaya saya bahawa kita berkhidmat untuk rakyat dan sudah pasti rakyat akan beri penilaian di masa akan datang. Kita tidak berkempen...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tetapi pengurusan bencana itu saya minta diberikan arahan yang jelaslah sebab isu ini memang berlaku.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, sekarang saya akan jawab sekejap lagikan. Yang Berhormat, kita ini pegawai tetap— sekarang ini nisbah kita satu pegawai tetap, 1,000 orang sukarelawan. Cuba Yang Berhormat bayangkan, pegawai tetap di Kuala Kangsar, hanya seorang sahaja, Yang Berhormat, yang lain sukarelawan, yang mengendalikan ambulans dan sebagainya. Jadi, mungkin tersesat pegawai yang bukan sebenarnya sebab dia pakai uniform, Yang Berhormat kata mungkin ini mengikut arahan daripada pegawai yang berkenaan. Tidak, Yang Berhormat. Malah, cerita yang di Kuala Kangsar itu bukan pegawai tetap, ini pegawai sokongan atau pegawai sukarela yang hadir bersama untuk memberi khidmat kepada masyarakat.

Jadi, Yang Berhormat, kalau berlaku benda-benda yang demikian rupa, saya akan siasat dan sekiranya didapati benda itu melanggar etika dan juga peraturan, kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Jadi, Yang Berhormat, ini tentang pelantikan Menteri Besar sebagai Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan. Saya ingat saya dah jawab dalam Parlimen banyak kali bahawa ini berdasarkan kepada seksyen 12(3) Akta MKN 2015 yang menyebut, "*Majlis boleh melantik mana-mana anggotanya atau mana-mana orang lain untuk menjadi Pengerusi Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1)*".

Yang Berhormat, sekarang ini ada setengahnya dilantik Menteri Besar, ada setengahnya dilantik Ketua Menteri, ada yang dilantik dari pegawai Persekutuan dan pelbagai lagi. Walau apa pun pelantikan, yang paling penting ialah kita dapat menghadapi segala bentuk ancaman, tekanan dan ujian dengan baiknya.

Saya bagi contoh fasal Kelantan, Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan juga hadir masa mesyuarat itu yang saya hadir, dia minta Kerajaan Persekutuan tolong, sebagai contoh, tolong kendalikan. Sebab, walaupun di negeri-negeri lain pengerusinya ialah Yang Amat Berhormat Menteri Besar tapi bila sampai masanya kita tahu bahawa kemampuan kita di tahap mana, jadi kami nak elakkan supaya tidak boleh kompromi fasal keselamatan, tak boleh kompromi fasal lain, jadi kita melantik orang-orang yang mampu untuk mengendalikannya sebagai Pengerusi Keselamatan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, negeri tidak dikecualikan daripada bersama-sama kerana ada anggota-anggotanya terdiri daripada pegawai-pegawai dan sebahagian besarnya pegawai-pegawai kerajaan negeri. Jadi, tidak ada masalah sama ada Menteri Besar jadi pengerusi ataupun tidak, tetapi dia sebenarnya berada di negeri tersebut dan keselamatan diuruskan oleh pihak kita dan juga orang yang dilantik menjadi Pengerusi MKN tadi. *So, no problem*, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Cuma dalam hal ini, kita cuba nak minta buat satu *reform* supaya biarlah Menteri Besar ataupun Ketua Menteri yang dilantik sebagai pengerusi kepada Majlis Keselamatan Negeri kerana agak lebih comel dan lebih eloklah. Maknanya, walaupun siapa yang menang tapi yang pentingnya supaya senang dari segi birokrasi dan juga logistik dan sebagainya yang dikuasai oleh kerajaan negeri. Dan saya rasa benda ini terutama soal keselamatan ini, disebut tadi, bukan benda yang perlu dipolitikkan dan ini ialah untuk kepentingan semua kerana apa benda musibah atau penjenayah dan sebagainya, tak kenal apa parti ataupun apa golongan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

■1930

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, saya pernah menjadi Pengerusi Keselamatan Negeri selama 12 tahun. Saya tahu bahawa, kita tahu, kita terima hakikat bahawa keselamatan adalah hak *Federal*. Kalau boleh, saya tidak jadi pengerusi pun tidak mengapa, sampai ke peringkat itu Yang Berhormat. Bahawa apabila kita menjadi Pengerusi Keselamatan, kita kena ambil tanggungjawab, amanah yang besar. Saya takut di akhirat, saya takut pegang satu amanah yang saya tidak dapat tunaikan.

Yang Berhormat, polis di bawah Persekutuan. Tentera di bawah Persekutuan. Yang Berhormat, sewajarnya mereka melantik orang yang mampu memberi perintah kepada pegawai-pegawai keselamatan. Yang Berhormat, kita pakai terimalah *no problem* Yang Berhormat, walaupun Kelantan, walaupun Penang sebab kita melihat tahap-tahap keselamatan sebab ini pegawai keselamatan yang menjaga keselamatan di negeri-negeri. Yang Berhormat, walau bagaimana pun, anggota birokrasi, kerajaan negeri bersama-sama dalam Jawatankuasa Keselamatan...

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Menteri Besar boleh mendapat maklumat termasuk Kedah dari semasa ke semasa.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi. Apa masalah kalau pergi ke Yang Berhormat Menteri Besar walaupun dia bukan daripada sealiran dengan Kerajaan Persekutuan untuk dia memberikan arahan kepada polis, tentera dan sebagainya? Apa masalahnya? Tidak ada masalah. Dia juga bagi arahan kepada pegawai polis yang menjadi *bodyguard* dia. *Bodyguard* itu bawah Kerajaan Pusat. Apa masalah? Dia bagi arahan, "*Ikut aku*". Apa masalah? Sedangkan keputusan-keputusan dibuat bersama dengan pegawai-pegawai di peringkat *Federal* yang ada di dalam negeri-negeri tersebut.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi tidak perlulah hendak berasa takut dan sebagainya. Macam Yang Berhormat kata, tengok Yang Berhormat dan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak takut, apa semua. Macam itulah yang sepatutnya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya tetapi Yang Berhormat saya hendak beritahu, ini soal keselamatan. Dia ada Majlis Keselamatan Negara yang memberi arahan keselamatan berhubung dengan keselamatan. Yang Berhormat, saya sendiri ini Menteri yang jawab pasal keselamatan, saya tidak jadi ahli Majlis Keselamatan Negara. Jadi Yang Berhormat, apabila kita masuk menjadi ahli Majlis Keselamatan Negara, kita bertanggungjawab menentukan tahap-tahap keselamatan.

Dia beritahu Kelantan, "*Ini patut jadi*". Yang Berhormat, kalau tidak, dia tidak boleh, Menteri Besar pun tidak boleh bagi arahan kepada polis, kepada *bodyguard* dia bolehlah. Menteri Besar tidak boleh bagi arahan kepada tentera. Saya hendak beritahu

walaupun sesetengah Menteri Besar menjadi Pengerusi Keselamatan, dia tidak boleh bagi arahan. Arahan mengikut...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini samalah dengan Yang Berhormat Menteri, kalau dia lantik Menteri Besar daripada Parti Pembangkang...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dengan Menteri Besar dari Parti Barisan Nasional, dia pun tidak boleh bagi arahan. Jadi apa salah kalau...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tapi...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Hendak lantik Menteri besar dari kerajaan daripada parti pembangkang?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Akan tetapi tahap keselamatan itu. Yang Berhormat, keselamatan kita sebut tidak boleh kompromi. Jadi kita mesti melantik keselamatan ini di tahap yang tidak boleh dipolitikkan. Yang kata, kita lantik Ketua Menteri. Sudah ada negeri yang kita tidak lantik Ketua Menteri, ada Menteri yang kita tidak lantik Menteri Besar. Ini keselamatan yang akan menentukan.

Jadi biarlah mereka profesional fasal keselamatan. Mereka tentukan. Pada masa sekarang, mereka kata, Kelantan biarlah mereka uruskan melalui ini. Pulau Pinang uruskan macam ini sebab ini soal keselamatan. Mereka boleh tentukan bahawa, inilah tahap keselamatan yang harus terjadi. Jadi Yang Berhormat...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi yang kedua-dua itu negeri-negeri pembangkanglah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tidak, tidak. Saja kebetulan, hendak buat macam mana? Kebetulan hendak jadi sedemikian rupa. Macam Selangor, kita tengok tahap keselamatannya macam ini, sebab apa? Kami tidak mahu meletakkan tanggungjawab kepada orang yang tidak dapat memastikan keselamatan di tahap yang meyakinkan.

Jadi saya ingat saya telah menjawab dengan panjang lebar tajuk ini Tuan Pengerusi. Sekarang saya ubah tajuk. Saya mengucapkan tahniah sebab Kedah menang bola tetapi hasil kemenangan itu mesti diiringi dengan senyuman dan rasa baik sangka. Jangan nanti orang timbul buruk sangka, ya Yang Berhormat?

Yang Berhormat Permatang Pauh bertanyakan sejauh mana kerajaan mengambil kira perkenan Majlis Raja-raja denganewartakan Akta MKN 2016 tanpa perkenan Yang di-Pertuan Agong. Sebenarnya kita telah menjawabnya berkali-kali. Jawapan itu disekalikan pada hari ini bahawa dalam hal ini oleh sebab, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Akta MKN 2016 diwartakan berdasarkan artikel 66 (4A) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan jika satu rang undang-undang tidak

diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam masa yang ditentukan dalam fasal 4 iaitu 30 hari. Rang undang-undang ini hendaklah menjadi undang-undang apabila habis masa yang ditentukan dalam fasal itu mengikut cara yang sama seolah-olah ia telah memperkenankannya.

Jadi Yang Berhormat, sudah terangkan dengan panjang lebar berhubung dengan Akta MKN yang digubal di bawah artikel 74. Saya sudah terangkan panjang lebar...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Dan kita bertahan sampai ke pagi, jadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi lagi, Yang Berhormat?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Saya bagi. Hari ini saya memang suka sangat. Silakan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tanya elok-elok, okey?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma saya hendak tanya, saya bersetujulah, maknanya betul-betul dari segi peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan. Akan tetapi apabila saya semak di Jabatan Pewartaan ini, di bahagian pewartaan, inilah satu-satunya rang undang-undang yang tidak ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong.

Satu-satunya rang undang-undang yang digazet, diwartakan, tidak ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong, hanya memaki peruntukan yang disebut Yang Berhormat Menteri. Jadi saya menjadi *confuse*, menjadi tanda tanya. Kenapa Yang di-Pertuan Agong tidak nak, tidak menurunkan tanda tangan? Sedangkan apa yang dibuat dalam krisis apa yang disebut sebagai krisis Perlembagaan pada zaman Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir dulu. Dalam keadaan krisis Perlembagaan itu yang menjadi pertembungan antara Eksekutif dan Raja-raja, pada waktu itu. Pun pada waktu itu, Yang di-Pertuan Agong menurunkan tanda tangannya dalam keadaan marah...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat cukup, ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kepada Eksekutif. Jadi kenapa yang ini Yang di-Pertuan Agong tidak menandatangani?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat sebut perkataan 'satu-satu' bukan? Jadi mungkin yang ke depan ini, ada 'dua-dua'. Mungkin ada 'tiga-tiga'. Mungkin ada 'empat-empat'. Macam Yang Berhormat sekarang ada dua, mungkin

menjadi tiga, mungkin menjadi empat, sebagai contoh. Jadi perkataan 'satu-satunya' ialah sekarang satu-satu. Mungkin lepas itu dua-dua dan sebagainya. Jadi...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, ceritanya panjang lebar tapi jawab cara ikut peluru.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan macam ini, Yang Berhormat. Ikut tertib, Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Akta MKN 2016 digubah berdasarkan kuasa perundangan Parlimen di bawah artikel 74. Kita mengikut peraturan, Yang Berhormat. Perlembagaan Persekutuan dibaca dengan Butiran 2 dan 3 Jadual Kesembilan. Tiada keperluan merujuk kepada seperti Yang Berhormat telah sebutkan tadi kerana ia bukanlah undang-undang yang memberikan kesan yang secara langsung kepada keistimewaan kedudukan atau kebesaran Majlis Raja-raja. Yang Berhormat, kita telah terangkan dan ini telah kita jawab berkali-kali.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Itu saya, Tuan Pengerusi, itu saya tidak...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Bahawa rang undang-undang ini sah dari segi undang-undang.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya tidak pertikai sah atau tidak tetapi pasal apa yang lain ini, semua tanda tangan, yang ini tidak tanda tangan?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat. Cukuplah itu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang ini satunya tidak ada tanda tangan Yang di-Pertuan Agong. *Pasai* apa? Ini persoalan rakyat hendak tahu. Ini Yang di-Pertuan Agong ini merupakan Sultan saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sultan negeri saya. Pasal apa kerajaan gagal untuk mendapatkan tanda tangan daripada Yang di-Pertuan Agong?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sedangkan yang lain semua ditandatangani. Tidak ada apa masalah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, dia hanya menjadi undang-undang apabila dia sah. Sekarang ini dia sah sebagai undang-undang-undang. Yang Berhormat yang paling penting ialah...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya tidak mempersoalkan sah atau tidak.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya membangkitkan soal pasal apa Yang di-Pertuan Agong tidak tanda tangan? Itu isunya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Itu isunya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, pasal apa itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Terengganu bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, pasal apa itu, amat sukar dijawab tetapi yang paling penting, ia sah dari segi undang-undang. Yang Berhormat, kalau tidak sah dari segi undang-undang...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Kita boleh bincang di Parlimen ini, pasal apa kawan itu kena cekik. Jadi susah saya hendak jawab pasal apa dia kena cekik. Yang paling penting dari segi undang-undang cekiknya ada. Sebagai contoh...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini bermakna bahawa Yang Berhormat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Pasal Yang Berhormat...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya hendak katakan bahawa ini menunjukkan Yang di-Pertuan Agong tidak puas hati.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Itu, Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Janji tidak ditepati. Janji tidak ditepati. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri janji, Yang Berhormat janji kepada Majlis Raja-raja akan buat penelitian dan pindaan kepada perkara-perkara yang tidak disenangi oleh Majlis Raja-raja.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena. Kita di peringkat Jawatankuasa, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya, telah pun dibuat dan telah diberikan kemenangan yang hebatnya. Yang Berhormat pun boleh tanya perkara mana Yang Berhormat tidak puas hati. Boleh beritahu, daripada seksyen 1 sampai 46 itu, Yang Berhormat beritahu, tanya saya sekarang. Saya boleh jawab, tidak ada masalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kita dalam Jawatankuasa, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang tidak puas hati telah kita puas hati kan. Yang Berhormat Kuala Terengganu, silakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Terengganu bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Boleh. Sekejap sahaja. *Last.*

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa untuk membantu Yang Berhormat Pokok Sena memahami. Mungkin, ya, saya hendak jelaskan di sini, adakah kemungkinan kali ini ia tidak ditandatangani kerana pendekatan yang berbeza semasa krisis Perlembagaan yang dahulu mungkin Perdana Menteri dahulu telah mengambil pendekatan yang lebih bijaksana dan dengan tertib. Mungkin kali ini, pendekatannya tidak seperti dahulu. Itu saya rasa adalah perbezaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat pada peringkat ini saya rasa undang-undang ini tidak, bukan dipertikaikan, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat...

■1940

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Walaupun betul mengikut undang-undang tetapi pendekatan...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: ...dan budi bicara juga menjadi satu pertimbangan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kita di peringkat Jawatankuasa Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak banding dahulu dengan sekarang, Yang Berhormat semasa Yang Berhormat naik bot untuk menyelamatkan anak-anak daripada Australia, Yang Berhormat bukan wakil rakyat lagi, lain. Sekarang Yang Berhormat wakil rakyat, lain. Dahulu saya ialah orang yang suka perhati Yang Berhormat daripada Yang Berhormat jadi hero di lautan sana, *[Dewan Ketawa]* sampai sekarang berlain.

Dahulu Yang Berhormat seorang hero di lautan, sekarang Yang Berhormat sudah lain nampaknya jalan macam orang-orang tua bijaksana, macam itu, lain. *[Dewan ketawa]* Kerajaan dulu kerajaan lain, sekarang kerajaan lain, jadi Yang Berhormat

kenapa tidak buat macam dulu, susahlah saya hendak jawab ya. Dulu ada P.Ramlee, sekarang tidak ada P.Ramlee, jadi *wallahu'alam*. Jadi, dulu dan sekarang ini pendekatannya lain dan pendekatan sekarang lebih mencabar.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Dulu tidak ada Batu yang perangai yang macam ini, sekarang ada Batu perangai yang macam ini, sebagai contoh.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Perangai macam mana?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Dulu tidak ada Kuala Krai perangai macam itu, sekarang sudah ada. Jadi, pendekatannya lain. Macam sesetengah orang... Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dia ikut merapulah itu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Jadi– Yang Berhormat, ini pendekatan lain. Soalan ditanya pada saya soalan merapu, hendak jawab macam mana lagi perapuan soalan-soalan macam ini? *[Dewan ketawa]* Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya pun silap juga *pi* tanya dekat Menteri yang merapu. *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Pokok Sena, walaupun terkenal sebagai sifat merapunya tetapi saya tidak pernah mengganggu perasaan Yang Berhormat. Yang Berhormat jangan ganggu perasaan saya, nanti saya marah tahu. *[Dewan ketawa]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ada soalan. Saya hendak dapat penjelasan tadi. Saya tidak kisahlah kalau ada Menteri hendak pertahankan undang-undang yang tidak ada tandatangan Yang di-Pertuan Agong atau tidak. Isu sekarang ialah tadi Menteri kata undang-undang ini dikuatkuasakan ada penasihat dan ada strukturnya. Saya ingin tahu kalau ikut peruntukan undang-undang ini, adakah Majlis Keselamatan Negara ini adalah satu jawatankuasa yang *ongoing*, yang sentiasa berfungsi atau ia hanya diguna pakai semasa ada bencana dan 'Menteri bencana' lebih tahu, boleh jawab. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Saya mengambil sikap tidak hendak jawab sebab dia kata saya 'Menteri bencana'. Saya Menteri pengurusan bencana. Perbetulkan soalan itu, kalau tidak saya tidak hendak jawab.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *Home Minister and Minister in charge of Home Affair* adalah maksud yang sama. *So, Minister in charge of...*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: *Saya Disaster Management...*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...*Disaster and Disaster Minister is in the same.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: *Very good. You laser management. Batu memang kepala batu, gigit telinga polis. [Dewan ketawa]* Yang Berhormat Sekijang...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itu satu– Tuan Pengerusi, itu satu fitnah yang harus ditarik balik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya, kalau itu saya punya...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Dalam mahkamah sudah dibuktikan saya tidak pernah melakukan perkara itu. *[Dewan Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya, ya. Saya tahu Yang Berhormat...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri tidak boleh membuat satu...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya, okey. Saya tanya satu...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...*statement* yang mengelirukan Dewan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya, ya. Saya cuma menyebut *statement-statement* yang disebut dalam surat khabar, begitu begini. Akan tetapi apabila jumpa Yang Berhormat, saya jabat tangan Yang Berhormat, tangan Yang Berhormat begitu lembut tidak mungkin Yang Berhormat boleh berbuat demikian. Yang Berhormat seorang yang lemah lembut. Saya rasa sebelah jari saya pun boleh menghadapi Yang Berhormat. Jadi, bagaimana orang yang begini lemah lembut boleh menggigit telinga polis.

Jadi, mungkin tidak betul ya. Yang Berhormat Sekijang bertanya apakah kriteria bagi pengambilan sukarelawan Pertahanan Awam? Tuan Pengerusi, untuk makluman, tugas Pertahanan Awam ialah melatih orang awam dalam menghadapi bencana, operasi sama ada sebelum, semasa dan selepas peperangan atau semasa aman. Pertahanan Awam juga berfungsi menyelamatkan semasa bencana kecemasan dan operasi menyelamatkan. Hal ini selaras dengan tugas-tugas semasa Angkatan Pertahanan Awam.

Bagi menambah jumlah anggota sukarelawan seperti yang saya sebutkan tadi, kita sedang berunding dengan pihak kerajaan supaya nisbah sukarelawan ini diperturunkan. Sekarang nisbahnya ialah satu pegawai tetap, 1,000 sukarelawan. Jadi maknanya, kita hanya ada 1,200 anggota tetap dan kita ada satu juta lebih. Kalau campur dengan Ahli Yang Berhormat hari ini lagi banyak ya. Jadi, syarat-syarat untuk menjadi anggota Pertahanan Awam Yang Berhormat, senang sahaja iaitu:

- (i) berumur 18 tahun ke atas;

- (ii) sihat tubuh badan;
- (iii) pengambilan terbuka kepada lelaki dan wanita warganegara Malaysia;
- (iv) pemohon mestilah mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau PT3; dan
- (v) pemohon mestilah tidak menyertai mana-mana badan beruniform yang lain seperti ditetapkan dalam Akta Perkhidmatan Negara 1952.

Yang ini kacau ya. Oleh yang demikian seorang yang menganggotai tentera atau polis tidak boleh menyertai Pertahanan Awam. Akhir sekali, seorang itu mestilah mempunyai semangat kesukarelawan yang tinggi dalam menjalankan tugas-tugasnya. Saya supaya tidak mengecewakan Yang Berhormat Batu tadi, saya hendak maklum pada Yang Berhormat Batu bahawa Majlis Keselamatan Negara sentiasa bersidang untuk membincangkan isu-isu keselamatan bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan sentiasa terpelihara. Ini jawapan rasmi yang secara agungnya. Jadi Yang Berhormat, bukan tunggu isu ini sahaja, kita berbincang dari semasa ke semasa, kadang-kadang tiap-tiap minggu, kadang-kadang dua minggu sekali dan sebagainya. Terpulanglah kepada mereka berhubung...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Dan dipengerusikan oleh Perdana Menteri?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun diarahkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengikut yang telah ditentukan dalam Akta Majlis Keselamatan Negara yang telah diluluskan oleh Parlimen dan juga selepas itu ia menjadi rang undang-undang sebagaimana yang telah diwartakan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Minta maaf Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Dan kita menang dalam pengundian tersebut, Yang Berhormat kalah, jadi kita...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi, setahu saya minggu lalu Perdana Menteri ada di China dan Timbalan Perdana Menteri pun tidak ada dalam negara, sekarang berada di UK. So, kalau ada bencana berlaku, adakah Menteri yang *in charge* untuk mempengerusikan Majlis Keselamatan Negara.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Okey. Soalan tersebut adalah cukup menarik. Kita hendak bagi tahu apa pun yang berlaku dalam pentadbiran kerajaan, sudah pasti sudah ada yang sudah ditentukan untuk mengendalikannya. Saya ingat *no*

problem Yang Berhormat dan kita boleh menghadapinya dengan kesiapsiagaan yang hebat sekali. Saya telah menjawab APM dan saya terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah pun bersukarela untuk menjadi Kolonel Kehormat APM. Yang Berhormat Parit menyatakan bahawa hanya 99 unit— ini berhubungan dengan PR1MA, Tuan Pengerusi. Sebanyak 99 unit rumah PR1MA akan disediakan di kawasan Parit dan bilangan rumah mampu milik ini adalah tidak mencukupi. Yang Berhormat Parit juga mencadangkan supaya lebih banyak rumah PR1MA dibina, khususnya kepada golongan muda.

Yang Berhormat Parit yang disayangi, anggota PR1MA telah meluluskan sebanyak 21,048 unit kediaman di negeri Perak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 736 unit kediaman PR1MA telah diluluskan di kawasan Parit. *[Disampuk]* 736 unit Yang Berhormat, bukan 99 unit. Sekiranya terdapat cadangan lain untuk pembangunan PR1MA ia boleh dikemukakan untuk dikaji kesesuaiannya.

Seorang Ahli: Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Sama-sama. Yang Berhormat Jerantut mencadangkan peruntukan untuk pembinaan rumah PR1MA ditambah, khususnya bagi kawasan-kawasan Parlimen yang menyokong Bajet 2017. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PR1MA sentiasa mengadakan perbincangan dengan pemimpin tempatan, terutamanya Ahli Parlimen dari semasa ke semasa untuk mendapatkan pandangan berkenaan kawasan yang sesuai untuk dibangunkan. Sesungguhnya sebarang cadangan pembangunan bagi kawasan-kawasan strategik di kawasan Ahli Parlimen amatlah dihargai. Sekiranya ada, ia bolehlah dikemukakan untuk diperhalusi dengan lebih lanjut.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kulai. Yang Berhormat Kulai ada lagi? Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Membangkitkan berkenaan dengan mandat untuk menyediakan 500,000 unit rumah pada tahun 2016. Namun begitu, hingga kini hanya 145,000 unit sahaja yang telah disediakan. Yang Berhormat Kulai dengar ini jawapan ya, jawapan ini supaya Yang Berhormat boleh memahaminya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sasaran 500,000 unit di seluruh negara akan dipenuhi yang akan berada dalam pelbagai peringkat iaitu dalam perancangan, pembinaan dan siap dibina. Setakat ini, anggota PR1MA telah meluluskan sebanyak 268,993 unit rumah di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 103,615 unit berada dalam fasa pembinaan, manakala jumlah yang selebihnya berada dalam peringkat perancangan. Jumlah ini dijangka akan meningkat dari semasa ke semasa. PR1MA Yang Berhormat,

kalau ikut keadaan sekarang ialah berada di nombor satu di hadapan untuk sama-sama membangunkan rumah-rumah kos sederhana bagi mereka yang berpendapatan sederhana.

Yang Berhormat, akhir sekali Yang Berhormat Kinabatangan telah membangkitkan berkaitan dengan perbelanjaan mengurus APMM bagi tahun 2017.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sat, sat, PR1MA dahulu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya, PR1MA.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Hendak tanya merapukah ataupun tidak?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dak aih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: *Okay, very good.*

■1950

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah kerajaan bercadang dalam hendak mengatasi masalah keperluan yang begitu mendesak rumah-rumah mampu milik ini? Apakah kerajaan akan mengarahkan PR1MA untuk mengambil alih rumah-rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju perumahan ini? Itu soalan saya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, PR1MA ini baru ditubuhkan Yang Berhormat. Akan tetapi ia telah bergerak ke hadapan termasuklah berbincang dengan *developer* berhubung dengan rumah-rumah yang berada di kawasan tahap yang PR1MA telah tentukan bahawa kita membina rumah di pinggir bandar Yang Berhormat. Kita tak boleh – bukan sebarang tempat dan kita mesyuaratkan supaya mereka yang berpendapatan RM2,500 sehingga RM10,000. Jadi rumah yang jenis lain mampu milik dan sebagainya termasuk rumah-rumah e-Kasih dibuat oleh agensi lain. PR1MA hanya memberi perhatian kepada rumah kos sederhana, berpendapatan sederhana, di pinggir bandar dan diberi keutamaan kepada semua pihak termasuklah mereka yang belum berkahwin, bujang dan sebagainya.

Jadi ini ialah – dan kita telah umumkan baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dikasihi telah mengumumkan baru-baru ini iaitu berhubung dengan pinjaman sehingga 110 peratus. Dia tak boleh buat apa Yang Berhormat, yang kita akan buat melalui panel bank Maybank, Bank Islam, Bank Rakyat, BSN, MBSB dan juga RHB. *Rent to own* iaitu sewa beli. Walaupun dia bayar sewa dia kira beli ini kita belum lancar lagi tetapi kita telah umumkan. Kemudian Skim Bantuan Perumahan PR1MA iaitu kerjasama MOF, Bank Negara dan juga KWSP serta AmBank, CIMB, Maybank dan juga RHB.

Jadi semua orang yang mendapat rumah PR1MA dia akan melalui skim ini jikalau sekiranya dia tidak dapat membuat pinjaman dan sebagainya, ini akan diperkenalkan kepada mereka. Jadi kalau mereka mengetuai skim ini, akaun yang kedua disebutkan di sini mereka hanya perlu membayar *interest* untuk lima tahun yang pertama dan lima tahun yang kedua barulah mereka membayar *interest* dan juga prinsipal. Kita tidak ambil alih rumah-rumah yang terbengkalai dan sebagainya. Sebaliknya kita bekerjasama dengan pemaju bagi projek-projek yang baru.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya. Tuan Pengerusi, maknanya betullah? Maknanya sekarang ini persatuan pemaju perumahan REHDA ini sedang mengedar kepada ahli-ahli REHDA untuk mereka menyenaraikan rumah-rumah yang tidak lebih daripada RM400,000 ini untuk dikatakan bahawa akan boleh diserahkan kepada pihak kerajaan, kerajaan mengambil alih. Ada di kalangan pemaju-pemaju yang di tahap rendah ini rasa mereka akan tersisihlah hanya pemaju-pemaju yang besar yang berjaya membina rumah seperti itu akan mendapat peluang. Jadi harus ada pertimbangan-pertimbangan yang sewajarnya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Okey, Yang Berhormat yang ini ialah garis panduan PR1MA yang ada sekarang. Akan tetapi yang saya hendak sebut di sini Yang Berhormat bahawa PR1MA bukan jual RM400,000, orang macam Selangor sebut PR1MA jual mahal. Kita menjual antara RM100,000 sehingga RM400,000. Keduanya harga kita 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran. Jadi PR1MA bukan mencari keuntungan utama, PR1MA ialah memberi *compliment* kepada keselesaan rakyat untuk memiliki rumah. Jadi berhubung dengan cadangan Yang Berhormat semua itu akan diambil ingatan tetapi kita hendak bagi tahu bahawa tugas PR1MA yang utama ialah memastikan kita membina kawasan baru bersama dengan pemaju-pemaju dan juga PR1MA membangunkannya secara sendiri.

Berhubung dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan. Peruntukan mengurus APMM pada tahun 2017 adalah sebanyak RM383,281,100. Saya dapat maklumat tentang PR1MA dari semasa ke semasa. Sekarang saya sudah lajak masuk ke kawasan baru tetapi saya kena maklumkan berhubung dengan PR1MA Yang Berhormat bahawa PR1MA *compliment the market*. Jadi kita *maintain* untuk membina rumah dalam kos sederhana. Rumah lebih daripada RM400,000 bukan tugas kita atau bawah daripada RM100,000 bukan tugas kita.

Kecuali ada satu kes yang berlaku di Pahang di mana rumah itu berharga – kalau saya tak silap saya sebut ini sebab ini bukan ditanya iaitu harganya RM80,000 jadi kita sebut PR1MA Pahang, itu kes itu. Akan tetapi PR1MA ialah membina kos

sederhana untuk mereka yang berpendapatan sederhana dan kita hadir diri untuk *compliment the market* ya.

Jadi saya sebut sekali lagi berhubung dengan APMM tadi peruntukan APMM bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM383,281,100. Daripada peruntukan tersebut sejumlah RM30 juta diagihkan untuk bekalan minyak dan sebanyak RM24 juta untuk pengoperasian pesawat terbang. Bagi perbelanjaan pembangunan, projek pembinaan bagi enam buah kapal *new generation petro craft* melibatkan peruntukan sebanyak RM381,300,000 manakala bagi tiga buah kapal *offshore petro vessel* pula di peruntukan sebanyak RM740 juta. Bot pertama akan siap pada bulan November manakala bagi OPV pula masih pula di peringkat rundingan.

Yang Berhormat Kinabatangan juga ada menyatakan langkah yang diambil oleh ESSCOM untuk menangani masalah penculikan sedangkan banyak anggota keselamatan seperti ATM, APMM, PDRM telah ditempatkan di sana dengan peruntukan yang tinggi tetapi masih lagi berlaku kes penculikan. Di sini saya ada dua kes yang disebut baru-baru ini. Satu kes melibatkan di kawasan Filipina dan satu lagi yang melibatkan di kawasan perairan Kinabatangan. Akan tetapi ini telah pun saya jawab berkali-kali tentang perkara ini, saya cuma hendak maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa keselamatan negara hendaklah dijaga bersama. Itu sebab kita bagi membuat tindakan serta-merta supaya pihak yang kita rasa terlibat mungkin sebagai tali barut iaitu khususnya penglibatan dan sokongan orang dalam, khususnya daripada pendatang tanpa izin yang berada di Sabah yang mana kita menganggap seumpama duri dalam daging dan juga musuh dalam selimut. Jadi yang ini kita hendak ambil tindakan serta-merta dalam keadaan di mana kawasan perairan Sabah yang begitu luas 134,761 kilometer persegi dan juga kawasan yang berdekatan dengan negara jiran. Ada satu tempat yang jarak kita dengan negara jiran ialah dalam masa lima minit bot. Kalau air kering mungkin boleh dua hingga tiga minit.

Jadi ini hendak tunjukkan bahawa dalam kekangan yang ada, bahawa penyertaan rakyat untuk menyertai sukarelawan keselamatan adalah penting. Itu sebab di kawasan ESSCOM sahaja ini untuk yang pertama ini kelmarin kita telah membuat pelantikan Leftenan Komander Kehormat iaitu kita hendak supaya rakyat juga menjadi mata dan telinga kerajaan. Oleh sebab banyak benda yang berlaku ini kalau kita dapat maklumat awal, kita boleh ambil tindakan. Seperti yang berlaku di perairan Kinabatangan, kita lihat mereka berada di satu kumpulan bot yang jaraknya tiga batu nautika. Akan tetapi apabila bot yang telah dinaiki oleh pihak lanun, yang lain memotong pukut dan melarikan diri tetapi kita tak dapat maklumat itu. Kalau kita dapat maklumat

sudah pasti kita akan sampai serta-merta. Sebenarnya selepas itu polis marin telah sampai ke kawasan tersebut serta-merta dan membuat gambaran yang sebenarnya.

Keduanya kita hendak pastikan supaya bot ini dipasang dengan AIS supaya kita boleh kesan di mana mereka berada. Akan tetapi mereka enggan berbuat demikian tidak tahu fasal apa tetapi kalau mereka pasang alat tersebut kita boleh kesan benda ini dengan cepat. Jadi ini benda-benda yang sedang diberi perhatian iaitu penyertaan rakyat juga hendak pastikan supaya nelayan-nelayan begitu banyak di kawasan ESSZONE ini memasang peralatan AIS ini untuk membolehkan kita mengesan apa-apa perkara yang berlaku dalam jangka masa yang cepat.

■2000

Saya hendak ucap terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil, yang telah membahaskan portfolio di bawah saya.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Menteri, saya rasa ada isu tentang apa yang saya tanya tentang Sabah itu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Macam mana?

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Tentang Sabah saya soal tadi. Tentang kehadiran PATI dan sebagainya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya. Semua perkara yang saya tidak jawab, saya akan jawab secara bertulis Yang Berhormat. Sudah pasti sebab ada sesetengah soalan daripada Yang Berhormat itu merupakan memohon petunjuk-petunjuk daripada segi angka. Jadi sudah pasti saya tidak dapat menjawabnya, jadi saya akan jawabnya secara bertulis, tidak ada masalah. Tindakan akan diambil...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Hebat betul.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Dengan serta-merta, siap siaga untuk menghadapi segala bentuk ancaman, bencana dan sebagainya.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Sudah habis Yang Berhormat dan saya ucap terima kasih sudah.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Eh! Belum lagi, belum duduk lagi itu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: *Last one, last one.*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Belum, belum

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: *Last one, last one.*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ada dua soalan, pendek sahaja. Tadi sedap dengar PR1MA, tiba-tiba dia *jump* terus isu ESSCOM. Jadi itu yang tersangkut sedikit itu. Harga rumah PR1MA RM100,000 hingga RM400,000, 20 *percent* lebih rendah daripada harga pasaran. Soalan saya, ada tidak diskaun tujuh *percent* untuk bumiputera? Kedua, Menteri ada satu tugas yang tertinggal daripada tugas Kabinet sebelum daripada ini iaitu menguruskan penyelarasan pencen bekas-bekas Ahli Parlimen. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, sudah pasti benda-benda ini akan dijawab oleh Menteri yang menjaga pencennya. Jadi Yang Berhormat, berhubung dengan diskaun, tidak ada sebab PR1MA ini mengambil pendekatan bila kita buat undian pun, kita buat undian terbuka Yang Berhormat, cukup adil. Sebenarnya Yang Berhormat daripada pembangkang, inilah masa untuk menyokong Barisan Nasional kerana kita membuat pengundian terbuka. Kita bukan tahu ada cap DAPkah, Barisan Nasional, tidak ada. Walaupun kita tahu ini boleh merugikan kita daripada segi politik tetapi demi rakyat yang tercinta, kita laksanakan juga. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Tepuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sekarang giliran Yang Berhormat Menteri dari kawasan Kota Belud. Sila Yang Berhormat Menteri.

8.02 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Abdul Rahman Dahlan]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Pengerusi, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2017 peringkat Jawatankuasa. Dalam kesempatan ini, saya ingin menjelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh secara langsung bidang kuasa dan bidang tugas Jabatan Perdana Menteri khususnya yang berada di bawah tanggungjawab saya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Parit bertanyakan tentang Koridor Utara iaitu sebuah agensi yang dapat katanya membangunkan sektor pertanian dan meminta supaya koridor ini dapat diperluaskan ke Perak Tengah. Di kawasan ini banyak petani yang akan mendapat manfaat daripada program ini. Tuan Pengerusi, sebelum ini Wilayah Ekonomi Koridor Utara hanya meliputi lima daerah di kawasan Utara Perak iaitu Kerian, Larut, Matang dan Selama, Hulu Perak, Kuala Kangsar dan Manjung. Untuk makluman, pada 21 Januari 2016 dalam mesyuarat ke-15 Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara, dua lagi daerah iaitu Batang Padang dan Hilir Perak telah dipersetujui

untuk dimasukkan ke dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara. Kemasukan dua daerah baru dalam Koridor Utara ini menandakan perluasan daerahnya kepada seluruh negeri Perak.

Yang Berhormat Bagan Serai mengatakan Koridor Utara mencatat kejayaan *significant* pada tahun 2015 dan mencapai KPI menarik pelabur asing serta peluang pekerjaan. Beliau bertanyakan apakah jenis projek inisiatif berpotensi di negeri-negeri terlibat terutamanya pelancongan dan bagaimana NCIA ini membantu menaikkan industri pelancongan. Tuan Pengerusi, empat sektor teras utama Koridor Utara terdiri daripada sektor pertanian, pembuatan, pelancongan dan logistik. Antara subsektor pelancongan yang diketengahkan oleh NCIA adalah:

- (i) ekopelancongan seperti inisiatif di Hutan Hujan Tropika Belum-Temenggor di Gerik, latihan pemandu pelancong *Green Badge* di Merbok;
- (ii) pelancongan warisan ataupun *heritage tourism* seperti inisiatif Bandar Warisan di Taiping;
- (iii) pelancongan kesihatan ataupun *healthcare tourism* dengan izin, seperti Program Insentif Penerbangan di Pulau Pinang;
- (iv) pelancongan sukan atau *sport tourism* seperti Perlis Maraton di Kangar; dan
- (v) pelancongan perniagaan bersepadu (*Business Tourism and Integrated Tourism Development*) seperti *Penang Design Village Premium Outlet* di Batu Kawan.

Pada tahun 2015 NCIA telah mencatatkan 4.6 juta penyertaan sektor swasta dalam sektor pelancongan sahaja. Antara projek yang *significant* di Koridor Utara selain daripada pelancongan ialah:

- (i) Projek SuriaKU di mana projek pemasangan solar panel penduduk B40 di Perlis telah diperluaskan di seluruh negara. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meluluskan RM45 juta untuk 1,600 rumah di seluruh Malaysia pada Bajet 2017;
- (ii) Kilang LED di Kulim Hi-Tech Park, Kedah mencatat 1.4 juta penyertaan sektor swasta yang melibatkan 932 pekerjaan;
- (iii) projek jana kuasa di Perak mencatat 5.8 juta penyertaan sektor swasta dengan 150 pekerjaan; dan
- (iv) pusat *facility* R&D di Penang mencatat sebanyak 2.3 juta penyertaan sektor swasta yang melibatkan 1,500 pekerjaan.

Koridor Utara telah mencatat 76.11 juta penyertaan sektor swasta dari tahun 2006 hingga Jun 2016 dan menghasilkan sebanyak 98,698 jumlah pekerjaan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Parit bertanya sejauh mana TERAJU telah menerajui untuk mewujudkan usahawan bumiputera dan berapa yang telah ada dan kejayaannya. Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa komited dalam menjayakan inisiatif pemerksaan ekonomi bumiputera. Ia merupakan agenda nasional yang amat penting demi memperkukuh dan memperlihatkan penyertaan bumiputera dalam ekonomi negara. Dalam tempoh lima tahun semenjak penubuhan TERAJU pada tahun 2011, pelbagai inisiatif dan langkah-langkah baru telah dilaksanakan bagi memacu agenda pembangunan bumiputera dipantau secara terus oleh Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dasar-dasar serta inisiatif-inisiatif baru Pemerksaan Ekonomi Bumiputera (PEB) adalah seperti:

- (i) Dasar *Come Out and Compete*. Nilai yang telah berjaya *dicome out* dengan izin, khas kepada bumiputera melalui 13 buah projek sehingga hari ini adalah sebanyak RM45.54 bilion;
- (ii) program-program keusahawanan dan pembiayaan iaitu kolaborasi dengan kerajaan negeri, agensi-agensi kerajaan, agensi-agensi Wilayah Pembangunan Koridor, syarikat-syarikat milik kerajaan ataupun GLC dan pihak-pihak swasta. Pelbagai institusi perbankan seperti Dana Teras dan Dana Mudahcara Bumiputera. Melalui Dana Mudahcara Bumiputera misalnya, sebanyak RM12.84 bilion nilai pelaburan swasta berjaya dihasilkan melalui 447 buah projek di seluruh negara;
- (iii) penetapan KPI bumiputera setiap kementerian dan syarikat GLC ataupun GLIC. Syarikat GLC ataupun GLIC telah mencatatkan nilai inisiatif keseluruhan sebanyak RM44.7 bilion pada tahun 2015 berbanding RM43.8 bilion pada tahun 2014 yang merupakan tahun pertama pelaksanaan KPI di syarikat GLC dan GLIC;
- (iv) penubuhan Jawatankuasa Khas Majlis Ekonomi Bumiputera di Sabah dan juga di Sarawak; dan
- (v) penubuhan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera.

Semenjak penubuhan TERAJU pada tahun 2011 sehingga 30 September 2016, TERAJU telah berjaya mencipta nilai iaitu *value creation*, peluang perniagaan, pembiayaan serta pembangunan modal insan untuk bumiputera sebanyak RM94.25

bilion melalui 27 program dan inisiatif yang dijalankan melalui kerjasama dengan kerajaan negeri, agensi-agensi kerajaan, agensi-agensi Wilayah Pembangunan Koridor, syarikat-syarikat milik kerajaan dan pihak-pihak swasta selaras dengan matlamat kerajaan untuk memastikan penyertaan masyarakat bumiputera dalam ekonomi secara lebih bermakna dan mampan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, TERAJU telah mengambil alih Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) daripada MITI pada tahun 2014. INSKEN menyediakan latihan keusahawanan, konsultasi dan fasilitasi kepada para usahawan terutamanya usahawan bumiputera. INSKEN menjayakan program keusahawanan melalui kolaborasi strategik dengan lebih daripada 30 buah agensi kerajaan, universiti-universiti dan badan bukan kerajaan. Melalui 240 buah program latihan yang telah dilaksanakan di seluruh Malaysia sehingga hari ini, seramai 12,275 orang usahawan telah dilatih melalui program-program yang dianjurkan oleh INSKEN dalam masa dua tahun ini. Setakat ini, tumpuan diberikan kepada empat industri utama iaitu makanan dan minuman, pelancongan, perkhidmatan dan peruncitan dan pemborongan.

■2010

Untuk menyokong Program Pembangunan Kapasiti Keusahawanan pula, INSKEN telah melatih 747 orang fasilitator *business*. Daripada jumlah ini, 87 orang telah dilantik sebagai Biz Kaunselor. Program Biz Kaunselor ini memberikan landasan bagi para usahawan untuk mendapat nasihat, tunjuk ajar dan bimbingan serta memadankan para usahawan dengan agensi-agensi yang berkenaan bagi mendapatkan bantuan-bantuan yang diperlukan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Gerik bertanya tentang projek jeti yang telah siap di Royal Belum dan boleh pakai bila-bila masa. Katanya NCIA boleh melihat perkara-perkara lain untuk menarik pelancong di Gerik. Contoh yang diberikan, terjunan *paragliding* di Gunung Sejuk, Kuak Hulu. NCIA juga patut melihat tanah yang sesuai katanya untuk menanam Musang King di Parlimen Gerik.

Tuan Pengerusi, pihak NCIA telah melaksanakan pelbagai inisiatif ekopelancongan di Gerik khususnya di Royal Belum iaitu pertamanya menaik taraf Jeti Awam Pengkalan Aman di Pulau Banding. Keduanya penyediaan pelan induk bersepadu bagi Hutan Tropika Belum Temengor. Ketiganya menaik taraf infrastruktur dan kemudahan pelancongan di Hutan Tropika Belum Temengor.

Inisiatif ini akan merencanakan lagi aktiviti-aktiviti pelancongan di Royal Belum dan memberi kesan limpahan kepada pengusaha-pengusaha bot pelancongan, pengusaha-pengusaha *houseboat*, ejen-ejen pelancongan dan pengembaraan dan pemandu-pemandu pelancong.

Kami mengambil maklum dan sentiasa terbuka menerima mana-mana cadangan projek atau aktiviti yang melibatkan kerjasama sektor swasta daripada pelaburan-pelaburan tempatan dan antarabangsa.

Bajet 2017 telah diperuntukkan sejumlah RM2.5 juta bagi NCER di bawah Projek Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Pelancongan di Hutan Tropika Belum Temengor Perak Fasa 2. Projek ini akan merangkumi pelaksanaan aktiviti pemasaran dan *voluntourism* bagi mempromosikan aktiviti pelancongan eko di Taman Negeri Royal Belum serta lantikan perunding bagi membangunkan infrastruktur dan *canopy walk*, dengan izin di kawasan Sungai Papan, Taman Negeri Royal Belum berdasarkan kajian Pelan Induk Bersepadu Hutan Tropika Belum Temengor.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Temerloh memohon Menteri di Jabatan Perdana Menteri memberi penjelasan kerana terdapat 300,000 orang rakyat Malaysia berkemahiran di luar negara. Walau bagaimanapun mengikut beliau, mengikut rekod hanya 3,000 orang sahaja yang telah pulang di bawah Program Returning Expert Program atau REP. Peruntukan yang diberi kepada TalentCorp, adakah digunakan secara berkesan dalam membawa pulang tenaga mahir ini?

Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Talent Corporation Malaysia Berhad atau TalentCorp telah ditubuhkan bagi memastikan bekalan tenaga kerja mahir yang mencukupi bagi memacu Malaysia ke arah negara maju berpendapatan tinggi. Bagi tujuan ini, TalentCorp diberi mandat memenuhi keperluan tenaga berkepakaran negara di bawah Pelan Transformasi Ekonomi atau pun ETP.

Bagi tujuan ini, TalentCorp bekerjasama dengan sektor awam dan swasta dengan menumpukan kepada tiga segmen utama tenaga kerja iaitu pertamanya tenaga kerja mahir dalam negara yang merangkumi pelaksanaan program kebolehpasaranan graduan atau *graduate employability*, latihan industri berstruktur ataupun *structured internship program*, *upskilling* dan Program Penglibatan Kembali Wanita Dalam Kerjaya ataupun Women in the Workforce. Keduanya tenaga kerja mahir Malaysia di luar negara yang merangkumi pelaksanaan program kepulangan pakar atau Returning Expert Program dan inisiatif Scholarship Talent Attraction and Retention (STAR). Ketiga, tenaga bakat asing berkemahiran tinggi yang merangkumi pelaksanaan Pas Residen-Bakat atau Residence Pass-Talent atau RP-T.

Selaras dengan usaha kerajaan dalam mengutamakan rakyat Malaysia, TalentCorp juga tidak terkecuali. Bagi tahun 2015, daripada jumlah belanja pembangunan yang telah diperuntukkan kepada TalentCorp, 88 peratus daripada jumlah tersebut telah diperuntukkan bagi pelbagai program untuk meningkatkan kebolehpasaranan graduan di Malaysia.

Antara lainnya seperti Program Graduate Employability Management Scheme atau GEMS bagi memberi keutamaan kepada graduan di Malaysia. Program GEMS yang diterajui oleh TalentCorp sejak Disember 2012 memberi fokus khas kepada pembangunan graduan dalam negara yang telah menamatkan pengajian dan tidak memperoleh sebarang peluang pekerjaan lebih dari enam bulan tempoh menamatkan pengajian.

Pencapaian melalui GEMS boleh dilihat apabila lebih daripada 85 peratus peserta program ini mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan selepas menamatkan program. Sejak pelaksanaannya pada tahun 2012, lebih 23,000 orang graduan telah dilatih dan diambil bekerja.

Tuan Pengerusi, laporan Bank Dunia pada Jun 2015 yang bertajuk Assessment of Returning Expert Program and Residence Pass-Talent telah menjelaskan bahawa walaupun terdapat lebih daripada 300,000 orang rakyat Malaysia di luar negara, hanya lebih kurang 150,000 mempunyai pendidikan *tertiary* iaitu golongan berkemahiran tinggi yang menyumbang kepada pembangunan negara.

Mengikut laporan ini juga, inisiatif REP di bawah seliaan Talent Corporation Malaysia Berhad adalah efektif bagi memudah cara keputungan tenaga kerja pakar yang diperlukan di Malaysia.

Antara faktor yang menyumbang kepada migrasi rakyat Malaysia ke luar negara ialah untuk mendapat peluang pekerjaan serta prospek kemajuan kerjaya menarik dan kebanyakan rakyat Malaysia di luar negara menetap di Singapura, United Kingdom, Australia dan Amerika Syarikat.

Menerusi laporan tersebut juga, usaha memudah cara keputungan rakyat Malaysia berkemahiran tinggi merupakan instrumen bagi membantu memenuhi keperluan pasaran pekerjaan dan industri sekali gus merapatkan jurang perbezaan kemahiran.

Tuan Pengerusi, TalentCorp telah diberi mandat untuk menerajui program REP bagi memudah cara keputungan tenaga kerja berkemahiran tinggi Malaysia di luar negara. Satu persepsi yang ingin saya perbetulkan di mana bagi tahun 2015, inisiatif yang telah dilaksanakan bagi rakyat Malaysia di luar negara hanya menggunakan dua peratus hingga lima peratus peruntukan keseluruhan TalentCorp.

Pelaksanaan REP juga telah melalui beberapa fasa penambahbaikan bagi memastikan kualiti modal insan berkemahiran tinggi yang diluluskan adalah selaras dengan keperluan semasa industri dan ekonomi negara. Penambahbaikan ini juga telah menjadikan kriteria kelayakan REP lebih selektif selaras dengan keperluan industri.

Melalui penambahbaikan pelaksanaan REP ini juga lebih 3,990 modal insan berkemahiran tinggi telah diluluskan di bawah program ini. Antara pakar yang berjaya

diluluskan dan telah kembali untuk berkhidmat di beberapa bidang di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) adalah seperti berikut. Pakar yang dipulangkan Ian John Lo iaitu Pengerusi Shell Malaysia Berhad, Profesor Dr. Jong Yuan Hsun pakar bedah *cardiothoracic*. Sekarang bekerja di Hospital Umum Sarawak. Foong Pik Yee Ketua Pegawai Kewangan dan sekarang bekerja dengan Hong Leong Bank Berhad, Purus Khotument Suaminathan Timbalan Pengarah Operasi Flash Tronic Technology Penang Sendirian Berhad, Imran Rahim Pengarah Eksekutif sekarang berada dengan Ernst & Young, Norlida Abdul Azmi Ketua Pegawai Sumber Manusia Kumpulan UEM Group Berhad.

So, dalam laporan ini juga Bank Dunia juga telah menyatakan bahawa berdasarkan analisis kos faedah, Program REP ini memberi impak fiskal yang positif hasil daripada jumlah cukai pendapatan dan kepenggunaan yang dijelaskan oleh mereka setelah pulang dan menetap di Malaysia. Rakyat Malaysia yang pulang juga dapat menyumbang kerana membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan tahap produktiviti bagi majikan mereka.

Sebagai kesimpulan dalam konteks penggunaan peruntukan bagi memudah cara kepulangan tenaga kerja mahir dari luar negara, Laporan Bank Dunia di atas telah membuat kesimpulan bahawa Program REP berkesan dalam memudah cara kepulangan tenaga kerja mahir yang diperlukan oleh industri dan pada masa yang sama berimpak positif dari segi fiskal di mana pungutan cukai daripada mereka yang kembali melebihi kehilangan cukai daripada kos yang dibelanjakan di bawah inisiatif REP ini.

Yang Berhormat Kinabatangan bertanyakan tentang Pan Borneo. Beliau bertanya, adakah Pan Borneo termasuk lebuh raya Kinabatangan dan juga Sandakan ke Kota Kinabalu? Jalan sedia ada tidak berkualiti dan berlubang katanya. Lebuh raya di Semenanjung berkeadaan baik. Kalau ada lebuh raya, boleh rakyat menggunakan kenderaan.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Yang Berhormat mengikut perancangan jajaran sebahagian Lebuhraya Pan Borneo-Sabah akan melalui kawasan Parlimen Sandakan dan Kinabatangan. Permohonan maklumat tambahan boleh dikemukakan kepada Kementerian Kerja Raya. Bagi butiran pembangunan P.82000 Lebuhraya Pan Borneo, peruntukan ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan bukannya di Kementerian Kerja Raya kerana peruntukan ini akan disalurkan kepada akaun Amanah Kerajaan Negeri bagi tujuan pelaksanaan projek tersebut.

Maklumat terperinci berhubung projek ini termasuk jajarannya sama ada melalui kawasan Parlimen Kinabatangan boleh dijawab oleh pihak KKR. Untuk makluman Yang

Berhormat, perjanjian pelaksanaan projek ini ditandatangani oleh pihak KKR bersama dengan kerajaan negeri secara berasingan.

Yang Berhormat Gerik mohon penjelasan daripada EPU di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak ada mengumumkan jalan raya menghubungkan Kampung Tasik, Kampung Kupang dan jalan raya menghubungkan Kampung Pahat ke Kampung Pahit.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas bermula dari tahun 2016 sehingga 2020. Pelaksanaan projek pembangunan di bawah RMKe-11 adalah dibuat berdasarkan kepada keutamaan dan keperluan pelaksanaan projek.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah RP2, RMKe-11 Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri memberi keutamaan kepada pelaksanaan projek sedia ada dan projek Akujanji Kerajaan.

■2020

Walau bagaimanapun, Unit Perancang Ekonomi JPM akan meneliti semula keutamaan dan keperluan pelaksanaan projek pembinaan jalan Kampung Tasik ke Kampung Kupang ini dan akan dipertimbangkan di bawah *Rolling Plan* seterusnya sekiranya sesuai.

Yang Berhormat Parit Buntar bertanyakan, menyatakan bahawa EPU adalah entiti penting dalam menentukan dasar dan ekonomi negara. EPU penting dalam memberi input dalam *economic growth* dan perpaduan nasional. *Economic growth* berada di luar kawalan katanya dan dia minta supaya dicadangkan EPU mewujudkan jawatankuasa di peringkat Parlimen untuk mewujudkan satu dasar ekonomi yang asasnya tanpa mengira bangsa.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Yang Berhormat, peranan dan fungsi Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri adalah antara lain merangka dasar dan strategi pembangunan sosioekonomi negara, menyediakan rancangan pembangunan jangka sederhana dan panjang, melaksanakan penyelidikan ekonomi dan menasihati kerajaan tentang isu ekonomi serta menyediakan belanjawan, mengawal dan menilai program dan projek pembangunan termasuk aspek pembangunan inklusif.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Tinggi bangun Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Sekejap ya. Pertumbuhan ekonomi merupakan prasyarat untuk membolehkan pengagihan kekayaan yang lebih saksama. Justeru, kerajaan komited untuk meneruskan dasar pembangunan berasaskan pertumbuhan

dengan pengagihan iaitu *growth with equity* dengan izin dan prinsip ini diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas yang mana lebih penekanan diberikan kepada konsep *inclusivity* untuk meningkatkan kesejahteraan individu dan masyarakat serta menekankan pertumbuhan ekonomi yang kukuh bagi tempoh yang lebih panjang yang akhirnya menjurus kepada perpaduan nasional. Silakan.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Menteri. Saya hendak sentuh sedikit tentang TVET. Saya difahamkan EPU juga bertanggungjawab di samping TVET berada di beberapa kementerian. Jadi adakah Menteri bercadang untuk mengadakan satu unit penyelarasan untuk TVET kerana jumlahnya RM4.6 bilion tahun depan, RM4.8 bilion tahun ini, jumlahnya melibatkan RM600 ribu lebih. Saya difahamkan RM1.2 bilion di pendidikan dan di *human resource* dan banyak lagi. Jadi ini satu langkah yang baik untuk membanyakkan *full of skills workers* dan mengurangkan kebergantungan kita kepada tenaga asing dan mengurangkan aliran keluar wang. Jadi adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan satu unit penyelarasan khas untuk TVET ini. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Saya ambil maklum cadangan Yang Berhormat. Saya bersetuju bahawa program TVET ini besar dan merangkumi pelbagai kementerian yang *across the board* dengan izin dan perlu ada satu penyelarasan. Saya akan ambil maklum pandangan Yang Berhormat untuk saya maklumkan kemudian sebab saya faham banyak kementerian yang terlibat. KSM, Kementerian Pelajaran malah KPKT sendiri, banyak teknikal program yang ada di seluruh kementerian dan perlu ada satu penyelarasan yang lebih bersepadu. EPU akan memainkan peranan dan saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat dan juga kepada Parlimen status penyelarasan tersebut di masa yang akan datang.

Kerajaan mengambil maklum dan menghargai akan cadangan untuk mewujudkan satu jawatankuasa di peringkat Parlimen untuk memberi input kepada dasar ekonomi. Namun kerajaan berpandangan bahawa memadai jawatankuasa peringkat tertinggi yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu Majlis Ekonomi yang memberi tumpuan kepada isu ekonomi secara menyeluruh. EC ataupun *Economic Council* antara lain merumuskan strategi untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi melalui pelaburan langsung asing dan pelaburan domestik, mengawal inflasi dan merangka jaringan keselamatan sosial yang komprehensif untuk melindungi kumpulan berpendapatan sederhana dan rendah.

Yang Berhormat Sungai Siput, beliau mengatakan adakah EPU mengkaji isu kelembapan permintaan kasar ataupun *aggregate demand* yang merupakan satu

masalah yang menyebabkan kelembapan ekonomi. Apakah pendirian Malaysia dan apakah cara kerajaan menjana *aggregate demand* ini.

Tuan Pengerusi, kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan pertumbuhan ekonomi sentiasa mampan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di sebalik kelembapan ekonomi dunia, negara berjaya mencatat pertumbuhan keluaran dalam negara kasar pada kadar 4.1 peratus pada separuh pertama tahun 2016. Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan dalam negeri yang berkembang sebanyak lima peratus, dipacu terutamanya oleh penggunaan swasta yang meningkat pada kadar 5.8 peratus dan pelaburan swasta sebanyak empat peratus.

Pada masa ini, sumbangan permintaan agregat dalam negeri kepada KDNK adalah sebanyak 91.3 peratus berbanding sumbangan eksport bersih sebanyak 7.5 peratus. Oleh itu, semua pertumbuhan ekonomi negara masih dipacu oleh permintaan agregat dalam negeri. Namun sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka, negara sentiasa bersaing untuk menebus pasaran baru dan mendapatkan pelaburan asing melalui kerjasama di pelbagai peringkat termasuk ASEAN dan perjanjian bebas dalam negara rakan dagang baharu. Akses pasaran baru dan kemasukan pelaburan asing akan memberikan kesan langsung kepada permintaan dalam negeri.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Siput bangun Yang Berhormat.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi. Saya mahu tanya Menteri, adakah Menteri nampak pengagihan pendapatan negara antara golongan satu *percent* yang terkaya dan lain adalah satu masalah pokok dalam ini, adalah salah satu sebabnya *aggregate demand* rendah, saya mahu tanya itu. Adakah perlu kita tengok agihan kekayaan negara, pendapatan negara, *more should go to the ordinary people*, baru *aggregate demand* akan dijana. Adakah nampak itu?

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Saya memahami tujuan Yang Berhormat dalam mengeluarkan kenyataan tersebut. Memang kita mempunyai banyak program untuk menambahkan pendapatan golongan yang berpendapatan rendah supaya mereka boleh menjadi sebahagian daripada *aggregate demand* tersebut. BR1M salah satu caranya, *which is direct transfer*. Semua negara dalam dunia ini juga melihat perkara ini sebagai satu cara yang terbaik.

Kemudian, kita juga agihkan kekayaan negara melalui macam dulu kementerian saya, kementerian KPKT contohnya. Rumah PPR kita bina pada harga RM150,000 kita

jual hanya pada harga RM35,000. Ini adalah beberapa kaedah untuk kita alihkan kekayaan negara kepada rakyat melalui sama ada *cash transfer* ataupun pemberian subsidi yang begitu besar terhadap aset-aset rumah yang kita bagi kepada rakyat.

Saya ada satu lagi Tuan Pengerusi, *last*. Ini yang saya tunggu ke belakang sebab ini fasal ECRL. Yang Berhormat Kuala Nerus mempersoalkan mengenai projek *East Coast Rail Link* ataupun ECRL dari segi kos dan juga pelaksanaannya. Saya nak mengambil kesempatan ini sebab saya tidak berpeluang untuk menggunakan peluang sewaktu perbincangan dasar kerana berada di Beijing dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menggulung peringkat dasar.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya nak maklumkan di sini banyak persoalan yang telah ditimbulkan. Pertama yang saya dengar tadi ialah soal tentang perbezaan harga di antara RM46 bilion dan juga RM55 bilion untuk Projek Laluan Kereta Api Pantai Timur ataupun ECRL ini. Saya nak terangkan di sini, sebenarnya tidak ada perbezaan besar. Yang disebut RM46 bilion ini ialah jajaran daripada Tumpat, Kelantan turun ke Kuantan, kemudian ke Pantai Barat dan berhenti di Gombak dengan panjang laluan ini 600 kilometer dengan kos RM46 bilion. Itu adalah cadangan awal kita.

Akan tetapi apabila SPAD dan juga agensi dan kementerian bawa cadangan baru untuk memanjangkan lagi daripada Gombak ke Port Klang ataupun Pelabuhan Klang, maka kita tambah jajaran itu yang sepanjang 88 kilometer daripada Gombak ke Port Klang ataupun Pelabuhan Klang bagi membolehkan Pelabuhan Klang itu dapat disambung dengan Pelabuhan Kemaman dan Kuantan melalui laluan ini, maka kos itu telah meningkat kepada RM55 bilion.

Apa Yang Berhormat kata tentang *website* CCCC yang menyebut RM46 bilion itu betul, RM46 bilion tetapi itu adalah untuk laluan daripada Tumpat, Kelantan dan berhenti di Gombak sejauh 600 kilometer. Akan tetapi tidak menyebut tentang laluan daripada Gombak ke Pelabuhan Klang sepanjang 88 kilometer yang memakan belanja RM9 bilion kerana laluan ini melalui kawasan yang mahal tanahnya iaitu Kuala Lumpur. Jadi sebab itu kos sebenarnya ialah RM55 bilion untuk 688 kilometer. Ini tidak termasuk 20 kilometer *per line* iaitu landasan yang terpaksa kita bina lencongannya ke Port Kemaman ataupun Pelabuhan Kemaman dan juga Pelabuhan Kuantan lebih kurang 20 kilometer.

So jangan kita guna, saya dengar dalam blog dan juga ceramah dan ucapan rakan-rakan di pihak sebelah sana yang cuba mengaburi mata rakyat dengan mengatakan, '*Oh! Dulu RM46 bilion, sekarang RM55 bilion, what happened to the RM9 billion?*'. Ini sudah disonglap oleh Barisan Nasional. Ini satu kenyataan yang amat berat. Ingat, sewaktu perjanjian ini ditandatangani di Beijing, ianya disaksikan oleh *presidency*.

■2030

Presiden China, Perdana Menteri China. Dua pemimpin besar Kerajaan China yang turut bersama-sama menyaksikan perjanjian ini. Bila ada kenyataan daripada pihak pembangkang yang mengatakan bahawa kononnya ada satu konspirasi untuk menipu rakyat Malaysia dengan RM9 bilion bermacam-macam tuduhan ini, seolah-olah Tuan Pengerusi, ini ingin mengungkit ataupun mengaitkan pemimpin-pemimpin tertinggi Kerajaan China, Perdana Menteri dan Presiden terpalit dalam tuduhan ini. *This is not right. You are talking about*, dengan izin Presiden China, Perdana Menteri China, ketua negara yang mana ekonominya kedua terbesar di dunia. *Are you saying that these two gentlemen sitting next to Prime Minister are willing to collaborate* dengan Perdana Menteri untuk menipu rakyat Malaysia? *You say that, you say that to the Chinese because this is an insult to them.* Itu sebabnya saya katakan RM9 bilion ini seolah-olah pihak pembangkang tidak menghormati pemimpin-pemimpin dari negara China ini. *These are the world leaders.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Answer the RM9 billion, answer the RM9 billion.*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *No, no. RM9 billion was already answered but the problem is*, masalahnya Tuan Pengerusi ialah mereka kaitkan ini dengan kononnya RM9 bilion itu hilang dan masuk poket Perdana Menteri *and that is a very-very irresponsible statement.* Sebab itu saya katakan bila pihak pembangkang menggunakan taktik untuk mengelirukan rakyat ini, *you are insulting the leader of the Chinese nation.*

Seorang Ahli: Tak payah hendak kaitlah.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Apa yang tak payah hendak kaitkan? Memang itu sebenarnya. *That is why* saya katakan...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Using the leader to justify your statement?*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *No, no. That is the problem with you. If you dare enough, stand up and say the leaders, President, Prime Minister of China collaborating to steal and if you dare, but I know you don't dare* sebab *you don't have the fact.* Sebab itu saya katakan kalau hendak tanya, saya puji Yang Berhormat Kuala Nerus sebab bila dia tanya soalan itu, dia tidak kaitkan dengan insinuasii yang lain tetapi kalau saya tengok di sebelah sini, ramailah sebelah sini yang sebelah DAP ini *you know* bila bercakap, seolah-olah RM9 bilion itu hilang. *It is irresponsible*, tidak bertanggungjawab.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Subang bangun.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Sebab itu saya katakan jangan cuba untuk...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Boleh bagi laluan?

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *Hang on.* Jangan cuba untuk mengaburi mata rakyat. *There is no sinister move here,* tak ada RM9 bilion hilang begitu sahaja. Yang masalahnya pihak pembangkang tidak tahu mengira. *That is the problem.*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri sebab Yang Berhormat Kuala Nerus tidak hadir. Oh *sorry*, ada. Saya boleh petik poin yang dia bangkit sebab saya tak tahu, mungkin akan dijawab. Poin Yang Berhormat Kuala Nerus juga bawa, kita tak mahu masuk dalam cerita siapa hadir dan bila *sign*. Itu tak tukar fakta, kita tumpu kepada fakta. Faktanya yang disebut dan saya rasa disiasat oleh Yang Berhormat Kuala Nerus ialah syarikat CCCC ini telah disenaraihitamkan oleh World Bank dan *details* telah diberikan. Adakah itu akan dijawab oleh Menteri? Kalau itu betul dan saya rasa itu betul sebab ini daripada World Bank sendiri, kenapa kita berurusan dengan syarikat macam itu?

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Ya, *I explain to you.* Saya akan sampai ke tahap itu sebab saya belum selesai lagi hendak jawab. CCCC adalah syarikat *construction* yang terbesar di China. Yang disenaraihitamkan bukan CCCC tetapi adalah salah satu anak syarikat dia. Itu pun berlaku berpuluh tahun yang lalu kesalahan ini dan senarai *blacklisted* ini akan diangkat, ditarik balik pada bulan Januari 2017, lebih kurang dua bulan daripada sekarang *but it is a small portion of CCCC.* *You must understand this.* Macam juga bila satu syarikat besar seperti CCCC ini mempunyai ratusan syarikat subsidiari.

There is one problem but you cannot claim that CCCC is blacklisted dan juga perasuah. *That is wrong.* Sebab itu saya katakan Presiden, Perdana Menteri China *is there.* Kalaulah CCCC ini adalah sebuah syarikat yang dipanggil *pariah* dalam dunia, tak akan mungkin Presiden dan Perdana Menteri China berada di situ untuk bersama-sama menyaksikan perjanjian ini. *[Tepuk] It is very simple. They are world leaders, you know?* Minta maaf.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *[Bangun]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya, *he is not...*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Sebab itu saya katakan kadang-kadang bila...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Nerus bangun.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Kejam, saya bagi. *No problem.* Sebab itu saya katakan jangan terlalu bermain politik. *Don't,* jangan. *You can ask.*

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *No, no, no. Yang Berhormat Subang, you can ask. I like the way you ask but...*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *But the world is calling Perdana Menteri kita MO1.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *No, no, no.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tak payahlah bawa isu itu lagi.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *Okey, Malaysian Official One. You know what's that mean? He is a pencuri, he is a perompak. The world is saying that.*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *You tarik balik itu, you tarik balik.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *The world is saying. He is a kleptocrate. This country is become a kleptocracy.*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *No, no, no. Duduk dulu, duduk dulu.*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Bukan the world is saying, pembangkang dan Pakatan Rakyat is using that word bukan the world.*

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tak boleh macam itu Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *So please [Tidak jelas] Perdana Menteri, Perdana Menteri. He didn't want to come to defend...*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Subang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *He didn't dare to come to defend 1MDB.*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Subang, bukan *the world is saying* tapi pembangkang yang bodoh macam Yang Berhormat Subang yang cakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *So no point. You cannot defend the indefensible.*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Okey, duduk dulu.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini adalah satu fitnah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Yang Berhormat, kejam.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *You are defending somebody who is called the kleptocrate.*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Yang Berhormat, duduk dulu sekejap.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *This country is being called a kleptocracy. All of you are supporting a kleptocracy.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Subang, duduklah Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *So, what is the purpose?*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Sekejap.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *I will sit down but don't get away.*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *No, don't get carried away. Don't get carried away. You know you are better than them. You are a lawyer, you are a very senior lawyer. Saya hendak bagi tahu ..*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Eh, loyar buruk tu.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Saya hendak bagi tahu, dalam Laporan DOJ itu tidak ada kata, tidak adapun satu perkataan yang mengatakan Perdana Menteri merompak. *It's your own imagination.* Tidak ada dalam Laporan DOJ yang mengatakan Perdana Menteri Najib Razak pencuri. *It's your imagination.*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Pakatan Rakyat yang cakap.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *I tell you, that's why saya katakan we have nothing to hide.* Oleh sebab itu dalam *interview* saya dengan BBC, *I have nothing to hide. Anyone who,* siapa yang membaca laporan itu akan tahu bahawa itu adalah Perdana Menteri. *You know why? Because* memang itu tetapi saya dah katakan berkali-kali kenapa tidak gunakan nama Najib Razak? Kerana dia bukan sebahagian daripada yang disiasat. Faham tak? *You are a lawyer.* Dalam *you* punya perjalanan mahkamah, *if you don't want somebody to be malign* ataupun dituduh, *you* gunakan nama kod *and I must tell you,* dalam laporan itu ada 10 lagi nama orang yang menggunakan kod.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kita tidak akan sentuh Laporan DOJ, Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kalau hendak jawab MO1.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Tak apalah, *no, no.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Kota Belud, *come on. You don't want to face me.*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *No, no. It's okay. I will... to face you.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Let' be brave, be brave. Don't run away.*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Saya hendak bagi tahu kepada ECRL...

[Dewan riuh]

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *I don't run away, I'm here.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Dia tak berani...MO1. *If he is not investigated, why name MO1?*

[Dewan riuh]

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *No, no, no. Saya hendak cakap fasal ECRL.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *No, no. This is not a forum,*
Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Why name MO1? Why name MO1?*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *Why name MO1?*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Yes. Why MO1? MO1 is him like defendant number one. It is a person, it is an individual. You are the lawyer, you don't know that, you see? Don't come and pull whole over the people's eyes. You are the one that are lying, you are the people that are lying.*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Dah? Dah?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Come on. Jawab dulu.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Jawab, jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Saya kena ingatkan Yang Berhormat dengan *ruling*.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *You sit down and I answer. Actually the biggest liar is you.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, jangan sentuh *on* MO1 atau DOJ.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *The biggest liar is them, not us.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *There is satu question.*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Saya hendak bagi tahu berkenaan ECRL ini sebab saya tadi soal kepada Yang Berhormat Kuala Nerus.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini masalahnya. Tak mahu jawab, Tuan Pengerusi. *Is that all you can say?*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Yang Berhormat, *sit down*.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Is that all you can say? I am defendant number one, MO1. Shame. You are the lawyer, you know this thing.*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Tuan Pengerusi, *can you teach him some manners* Tuan Pengerusi?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *And where was the Prime Minister?* Kenapa dia tak datang jawab? Kalau ikut kepada Yang Berhormat Baling, yang tak hadir itu *guilty*.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *If you want to talk about MO1? Let's talk about it. Why don't you dare face us?*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Puchong.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Tuan Pengerusi, saya minta...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Ah, you are the one who is coward.*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Tarik balik.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Isu ini Yang Berhormat, tidak perlu disentuh. *This is not the forum to fight about MO1.* Kita dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Kota Belud yang mula.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *...[Tidak jelas] ...investigation.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Kota Belud yang mula dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak perlulah sebut lagi.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Dia yang sebut.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Yang sebut tadi Yang Berhormat Subang.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *He is the one who's saying it.*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Yang Berhormat Subang *was the one.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *He is the one that say it.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat, cukup.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Okey, okey. Duduklah. *You know kelas apa ini? Kelas kambing. Anyway, I just want to tell you that I'm not scared of you. Sorry. I'm not scared of you. MO1 is not under investigation.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *You want to talk about it? Let's talk about it.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dah, dah. Cukup Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Yang *under investigation* is...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Don't past greeting remarks...*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Puchong, duduk Yang Berhormat Puchong.

[Dewan riuh]

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *No problem* Yang Berhormat Kota Belud, you *obviously don't dare to face me. That is why you don't answer the question. Simple as that.*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Yang *under investigation* ialah Yang Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang. *Do you understand that?*

[Dewan riuh]

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *You never- your* Ketua Menteri *is under investigation.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *You are the lawyer. How can you say that the description by MO1 is not to a particular of people?*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukup. Cukup.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Yang Berhormat Kuala Nerus.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Nerus. Yang Berhormat Puchong, duduk Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *What kind of stupid anwer is this? Ridiculous, nonsense!*

[Dewan riuh]

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *Nonsense.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tak berani jawab, tak berani jawablah Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Kuala Nerus.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Saya hendak bagi tahu yang *under investigation* ialah Ketua Menteri Pulau Pinang.

Beberapa Ahli: Rasuah, rasuah.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Ya, rasuah. Jadi itu satu, satu ayat pun tak datang daripada mereka tentang Ketua Menteri Pulau Pinang yang telah dituduh dalam Parlimen.

[Dewan riuh]

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *Shame on you.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Hendak bincang? *Do you want to talk about* Ketua Menteri? Hendak bincang? Hendak bincang?

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *No, shame on you. You are not deserved to be a lawyer.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Hendak bincang atau tidak?

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *Shame on you, shame on you.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak perlu bincang di sini Yang Berhormat, tak perlu bincang.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *You want to talk about* Ketua Menteri? *You never say a word.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kalau you hendak bincang tentang Ketua Menteri, kita bincang sekarang. *You want? I dare you.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Puchong, duduk Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Let's go to the- I dare you. Let's talk about* Ketua Menteri Pulau Pinang. *Let's talk about your Prime Minister also then.*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *You never say a word.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, balik kepada jawatankuasa Yang Berhormat ya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *You are the coward you see? He is the coward.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, hendak bagi kepada Yang Berhormat Kuala Nerus?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Number one coward is* Yang Berhormat Kota Belud.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Puchong, duduk Yang Berhormat Puchong.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *Never. Kambinglah you.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *This is all you can say. What kind of lawyer are you? Shame lah I tell you.*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Okeylah, *never mind.* Yang Berhormat Kuala Nerus, silakan. Yang Berhormat Kuala Nerus.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Nerus.

■2040

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi.

Baik, adakah Menteri dalam pengetahuan Menteri bahawa pernah bank tempatan kita sendiri untuk membuat satu anggaran harga bagi projek ini pada awal tahun 2013 hanya sekitar RM30 bilion sahaja? Dan ada kenyataan terkini daripada satu syarikat, saya tidak mahu sebut nama lagi, pada April 2014 yang berminat dengan kos hanya sekitar RM36 bilion sahaja. Kenapakah projek ini tidak diberikan peluang kepada syarikat-syarikat Malaysia seperti MRCB yang berminat, MMC, YTL dan ramai yang berminat? Itu soalan saya.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Terima kasih. Itu soalan yang paling baik. Ini barulah cara bercakap. Ini barulah terbaik. Ini pemimpin terbaik.

Now, sebenarnya bukan RM30 bilion, Yang Berhormat. Dalam laporan yang telah diberikan sebelum ini, analisa yang telah dibuat, kajian yang telah dibuat, jumlah yang ditunjukkan ialah antara RM30 bilion hingga RM70 bilion. Di antara RM30 bilion hingga RM70 bilion. Jadi RM55 bilion ini adalah dalam julat yang telah diputuskan oleh kajian tersebut. Sebelum ini ada dibuat *request for information* (RFI) di mana syarikat-syarikat yang Yang Berhormat sebut tadi ada menunjukkan minat tetapi setelah dinilai semua informasi yang telah diberikan oleh syarikat tersebut, kita dapati bahawa syarikat daripada China ini memberikan kita terma-terma yang terbaik. Sebab itu kita ambil mereka sebagai pelaksana kepada projek ini.

Saya hendak ingatkan di sini sekali lagi. Saya dengar di mana pihak pembangkang mengatakan bahawa kita menjual maruah negara. Ini pun salah. Sebenarnya ECRL ini akan dipunyai 100 peratus oleh negara kita. Syarikat yang membina ECRL ini hanya membina landasan tersebut. Selepas itu, yang tuan punya aset ini adalah Kerajaan Malaysia. Yang akan mengoperasikannya ialah Kerajaan Malaysia. Jadi tuduhan yang dibuat oleh pihak pembangkang yang mengatakan bahawa kita telah menjual maruah, *sovereignty* kita kepada China ini adalah retorik politik yang diulang-ulang supaya mengelirukan rakyat. Jadi itu sebabnya saya katakan kita kena terang dan jelas dalam menerangkan isu projek ECRL ini.

Ini untuk Yang Berhormat. Ramai daripada kalangan kita di sini yang datangnya daripada Pantai Timur. Sudah tiba masanya penduduk di Pantai Timur diberikan pembelaan. Di sebelah Pantai Barat kita ada HSR, kita ada Gemas, *double-tracking*, kita ada ini. Di Sabah dan Sarawak kita umumkan Pan Borneo. Takkanlah apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan satu projek mega besar untuk menaikkan ekonomi dan memberikan peluang kepada penduduk di Pantai Timur untuk

bersama-sama dengan keseluruhan negara kita membangun, soalan yang pertama ditanya pembangkang ialah siapa...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Sesiapa pun tidak menolak *highway* itu. Isunya ialah harga. Isu harga.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak perlu bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Sebab itu saya katakan...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Isunya ialah harga. *Stick to the issue.*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *No, no. This is the issue.* Sebab itu saya katakan isu ini telah diputar belitkan. Idea yang terbaik Perdana Menteri untuk rakyat di Kelantan, Terengganu dan Pulau Pinang ini telah *dihijack* oleh kepentingan politik pembangkang.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, hendak bagi jalan lagi, Yang Berhormat?

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Satu lagi, ya.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi.

Memang projek ini sangat dinanti-nantikan oleh kami di Pantai Timur tetapi seperti disebut oleh rakan-rakan tadi, isu ini isu pada harga di kala mana banyak syarikat tempatan yang menawarkan harga yang lebih baik. Mungkin di sana ada jawapan bagi kerajaan tetapi kita mahukan jawapan yang konkrit yang boleh menjawab apa sebab kerajaan menerima cadangan daripada China untuk menjadi pelabur ataupun pengurus projek ini.

Ini kerana kita bimbang juga kerana kalau lihat rekod CCCC ini, dia pernah bekerjasama dengan George Kent yang menimbulkan isu kontroversi dalam isu LRT3, sebagai contoh. Jadi sejauh mana perkara ini kita boleh yakin— kerana rekodnya ada dan juga kalau kita baca dalam kenyataan disebut bahawa antara tujuan projek diberi kepada China untuk pemindahan teknologi. Isunya, apa teknologi yang hendak dipindahkan?

Timbul juga satu isu sejauh mana kebarangkalian untuk *rail speed highway* ini dibuat daripada Pantai Timur ke sini dalam keadaan bentuk muka bumi yang mencabar bagi negeri Pahang dan Terengganu sebagai contoh. Saya minta penjelasan.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Itu sebab saya kata Yang Berhormat, CCCC ini adalah syarikat yang terbesar di China. Bukan sahaja dia berniaga dengan kita, berurusan dengan Malaysia tapi juga dengan Pakistan, dengan Indonesia, di seluruh dunia. Kalau syarikat ini kacang putih yang datang untuk kita, mungkinlah saya boleh

faham apa kebimbangan Yang Berhormat tetapi syarikat CCCC ini adalah syarikat yang besar, yang mempunyai *track record*, yang mempunyai kepimpinan dan dibelakangi kekuatannya itu oleh kepimpinan tertinggi Kerajaan China.

Saya hendak maklumkan, tidak betul Yang Berhormat katakan tadi syarikat-syarikat di Malaysia ini memberikan harga yang rendah. *It's not true*. Malah dalam RFI ini, saya hendak memberitahu ada daripada Korea. Korea Rail Network Authority, KR Network, Korail, Hyundai Rotem. Untuk yang Malaysia sebahagiannya datang daripada Gamuda Engineering untuk infrastruktur, MMC, MRCB semua bagi informasi tetapi kita dapati terma yang diberikan oleh CCCC ini adalah yang terbaik untuk rakyat dan pengundi Yang Berhormat. Kalau tidak, nanti harga tiket akan melambung naik. Sebab itu terma yang kita pilih CCCC ini hanya untuk terma yang teristimewa.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Menteri, saya lihat kerajaan melaksanakan projek ini dengan cara yang begitu teratur. *At least* tiga kali *feasibility study* dilaksanakan, baru kita melantik kontraktor. Akan tetapi kita lihat di Pulau Pinang, tiga lebuhraya dan satu terowong, macam mana projek di-*award* tetapi *feasibility study* tidak dilaksanakan dan kosnya boleh sampai RM305 juta. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Saya setuju sangat apa yang Yang Berhormat Simpang Renggam kata tetapi saya hendak perbetulkan, bukannya RM300 juta per kilometer tetapi RM500 juta per kilometer *tunnel*. Ada satu orang di sini berdiri? Tidak ada. Bila kita kata, "*Where is the feasibility study?*" "*Oh, ada.*" RM305 juta telah dibelanjakan. Satu helai pun Kementerian Kerja Raya, Datuk Fadhillah minta, sampai sekarang belum lagi. *What happen? None. Lawyer* besar, apa semua cerita pasal ini?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Puchong, bangunlah! Yang Berhormat Subang, jawab Yang Berhormat Subang. Yang Berhormat Puchong, jawablah! Apa dah jadi terowong? Terowong. *Your* kampung.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini masalahnya. Bila kita hendak jawab, *you* tidak bagi.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Tidak, saya hendak beritahu, itulah saya katakan...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *This is the problem with him. Total coward here who make allegation...*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *Come on* lah, Yang Berhormat... [Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan guna perkataan *coward*, bodoh. Jangan guna, Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *This is nonsense. He keeps doing this.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Ya, ya, ya. You can say but don't say unparliamentarily word, Yang Berhormat. Please.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Challenge but he does not want to face the challenge. Come, if you dare. You are the number one coward, I tell you, Sir.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Yang Berhormat Menteri sudah habis, Yang Berhormat?*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *Ya, sudah hendak habis.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Rubbish!*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *Inilah standard— coward, coward. Inilah.*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *Dia yang suruh jawab. So, dia kena bagi reply.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Ya, ya, ya. Akan tetapi janganlah memaki, Yang Berhormat. Please ya.*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *Yang you tidak tahan kenapa? Come on, relax. For the whole day you have been bashing us here, we just relax, tahu tidak? RM500 juta, Yang Berhormat Simpang Renggam. RM500 juta per kilometer tanpa study. Tanpa study.*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Kenapa dia tidak pergi China minta bantuan?*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *Ini lagi satu. Ini saya hendak beritahu Yang Berhormat Baling. Dia dok bantah kita berurusan dengan China tetapi Ketua Menteri Pulau Pinang berapa kali pergi ke China untuk minta pelaburan termasuk syarikat yang dia katakan hendak menipu kita ini. Berapa kali Yang Berhormat Bagan mengumumkan...*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Sebab, Yang Berhormat Menteri, negara China tahu dia pun ada kes rasuah besar punya.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Yang Berhormat ya.*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *Jadi last ya. Last.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *You see Tuan Pengerusi, this is the problem. And the Speaker is allowing all this to happen.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Jangan macam itu, Yang Berhormat.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *This is what happen here. Nothing is done to stop them. When it comes to us, warnings are given.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *You check the Hansard. Check the Hansard.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *What Hansard? You heard him say it. You also heard him say it.*

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *No, when you say coward...*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan begitu, Yang Berhormat. Saya tegur Yang Berhormat kerana perkataan-perkataan menipu, bodoh, yang Yang Berhormat gunakan. Saya tegur.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *He is the one who used the word.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan tuduh saya tidak...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *He is the one who used the word. I am standing up. If you want to challenge us, challenge. Be fair, Tuan Pengerusi. Please.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *If you want to debate, come on. Let's do it.*

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy]: Kecohkan Dewan!

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, balik kepada isu Jawatankuasa, Yang Berhormat. Balik kepada itu.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Okey. *Coward, coward.* Macamlah orang takut sangat dengan *you*. Macam *arrogant*.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *This is not the question of arrogant. It is the question of you standing up your challenge.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *arrogant* pun jangan gunalah Yang Berhormat. Tidak boleh.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Okey, saya tarik balik. Saya tarik balik *arrogant*. Saya tarik balik *arrogant*.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *When you have challenged people but you don't want to allow them to speak. What kind of Minister are you? You stand up here, you say we are not responding. When we stand up, you don't want to take on the challenge.*

■2050

If you look in the dictionary, you look under the word coward. The definition is there. It is you, Sir. You!

Datuk Abdul Rahman Dahlan: See? See?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat?

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *No, no, satu lagi Yang Berhormat. You see, that is the standard. That is the standard.*

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak apalah Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Bagi satu *chance last*. Biar habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan mencabar-cabar dalam Parlimen tidak ada. Ya...

Datuk Abdul Rahman Dahlan: *[Tidak jelas] ...Ask him to...*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Yang Berhormat Kuala Nerus. Satu lagi saya hendak, *okay last*.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri, saya bangkitkan dalam ucapan saya tadi isu CCCC ini disenarai hitam oleh Bank Dunia dan bukan hanya oleh Bank Dunia tetapi juga oleh Development Bank, African Development Bank, Asean Development Bank, European Bank dan juga laporan berita *Bloomberg* tentang 18 jambatan runtuh di China. Satu-satunya baru sembilan bulan yang dibina oleh CCCC. Ini rekod. Sejauh mana kerajaan boleh yakinkan kita di sini bahawa CCCC memang kompeten dan bagus. Satu lagi isu saya ialah kos daripada projek yang hendak dibuat ini, adakah menggunakan *financing package* USD sahaja ataupun *plus* RM dan selepas dicampur dengan bunga tanggungan jangka masa panjang, berapa keseluruhan kos yang sebenar yang berlaku? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Tuan Pengerusi, CCCC ini seperti saya katakan tadi, dia tidak disenaraihitamkan. Yang Berhormat kena faham sekali lagi. Kalau tidak, dia tidak boleh berniaga, berurusan bukan sahaja di Malaysia. Di Pakistan, di Eropah, di Afrika. Mungkin Yang Berhormat boleh *Google* selepas ini apa dia CCCC itu? Dia adalah satu syarikat yang besar yang dipunyai oleh Kerajaan China. Jadi yang disenarai hitam ini adalah salah satu daripada subsidiari, okey?

Jadi itu, tak apalah, itu pun akan ditarik balik pada bulan Januari 2017. Tidak ada masalah Yang Berhormat. Oleh sebab itu saya katakan, jangan ulangi benda itu sekali sebab ini akan mengelirukan rakyat. Yang keduanya tentang sama ada RM ataupun dengan Renminbi kedua-duanya sekali, ada *mixture* di antara Ringgit Malaysia dan juga Renminbi. Akan tetapi saya rasa soal tentang pinjaman nanti, saya serahkan kepada Kementerian Kewangan untuk menjelaskan.

Last Tuan Pengerusi saya hendak sentuh ialah tentang perbandingan, ada yang mengatakan atau sebahagian daripada rakan-rakan saya dalam pembangkang

mengatakan bahawa kita ini hanya berbelanja lebih, terlebih belanja kerana mereka bandingkan ECRL ini satu kilometer USD19 *Million* dengan beberapa projek kereta api di China. Ini pun perbandingan yang salah. Pertamanya, saya hendak maklumkan bahawa Kerajaan China mempunyai nasional agenda untuk membina 100,000 kilometer *railway track* dalam masa dua, tiga tahun ini, empat, lima tahun ini. Bila ini menjadi nasional agenda mereka, mereka mengarahkan syarikat kepunyaan 100 peratus Kerajaan China untuk membina *railway* ini dan dibantu oleh kewangan oleh bank yang dipunyai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri China. Tanah pula kita pun faham di China ini tidak dipunyai oleh individu, dipunyai oleh negara.

Maka, bila tanah itu kerajaan yang punya, syarikat pembina itu kerajaan yang punya, bank fasiliti dan juga segala kewangannya *disponsor* oleh kerajaan dengan satu nasional agenda untuk memastikan 100,000 kilometer dibuat, maka objektifnya bukan untuk membuat duit, ialah untuk membina 100,000 kilometer. Jadi bila mereka membina *railway track* ini, kita tidak boleh ambil kosnya itu kerana kosnya itu tidak merupakan kos sebenar. Faham Yang Berhormat? Akan tetapi bila mereka datang ke Malaysia dan negara-negara lain, sudah tentu mereka mempunyai elemen kepentingan keuntungan. Oleh sebab itu bila CCCC buat projek itu di Malaysia, dia tidak boleh dibandingkan dengan projek yang dibuat oleh CCCC di China kerana mereka adalah *states-owned*. Rugi pun poket kiri masuk poket kanan. Faham maksud saya?

Jadi itu adalah perbandingan yang tidak betul yang perlu di *avoid*. Satu lagi perbandingan yang dibuat ialah antara Gemas-Johor Bahru *double track*. Saya dengar Yang Berhormat Mahfuz, siapa nama ini?

Seorang Ahli: Yang Berhormat Pokok Sena

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, katakan "*Oh! Dekat Gemas-Johor Bahru jauh lebih murah*". Tak faham kah? Gemas-Johor Bahru dibina atas landasan yang sedia ada. *Existing railway link*. Tak payah buat stesen kerana sudah ada stesen. Gemas-Johor Bahru, *if you know your geography, is quite flat* dengan izin. Ini kita hendak bina satu jajaran baru yang tidak ada lagi landasan sebelum ini. Satu. Kedua, dia akan melalui jajaran Titiwangsa. *Crocker* apa nama ini? *[Disampuk]* Banjaran Titiwangsa. Kena buat *tunnel* 50 kilometer dan jambatan, berbagai-bagai jambatan dengan panjangnya 110 kilometer.

How can you compare? How can you compare? [Dewan riuh] Oleh sebab itu saya katakan... *[Disampuk]* Ya, *if you compare like that, then something wrong with you*. Jadi saya rasa itulah sahaja yang saya hendak katakan Yang Berhormat, Tuan Pengerusi supaya...

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri, satu sahaja lagi, satu sahaja lagi. [*Dewan riuh*] Yang Berhormat Menteri, cuma saya hendak dapatkan pengesahan sahaja untuk isu ini kerana Yang Berhormat Menteri pun sudah hendak duduk. Dengan projek yang makan masa 20 tahun dengan kos yang begitu tinggi dicampurkan dengan bunga dan tujuh tahun yang pertama dari 20 tahun itu, kita hanya membayar bunganya sahaja. Adakah itu fakta yang betul?

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Betul dan salah. Yang Berhormat, *construction*nya hanya tujuh tahun. Enam tahun *construction*, satu tahun diberi tempoh untuk pengambilan tanah dan sebagainya, *survey* dan sebagainya. enam tahun *construction*. *Insya-Allah*, enam tahun, tujuh tahun dari sekarang, rakyat Yang Berhormat akan dapat menaiki ECRL. Keduanya tentang pembayaran, kita tidak akan bayar untuk tujuh tahun yang pertama sebagai moratorium tetapi kita kena bayar prinsipal. *Sorry, interest. Principle* kita *wave*. Jadi pembayaran akan bermula pada tahun kelapan. Kita ada tujuh tahun moratorium. *So, construction* tujuh tahun sahaja tetapi pinjaman itu 20 tahun. Bukannya *construction* 20 tahun. Jadi, harap-harap dalam masa... [*Disampuk*] Jangan keliru. Akan tetapi saya baik, saya suka Yang Berhormat Kuala Nerus sebab dia tanya cara yang baik.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya tak sebut tadi *construction* 20 tahun. Saya sebut projek itu makan masa.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Okey, okey, okey. Saya hormati Yang Berhormat. Jadi saya rasa itu sahajalah Tuan Pengerusi. Terima kasih atas kesabaran. *Assalamualaikum*.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, memang sabar Yang Berhormat. Bila Yang Berhormat Menteri diganggu, Yang Berhormat Menteri beralih kepada Tuan Yang di-Pertua dan minta supaya pengganggu itu diberhentikan. Apabila kita menegur yang sebelah, dia minta Menteri supaya menjawab apa yang dikehendaki. Jadi, kedua-dua pihak berbalik kepada Tuan Yang di-Pertua untuk menenteramkan diri masing-masing. Jadi sebenarnya kalau kita berbahas, kita menjawab berpandu kepada peraturan mesyuarat dengan tertib, tak perlu dua-dua beralih kepada Speaker dan menghentam Speaker pada sesuatu ketika. [*Dewan ketawa*] Tak senang duduk atas ini Yang Berhormat ya. [*Ketawa*] Ya, seterusnya giliran Yang Berhormat Menteri dari kawasan Muar.

8.58 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:
Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam 8.58. [Ketawa]

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ucap terima kasih kerana mengizinkan saya untuk menyambung sesi penggulungan peringkat Jawatankuasa bagi pihak Jabatan Perdana Menteri bagi baki perkara-perkara berkaitan B.1 hingga B.9 dan B.40. P.6 dan P.7.

Saya mulakan dengan SIAP. Yang Berhormat Parit dalam perbahasan bertanyakan sejauh mana keberkesanan SIAP dalam menjalankan tugas untuk menangani masalah integriti dalam agensi penguatkuasaan. Selaras dengan peruntukan seksyen 41(A) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009, fungsi utama SIAP adalah menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap seorang pegawai atau agensi penguat kuasa dan menyiasat mengenai aduan tersebut di bawah subseksyen 1(4).

Jadual kepada akta ini telah menyenaraikan 21 agensi penguat kuasa yang diletakkan di bawah seliaan SIAP yang mana antaranya termasuklah Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia. Sejak dari penubuhannya daripada tahun 2011 sehingga kini, SIAP telah menjalankan fungsi-fungsi seperti mana yang termaktub di dalam Akta 700, antara pencapaian yang dapat saya kongsi dalam menangani isu salah laku ini adalah seperti berikut, siasatan mengenai kes kematian dalam tahanan PDRM iaitu kematian James Ramesh di Pulau Pinang, kes kematian Syed Mohd. Azlan di Johor dan kes kematian N. Dharmendran di lokap D.9, IPK Kuala Lumpur.

■2100

Laporan penuh berkenaan siasatan kematian itu telah disediakan dan dipanjangkan kepada kementerian dan agensi penguatkuasaan yang berkenaan untuk penelitian dan tindakan sewajarnya. Dua, siasatan berkaitan pencerobohan bot kenka di Perak di mana syor-syor suruhanjaya telah dipanjangkan kepada APMM dan Jabatan Perikanan untuk diambil tindakan lanjut. SIAP juga telah mengadakan pertemuan dengan kedua-dua agensi tersebut untuk tindakan dan telah diambil bagi penyelesaian atas perkara tersebut.

Ketiga, mengadakan pendengaran awam mengenai kematian dalam tahanan PDRM, N. Dharmendran, di mana SIAP telah mengesyorkan agar pegawai-pegawai yang terlibat di dalam kes tersebut diambil dan dikenakan tindakan tatatertib. Keempat,

sesi dialog dengan pengurusan tertinggi. Perbincangan mengenai dasar-dasar perkhidmatan dan operasi penguatkuasaan yang dijalankan oleh agensi seliaan SIAP dan sebanyak 20 sesi dialog telah diadakan bagi tahun 2015 hingga Oktober tahun ini. Kelima, sebanyak 1,640 fail aduan telah dibuka dan sebanyak 1,461 fail aduan telah diselesaikan iaitu sebanyak 89 peratus. Manakala, sebanyak 380 kertas siasatan telah dibuka dan sebanyak 267 kertas siasatan yang telah diselesaikan iaitu sebanyak 70 peratus.

Keenam, dialog bersama NGO dan media di mana *engagement*, dengan izin, dengan *smart partnership* dan sebanyak 14 sesi dialog telah diadakan sepanjang tahun 2012 hingga 2016. Ketujuh, lawatan kerja SIAP dengan pegawai-pegawai penguat kuasa di peringkat operasi sebanyak 34 lawatan telah diadakan sepanjang tahun 2014 hingga 2016. Taklimat Akta 700 kepada agensi penguat kuasa. Sebanyak 60 sesi penerangan mengenai fungsi dan peranan SIAP telah dilaksanakan. Mengaudit 15 pusat tahanan PDRM dan depot tahanan Jabatan Imigresen Malaysia di mana syor-syor berkenaan penambahbaikan telah dikemukakan kepada agensi-agensi tersebut.

Akhir sekali yang kesepuluh, dialog bersama agensi penguat kuasa mengikut zon di mana *engagement SIAP* dengan pegawai-pegawai penguat kuasa di peringkat negeri berhubung isu-isu penguatkuasaan telah pun masuk sembilan sesi sepanjang tahun 2013 hingga 2016.

Seterusnya, berkaitan dengan Institut Integriti Malaysia. Yang Berhormat Sungai Siput mengesyorkan satu *public funding* diwujudkan untuk Ahli-ahli Parlimen. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam Laporan Jawatankuasa Konsultatif Nasional mengenai penambahbaikan politik JKNPP, cadangan ke-27 telah mengesyorkan *public funding* atau pembiayaan negara perlu disediakan untuk menyokong operasi pejabat kawasan Ahli-ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri dengan berkesan.

Bagi tujuan ini, sumber kewangan haruslah datang daripada bajet negeri masing-masing dan bajet Persekutuan dan dana ini boleh ditadbir oleh Parlimen dan Dewan Undangan Negeri masing-masing dan pemantau perbelanjaan perlu dijalankan oleh pengawal yang dilantik. Ini cadangan yang ke-27 dalam Laporan Jawatankuasa JKNPP. Namun begitu, pandangan-pandangan dan maklum balas ke seluruh 32 akan diangkat kepada pihak berkepentingan bagi diambil kira dan diperhalusi. Jadi, cadangan Yang Berhormat itu sudah pun ada cadangan JKNPP.

Seterusnya, mengenai FELDA. Yang Berhormat Gerik, mohon untuk pembinaan masjid baru di FELDA Besar. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak pengurusan FELDA memahami keadaan Masjid Shuhada di FELDA Bersia dan akan mengambil maklum tentang cadangan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Sekijang, bertanyakan soalan tentang Serantau FELDA berkaitan Program Ikatan Hati Warga FELDA (IKTIRAF) iaitu apakah program-program di bawah IKTIRAF, sejauh mana perjalanan sepanjang 2016? Adakah mampu tangani isu FELDA kepada masyarakat, khususnya warga FELDA dan berapa program yang dirancang di bawah IKTIRAF?

Kedua, bertanyakan soalan tentang bekalan air FELDA. Beberapa kawasan FELDA mengalami masalah tekanan air rendah bagi sistem bekalan air Parlimen Sekijang. Pengambilan tanah telah dibuat untuk tangki tapi projek belum dilaksanakan dan bilakah dapat dilaksanakan? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, IKTIRAF adalah singkatan seperti Yang Berhormat sedia maklum, Program Ikatan Hati Warga FELDA, program dwi tahunan. Dimulakan sejak tahun 2009 dengan tujuan untuk mendekati warga FELDA di tanah rancangan. Kedua, memberi penerangan dasar kerajaan kepada warga FELDA. Ketiga, menjalin erat hubungan warga FELDA agensi kerajaan. Keempat, koordinasi institusi masyarakat FELDA seperti kepimpinan rancangan, Majlis Dua FELDA, Kami Anak FELDA (KAF) dan sebagainya. Kelima, mengiktiraf pencapaian dan kejayaan generasi FELDA.

IKTIRAF diadakan di 11 wilayah FELDA di seluruh negara. Dikenali sebagai Jelajah IKTIRAF dan satu program besar diadakan di peringkat kebangsaan iaitu Himpunan IKTIRAF Kebangsaan. Program-program di bawah IKTIRAF adalah Jelajah Ikatan Hati Warga FELDA dan Himpunan di peringkat kebangsaan. Program IKTIRAF dilaksanakan pada tahun 2016 hingga 2017 di 11 wilayah dan juga di peringkat kebangsaan. Program ini sangat mendapat kesan baik daripada warga FELDA kerana ia menyentuh semua peringkat sama ada golongan peneroka, generasi peneroka FELDA, kepimpinan rancangan NGO dan agensi-agensi berkaitan.

Bagi projek pembinaan tangki air di FELDA Pemanis, ia berada dalam peringkat reka bentuk dan dijangka akan ditender pada Februari tahun hadapan. Peringkat pembinaan tangki dijangka bermula pada pertengahan tahun 2017.

Yang Berhormat Temerloh, bertanyakan tentang isu bayaran lambat untuk hasil peneroka dan kontraktor, hutang-hutang peneroka yang banyak sehingga diwarisi oleh generasi baru, Projek PGBF banyak yang terbiar dan terbengkalai. Janji kerajaan untuk membina 20 ribu unit dalam tiga tahun, berapa yang telah siap? Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 2016 pelbagai pembayaran telah diproses dan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pembekal dan kontraktor sehingga bulan Oktober 2016, FELDA telah membuat pembayaran sejumlah RM469 juta kepada pembekal dan kontraktor bagi kerja-kerja yang dilaksanakan.

Pengurusan FELDA sentiasa komited untuk menjelaskan bayaran-bayaran yang dinyatakan. Sehingga Julai 2016, jumlah hutang terkumpul bagi peneroka adalah berjumlah RM5 bilion iaitu terdiri daripada hutang pembangunan kebun sebanyak RM3.6, hutang sosioekonomi sebanyak RM1.3 bilion dan hutang pendahuluan baja berjumlah RM158 juta. Hutang pembangunan kebun terdiri daripada hutang semasa pembangunan asal kebun, hutang pembangunan tanam semula dan hutang peneroka yang mengambil alih kebun daripada pengurusan FELDA. Hutang sosioekonomi pula terdiri daripada pinjaman pembesaran rumah, pinjaman saham FGV, pinjaman usahawan, pinjaman komputer dan pinjaman pelajaran. Manakala hutang pendahuluan baja adalah bagi peneroka yang mengambil baja dengan kaedah bayaran ansuran bulanan.

Daripada ketiga-tiga kategori hutang tersebut, hutang pembangunan kebun merupakan hutang tertinggi yang ditanggung oleh peneroka. Memandangkan peneroka perlu membayar semula sejumlah kos operasi yang didahulukan oleh FELDA dan juga pinjaman sara hidup serta pendahuluan hasil yang diberi oleh FELDA secara pilihan. Bayaran kembali hutang ini hanya akan dilaksanakan oleh FELDA setelah kebun peneroka mengeluarkan hasil iaitu pada tahun kelima atau keenam dalam tempoh pembangunan tanam semula dan dipotong melalui *pay sheet* bulanan mereka. Hutang sosioekonomi pula merupakan skim pinjaman tanpa faedah yang ditawarkan oleh FELDA kepada peneroka dan bukanlah hutang wajib yang ditanggung oleh semua peneroka yang terlibat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat enam tapak TGVF tergendala akibat permasalahan daripada pemaju utama yang gagal menunjukkan kemajuan kerja dan kontrak kerja tersebut ditamatkan. Sebanyak 106 unit telah siap sepenuhnya di sebahagian negeri Pahang dan Kedah masing-masing.

Yang Berhormat Pokok Sena bertanyakan tentang sistem pembayaran penjualan hasil peneroka yang dahulu sebanyak dua kali, kini sistem baru, sebulan sekali. Apakah masalahnya? Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, amalan terdahulu bayaran hasil sawit peneroka dibayar sebanyak empat kali sebulan. Mulai September 2016, bayaran sebanyak dua kali sebulan telah dilaksanakan. Tujuan keadaan ini adalah untuk membantu meningkatkan kawalan keselamatan wang, menjimatkan kos pengurusan dan amalan pengurusan hutang yang lebih efektif. Bayaran pertama dibuat antara 16 hingga 18 hari bulan setiap bulan untuk pendahuluan hasil tunai. Manakala, bayaran kedua dibuat antara 23 hingga 25 hari bulan setiap bulan bagi baki akhir *pay sheet* peneroka. Bagi bayaran hasil getah peneroka, ianya tidak berubah iaitu tetap dibayar

empat kali sebulan dan bayaran ini boleh dituntut secara tunai atau dikreditkan ke dalam akaun peneroka.

SPR, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Taiping mencadangkan supaya SPR diletakkan di bawah Parlimen dan bukan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah badan bebas yang menjalankan urusan pendaftaran pemilih, persempadanan dan pengendalian pilihan raya di Malaysia, Suruhanjaya Pilihan Raya telah menjalankan amanah fungsi dengan penuh tanggungjawab berdasarkan kepada peruntukan undang-undang SPR. Berhubung dengan perkara ini, SPR sentiasa memantau kaedah prosedur urusan pendaftaran pemilih sedia ada bagi memastikan kelancaran dan keberkesanannya. Berhubung dengan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya, ia dilaksanakan berlandaskan sepenuhnya kepada Perlembagaan Persekutuan.

■2110

Prinsip-prinsip dan tatacara pelaksanaan kajian tersebut adalah berpandukan kepada Bahagian I dan Bahagian II, Jadual Ketiga belas, Perlembagaan Persekutuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuasa dan kebebasan mutlak SPR diperuntukkan dalam undang-undang. Hakikatnya kerana penubuhan badan ini adalah berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan Perkara 114.

Perlembagaan Persekutuan umpamanya menyebut bahawa keanggotaan suruhanjaya ini hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-raja dan hendaklah terdiri daripada seorang pengerusi, seorang timbalan pengerusi dan lima orang anggota lain. Justeru pada dasarnya SPR adalah merupakan sebuah institusi di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong yang bertanggungjawab untuk memelihara, mengawasi dan mengekalkan proses demokrasi di negara ini.

Menerusi sistem pilihan raya yang bebas, adil dan saksama dengan melaksanakan bidang kuasanya yang telah ditetapkan mengikut Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan yang merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan membuat kajian dan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya dan negeri setiap tidak kurang daripada lapan tahun selepas tarikh siapnya urusan kajian dan persempadanan semula yang terdahulu.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Ibrahim: Menjalankan urusan pendaftaran pemilih dan semakan daftar pemilih dan menjalankan pilihan raya umum ke Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri dan menjalankan pilihan raya kecil sekiranya berlaku

kekosongan. Justeru, Jabatan Perdana Menteri hanya bertanggungjawab dalam hal ehwal pentadbiran harian dan pengurusan semasa SPR sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Subang bangun, Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Boleh saya minta penjelasan? Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya *just* – saya minta penjelasan sedikit tentang isu komposisi Suruhanjaya Pilihan Raya. Oleh sebab seperti mana Yang Berhormat tahu, Perlembagaan peruntukan bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya mesti ada tujuh orang anggota iaitu seorang pengerusi, seorang timbalan pengerusi dan lima orang anggota lain.

Saya difahamkan – kalau salah saya ingin dibetulkan. Sejak tahun 2013, Suruhanjaya Pilihan Raya tidak ada seorang timbalan pengerusi. Jadi ada satu kekosongan dan kekosongan itu terus wujud sehingga sekarang dan sampai sekarang tidak dapat diisikan. So, soalan saya ialah adakah betul kekosongan itu wujud pada tahun 2013? Apakah sebabnya kerajaan tidak ambil tindakan untuk mengisikan kekosongan itu?

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya minta tahun 2013 itu saya tidak tahu kosong atau tidak, sekarang memang kosonglah. Akan tetapi daripada segi peraturan kekosongan itu tidak menjejaskan dan memang sekarang ini, di kala ini mungkin kosong. Tahun 2013 saya minta disahkan oleh pegawai ya. Nanti kalau dapat saya akan sebut.

Saya akan sambung fasal pilihan raya sebab nanti akan ada juga persoalan-persoalan yang berkaitan. Tentang soal penambahbaikan sistem pilihan raya, Yang Berhormat Rompin mencadangkan supaya SPR menjalankan *engagement* di seluruh negara dengan mengadakan dialog bersama rakyat untuk mendapatkan *feedback*. Manakala Yang Berhormat Sepang mencadangkan supaya SPR dapat mengkaji sistem demokrasi luar negara bagi menambah baik sistem pilihan raya di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR sentiasa responsif terhadap perubahan-perubahan semasa dengan melakukan proses penambahbaikan dalam pengurusan dan operasinya demi memantapkan lagi sistem pilihan raya sekali gus sistem demokrasi di Malaysia. Bagi memastikan pilihan raya dilaksanakan secara berintegriti, pelbagai langkah telah diambil oleh SPR di samping mewujudkan dasar perundangan yang berwibawa.

Justeru bagi menjamin matlamat tersebut, SPR sentiasa memastikan pelaksanaan pilihan raya mengikut ketetapan undang-undang dan peraturan yang sedang berkuat kuasa sekarang. Dalam memberi pemahaman yang lebih jelas kepada

masyarakat umum berkaitan perjalanan pilihan raya SPR dari semasa ke semasa mengadakan pelbagai siri taklimat dan latihan kepada pihak-pihak yang berkaitan khususnya berkaitan perjalanan pilihan raya dan aspek perundangan yang terlibat.

Ramai Ahli Yang Berhormat bertanya tentang kajian semula persempadanan, saya akan rangkumkan di bawah ini. Untuk makluman Yang Berhormat, SPR mempunyai jangka masa yang perlu diikuti untuk menyiapkan urusan kajian. Ini kerana Yang Berhormat Ipoh Barat mencadangkan mengapa siasatan tempatan diadakan semasa Parlimen bersidang.

Semua urusan kajian persempadanan— dalam proses ini SPR telah mengambil kira semua perkara untuk mengelak pertembungan dengan tarikh-tarikh penting. Namun begitu tidak semua tarikh dapat dielakkan termasuklah tarikh persidangan Dewan Rakyat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak SPR diberi hak untuk menentukan tatacara prosiding pendengaran siasatan tempatan mengikut kesesuaian. Penetapan ini adalah kuasa budi bicara SPR selaras dengan Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 6, Jadual Ketiga belas, Perlembagaan Persekutuan.

Siasatan tempatan ini berbeza dengan pendengaran awam yang biasanya terbuka bagi semua pihak. Bagi pendengaran siasatan tempatan ini hanya pihak-pihak yang berkepentingan di bawah Perlembagaan Persekutuan mempunyai akses kepada prosiding ini dan tidak ia dibuka kepada orang awam. Dalam menentukan sama ada sesuatu siasatan tempatan wajar atau tidak dilakukan, pihak SPR akan mengguna pakai Seksyen 5 Jadual Ketiga belas, Perlembagaan Persekutuan dan sekiranya pihak-pihak telah memenuhi seksyen tersebut, maka mereka akan dipanggil untuk satu siasatan tempatan. Memandangkan ini merupakan peruntukan di bawah Perlembagaan maka pemakaian ketat atau *strict compliance*, dengan izin, hendaklah dipatuhi sepenuhnya oleh semua pihak.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Gerik mencadangkan apakah proses kajian semula persempadanan selepas siasatan tempatan? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seksyen 9 dan 10 Bahagian II, Jadual Ketiga belas, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendaklah membentangkan Laporan Kajian Semula Persempadanan dan Draf Perintah Persempadanan di hadapan Dewan Rakyat untuk mendapat sokongan tidak kurang daripada setengah Ahli Dewan Rakyat.

Draf Perintah Persempadanan itu adalah bagi melaksanakan syor yang terkandung dalam laporan tersebut. Sekiranya Draf Perintah itu ditolak, ditarik balik atau tidak diluluskan oleh Dewan Rakyat maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh

mengadakan rundingan dengan pihak SPR untuk meminda Draf Perintah tersebut dan seterusnya membentangkan sekali lagi Draf Perintah itu untuk kelulusan tidak kurang daripada setengah jumlah Ahli Dewan Rakyat. Setelah Draf Perintah tersebut diluluskan di Dewan Rakyat, ia hendaklah dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan.

Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai peranan yang sangat penting apabila Usul Perintah Persempadanan SPR dibentangkan dalam Dewan kelak, sama ada untuk meluluskan atau menolaknya terpulanglah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membuat keputusan. Tugas SPR akan selesai apabila Laporan Syor Persempadanan tersebut dibentangkan untuk kelulusan Dewan Rakyat.

Yang Berhormat Ampang dan Yang Berhormat Taiping membangkitkan bahawa dalam menjalankan tugas kajian semula persempadanan pilihan raya, jumlah pemilih antara Parlimen tidak seimbang. Suruhanjaya Pilihan Raya tidak dapat memperimbangan saiz sesuatu bahagian pilihan raya dengan bilangan pemilih sama ada bahagian pilihan raya Parlimen atau Dewan Undangan Negeri kerana perbezaan keadaan muka bumi dan penempatan penduduk serta kemudahan pentadbiran dalam sesuatu kawasan pilihan raya tersebut.

Pada amnya, kawasan bandar mempunyai bilangan penduduk yang lebih ramai dan padat serta kemudahan pentadbiran yang lebih lengkap berbanding dengan kawasan luar bandar yang mana kawasannya lebih luas tetapi mempunyai bilangan penduduk yang lebih kecil dan kemudahan pentadbiran yang kurang sempurna.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbezaan saiz kawasan dan pemilih di antara satu bahagian pilihan raya adalah dibenarkan oleh undang-undang seperti mana yang diperuntukkan di bawah fasal 2, Bahagian I, Jadual Ketiga belas, Perlembagaan Persekutuan mengenai penetapan dan prinsip-prinsip yang berhubung dengan persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan sukalah saya kongsi seperti berikut:

- (i) kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak melanggar sempadan negeri;
- (ii) mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati di dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- (iii) jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam satu negeri kecuali apabila terdapat kesukaran

perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan

(iv) memelihara hubungan tempatan.

Daripada segi keanggotaan SPR, Yang Berhormat Taiping mencadangkan...

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya dalam pendengaran awam ini sekiranya pembantah dapat membuktikan bahawa pembahagian persempadanan itu tidak mengikut – kita kata sempadan-sempadan natural. Adakah ini boleh mengubah keputusan? Oleh sebab dalam kawasan saya, saya hendak cerita kalau boleh tengok petanya. Apabila satu kawasan baru DUN, saya ada dalam Kota Raja ada dua DUN sekarang jadi tiga.

■2120

Jadi, DUN yang ketiga in apa yang berlaku adalah dia seperti satu tangan dengan penumbuk, satu konstitusi baru DUN diadakan di dalam tengah-tengah Kota Raja itu dan kemudian ada macam satu *track*. Jadi sangat pelik dia punya itu dan tidak mengikut apa-apa sempadan sama ada jalan atau sungai. Jadi bagi kita, boleh kita hendak *create* lagi satu mungkin dengan menggunakan sempadan jalan dan sebagainya.

Jadi sejauh mana bila kita membantah dan pendengaran awam ini dibuat, pihak SPR mahu mendengar kita sebab kita tidak ada – saya dari segi jumlah pengundi bagi Kota Raja bagi saya tidak ada banyak masalah kerana lebih kurang sama ataupun lebih sedikit. Cuma dari segi DUNnya sahaja apabila satu kawasan yang majoritinya terdiri dari orang India, lebih kurang 90 peratus dibuat, *dcreate* satu DUN yang baru dan kemudian dimasukkan pusat-pusat atau daerah-daerah mengundi yang komponennya ramai Melayu, ditarik. Jadi terdapat banyak sangat perubahannya sehinggakan timbul keraguan sama ada kita hendak mencipta DUN tambahan ini untuk memberi kelebihan kepada Barisan Nasional.

Baru ini *politweet*, satu kajian dibuat bahawa dengan persempadanan baru ini memberi kelebihan kepada Barisan Nasional. Sementara tidak ada *effect*, tidak ada kesan banyak di atas di luar bandar tetapi dibuat lebih banyak di kawasan bandar di mana sokongan kepada parti-parti Pakatan Harapan itu lebih di bandar.

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya boleh simpulkan ada dualah. Nombor satu adakah pandangan yang dikemukakan akan didengar atau tidak, jawapannya ya. Saya tidak boleh bagi yang sekarang sedang didengar, sudah ditutup pun. Sekarang dalam pertimbangan. Akan tetapi dulu-dulu memang ada cadangan-cadangan persempadanan itu bila dikemukakan bantahan, didengar oleh pihak SPR dan dilakukan penambahbaikan mengambil kira pandangan yang diberi oleh orang yang membuat *complainant*.

Kedua, tadi Yang Berhormat bertanyakan tentang soal bagaimana diambil kira, saya sudah jawab. Cuma yang bab kaum itu Yang Berhormat, saya minta izin untuk saya tidak hendak jawab sebab tidak ada dalam peruntukan untuk kita menentukan kawasan pilihan raya berdasarkan kaum. Akan tetapi kalau ia berlaku dan nampak semacam itu, itu bukan pertimbangan SPR. SPR hanya mengambil kira supaya ia memudahkan kawasan pentadbiran dan juga mengenai *accessibility*. Akan tetapi kalau berlaku seperti itu, dakwaan-dakwaan itu biasa kita dengar, ada juga daripada Barisan Nasional di sebuah negeri pun *complain*, dia tidak setuju. Dia kata perkara ini merugikan.

Kalau kita melihat perkara itu dalam bentuk sentimen itu, mungkin pernyataan-pernyataan itu akan keluar. Akan tetapi Yang Berhormat, tempoh masa sebenarnya persempadanan ataupun cadangan kita ini sudah berpanjangan dan ada banyak masa sebenarnya untuk kita kemukakan cadangan-cadangan bagi dipertimbangkan. Untuk memuaskakan hati semua orang, memang tidakkan berlaku. Oleh sebab itu apabila dikemukakan oleh pihak SPR dan telah pun ditutup pada 14 Oktober hari itu, perkara-perkara ini masih lagi menjadi bualan. Akan tetapi yang saya ingin tekankan bahawa SPR mengambil kira faktor-faktor yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan dan ya, perkara yang dibangkit kalau ada asas, ia akan tetap mendapat pertimbangan oleh pihak SPR.

Yang Berhormat Taiping bertanyakan tentang Pengerusi SPR, mantan Setiausaha Sulit kepada Ketua Penerangan UMNO dan Yang Berhormat Ipoh Barat turut membangkitkan tentang jawatan timbalan pengerusi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Berbahagia Datuk Seri Mohd Hashim bin Abdullah merupakan mantan Setiausaha Sulit Kanan. Bukan Setiausaha Sulit tetapi Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Belia dan Sukan pada tahun 1990 hingga 1993. Beliau juga merupakan Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar 1993 hingga 1999.

Beliau seorang PTD dan layak menjadi Setiausaha Sulit Kanan. Walau bagaimanapun, pelantikan beliau sebagai Pengerusi SPR adalah selaras dengan Fasal 1 dan Fasal 2, Perkara 114, Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan seperti

berikut, “*Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-raja dan terdiri daripada seorang pengerusi, seorang timbalan pengerusi dan lima orang anggota lain. 114(2), Perlembagaan Persekutuan pada melantik anggota-anggota Suruhanjaya Pilihan Raya, Yang di-Pertuan Agong hendaklah mengambil perhatian tentang peri mustahaknya diadakan satu Suruhanjaya Pilihan Raya bagi mendapat kepercayaan awam*”.

Begitu juga soal berkaitan dengan pelantikan jawatan timbalan pengerusi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat turut disentuh dalam fasal yang sama. Maknanya memang ada kuasa untuk melantik. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini pengisian bagi keanggotaan SPR terdiri daripada seorang pengerusi dan empat orang anggota sahaja. Komposisi yang ada sekarang.

Yang Berhormat Taiping dan Yang Berhormat Kulai ada membangkitkan mengenai penolong pendaftar pemilih...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat...

Dato' Razali bin Ibrahim: Ya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ada tanya khusus macam soalan yang dikemukakan oleh kawan saya Yang Berhormat Subang iaitu dari bila kekosongan terjadi kepada timbalan pengerusi *Election Commission* nombor satu. Nombor dua, bukankah persepsi bahawa jika seorang ahli politik lagi-lagi dalam parti politik dilantik sebagai seorang pengerusi *Election Commission* untuk mengendalikan *inquiry* di seluruh negara memandangkan penglibatannya dan *element of bias*. Ini adalah satu *perception* yang di luar dan apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Razali bin Ibrahim: Persepsi itu boleh wujud tetapi saya juga merasakan bahawa hanya kerana itu kita menghalang hak seseorang, juga tidak adil. Oleh sebab itu kalau perkara ini kita hendak bercakap tentang persepsi, soal tentang seorang hakim masih menjadi hakim yang pernah bertanding satu parti politik, tidak sepatutnya dibangkitkan sehingga menjejaskan integritinya dalam menjalankan tugas sebagai seorang hakim umpamanya.

Jadi pada saya, hanya kerana dia pernah bertugas dengan pejabat seorang Menteri yang kebetulan mana-mana Menteri pun orang politik, kita tidak seharusnya mewujudkan suasana seperti yang dinyatakan. Akan tetapi kalau persepsi itu sentiasa diulang dan diperkatakan, akan berlaku satu ketidakadilan kepada Pengerusi SPR yang kebetulan dalam sejarah hidupnya pernah bertugas sebagai seorang Setiausaha Sulit Kanan kepada seorang Menteri.

Saya masih menanti kekosongan Timbalan Pengerusi SPR seperti yang diminta oleh Yang Berhormat. Nanti kalau ada, saya bagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kalau tidak sempat, boleh bertulis Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ibrahim: Kalau tidak, saya bagi bertulis. Bila kosongnya, saya pun tidak perasan. Masa itu kita sibuk bertanding, tidak perasan tempat itu kosong bila.

Yang Berhormat Taiping dan Yang Berhormat Kulai ada membangkitkan mengenai Penolong Pendaftar Pemilih yakni parti politik. Cadangan pelaksanaan pendaftaran pemilih secara *online* atas talian, cadangan pendaftar pemilih secara automatik. Manakala Yang Berhormat Kulai mencadangkan supaya SPR menjalankan program *outreach* bagi menarik lebih ramai pemilih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada kajian terhadap kaedah dan prosedur pendaftaran berkaitan penolong pendaftar pemilih di kalangan wakil politik sebelum ini, SPR berpandangan bahawa tiada keperluan untuk meneruskannya dengan melantik seorang pegawai penolong pendaftar pemilih di kalangan parti politik pada masa ini.

Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat Taiping mengenai cadangan pendaftaran pemilih secara automatik, Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan menyebutkan, "*Mana-mana warganegara Malaysia yang telah mencapai usia 21 tahun, tidak hilang kelayakan sebagai pemilih perlu memohon untuk didaftarkan sebagai pemilih bagi satu bahagian pilihan raya dan membolehkannya mengundi dalam satu pilihan raya umum atau pilihan raya kecil*".

Oleh yang demikian, cadangan untuk menjadikan pendaftaran pemilih secara automatik adalah bertentangan dengan peruntukan di bawah Perlembagaan pada masa sekarang. Sekiranya cadangan tersebut nanti dilaksanakan, ia memerlukan kajian lanjut dan mendalam sebelum sebarang pindaan dibuat pada peruntukan sedia ada. Berhubung dengan cadangan pendaftaran pemilih secara talian iaitu *online*, SPR berpandangan bahawa tiada keperluan untuk melaksanakannya dan kaedah pendaftaran pemilih sedia ada masih lagi relevan untuk dilaksanakan.

Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat Kulai mengenai cadangan pelaksanaan program *outreach* bagi meningkatkan jumlah pemilih di seluruh negara, sebenarnya pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh SPR untuk menarik lebih ramai warganegara untuk mendaftar sebagai pemilih. Ini termasuklah menyediakan kaunter pendaftaran pemilih dan pameran dibuat di pusat-pusat membeli belah, pusat rekreasi, pusat penempatan penduduk, di institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta pusat-pusat latihan yang berkaitan.

■2130

SPR telah melaksanakan sebanyak 2,957 program turun padang sejak Januari 2016 hingga September tahun ini. SPR juga telah mula menjalankan pendekatan pendaftaran pemilih secara bergerak yakni mobil dengan menggunakan kenderaan karavan untuk menjalankan program turun padang dan memberi kemudahan kepada orang awam untuk mendaftar sebagai pemilih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Menteri. Boleh saya?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Sila Yang Berhormat Subang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin balik kepada isu pelantikan ARO— *assistant registrar officer* oleh parti politik tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata SPR menolak atas alasan kononnya tiada keperluan. Kita pun tahu hakikat sedia ada yang situasi atau sekarang ialah lebih empat juta orang kebanyakannya orang muda yang layak menjadi pengundi masih belum didaftar sebagai pengundi. Itulah satu jumlah yang sangat besar.

Adalah nyata bahawa apa-apa usaha yang telah dibuat oleh SPR dahulu dan sekarang tidak cukup efektif untuk mengatasi masalah ini. Jadi, apakah penyelesaian— apa penjelasan yang saya ingin dapat tahu ialah apakah alasan SPR berkata bahawa tiada keperluan? *What is the basis?* Apakah alasan yang mereka beri *and* alasan nanti kena munasabah. Itu yang kita belum dengar daripada Yang Berhormat Menteri. Penjelasan itu yang penting. Supaya kita boleh menilai —rakyat Malaysia yang mendengar ini boleh menilai sama ada alasan itu boleh diterima munasabah ataupun karut dan tidak boleh diterima. Sebab realiti pun sangat jelas pada kita.

So, kalau kita dan siapa lebih layak. Siapa yang lebih sesuai untuk mendaftar pengundi selain daripada parti politik yang adalah *the stakeholders* dengan izin, *the main stakeholders* dalam proses pilihan raya ini. Parti politik biasanya ada struktur-struktur di seluruh kawasan Parlimen. Ada struktur dia, dalaman dia, anggota dia dan sebagainya. Mereka ada jentera untuk membuat kerja ini dan akhirnya akan bantu proses pendaftaran pengundi yang kita mahu. Ini adalah dalam kepentingan awam dalam kepentingan negara kita.

Jadi, bila Yang Berhormat Menteri kata tiada keperluan itu ialah jawapan dengan hormatnya yang susah diterima. Saya rasa SPR kena bagi alasan yang lebih terperinci,

details dengan fakta, dengan alasan yang kuat. Kalau tidak SPR memang akan dipersepsi SPR adalah mereka tidak mahu buat ini. Mereka tidak minat dalam hal ini dan apakah tujuan dia mereka tidak minat dalam hal ini akan menjadi isu. Imej SPR akan terjejas secara automatik. Jadi, saya harap perkara ini diambil lebih serius oleh SPR dan jawapan yang diberi dalam Dewan ini mesti jawapan yang matang dan jelas dan boleh difaham. Bukan sahaja kata dengan satu ayat tiada keperluan. Saya minta maaf.

Saya kata jawapan itu tidak boleh diterima dan saya harap kita akan dapat alasan yang logikal, terperinci dan rasional untuk kata tiada keperluan untuk parti politik terlibat dalam pendaftaran pengundi baharu seperti yang telah dibuat dahulu. Amalan ini telah diberhentikan dalam baru ini. So, ini apakah alasan untuk itu? Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Kalau dalam perbahasan Yang Berhormat tanya apa alasan saya bagilah alasan. Jadi, Yang Berhormat jangan salahkan saya sahaja sebab saya pun parti politik. Saya pun tidak dapat juga jadi wakil.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Not personal. *It's just... hendak... I know, I know...*

Dato' Razali bin Ibrahim: Tetapi Yang Berhormat tanya itu saya akan bagi kalau ada. Saya hanya jawab tadi bila dicadangkan tentang automatik, *online* cuma ada— kalau hendak tahu alasan saya tunggu juga alasan yang diberi sebab banyak ini perkara kalau saya hendak...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau perkara baharu lebih baik jawapan bertulis.

Dato' Razali bin Ibrahim: Sebab parti saya hendak tahu juga kenapa tidak diteruskan? Cuma, saya jawab tadi SPR berpandangan bahawa tidak ada keperluan. Kalau hendak kira empat juta itu, dahulu waktu ada wakil pun tidak selesai juga empat juta itu. Jadi, SPR tidak boleh dipersalahkan hanya kerana berhenti empat juta tidak dapat didaftarkan. Dahulu kita ada wakil. Dulu-dulu tidak ada lepas itu diberi pun tidak selesai juga masalah ini. Tetapi, Yang Berhormat kalau ada nanti saya bertulis.

Cuma hendak beritahu tentang tiada kekosongan tentang Timbalan Pengerusi SPR pada tahun 2013. Memandangkan ia disandang oleh Yang Berbahagia Datuk Wira Wan Ahmad. Pada ketika itu...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Jadi, bila saya boleh... Bila kekosongan... *Oh, sorry.*

Dato' Razali bin Ibrahim: Tidak habis lagi. Pada ketika itu, dan kekosongan hanya berlaku pada Januari tahun ini selepas Datuk Seri Mohd. Hashim bersara. Okey. Saya beralih kepada Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, cadangan Yang Berhormat Johor Bahru untuk menambah baik proses pinjaman perumahan oleh bank supaya

dirujuk kepada AKPK sebelum dibankrapkan. Jabatan Insolvensi Malaysia mengambil maklum terhadap cadangan tersebut memandangkan penetapan polisi berkaitan pinjaman perumahan adalah di bawah bidang kuasa Bank Negara Malaysia.

Jabatan Insolvensi Malaysia akan mengadakan perbincangan dengan pihak Bank Negara Malaysia bagi menambah baik proses pinjaman perumahan yang dilaksanakan oleh bank-bank di negara ini. Yang Berhormat Setiu memberi syor agar Jabatan Bantuan Guaman memaklumkan kepada masyarakat umum bahawa perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Bantuan Guaman sebenarnya ditanggung oleh kerajaan. Jabatan Bantuan Guaman mengambil maklum terhadap syor yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Setiu, Jabatan Bantuan Guaman telah mengadakan program-program kesedaran masyarakat bagi memastikan perkhidmatan guaman yang ditawarkan diketahui umum dan sampai kepada rakyat tidak berkemampuan yang memerlukan bantuan guaman dan nasihat perundangan.

Antara program yang telah dijalankan adalah ceramah-ceramah undang-undang, Klinik Guaman 1Malaysia, Klinik Bantuan Guaman ke Penjara dan Pusat Tahanan Kanak-kanak, hebahan melalui media massa seperti melalui televisyen dan radio tempatan serta kolaborasi dengan agensi-agensi lain seperti Jabatan Agama Islam Negeri-negeri, NGO-NGO, persatuan wanita dan Mahkamah Syariah. Program-program ini akan diteruskan pada masa-masa akan datang.

Yang Berhormat Lipis dan Mersing bertanyakan tentang isu Pegawai Biro Tatanegara yang telah lama berkhidmat tetapi masih berstatus kontrak dan Yang Berhormat Mersing membangkitkan soal pegawai kontrak di Jabatan Audit Negara (JAN) sama ada mereka akan diserap tetap atau disambung kontrak mereka. Untuk maklum Ahli Yang Berhormat. Dalam pembentangan Bajet 2017 pada 21 Oktober yang lalu, kerajaan telah mengumumkan pelanjutan tempoh kontrak kepada satu tahun lagi iaitu sehingga 31 Disember 2017.

Selain itu, sekiranya pegawai kontrak yang dilantik sebelum 23 Oktober 2015 dan telah berkhidmat selama 15 tahun bolehlah dilantik secara tetap tertakluk kepada memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Yang Berhormat Mersing membangkitkan isu berkaitan bilangan penjawat awam dalam perkhidmatan awam dan inisiatif yang telah diambil oleh kerajaan berkenaan saiz perkhidmatan awam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Awam JPA pada 22 April 2015 telah mengeluarkan arahan pelaksanaan inisiatif penggunaan sumber manusia secara optimum.

Tujuan utama inisiatif ini, dilaksanakan adalah untuk mengawal saiz perkhidmatan awam. Langkah kawalan saiz ini merangkumi pembekuan pewujudan jawatan baru. Pengisian kekosongan jawatan akibat persaraan, peletakan jawatan,

kematian dan penamatan perkhidmatan masih boleh dilaksanakan oleh agensi seperti biasa. Yang Berhormat Mersing ingin tahu juga adakah JPA melaksanakan sebarang kajian berkenaan persaraan pegawai yang telah mencapai gaji maksimum untuk memberi laluan kepada pegawai muda. Untuk maklum Ahli Yang Berhormat. Tiada kajian pada ketika ini mengenai membersarakan pegawai yang telah mencapai gaji maksimum dan kerajaan mengguna pakai peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam Akta Pencen 1980.

Biro Tatanegara. Yang Berhormat Gerik bertanyakan kedudukan Biro Tatanegara pada hari ini. Tuan Pengerusi, Biro Tatanegara Jabatan Perdana Menteri pada masa ini adalah sama kedudukannya malah telah ditambah baik dengan adanya penjenamaan semula BTN yang telah dilancarkan pada 18 November 2015 dengan memberikan lebih fokus kepada generasi muda di peringkat sekolah, mahasiswa, penjana modal insan, penjawat awam dan belia. Sebagai agensi peneraju patriotisme negara, BTN mengalu-alukan informasi melalui program-program patriotisme melalui pendidikan latihan, program kesedaran dan perkongsian strategik.

Selain itu, pendekatan yang digunakan oleh BTN juga dipelbagaikan dan tidak terhad kepada latihan secara formal sahaja malah ia juga melibatkan program yang membentuk dialog, sembang santai, *lunch on top*, seminar dan meja bulat. Selain itu, BTN tidak lupa untuk memandang dan menilai cita rasa generasi-generasi muda bagi masa kini selaras dengan kemajuan teknologi bagi menepati cita rasa anak muda. BTN telah mengadakan program seperti Langit Biru, Kayuhan Merdeka *Fun Ride* 2016, pementasan teater "Nisya Khaleed", Festival Ambang Merdeka dengan kerjasama dengan Majlis Kebudayaan Universiti Malaysia. Malah sebanyak 300 buah sekolah telah diadakan seminar kemerdekaan sempena bulan kemerdekaan bagi menyemai nilai patriotisme.

■2140

Yang Berhormat Gerik dan Yang Berhormat Parit Buntar bertanya mengenai bilakah tempoh siap sepenuhnya bangunan Parlimen yang pada masa ini sedang giat dalam proses ubah suai dan baik pulih.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tempoh siap sepenuhnya bagi projek ubah suai dan naik taraf bangunan Parlimen adalah seperti berikut. Bagi status fasa 2B iaitu kerja-kerja menaik taraf dan baik pulih blok utama serta kerja yang berkaitan projek adalah dijadualkan siap pada 31 Januari 2017. Seterusnya bagi fasa 3A iaitu kerja pembinaan blok sokongan mekanikal dan elektrik, pejabat nurseri, servis *tunnel* dan kerja-kerja infra, projek telah disiapkan pada 2 Februari 2016 dan akan diserahkan dalam masa yang terdekat. Manakala bagi fasa 3B iaitu

pembinaan blok baru Ahli Parlimen dan pentadbiran termasuk letak kereta, dewan serba guna, pagar sempadan baru dan kerja-kerja infrastruktur dijangka siap pada 27 Disember 2018. Keseluruhan projek ubah suai dan naik taraf Kompleks Parlimen keseluruhan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2020. Fasa 2C iaitu naik taraf blok menara 17 tingkat di dalam peringkat perancangan oleh pihak JKR dan dijangka ditender pada Ogos 2017.

Yang Berhormat Ampang, hendak jawab kah kalau tidak ada ini Tuan Pengerusi?

Beberapa ahli: Tidak payah jawab.

Dato' Razali bin Ibrahim: *I love you.* Yang Berhormat Ampang tidak ada. Yang Berhormat Parit Buntar. Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Ampang dan Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Ipoh Barat, okey— ini kena jawab. Cuma Yang Berhormat saya hendak bagi tahu Tuan Pengerusi soalan ini naik nombor dua esok tapi yang tanya Yang Berhormat Ipoh Timur. Saya jawab malam ini saya tidak tahu soalan dia sebiji sama. Kalau tidak tengok, jadi kalau esok ulang inilah jawapannya kalau tidak payah jawab atau saya jawab esok. Macam mana dia punya prosedur ini.

Yang Berhormat Ipoh Barat bertanya mengenai status terkini tentang ratifikasi *Rome Statute* dan *Arms Trade Treaty* yang telah lama tertunda. Sama dengan soalan nombor dua esok. Malaysia telah menandatangani *Arms Trade Treaty* pada 26 September. Walau bagaimanapun, Malaysia hanya bersedia untuk menjadi negara anggota *treaty* tersebut atau meratifikasikan sebaik sahaja proses pelaksanaan segala kerangka perundangan dasar dan hal ehwal pentadbiran berkaitan diselaraskan sepenuhnya dengan peruntukan *treaty* tersebut oleh Wisma Putra.

Berkaitan ICC pada prinsipnya Malaysia menyokong penubuhan Mahkamah Jenayah Antarabangsa atau *International Criminal Court* sebagai tribunal jenayah antarabangsa tetapi yang pertama untuk memastikan jenayah antarabangsa yang serius seperti jenayah perang, jenayah kemanusiaan, *crime against humanity* dan jenayah pencerobohan, *crime aggression* dibawa ke muka pengadilan. Namun bagi maksud Malaysia menjadi negara pihak kepada Statut Rome tersebut pemerhatian dan implikasi dari segi undang-undang adalah seperti berikut.

Pertama, keberkesanan Mahkamah Jenayah Antarabangsa dalam melaksanakan fungsi dan kewajipan selaras dengan prinsip komplementari yang sebagaimana peruntukan di bawah artikel 1, Statut Rome perlu dipastikan terlebih dahulu. Ini adalah berdasarkan pemerhatian bahawa kes-kes Mahkamah Jenayah Antarabangsa yang melibatkan situasi di Kenya dan Libya gagal mengambil kira prinsip komplementari tersebut iaitu pendakwaan di peringkat domestik oleh Kenya dan Libya

masing-masing perlu diberi keutamaan terlebih dahulu sebelum kes dibawa ke peringkat Mahkamah Jenayah Antarabangsa. Dalam erti kata lain pemakaian prinsip ini dalam kes sedia ada tidak menunjukkan bahawa ia dilaksanakan dengan efektif.

Kedua, artikel 27, Statut Rome memperuntukkan bahawa kekebalan, imuniti atau peraturan-peraturan khas yang terpakai bagi seseorang semasa menyandang jawatan rasminya di bawah undang-undang domestik atau antarabangsa tidak boleh menghalang Mahkamah Jenayah Antarabangsa daripada melaksanakan bidang kuasanya ke atas orang yang sedemikian. Penerimaan terhadap artikel ini merupakan salah satu aspek penting kerana ia menyentuh soal kekebalan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu di bawah fasal 1 Perkara 32, fasal 2 Perkara 181, Perkara 182 dan Perkara 183 Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini apa-apa pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan yang melibatkan hak keistimewaan dan kekebalan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu memerlukan persetujuan Majlis Raja-raja terlebih dahulu selaras dengan fasal 4 Perkara 38.

Ketiga, Malaysia masih boleh menimbangkan untuk membenarkan Mahkamah Jenayah Antarabangsa melaksanakan bidang kuasanya ke atas sesuatu kesalahan sekiranya ia berlaku di Malaysia walaupun tidak menjadi negara pihak. Hal ini diperuntukkan di dalam artikel 12(3) Statut Rome yang membolehkan negara-negara bukan pihak memasukkan satu deklaras *ad hoc* dengan Mahkamah Jenayah Antarabangsa bagi maksud tersebut.

Seterusnya perkara utama yang menjadi persoalan adalah berhubung kebebasan Mahkamah Jenayah Antarabangsa. Artikel 13B Statut Rome antara lain memperuntukkan bahawa Mahkamah Jenayah Antarabangsa boleh melaksanakan bidang kuasanya terhadap jenayah-jenayah keganasan *gang shot*, jenayah perang, jenayah-jenayah terhadap kemanusiaan dan jenayah pencerobohan. Sekiranya rujukan dibuat oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bertindak di bawah Bab VII Piagam PBB.

Dalam hal ini diperhatikan bahawa terdapat pengaruh Majlis Keselamatan PBB terhadap kebebasan Mahkamah Jenayah Antarabangsa dalam melaksanakan fungsi-fungsinya. Peruntukan-peruntukan tersebut secara langsung membenarkan negara-negara Majlis Keselamatan yang bukan negara pihak kepada statut boleh mengambil tindakan untuk menunjukkan sesebuah negara bukan pihak ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa.

Pada masa ini tiga daripada anggota tetap Majlis Keselamatan PBB iaitu Amerika Syarikat, China dan Rusia adalah bukan negara pihak kepada Statut Rome. Justeru penyertaan Malaysia dalam Statut Rome perlu dikaji dan diberikan

pertimbangan yang mendalam oleh kerajaan dan agensi peneraju kerana ia menyentuh perkara-perkara yang mempunyai implikasi undang-undang yang serius kepada kedaulatan Malaysia dan kekebalan Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sedikit sahaja Yang Berhormat. Nombor satu soalan saya kemukakan adalah di mana pada tahun 2011, kabinet telah meluluskan dan telah mengiktiraf akan menjadi anggota *stake party* dalam *Rome Statute* atau ICC. Maka sekarang mencari macam-macam alasan untuk tidak menjadi anggota ICC adakah ini pendirian Kabinet atau pendirian pegawai-pegawai yang berkenaan. Ini kerana dari apa yang saya dapat berita dari Menteri-menteri yang lain yang terlibat, Menteri Luar dan sebelum ini *de facto* Menteri Undang-undang memberitahu bahawa semua yang merangkumi yang berkaitan dengan perkara ini telah diluluskan oleh Kabinet dan sekarang di tangan AG untuk *facilitate*. Dia hanya seorang pegawai untuk memper*facilitate*kan perkara ini. Dia tidak boleh dengan *with highest respect to question decision made by Cabinet, who's running the government? Is the Cabinet or the civil servants? Itulah who are the policy makers? Is the Cabinet.* Kalau Kabinet telah membuat satu keputusan, *who else can question this country?*

Dato' Razali bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, saya tidak bagi tahu pun kita tolak dan sebagainya. Saya baca yang awal tadi. Saya bagi tahu kerajaan sentiasa menyokong penubuhan cuma pertimbangan yang panjang lebar tadi sedang dibuat, itu sahaja. Jadi janganlah kita kata kita dah janji tidak buat, kita tolak. Kita bagi tahu kita terima tentang perkara itu, cuma perkara-perkara tadi adalah perkara yang sedang dipertimbangkan. Jadi kita tunggulah pertimbangan terutama— tidak perlu saya *repeat*lah, tidak perlu saya ulang. Memang itu perkara yang sedang ditimbang.

Akan tetapi untuk mengata Menteri tipu, Menteri sudah janji hendak buat Menteri Luar— masih..

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Bukan, bukan.

Dato' Razali bin Ibrahim: Yang masih tinggi adalah Jemaah Menteri juga.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *With respect*, dari— pada tahun 2011 Hakim Song datang dari ICC ke Parlimen kita dan lepas itu berjumpa dengan Perdana Menteri, berjumpa dengan Menteri, berjumpa dengan macam-macam orang dan satu pengisytiharan telah dibuat dan lepas itu perkara itu telah dihantar ke *AG Chambers*. *The only process is depositing the instrument accession, nothing else and five years distributing on, it cannot be. I can take you on complementary and all that but I don't want at this stage but I can take you piece by piece on this issue, on Cabinet and other*

issue. But when Cabinet had made decision with highest respect kalau Kabinet telah membuat keputusan what justifikasi kita hendak. I have been speaking in this Parliament while last 12 years dan the last six years di mana pengisytiharan persetujuan telah dibuat what other backtrack can you do at this stage?

Dato' Razali bin Ibrahim: *This soal ratification mungkin Yang Berhormat pun patut declare Yang Berhormat terlibat dalam jawatankuasa itu. Saya faham Yang Berhormat pun terpaksa berhadapan dengan rakan-rakan antarabangsa. Ratification sahaja yang kita cakap sekarang ini untuk kita ratify atau tidakkan.*

■2150

Kabinet seperti Yang Berhormat cakap itu masih kekal cumanya pertimbangan tadi menjadi perkara yang sedang dilakukan oleh pihak AGC. Boleh, Yang Berhormat? Nanti dia akan bawalah kepada Kabinet.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Satu perkara sahajalah. Dalam tempoh enam tahun ini, *Malaysia has lost golden opportunities*. Nombor satu, kita kehilangan untuk melantik hakim ke *International Criminal Court*. Kita kehilangan *so many other facilities*. Apabila kapal terbang kita, MH17 ditembak di Ukraine, apa kita buat? *We could have used ICC*. Lima tahun dahulu Tuan Pengerusi, *we had emergency session*, untuk apa? Untuk merujuk Palestin ke ICC. Menggunakan apa? Menggunakan Turki. [Disampuk] Merujuk Israel ke *International Criminal Court*. Malaysia mengiktiraf, membuat sedemikian tetapi *I cannot understand what is the stumbling block*.

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya dengar Yang Berhormat kata kita terlepas peluang tetapi kita juga kena timbang kerugian kalau kita *rush into things*. Jadi ada perkara yang kita kena tengok macam contoh dari kedudukannya Yang di-Pertuan Agong. Tadi panjang yang saya jawab itu. Jadi maknanya, jangan hanya tengok peluang yang terlepas sahaja tetapi perkara-perkara yang disebut tadi perlu kita pertimbangkan sebaik mungkin kerana selepas kita *rectify*, kalau perkara itu nanti merugikan kita, pun tidak berguna juga, Yang Berhormat.

Kalau untung sedikit, rugi besar pun saya rasa tidak baik. Gelenglah kepala pun, itulah jawapannya. Saya hendak jawab macam mana lagi? Hendak kata tolak, kita tidak tolak. Kita hanya memberi pertimbangan kepada perkara yang saya nyatakan. Seterusnya Yang Berhormat Permatang Pauh tidak ada. Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat Lenggong tidak ada.

Seorang Ahli: Ada.

Dato' Razali bin Ibrahim: Okey. Yang Berhormat Lenggong, ya? Mohon kerajaan mengkaji kenapa masih ada individu sukar dimasukkan ke dalam sistem

eKasih, pertindihan bantuan dan cadangan penambahbaikan sistem eKasih. Melalui sistem eKasih yang merupakan Bank Data Kemiskinan Nasional, maklumat berkaitan isi rumah miskin yang diterima sama ada melalui aduan atau pun sumber-sumber lain akan dibuat proses verifikasi di lapangan sebelum ianya disahkan dan seterusnya dimasukkan ke dalam sistem eKasih.

Melalui sistem ini juga, bilangan kedudukan dan status kemiskinan setiap isi rumah akan dipantau dan seterusnya ditentukan jenis program dan bantuan yang diperlukan setiap peserta untuk disalurkan oleh agensi-agensi pemberi bantuan. Melalui mesyuarat *focus group*, mengenai pembasmian kemiskinan negeri juga dan semua kementerian dan semua agensi pelaksana dapat menyalurkan bantuan yang diperlukan.

Kedua, sekiranya menjadi pertindihan, bantuan ekonomi ianya akan dilaporkan melalui mesyuarat *focus group* negeri untuk dibuat penyelarasan yang sewajarnya. Berkaitan tentang cadangan penambahbaikan, bagi cadangan untuk penambahbaikan sistem eKasih, pihak kerajaan akan melaksanakan proses integrasi dengan sistem-sistem yang turut terlibat dengan pemberian bantuan kemiskinan seperti eDamak, ini untuk Orang Asli dan lain-lain pada masa akan datang.

Ketika ini, pelaksanaan integrasi telah pun dibuat dengan eBantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan myIDENTITY dengan pihak pendaftaran.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Ibrahim: Ya? Okey.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun bercakap bagi pihak Tuan Pengerusi pun. Dia pun ada hendak bercakap juga tentang isu ini. Sebenarnya, kita memang perlukan satu data kemiskinan. Saya hendak sebut antara isunya ialah kalau kita lihat hari ini, misalnya Program Subsidi Beras Untuk Rakyat. Bagaimana akhirnya? Ia juga asalnya dirujuk oleh sistem ini. akhirnya apabila berlaku, kita dapat lihat apa masalahnya.

Dari segi Yang Berhormat Menteri sebut tadi, memang nampak okey. Memang okey tetapi pergi ke bawah, tengok apa keadaannya. Ini yang saya hendak sebut cuma sebab itu oleh sebab kita menggunakan sistem ini untuk apa juga pemberian, saya boleh buktikan individu yang dapat semua bantuan daripada pelbagai pihak kerana menggunakan sumber ini sahaja. Sedangkan ia boleh dimanfaatkan oleh orang lain jika kita ada satu sistem yang betul-betul *up-to-date*, yang betul-betul faktanya tepat dan sebagainya. Oleh sebab itu saya harap Unit Perancang Pelaksanaan JPM menyelaraskan.

Kita ada data kemiskinan daripada pelbagai pihak ini. Jadikan satu sumber sahaja. Jadi maknanya, ada satu data bank. Saya tidak faham, adakah data bank, yang maksud bank, data bank hanya bank kemiskinan di bawah JPM sahaja tidak melibatkan yang lain? Apa yang saya sebutkan tadi ialah melibatkan semua agensi di bawah kementerian-kementerian lain untuk disatukan dan gunakan data ini sebagai satu data. Ini kerana saya juga sebut tadi kalau Yang Berhormat sebut tadi, ada *focus group*, senang bagi taklimat, *on paper*, betul, Yang Berhormat.

Akan tetapi saya juga boleh buktikan berbulan-bulan tidak masuk nama-nama dalam senarai ini. senarai eKasih. Dia miskin, tidak masuk-masuk nama, susah dan sebagainya. Jadi ini perkara-perkara yang saya minta dikaji dengan teliti supaya nikmat pembangunan yang kerajaan bagi begitu banyak ini diperoleh oleh semua pihak. Ini yang saya maksudkan.

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya rasa hampir kita semua pun bersetuju.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: [*Bangun*]

Dato' Razali bin Ibrahim: Untuk makluman Yang Berhormat, waktu saya jumpa dengan pegawai ketika cuba menjawab soalan Yang Berhormat Lenggong ini, saya juga bertanyakan banyak soalan yang biasa dibangkitkan. Apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Lenggong ini sebenarnya bertepatan sebab pertindihan terlalu banyak agensi sehingga berlaku perkara-perkara yang dibangkitkan. Saya sudah mencadangkan juga antara perkara yang perlu dilaksanakan, yang sedang dilaksanakan sekarang, kerjasama dengan dua peringkat iaitu Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai permulaan.

Selepas itu kita terpaksa juga dengan pejabat agama negeri-negeri, penerima di bawah Baitulmal tetapi data yang satu ini, semua kita setuju. Cuma dari segi pelaksanaan itu, cadangan Yang Berhormat Lenggong ini sebenarnya adalah perkara yang menyumbang kepada timbul ketidakadilan. *Focus group* ini sebenarnya berada di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah. Kalau Yang Berhormat menghadiri mesyuarat-mesyuarat terdekat daerah, *focus group* adalah satu jabatan yang sentiasa perlu mengemukakan perkembangan senarai-senarai penerima eKasih.

Jadi Yang Berhormat punya cadangan itu sebenarnya saya pun setuju kerana ada pertindihan sehingga menyebabkan ada yang patut dapat, tidak dapat tetapi kita akan, saya akan beritahu dengan ICU untuk memperbaiki jabatan eKasih.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Pengerusi, soalan.

Dato' Razali bin Ibrahim: Ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, adakah senarai eKasih ini *accessible* kepada wakil rakyat? Kita boleh *check* misalnya sesuatu nama itu, kita hendak tahu, kadang-kadang ada juga yang dia *chopped around*. Jadi bagaimana kita harus— *Is it accessible to us?* Kita hendak tanya siapa, dengan siapa? Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya rasa ia boleh dibekalkan tetapi besarlah data itu. Data itu sangat besar dan ini bukan data rahsia. Kita sebenarnya kalau boleh hendak kurangkan jumlah ini. Oleh sebab itu ada pelbagai aktiviti untuk kita kenal pasti yang mana kita boleh bantu supaya mereka boleh berdikari pun. Jadi jawapannya, memang kita boleh *access* kepada penama-penama eKasih ini. Malahan kita boleh tambah pun, asal sahaja dia melepasi kriteria saringan yang digunakan oleh eKasih, pengawal eKasih.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ampang— sebenarnya, semua sudah habis kecuali yang ini, saya hendak minta panduan. Oleh sebab ada dua soalan yang terakhir ini berkaitan tentang kedudukan pesuruhjaya hakim dan juga ada nama hakim yang disebut dalam perbahasan. Saya tidak pasti sama ada perlu saya baca atau tidak.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak perlu.

Dato' Razali bin Ibrahim: Oleh sebab ia menyentuh tentang lantikan hakim dan sebagainya. Kalau kita tengok Peraturan Mesyuarat 36(8), kalau ada usul saya boleh jawab. Jawapannya pun tidak sesuai, saya rasa.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Razali bin Ibrahim: Untuk kita mempersoalkan tentang kedudukan hakim seperti yang dibangkitkan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Pengerusi, *just* penjelasan. Ketua Audit Negara adakah di bawah Yang Berhormat Menteri Timbalan Menteri atau yang lain?

Dato' Razali bin Ibrahim: Tidak di bawah sayalah.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ada di bawah?

Dato' Razali bin Ibrahim: Tidak ada. Tidak ada tentang Audit dekat saya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Oh ,okey, baik. Akan tetapi Jabatan Ketua Audit Negara itu di bawah siapa?

Dato' Razali bin Ibrahim: Patut mungkin tanya awal-awal supaya senang yang hendak jawab awal-awal, so saya terus beritahulah.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: No, di bawah siapa?

Dato' Razali bin Ibrahim: Oh, Menteri yang mana?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya, itu yang soalan saya.

Dato' Razali bin Ibrahim: Betul juga, JPM ini ramai Menteri, ya? Saya pun tidak berani hendak cakap siapa yang jaga.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *[Bangun]*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Bukan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Razali bin Ibrahim: Bukan sayalah.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Okey, baik.

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya Timbalan Menteri.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Baik, baik.

Dato' Razali bin Ibrahim: Dia ada Menterinya, ya? Akan tetapi yang dibekalkan dengan saya itu jawapan...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Apabila saya tanya mengenai hakim, saya tidak sebut namanya.

Dato' Razali bin Ibrahim: Tahu, tahu.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sebenarnya saya tahu mengenai rang undang-undang tersebut. Saya cuma tanya, apakah kriteria yang digunakan untuk memberi kontrak atau mana-mana penambahan hakim tersebut. Itu nombor satu. Nombor dua, saya hendak tanya mengenai *legal aid*. Kenapa kerajaan tidak membayar wang yang tertunggak lebih kurang RM13 juta kepada peguam-peguam untuk membuat kes-kes untuk orang miskin dan sebagainya? *No reply?*

■2200

Dato' Razali bin Ibrahim: Memang Yang Berhormat tidak sebut nama tapi Yang Berhormat sebut orang sudah bersara dilantik semula, itu lebih kurang spesifik itu. Ada seorang sahaja. *[Ketawa]* Saya boleh jawab, saya ada jawapan tapi saya rasa adakah Dewan kita...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, tidak perlu.

Dato' Razali bin Ibrahim: ...Ini boleh membincangkan satu perkara yang pada saya tidak...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak perlu.

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya boleh cerita dekat Yang Berhormat...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kalau mengenai karakter dan sebagainya, *I can understand.*

Dato' Razali bin Ibrahim: Ya, tetapi kita ada Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *We're not asking about character...*

Dato' Razali bin Ibrahim: Sebab itu saya... Saya bukan tanya Yang Berhormat, saya tanya Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Razali bin Ibrahim: Tuan Pengerusi yang buat *ruling*.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Boleh jawab mengenai *legal aid*.

Dato' Razali bin Ibrahim: Ya, *legal aid*...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Bukan, mengenai hakim. Saya bukan tanya mengenai perangai dia atau karakter dia. *His appointment. That are answerable. Saya hendak tahu berapakah kontrak dan kenapa dia dilantik, itu sahaja. I am not asking any naming of the person, no.*

Dato' Razali bin Ibrahim: Kita boleh beritahu sebab benda itu tidak bersalahan dari segi akta sebab memang boleh lantik selama— pelantikan mahkamah mengikut Perkara 122(1A) berdasarkan kepada kepakaran hakim itu. Maknanya kebenaran itu pernah dibuat dan ini bukan kali pertama. Kalau tidak pun banyak, ini kali kedua. Pernah dibuat sebelum ini, lama dulu. Memang yang dimaksudkan itu mempunyai spesifik— *he is a practitioner before*, Yang Berhormat pun tahu. Disambung itu berlainan daripada yang lain, bukan enam bulan sebab diperuntukkan di bawah Peruntukan 122(1A). Yang Berhormat Bandar Kuching dia sebut nama terus, itu tidak apalah.

Tentang *legal aid*, saya tidak pula dibekalkan— mungkin semasa Yang Berhormat berbahas saya tidak ada jawapan tentang Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan tentang jumlah yang tertunggak. Akan tetapi saya ingat soalan itu pernah dijawab sebelum ini. Nanti saya bekalkan Yang Berhormat secara bertulislah tentang perkara itu.

Minta maaf saya, dah lebih kurang sejam. Saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian bagi pihak Jabatan Perdana Menteri. *[Tepuk]* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM113,140,000 untuk Maksud B.1, RM2,130,000 untuk Maksud B.2, RM135,884,800 untuk Maksud B.3, RM48,634,000 untuk Maksud B.4, RM40,320,000 untuk Maksud B.5, RM4,922,469,000 untuk Maksud B.6, RM610,479,200 untuk Maksud B.7, RM154,361,400 untuk Maksud B.8, RM216,220,000 untuk Maksud B.9 dan RM15,770,000 untuk Maksud B.40; di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM113,140,000 untuk Maksud B1, RM2,130,000 untuk Maksud B.2, RM135,884,800 untuk Maksud B.3, RM48,634,000 untuk Maksud B.4, RM40,320,000 untuk Maksud B.5, RM4,922,469,000 untuk Maksud B.6, RM610,479,200 untuk Maksud B.7, RM154,361,400 untuk Maksud B.8, RM216,220,000 untuk Maksud B.9 dan; RM15,770,000 untuk Maksud B.40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM11,019,328,300 untuk Maksud P.6 dan RM37,250,000 untuk Maksud P.7 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2017 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM11,019,328,300 untuk Maksud P.6 dan RM37,250,000 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2017]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 9 November 2016.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.03 malam]